

HADIAH IKU AS
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

AL-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH



Bangunan Balai Nobat Kerajaan Kedah.

AL-TARIKH
SALASILAH NEGERI KEDAH

oleh

MUHAMMAD HASSAN BIN TO' KERANI MOHD. ARSHAD
(Allah Yarham)

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Kementerian Pelajaran Malaysia
Kuala Lumpur
1968

Buku ini di-susun dari himpunan naskah2 asal karangan asal pengarang-nya dan di-sunting menjadi bentuk karangan yang ada ini oleh MOHD. ZAHID BIN MOHD. SHAH, B. A. (Hons.), sa-waktu beliau bekerja sementara di-Dewan Bahasa dan Pustaka dalam masa chuti penggal Universiti Malaya. Dan telah di-semak dan di-teliti oleh Yang Berbahagia DATO' WAN IBRAHIM BIN WAN SOLOH, D.P.M.K., B.C.K., J.P. (Dato' Seri Amar Diraja).

Chetakan Pertama 1968

(Hakcipta Terpelihara)

M
959.5122
MUH

Di-chetak oleh
QALAM Kuala Lumpur.
\$4.50

1989
Perpustakaan Negara
Malaysia

ISI-NYA

KATA PENGANTAR (xi—xiii)

PENDAHULUAN (xv—xviii)

RIWAYAT HIDUP

PENYUSUN BUKU INI (xix—xx)

PENGENALAN (xxi—xxix)

KATA PERMULAAN (xxx)

BAB I (1—18)

PEMBUKAAN TANAH SEGARA MASIN

Menyeberang ka-Tanah Segara Masin—Memilih ketuha² — Negeri Qalha beroleh raja — Maharaja Derbar Raja (Raja Kedah Yang Pertama) — Kota Langkasuka dan penganugerahan pangkat Menteri² — Kebesaran Maharaja Derbar Raja — Maharaja di-Raja Putra — Maharaja Maha Dewa — Seri Maharaja Karna di-Raja — Seri Paduka Maharaja Kerma — Seri Paduka Maharaja Maha Dewa — Seri Paduka Maharaja Derma Raja.

BAB II (19—25)

PERHUBONGAN DENGAN NEGERI² LUAR (TENANGSARI DAN LIGOR)

Peperangan di-Padang Jangam — Menghantar bunga emas, bunga perak ka-Ligor — Balasan dari Ligor — Seri Paduka Maharaja Maha Jawa — Seri Paduka Maharaja Derbar Raja.

BAB III (26—38)

QALHA MENDAPAT CHAHAYA ISLAM

Raja Qalha memeluk agama Islam — Mengubah nama negeri dan sultan — Membuat Bendahara (menara) — Tuan Shaikh Abdullah meninggal dunia — Sultan Mu'azzam Shah — Sultan Muhammad Shah — Sultan Mahmud Shah — Sultan Ibrahim Shah.

BAB IV (39—52)

YANG PERGI DAN YANG DATANG

Sultan Sulaiman Shah — Sultan Ata'Allah Muhammad Shah — Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin — Sultan Mahmud Shah — Membuat alat2 sukat dan mata-wang — Sultan Muzafar Shah — Tengku Sulaiman Shah.

BAB V (53—71)

PERHUBONGAN DENGAN NEGERI ACHEH

Berita Kedatangan Aceh — Isharat peperangan — Membuat persiapan bagi menyambut Raja Aceh — Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di-Kedah — Sultan Sulaiman Shah berangkat ka-Acheh — Sultan Sulaiman Shah mangkat di-Acheh — Berangkat balek ka-Kedah — Penabalan Tengku Rijaluddin Muhammad Shah.

BAB VI (72—80)

PERHUBONGAN DENGAN ORANG2 BARAT

Membeli meriam daripada orang2 Portugis — Kedatangan orang Belanda — Sultan Muhyiddin Mansor Shah — Sultan Dhia'uddin Al-Mukarram Shah — Kota Indera Kayang — Tanggong-jawab Temenggong.

BAB VII (81—95)

PERHUBONGAN DENGAN BUGIS

Perkahwinan antara anak Raja Kedah dengan anak Raja Bugis — Tengku Ata'Allah di-tabal

menjadi bakal Sultan — Tengku Ngah Putra belayar ka-negeri Bugis — Kedatangan angkatan perang Bugis ka-Kedah — Peperangan — Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II — Sultan Abdullah Al-Muazzam Shah — Bandar Limbong.

BAB VIII (96—113)

PENGEMBARAAN TENGGU MUHAMMAD JIWA

Tengku Muhammad Jiwa keluar negeri — Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah — Mengangkat pangkat menteri² — Seri Paduka Maharaja Sura mengganti raja — Menchari Tengku Muhammad Jiwa — Berjumpa Tengku Muhammad Jiwa — Persediaan Menyambut Tengku Muhammad Jiwa Pulang — Pelayaran Tengku Muhammad Jiwa pulang ka-Kedah — Menyambut Tengku Muhammad Jiwa — Tengku Muhammad Jiwa di-tabalkan menjadi Sultan.

BAB IX (114—126)

PERATORAN² SULTAN MUHAMMAD JIWA

Menetapkan Sukatan Tanah dan mata-wang — Atoran raja² dan orang besar² — Putera² Sultan Muhammad Jiwa — Tuan Shaikh Abdul Jalil belayar ka-Palembang — Kota Setar dan Kota Anak Bukit.

BAB X (127—142)

SULTAN MUHAMMAD JIWA ZAINUL 'AZILIN MU'AZZAM SHAH MANGKAT

Tengku Long Putra dan Tengku Anjang keluar negeri — Sultan Abdullah Mukarram Shah — Kota Batu Kuala Bahang — East India Company — Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah — Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II.

BAB XI (143—156)

PERGADOHAN DENGAN PERAK DAN LIGOR

Kedah melanggar Perak — Tengku Ya'akob (Tengku Embom) menjadi pengkhianat — Kedah jatuh ka-tangan Siam — Tengku Embom dan Putera-nya menerima balasan — Tengku Anom Paduka Raja Jambangan masuk ka-Ligor.

BAB XII (157—173)

RAJA LIGOR MENYERAH BALEK KEDAH

Kesusahan Pemerintah Siam di-Kedah — Raja Ligor serah balek negeri Kedah kepada Tengku Anom — Utusan ka-Melaka menjemput Sultan balek ka-Kedah — Tengku Zainal Rashid menjadi bakalan Sultan — Raja Ligor membunuh diri — Tengku Abdullah menjadi bakalan Sultan — Tengku Anom berangkat ka-Pulau Pinang — Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II balek ka-Kedah — Putera Tengku Zainal Rashid.

BAB XIII (174—191)

SULTAN KEDAH DI-SIAM

Sultan Membalas jasa — Tengku Abdullah dan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah mangkat — Menghantar surat ka-Siam dan Gabenor Pulau Pinang — Utusan Kedah di-negeri Siam — Surat daripada Raja Siam — Sultan Zainal Rashid masuk ka-Siam — Sultan Zainal Rashid mengadap Raja Maha Besar — Sultan bermohon hendak pulang ka-Kedah.

BAB XIV (192—206)

PERHUBONGAN KEDAH — SIAM

MENJADI LEBEH ERAT

Sultan Zainal Rashid Sampai balek ka-Kedah — Tengku Anom Paduka Raja mangkat — Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah — Sultan

Ahmad Tajuddin ka-negeri Siam — Sultan Ahmad Tajuddin berkahwin di-Siam — Sultan Ahmad Tajuddin pulang ka-Kedah.

BAB XV (207—222)

KEDAH MENGALAMI PERUBAHAN2 BARU

Sultan Ahmad Tajuddin sampai di-Kedah — Pembangunan di-dalam negeri Kedah — Kubang Pasu di-serah balek kapada Sultan Kedah — Sultan Ahmad Tajuddin ka-Siam lagi — Sultan Ahmad Tajuddin balek ka-Kedah — Perubahan2 dalam negeri Kedah.

BAB XVI (223—238)

PERSELISEHAN DALAM PEMILEHAN SULTAN

Perang saudara di-Selangor — Menolong Raja Siam melawan orang2 China yang menderhaka — Raja Maha Besar Siam singgah di-Kedah — Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah mangkat — Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah — Sultan Abdul Hamid Halim Shah.

BAB XVII (239—250)

KEDAH DI-ANTARA 1880—1904

Pergadohan orang2 China di-Kulim — Sultan Kedah di-Siam — Sultan Kedah di-Rangoon — Sultan Kedah ka-Siam lagi — Sultan Kedah ka-India — Sultan Kedah sa-kali lagi ka-Siam — ka-Patani — Sultan ka-Siam.

BAB XVIII (251—264)

KEDAH MENJADI TA'ALOK INGGERIS

Meminjam wang daripada Siam—Kedah di-serah kapada Inggeris — Gabenor Singapura datang ka-Kedah.

BAB XIX (265—276)

KEDAH DI-PERENTAH OLEH REGENT

Sultan Kedah ka-Eropah — Perlantikan Regent
Kedah — Kekuasaan Regent — Regent Kedah
Melawat Tanah Jawa.

BAB XX (277—287)

KEDAH DALAM AWAL ABAD KE-20

Regent Kedah ka-Singapura — Regent ka-Eropah.

HUJONGAN:

- i. Keterangan ringkas mengenai putera2
Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid
Halim Shah.
- ii. Gelaran Pangkat Orang Besar2 Kedah.
- iii. Tawarikh salasilah negeri Kedah Darul'l-
Aman.
- iv. Gelaran2 kebesaran Siam

PERDANA MENTERI

Malaysia

Kuala Lumpur



KATA PENGANTAR

Patut-lah kita sa-kalian mengucapkan sa-tinggi2 pujian dan tahni'ah kepada Allah Yarham Enche' Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, pengarang buku ini, kerana dengan usaha dan penat jerih-nya itu dapat kita ketahui berbagai2 hal ahwal yang berkenaan dengan sejarah negeri Kedah dari semenjak beberapa zaman yang lalu. Kerana buku ini disusun oleh anak bumiputera tanah ayer kita sendiri maka nyata-lah segala



Y.T.M. Tunku Abdul Rahman
Putra Al-haj.

yang di-tulis-nya mengenai hal ahwal dan kejadian2 yang berkenaan dengan sejarah di-dalam buku ini ia-lah menerusi pandangan dan pengertian anak negeri sendiri, ya'ani bukan dari pandangan menerusi kaca mata orang asing.

Oleh kerana sejarah ia-lah suatu perkara yang mustahak bagi mengetahui perihal dan kedudukan dalam berbagai lapangan yang mengenai sa-suatu bangsa atau negara maka saya amat-lah sukachita dan berharap kira-nya banyak lagi buku2 sejarah berkenaan dengan tanah ayer kita ini, kalau boleh sejarah tiap2 buah negeri dalam Malaysia, di-tulis oleh orang2 kita, oleh ahli2 sejarah kita sendiri supaya mudah2an pada suatu masa yang akan datang kelak dapat di-susun sa-buah buku sejarah yang lengkap mengenai negara kita dengan usaha orang kita sendiri. Bagitu juga saya berharap kalau boleh, segala kesan2 sejarah yang mana ada lagi di-dalam negeri2 kita saperti yang dapat di-lihat gambar-nya dalam buku ini, di-pelihara dan di-kekalkan supaya menjadi bukti sejarah untuk kajian anak chuchu kita kemudian kelak.

Barangkali ada satengah2 pehak merasa ragu2 dan memikir bahawa dari segi kajian sejarah isi buku saperti buku "al-Tarikh Salasilah negeri Kedah" ini kebanyakan-nya tidak dapat di-terima atas beberapa sebab, terutama sa-kali mungkin kebanyakan hal ahwal dan kejadian2 yang tertulis di-dalam-nya merupakan riwayat atau cherita2 orang tua2. Sa-kali pun bagitu, tetapi pada pendapat saya tidak-lah boleh kita tolak atau nafikan sama sa-kali kebenaran riwayat2 atau cherita2 orang tua2 kita yang sudah turun-menurun dari beberapa zaman yang lalu itu, kerana boleh jadi puncha riwayat2 itu berasal dari nenek moyang kita yang menyaksikan sendiri hal ahwal yang di-riwayatkan itu menerusi beberapa keturunan anak chuchu chichit-nya yang terkemudian. Istimewa pula berkenaan dengan negeri Kedah yang sudah amat lama wujud dan mashhor-nya, dalam chatetan sejarah orang China yang di-tulis pada Kurun Masehi yang keenam pun ada menyebut berkenaan dengan Langkasuka ia-itu negeri Kedah Tua, kata-nya kerajaan itu sudah wujud sa-lama


empat kurun. Langkasuka berakhir hingga ka-
Kurun Masehi yang ketiga belas.

Saya mendapat tahu bahawa Dewan Bahasa dan
Pustaka akan juga menerbitkan buku "Hikayat
Merong Mahawangsa" bersama2 dengan buku ini,
sa-lain dari itu sedang pula berusaha menyelidek
dan menchari bahan2 sejarah mengenai tiap2 buah
negeri dalam negara kita ini. Saya berpendapat
usaha ini amat-lah baik dan patut mendapat sokongan
dan kerjasama dari mana2 pihak yang dapat mem-
beri sumbangan untuk menjayakan-nya.

Kuala Lumpur,
18hb. September, 1967.



TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA



PENDAHULUAN

Hasrat hendak menerbitkan buku ini timbul-nya pada suatu masa kira2 dua tahun dahulu, ia-itu dalam suatu perjumpaan sambil berbual2 dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia, mengenai penting-nya buku2 sejarah tanah ayer kita di-tulis oleh ahli2 sejarah dari anak negeri kita sendiri. Tunku Perdana Menteri telah mengeshorkan supaya buku Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah ini dan buku2 berchorak sejarah seperti Hikayat Merong Mahawangsa dan sa-bagai-nya di-terbitkan juga.

Usaha menerbitkan buku ini boleh-lah di-katakan mengambil masa yang lanjut juga, kerana tujuan hendak melengkapkan-nya dengan sa-berapa banyak gambar2 yang boleh di-dapati unok menjadi tanda-bukti berkenaan dengan hal ahwal dan peristiwa2 yang tersebut di-dalam buku ini.

Saperti yang kita sedia ma'alum bahawa kebanyakan riwayat2 dan tandabukti2 mengenai sejarah atau peristiwa2 lama dalam sa-sabuah negeri yang beraja kebanyakan-nya ada terkumpul di-istana dan di-kalangan kerabat2 Diraja. Penyusun buku ini Allah Yarham Enche' Muhammad Hassan bin To' Kerani Mohd. Arshad, ia-lah sa-orang yang telah turun-temurun berdamping rapat dengan kalangan istana dan kerabat2 Diraja Kedah, maka kerana itu tentu-lah ia mendapat segala kemudahan unok mem-

perolehi bahan2 yang di-perlukan dalam usaha-nya menyusun buku ini.

Sungguh pun keseluruhan isi buku ini mengenai sejarah negeri Kedah, tetapi ada beberapa bahagian-nya meriwayatkan hubongan2 di-antara Kedah dengan negeri2 luar, terutama-nya dengan negeri Siam, dan bahagian penghujong-nya dengan Kerajaan Inggeris.

Gambar2 yang tertera di-dalam buku ini hanyalah sa-bahagian sahaja di-antara gambar2 mengenai tandabukti sejarah yang dapat di-perolehi dari usaha2 yang di-jalankan oleh Dewan ini. Ada beberapa lagi kesan2 sejarah yang ada tersebut riwayat-nya di-dalam buku ini tidak dapat di-gambarkan, kerana sama ada sudah tidak ada lagi kesan-nya, atau tempat letak-nya telah di-litupi hutan tebal yang agak sukar dan berbahaya untuk di-pergikan.

Bangsa2 yang berperadaban tinggi dan maju lazim-nya memelihara dan menghargai kesan2 bersejarah di-bumi tanah ayer masing2 supaya tinggal kelak menjadi tandabukti2 untuk keturunan yang terkemudian mempelajari peristiwa2 sejarah serta mengenal dan memahami keperibadian bangsa-nya di-sapanjang zaman yang telah lalu.

Saya perchaya kesan2 bersejarah dari peninggalan zaman yang telah lalu di-tanah ayer kita ini tidak-lah boleh di-katakan sedikit, tetapi oleh ada-nya berbagai faktor dari perubahan alam saperti di-litup hutan, di-telan bumi dan sa-bagai-nya, demikian juga oleh perubahan2 dalam aliran sejarah saperti pencerobohan kuasa2 penjajah luar, maka jadi-lah pada hari ini hanya kita dapati sedikit sahaja kesan2 sejarah di-tanah ayer kita ini. Begitu pun saya berasa khuatir kira-nya baki kesan2 sejarah yang maseh ada lagi itu jika di-abaikan neschaya akan luput juga sudah-nya di-telan hutan rimba atau berubah rupa kapada pemandangan baharu mengikut aliran pembangunan yang sedang berjalan dengan pesat-nya saperti sekarang ini.

Membicarakan perkara pengabaian kesan2 sejarah ini tidak-lah terkechuali makam atau pusara sa-saorang yang kerana jasa atau sikap-nya di-anggap sa-bagai pahlawan kebangsaan kita dan nama-nya kekal terchatet dalam lembaran bangsa dan tanah ayer. Mengabaikan makam atau pusara saperti yang saya maksudkan itu, dan saya perchaya banyak ada-nya di-bumi tanah ayer kita ini, ada-lah satu perkara yang mendukachitakan. Sa-bagai suatu chontoh, lihat-lah gambar makam al-marhum Tunku Anom Paduka Jambangan di-dalam buku ini dengan keadaan yang mendukachitakan di-litupi semak belukar. Pada hal menurut riwayat di-dalam buku ini nyata-lah al-marhum itu pada masa hayat-nya telah membuat jasa yang begitu besar, jasa yang tidak ternilai harga-nya.

Bukan-lah maksud saya supaya di-bina kubah yang indah2 untok makam atau pusara sa-saorang yang di-anggap sa-bagai pahlawan kebangsaan kita, tetapi memadai-lah di-peliharai dengan keadaan yang sesuai dan sa-patut-nya untok jadi kenangan kapada keturuan kita kelak, dan dengan demikian terelak-lah kita daripada anggapan tidak menghargai jasa dan tidak mengenang budi.

Dalam usaha menerbitkan buku ini kerjasama telah di-perolehi dari beberapa pehak terutama-nya kapada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kerana shor supaya buku ini di-terbitkan serta sudi pula memberi KATA PENGANTAR; kapada Yang Berbahagia Dato' Wan Ibrahim bin Wan Soloh (Dato' Seri Amar Diraja) D.P.M.K., B.C.K., J.P., Presiden Persatuan Sejarah Negeri Kedah, kerana bermurah hati melapangkan masa menyemak naskhah buku ini serta memberi keterangan2 yang amat berguna; demikian juga kapada Tuan Syed Idrus Al-Idrus S.M.K., B.C.K., Penolong Setia-usaha I, Kerajaan Kedah, kapada Yang Mulia Tunku Fariduddin Haji, Pegawai Daerah Sik, dan Enche' Ismail Saleh, Setia-usaha Kehormat Persatuan Sejarah Kedah dan Enche' Ah-

mad bin Ismail (Perlis) kerana pertolongan dan kerjasama mereka dalam beberapa hal. Saya tidak lupa kepada kerjasama yang telah di-beri oleh pihak kerajaan dan kerabat Diraja Kedah, kerana membenarkan Dewan ini mengambil gambar nobat Kerajaan Kedah; kepada Enche' Sofi bin Enche' Hassan, Pegawai Daerah Bandar Baharu, kerana memberi kebenaran menchetak buku ini bagi pihak warith2 pengarang-nya, kepada pihak2 Arkib Negara dan Muzium Negeri Kedah, kerana membenarkan penggunaan beberapa gambar mereka untuk buku ini. Maka kepada semua pihak yang tersebut di-atas itu saya dengan segala tulus ikhlas mengucapkan sa-tinggi2 terima-kaseh.

Patut juga saya sebutkan di-sini bahawa buku ini telah di-usahakan oleh Enche' Mohd. Zahid bin Mohd. Shah, B. A. (Hon.) pada masa ia bekerja sementara di-Dewan ini di-bawah pengawasan Bahagian Penyelidik dan Pengarang Sastera Lama Dewan ini.

Saya akhiri dengan harapan kira-nya dalam usaha Dewan ini hendak menerbitkan buku2 berchorak sejarah mengenai negeri2 dalam tanah ayer kita, kerjasama akan di-dapati juga dari sa-genap pihak yang berkenaan.

November, 1967

Syed Nasir bin Ismail
Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka.

Riwayat Hidup Penyusun Buku Ini

oleh Dato' Wan Ibrahim bin Wan Saleh

Enche' Muhammad Hassan, pengarang buku ini, di-lahirkan lebeh kurang dalam tahun Hijrah 1280 bersamaan tahun 1868 (Masehi) di-Alor Setar, zaman pemerentahan Sultan Ahmad Tajuddin III.

Bapa-nya Enche' Muhammad Arshad bin Haji Abu Bakar, Kerani Rahsia Raja. Haji Abu Bakar ialah sa-orang alim dalam ugama Islam, kemudian di-lantek menjadi sa-orang Ka-dhi oleh Sultan Ahmad Tajuddin III. Haji Abu Bakar meninggal dunia dalam tahun 1879 di-Bangkok masa ia mengiring Tengku Yaacob dan Tengku Dhia'uddin ibni Sultan Abdul Rashid dan di-kebumikan di-masjid Luang Kucha Ishak.



Enche' Muhammad Hassan J. P., Kerani Rahsia Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah, penulis buku al-Tarikh Salasilah Kedah.

Enche' Muhammad Hassan beristerikan Che' Ba'yah dan manakala Che' Ba'yah meninggal ber-

kahwin dengan Ku Johara binti Ku Abdullah dan Che' Basha binti Ishak.

Enche' Muhammad Hassan masok belajar di-sekolah Melayu bersama2 dengan Tunku Abdul Hamid (kemudian Sultan Abdul Hamid) di-Alor Setar. Enche' Muhammad Hassan bersahabat baik dengan Tunku Abdul Hamid dan mengiring Tunku itu ka-mana2 jua ia berangkat.

Masa Tunku Abdul Hamid menjadi Raja Muda, Enche' Muhammad Hassan menjadi Ketua Istana dan mempunyai kuasa sa-penoh dalam pekerjaan Istana.

Enche' Muhammad Hassan mengiring Sultan Abdul Hamid manakala Duli Yang Maha Mulia melawat Rangoon, India dan Benua Siam.

Dalam tahun 1911 Enche' Muhammad Hassan juga mengiring Sultan Abdul Hamid manakala Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-England menghadhiri per-tabalan Baginda King George V.

Enche' Muhammad Hassan mendapat ampun kerana perkhidmatan-nya yang chemerlang itu kurnia hasil Repai, mukim Telaga Mas. Ia bersara daripada berkhidmat kapada Sultan Abdul Hamid dengan mendapat ampun kurnia sara hidup daripada Kerajaan Kedah.

Dalam tahun Hijrah 1345 (Masehi 1926) Yang Maha Mulia Tunku Ibrahim ibni Sultan Abdul Hamid yang pada masa itu menjadi Regent, bertitah suroh Enche' Muhammad Hassan menulis sa-buah buku Salasilah Negeri Kedah. Maka dengan menjunjung titah itu Enche' Muhammad Hassan pun mula mengarang sampai tamat dan di-chetakkan dalam tahun 1347 (Masehi 1928).

Enche' Muhammad Hassan telah di-kurnia pangkat J. P. oleh Kerajaan Kedah dan ia meninggal dunia pada 19 Ramadhan 1361 (30. 9. 1942) masa negeri Kedah dalam pemerentahan Jepun.

PENGENALAN

Buku Al-tarikh negeri Kedah Daru'l-aman yang di-usahakan ini adalah salinan daripada naskhah asal tulisan tangan huruf Arab yang di-tuliskan dalam tahun 1927 oleh Enche' Muhammad Hassan J. P. anak To' Kerani Muhammad Arshad, Kerani Rahsia Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia. Naskhah asal itu kepunyaan Enche' Soda bin Mohd. Hassan dan di-hadiahkan-nya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Naskhah itu mempunyai 146 halaman, dan berukuran 8"x14"x $\frac{1}{4}$ ". Sekarang ini naskhah itu ada dalam simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pada keselurohan-nya Al-tarikh Salasilah negeri Kedah Daru'l-aman ini merupakan sa-buah buku chatetan sejarah⁽¹⁾ yang mencheritakan sa-chara umum mengenai salasilah raja2 yang memerintah negeri Kedah dari sa-masa ka-samasa sejak raja yang pertama ia-itu Maharaja Derbar Raja sa-hingga kepada raja yang ke-33 ia-itu Sultan Abdul Hamid Halim Shah, Yang Maha Mulia naik ka-atas takhta kerajaan negeri Kedah dalam tahun Hijrah 1299. Salasilah raja2 Kedah ini di-sulam dengan peristiwa2 sejarah yang di-alami oleh negeri Kedah dari sa-masa ka-samasa.

1. Ini ada-lah pendapat penyusun sendiri sa-telah membacha buku itu.

X

Al-tarikh Salasilah negeri Kedah di-mulakan dengan mencherita sa-chara ringkas mengenai asal-usul orang2 yang mula mendiami Tanah Melayu (pada masa itu di-kenal dengan nama Tanah Segara Masin) ia-itu kira2 300 tahun sa-belum zahir-nya Nabi Muhammad. Buku itu khusus-nya mencheritakan mengenai orang2 yang mendiami negeri Kedah (nama bagi negeri Kedah sa-belum kedatangan ugama Islam ia-lah Qalha). Sa-telah itu di-cheritakan mengenai negeri Kedah mendapat raja, perhubungan pemerentahan raja2 negeri Kedah dengan negeri2 asing dan juga perubahan2 yang berlaku di-dalam negeri Kedah sejak mendapat raja.

X

Mengikut Al-tarikh Salasilah, raja negeri Kedah yang pertama ia-lah Maharaja Derbar Raja itu-lah sa-orang raja buangan yang datang dari negeri Gumarun, sa-buah tempat di-Parsi. Kedatangan Maharaja Derbar Raja ka-Kedah itu ada-lah sa-chara kebetulan sahaja. Sa-benar-nya Maharaja Derbar Raja itu di-kalahkan oleh sa-orang raja yang lebeh kuat daripada-nya, menyebabkan ia keluar negeri bersama2 anak isteri-nya beserta orang2 yang setia kapada-nya. Ia belayar dengan sa-buah babur menuju ka-timor. Akhir-nya ia sampai di-Qalha. Kebetulan pada masa itu negeri Qalha maseh belum mempunyai raja tetapi di-perintah oleh ketua2 yang di-pileh di-antara mereka. Maka ketua2 orang Qalha mengangkat Maharaja Derbar Raja menjadi raja mereka. Kesah dalam Al-tarikh Salasilah sa-lanjut-nya ia-lah mengenai raja2 negeri Qalha keturunan Maharaja Derbar Raja itu, dan perhubungan negeri Qalha dengan negeri2 asing di-bawah raja2 itu.

Kita tidak dapat mengatakan dengan pasti sa-jauh mana kesah2 asal-usul raja2 negeri Kedah keturunan Maharaja Derbar Raja dari Parsi itu dan peristiwa2 sejarah yang terchatet di-dalam-nya itu benar kerana kita tidak mempunyai bukti2 yang tegas untok menguatkan kebenaran-nya. Di-sabalek

itu pula kita tidak dapat menafikan keterangan2 itu. Ada ahli2 sejarah yang menggunakan bahan2 yang terchatet di-dalam Al-tarikh Salasilah apabila mereka memperkatakan mengenai salasilah raja2 negeri Kedah dan juga mengenai sejarah awal negeri Kedah. Hal ini berlaku dengan sebab tidak ada-nya bahan2 pengkajian yang lain yang dapat di-gunakan. Jadi buat masa ini, sa-hingga kita peroleh bukti2 sejarah yang lebeh tepat dan kuat yang boleh di-gunakan sa-bagai mengganti bahan2 terdapat dalam Al-tarikh Salasilah itu, saya rasa dapat-lah kita gunakan ke-terangan2 dalam Al-tarikh Salasilah itu sa-bagai bahan sementara.

Satu lagi sumber yang selalu di-gunakan oleh ahli2 sejarah bagi mengkaji Salasilah raja2 negeri Kedah ia-lah *Hikayat Merong Maha Wangsa* yang tertulis pada zaman Sultan Muazzam Shah ibni Al-marhum Sultan Muzaffar Shah Yang Maha Mulia.(*) Mengikut Hikayat Merong Maha Wangsa, raja Kedah yang pertama ia-lah Merong Maha Wangsa,(*) ia-itu sa-orang raja keturunan dewa dan indera, sahabat raja Rom yang di-serang oleh sa-ekor garuda dalam pelayaran-nya ka-benua China kerana mengiring putera raja Rom hendak berkahwin dengan puteri Maharaja China. Dalam serangan itu kapal anak raja Rom karam dan anak raja Rom hilang. Sa-telah itu Merong Maha Wangsa belayar menyusor pantai menchari anak raja yang hilang itu. Dalam menchari2 itu Merong Maha Wangsa singgah di-sabuah pulau yang

2. Hikayat Merong Maha Wangsa, hal. 2. Mengikut Al-tarikh Salasilah, Sultan Muazzam Shah ibni Al-marhum Sultan Muzaffar Shah, memerintah negeri Kedah di-antara tahun Hijrah 575—598. Ia ada-lah putera Sultan Mudzaffar Shah ia-itu raja Kedah yang mula2 sa-kali memelok ugama Islam. Kalau betul Hikayat Merong Maha Wangsa di-tulis pada zaman Sultan Muazzam Shah ibni Al-marhum Sultan Muzaffar Shah, ini bererti bahawa hikayat itu di-tulis kira2 di-antara tahun Hijrah 575—598.
3. Mengikut satu sumber pengkajian, Merong Maha Wangsa ia-lah Pa'-Ong Maha Wangsa.

✓

di-diami kaum gergasi. Kaum itu mengangkat Merong Maha Wangsa menjadi raja mereka. Sa-buah istana di-dirikan untuk-nya. Di-negeri itu ia ber-isteri dan mendapat anak. Tempat itu bernama Kedah.

Akhir-nya Merong Maha Wangsa pulang ka-negeri Rom dan takhta kerajaan negeri Kedah itu di-ambil-aleh oleh putera-nya Merong Maha Phothisat. Hikayat Merong Maha Wangsa sa-lanjut-nya mengesahkan mengenai raja2 negeri Kedah keturunan Merong Maha Wangsa. Hikayat itu tamat sa-telah men-cheritakan mengenai Kedah menerima ugama Islam, ia-itu pada masa pemerentahan Pra' Ong Maha Wangsa kedua ia-itu raja Kedah yang ketujuh.

Satu hal yang patut di-ingatkan ia-lah Hikayat Merong Maha Wangsa lebeh merupakan sa-buah hikayat dalam mana terdapat banyak unsor2 khayalan yang tidak menesabah pada akal. Di-dalam-nya terdapat kesah2 burong garuda menyerang kapal anak raja Rom kerana menggagalkan perkahwinan di-antara anak Raja Rom dengan anak raja China, cherita mengenai raja Buloh Betong, pengembaraan Sheikh Abdullah dengan kepala Shaitan daripada Baghdad hingga sampai di-Kedah dan sa-bagai-nya. Unsor2 khayalan di-dalam Hikayat Merong Maha Wangsa ini-lah yang melemahkan buku itu untuk di-gunakan sa-bagai bahan sejarah bagi menites Salasilah Raja2 Kedah. Kerana kelemahan hikayat itu dari segi ini saya rasa buku Al-tarikh Salasilah lebeh kuat untuk di-pegang sa-bagai bantuan hendak menites Salasilah Raja2 Kedah.

Di-antara Al-tarikh Salasilah dan Hikayat Merong Maha Wangsa terdapat beberapa perbedzaan yang menarek hati. Pertama-nya ia-lah perbedzaan tentang nama raja2 di-dalam kedua2 buah buku itu sa-belum kedatangan ugama Islam. Perbedzaan nama2 ini memperlihatkan kapada kita pengaroh2 luar yang tertentu di-dalam penulisan kedua2 buah buku itu.

?

4

Kita dapati bahawa nama2 seperti Maharaja Derbar Raja, Maharaja di-Raja Putera, Maharaja Maha Dewa dan sa-bagai-nya di-dalam Al-tarikh Salasilah yang memperlihatkan pengaruh Hindu di-dalam penulisan buku itu. Hikayat Merong Maha Wangsa pula memperhatikan nama2 raja yang lebeh berbau kesiaman, ia-itu nama2 seperti Merong Maha Wangsa.⁽⁴⁾ Merong Maha Phothisat, Pra' Ong Maha Indera Wangsa dan sa-bagai-nya yang memperlihatkan pengaruh Siam berchampur Hindu.

Titek pertemuan di-antara kedua2 buah buku ini ia-lah kedatangan agama Islam. Di-dalam kedua2 buah buku itu ada terchatet kesah Kedah menerima agama Islam, orang yang mengislamkan Kedah seperti mana terchatet di-dalam kedua2 buah buku itu ia-lah Sheikh Abdullah. Di-dalam kedua2-nya nama yang di-pakai oleh raja Kedah sa-telah memelok agama Islam, ia-lah Sultan Mudzaffar Shah. Chiri2 persamaan ini-lah yang menjadi titek pertemuan di-antara kedua2 buah buku itu. Dalam pada itu pun kita dapati beberapa perbedzaan di-antara kedua2 buku itu, khusus-nya mengenai peristiwa Kedah menerima agama Islam.

Mengikut Hikayat Merong Maha Wangsa, raja Kedah yang mula2 memelok agama Islam ia-lah Pra' Ong Maha Wangsa Kedua ia-itu raja Kedah yang ketujuh. Al-tarikh Salasilah pula mengatakan raja Kedah yang memelok agama Islam ia-lah Seri Paduka Maharaja Derbar Raja ia-itu raja yang kesembilan. Tetapi kedua2-nya yang menggunakan nama Sultan Mudzaffar Shah. Perbedzaan ini mungkin menimbulkan tanda tanya kapada kita. Keterangan mana-kah yang lebeh dapat di-pegang?

Untuk mengatakan raja Kedah yang kebeberapa mula memelok agama Islam, atau dengan lain perkataan kenyataan dalam buku yang mana lebeh

4. Mungkin juga perkataan 'Merong' itu berasal daripada perkataan 'Pra' Ong'.

X

dapat di-pegang, kita harus melihat sifat2 keseluruhan kedua2 buah buku itu. Saperti yang telah saya katakan tadi Al-tarikh Salasilah lebeh bersifat kenyataan dan lebeh berjejak ka-bumi. Jadi dalam hal menentukan kenyataan mengenai raja Kedah yang mula2 memelok ugama Islam saya rasa kenyataan yang terdapat di-dalam Al-tarikh Salasilah itu lebeh 'reliable'.

Satu perbedzaan lagi di-dalam peristiwa Kedah menerima ugama Islam di-dalam kedua2 buah buku itu ia-lah chara ugama Islam itu di-bawa ka-Kedah. Al-tarikh Salasilah mengatakan bahawa Sheikh Abdullah yang membawa ugama Islam ka-Kedah itu datang dari Shahrir dengan sa-buah bidalah bersama2 dengan sa-belas orang kawan-nya. Ia sampai di-Qalha dalam tahun Hijrah 531, lalu mengislamkan raja dan orang2 besar negeri Qalha. Hikayat Merong Maha Wangsa pula menyatakan bahawa Sheikh Abdullah datang ka-Kedah dari Baghdad di-bawa oleh kepala Shaitan kerana ia hendak melihat chara2 kehidupan kaum Shaitan. Ia di-tinggalkan oleh kepala Shaitan di-dalam kamar Raja Kedah kerana membantah perbuatan kepala Shaitan yang hendak memberi raja Kedah minum ayer kenching-nya. Membanding kedua2 keterangan ini, dapat kita mengambil keterangan daripada Al-tarikh Salasilah itu sa-bagai pegangan.

Satu hal yang menyebabkan saya mengambil buku Al-tarikh Salasilah itu sa-buah buku chatetan sejarah ia-lah kerana buku itu memberi peristiwa2 sejarah walau pun dengan sa-chara umum, dan di-samping itu ia memberi tarikh berlaku-nya satu2 peristiwa itu. Mengenai tarikh yang di-gunakan di-dalam buku ini ada beberapa hal yang hendak saya sebutkan. Penulis buku Al-tarikh Salasilah tidak memberi tarikh berlaku-nya satu2 peristiwa pada permulaan buku itu. Mithal-nya tarikh kedatangan Maharaja Derbar Raja ka-Qalha tidak di-nyatakan. Tarikh kedatangan orang2 dari Pulau Sumatera ka-

x

Tanah Segara Masin di-beri dengan kabor sa-kali ia-itu kira2 300 tahun sa-belum zahir-nya Nabi Muhammad. Penulis memberikan tarikh2 bagi peristiwa2 yang berlaku hanya sa-telah Kedah di-Islamkan. Kerana ini dapat-lah di-buat kesimpulan bahawa penulis mendasarkan cherita-nya mengenai negeri Kedah dan Salasilah raja2 Kedah sa-belum kedatangan Ugama Islam atas cherita2 mulut yang mungkin di-dengar oleh penulis dari orang tua2.

Peristiwa2 yang berlaku yang di-nyatakan sa-kali dengan tarikh-nya ia-lah sejak kedatangan ugama Islam. Islam di-nyatakan datang ka-Kedah dalam tahun 531 Hijrah. Tarikh Hijrah kemudian-nya dikuatkan dengan tarikh Masehi sejak tahun Hijrah 1269. Satu rumusan yang mungkin dapat di-buat dari penggunaan tarikh Hijrah dan tarikh Masehi ini ia-lah kedatangan ugama Islam ka-Kedah membawa bersama2-nya tarikh Hijrah, dan penggunaan tarikh Masehi memperlihatkan kapada kita bahawa pengaruh kebudayaan Barat sudah mulai meresap ka-dalam kebudayaan orang2 Kedah pada masa itu.

Saya tidak dapat mengatakan sama ada penggunaan tarikh di-dalam Al-tarikh Salasilah ini tepat atau tidak bagi satu2 peristiwa itu. Walau bagaimana pun saya berpendapat bahawa tarikh kedatangan ugama Islam ka-Qalha ia-itu dalam tahun 531 Hijrah itu dapat di-pegang. Tarikh ini ada-lah bersamaan kira2 kurun ka-12 Masehi. Mengikut Sejarah Alam Melayu kira2 pertengahan abad ke-9 pedagang2 Arab dan Parsi telah terdapat di-pelabohan Kedah yang pada masa itu menjadi tempat persinggahan bagi pedagang2 India, Arab dan China. Kalau keterangan ini betul ini bererti bahawa Islam memakan masa sa-lama kira2 tiga kurun untok meresap ka-dalam kebudayaan orang2 Kedah, dan dapat pula kita mengambil kesimpulan bahawa keterangan tarikh Kedah menerima ugama Islam dalam tahun 531 Hijrah ada mengandongi kebenaran.

Satu hal yang "unique" terdapat di-dalam buku Al-tarikh Salasilah ini ia-lah mengenai jalan bahasanya yang di-pengarohi dailek Kedah. Ini tidak menghairankan kita kerana penulis buku itu ada-lah orang Kedah, dan pada masa ia menulis buku itu mungkin juga bahasa Melayu maseh merupakan bahasa2 daerah yang berasingan; bahasa Melayu yang di-katakan *standard* maseh belum wujud lagi.

Di-dalam menyalin kembali buku ini saya merasa perlu sedikit sa-banyak mengubah jalan bahasa buku Al-tarikh Salasilah yang di-pengarohi dailek Kedah itu ka-bahasa yang lebeh di-fahami umum pada masa ini, ia-itu bahasa yang di-gunakan di-sekolah2 dan bahasa pertutoran sa-hari2 pada masa ini. Dalam pada itu pun unsur2 asli di-dalam teks itu sa-boleh2-nya saya pertahankan semoga 'originality' teks itu tidak terus hilang.


Di-dalam Al-tarikh Salasilah ini terdapat banyak nama2 tempat di-Kedah yang pada masa ini sudah tidak di-dapati lagi. Nama2 saperti Kuala Marpah, Kuala Bara, dan lain2 lagi, kebanyakan-nya sudah tidak terdapat lagi sekarang ini. Di-sini kita dapati dua kemungkinan. Pertama mungkin juga tempat2 yang pernah wujud saperti tersebut di-alam Al-tarikh Salasilah itu sudah tidak zahir lagi sekarang mungkin telah di-tinggalkan oleh penduduk2-nya kerana berpindah ka-tempat2 lain. Kemungkinan yang kedua ia-lah bahawa nama tempat2 itu telah berubah. Mithal-nya di-dalam Al-tarikh Salasilah ini kita dapati nama Tanah Segara Masin berubah menjadi Tanah Melayu, Sungai Qalha menjadi Sungai Merbok dan sa-terus-nya. Perubahan2 dan penghilangan nama2 tempat ini menimbulkan kerumitan bagi kita unok mengkaji atau menyusor jalan akan tempat2 itu.

Kerja mentanskripsikan buku yang bahasa-nya kuat di-pengarohi satu2 dailek itu ada-lah satu kerja yang berat dan sukar. Kesukaran ini pada tempat2-

nya menimbulkan kekhilapan2 dalam pentafsiran kepada bahasa yang lebih 'standard' dengan tidak menghilangkan 'originality' teks. Kekhilapan2 ini tidak dapat di-elakkan. Walau bagaimana pun sa-boleh2-nya saya chuba mengelakkan daripada membuat kekhilapan2 itu. Penutup-nya saya memohon ma'af sa-kira-nya ada berlaku kesalahan di-mana2 di-dalam mentanskripsi buku itu.

Mohd. Zahid bin Mohd. Shah.

Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
26hb. Julai, 1966.



KATA PERMULAAN

Bismi'llahi'r-rahmani'r-rahim

Telah di-mulaikan akan Tawarikh Salasilah ini dengan bismi'llah dan di-iringi pula dengan al-hamdu li'llahi rabbil 'alamin. Segala pujian² bagi Allah yang memileki sakalian alam.

Ammaba'du, ada pun kemudian daripada itu, dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh lima (1345) pada sa-haribulan Rajab,⁽¹⁾ zaman Seri Paduka Sultan Sir Abdul Hamid Halim Shah K. C. M. G. ibni Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia lagi yang maha tinggi daulat-nya, yang bersemayam di-atas takhta kerajaan Kedah daru'l-aman, dan pada masa terhimpun kekuasaan Sultan Yang Maha Mulia kepada puteranya Tengku Ibrahim C. M. G., C. V. O. Yang Maha Mulia Regent,⁽²⁾ maka tatkala itu bertitah suroh menzahirkan Tawarikh Salasilah ini supaya di-ketahui oleh isi negeri. Maka terjunjong-lah titah itu.

Bahawa ini-lah Tawarikh Salasilah yang di-mulai dengan pembukaan Tanah Segara Masin. Ada pun asal chetera ini terdahulu daripada zahir Nabi Muhammad s.a.w. kira2 tiga ratus sembilan puluh tahun (390).

1. 5hb. Januari, 1927.

2. Pemangku Raja.



BAB I

PEMBUKAAN TANAH SEGARA MASIN

Menyeberang ka-Tanah Segara Masin

Bermula kata yang empunya chetera ini, pada zaman itu ada-lah sa-orang Maharaja, asal-nya daripada bangsa Hindustan yang masok mena'alok Tanah Jawa dengan segala tentera-nya. Mereka itu memakai bahasa Sanskrit dan berugama Hindu. Maka mena'alok-lah mereka itu akan seluroh Tanah Jawa hingga lama kelamaan orang2 Jawa pun mengikut adat Hindu. Akhir-nya, berpechah-belah-lah segala orang2 Jawa lari menyeberang dudok dari suatu pulau ka-suatu pulau. Sa-tengah daripada mereka itu menyeberang ka-Tanah Segara Masin. Perbuatan lari menyeberang itu dalam bahasa Sanskrit di-sebut 'melayu'.

Ada pun pada masa itu perkataan⁽¹⁾ ia-lah bahasa Sanskrit. Maka lama kelamaan bertambah2 ramai-lah mereka itu menyeberang dari Tanah Jawa ka-Tanah Segara Masin hingga membawa kapada sa-ratus (100) tahun dahulu daripada zahir Nabi Muham-mad s.a.w. Nama Tanah Segara Masin lama kelamaan hilang-lah di-sebut orang dan termashhor-lah sebutan-nya menjadi Tanah Melayu.

1. Bahasa perantaraan.

Memilih ketua2

Ada pun mereka yang masuk ka-Tanah Segara Masin itu beragama Hindu. Demikian juga bangsa2 dari pulau Serandid⁽¹⁾ dan India yang datang berchampur darah dan berchampur adat dengan mereka itu. Dalam hal yang demikian termashhor-lah ka-sabelah utara mengatakan ramai orang2 Melayu di-sabelah selatan. Maka puak2 Siam dari sa-belah utara ia-itu dari Ligor,⁽²⁾ Chai,⁽³⁾ Langsuan,⁽⁴⁾ Banduan⁽⁵⁾ datang merampas; ada sa-tengah daripada mereka itu tinggal dudok berchampur darah dengan orang2 di-Tanah Melayu. Ada yang datang dari sa-belah pehak Burma ia-itu Tenangsari,⁽⁶⁾ dan Pegu merampas serta dudok berchampur darah dan berchampur adat dengan mereka itu.

Dalam hal yang demikian bermuafakat-lah puak2 Melayu itu memilih ketua⁽⁷⁾ bagi pehak2-nya; ketua2 yang di-pilih menjadi ketua mereka itu dinamai mereka Tan Dermadewa dan yang kedua Tun Perkasa. Maka tetap-lah sakalian-nya menchari makan. Maka bertambah2 banyak-lah bendang huma dan kampong halaman di-merata2 tempat, serta di-perbuat kelian.⁽⁸⁾ Dalam hal yang demikian datang juga puak2 dari sa-belah utara merampas. Maka ber-

1. Pulau Serindit atau Pulau Serandit, di-perchayai Pulau Ceylon.
2. Atau Legor (Lekkon dalam bahasa Siam) ia-lah satu tempat dalam perentah Siam daerah Genting Kra — Daerah Nakkon Sithemarat. Dalam Bahasa India tempat ini di-panggil "Tharmelingga".
3. Atau Chaya ia-lah satu tempat dalam perentah Siam daerah Genting Kra. Dahulu tempat ini di-panggil "Karabi". (Dalam peta di-sebut Chalya).
4. Satu pekan bertentangan dengan Victoria point daerah Telok Siam.
5. Nama satu tempat dalam perentah Siam daerah Genting Kra. "Ban" dalam bahasa Siam berma'ana kampong.
6. Satu daerah dalam perentah Burma bersempadan dengan negeri Siam (Dalam peta, di-sebut Tena Serim).
7. Ketua.
8. Lubang yang di-korek di-dalam tanah kerana menchari logam atau batu arang; lombong.

muafakat-lah Tan Dermadewa dan Tun Perkasa dengan sakalian kaum2-nya bagi melawan seteru yang datang itu.

Hatta, dalam hal yang demikian di-sebut orang-lah negeri Qalha⁽¹⁾ yang terdiri dari Kuala Qilah⁽²⁾ Kuala Bahang,⁽³⁾ Kuala Merpah⁽⁴⁾ dan Kuala Bara.⁽⁵⁾ Maka keempat2 Kuala itu menjadi sa-buah negeri ia-itu Qalha. Maka bertambah2 banyak-lah ketuha2 yang di-pileh oleh Tan Dermadewa dan Tun Perkasa menyandang pangkat bagi menjaga tempat2 yang tersebut itu, dan orang2 dari pihak utara ia-itu Siam dan Burma dan lain2 negeri pun datang dudok di-negeri Qalha berchampur dengan mereka itu. Lama kelamaan-nya berubah-lah bahasa perchakapan yang asal itu dan termashhor-lah warta berkenaan wujud-nya bahasa Melayu. Dalam hal yang demikian maka termashhor-lah pula berita yang mengatakan sudah zahir Nabi Muhammad s.a.w. di-dalam Tanah Arab. Demikian-lah kesah-nya.


Negeri Qalha beroleh raja

Al-kesah maka tersebut-lah sa-orang Maharaja negeri Gumarun di-dalam Tanah Parsi. Bermula kata yang empunya chetera ini ada-lah sa-orang Maharaja Parsi yang terlebih kuasa daripada Maharaja negeri Gumarun datang mena'alok negeri Gumarun itu. Maka akhir-nya tewas-lah negeri Gumarun, dan Maharaja Gumarun pun keluar bersembunyi diri dengan sa-

1. (atau Kalha) ia-itu nama asal bagi negeri Kedah. Barangkali perkataan ini dari bahasa Parsi. Nama2 yang lain bagi negeri Kedah saperti terdapat di-dalam buku2 sejarah negeri2 lain dan dalam chatetan pengembara2 asing ia-lah Kadaram (India), Keta (China), Langkasuka.
2. Kuala Merbok sekarang.
3. Nama Kuala Kedah dahulu. Sekarang tidak di-panggil dengan nama itu lagi.
4. atau Kuala Murpah—nama satu tempat dalam Pulau Panjang dekat dengan Setoi atau Satun, perentah Siam, bersedmpadan dengan negeri Perlis.
5. Sa-buah Kuala Sungai dalam jajahan Setoi saperti dalam 15.

buah babur⁽¹⁾ bersama2 anak isteri-nya dan orang2 yang bersetia dengan-nya. Ada pun nama raja Gumarun itu Maharaja Derbar Raja.

Hatta maka belayar-lah babur itu dari sa-buah negeri ka-sabuah negeri hingga sampai ka-Pulau Serandid. Maka dari Pulau Serandid belayar pula babur itu dari suatu tempat ka-suatu tempat hingga sampai di-Telok Burma. Dari Telok Burma belayar pula dari suatu perhentian ka-suatu perhentian. Maka akhir-nya babur Maharaja Derbar Raja itu masuk ka-dalam Sungai Qilah.⁽²⁾ Hatta, berlaboh-lah babur itu bertentangan dengan sa-buah anak sungai⁽³⁾ yang di-sabelah kiri. Maka berhimpun-lah orang2 di-tempat itu melihat babur Maharaja itu. Maka termashhor-lah berita kedatangan sa-buah babur yang besar serta chantek perbuatannya. Maka khabar itu pun sampai-lah kepada segala Tan Dermadewa dan



Gambar Tapak Kuel Hindu Purba di-Merbok, Kedah.

1. Sa-jenis perahu layar.
2. Sungai Merbok sekarang.
3. Sekarang anak sungai ini ia-lah Sungai Bujang.

Tun Perkasa. Maka berhimpun-lah segala ketuha² mereka itu datang mengambil khabar.

Maka Tan Dermadewa dan Tun Perkasa dan segala ketuha² pun pergi-lah berjumpa dengan Maharaja Derbar Raja. Maka dengan kekuasaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala, menjadi gentar dan dahshat-lah hati Tan Dermadewa dan Tun Perkasa dan lain² ketuha, dan juga puak² mereka itu. Maka sakalian-nya pun sujud menyembah saperti adat di-Pulau Jawa pada ketika itu. Maka di-tegor mereka itu oleh Maharaja Derbar Raja dengan manis suara-nya, serta di-beri persalinan kepada Tan Dermadewa dan Tun Perkasa serta lain² ketuha mengikut resaman mereka itu. Dalam hal yang demikian berhimpun-lah segala Tan Dermadewa dan Tun Perkasa di-dalam jajahan Qalha bermuafakat membuat rumah chukup dengan alat²-an-nya mengikut adat pada masa itu. Lalu di-persilakan Maharaja Derbar Raja dan sakalian pengiring²-nya dan di-dudokkan di-tempat yang di-sediakan itu. Maka Tan Dermadewa dan Tun Perkasa menghimpun segala gajah² yang baik untok di-jadikan kenaikan. Hatta, lama kelamaan Maharaja itu pun hilang-lah per-cintaan akan negeri-nya oleh sebab budi bahasa dan kebaktian orang² Melayu kepada-nya.

× *Maharaja Derbar Raja (Raja Kedah Yang Pertama)*

Shahadan, maka berhimpun-lah segala Tan Dermadewa dan Tun Perkasa di-dalam Qalha itu bermuafakat hendak mengangkat Maharaja Derbar Raja memerintah di-dalam Qalha. Maka apabila putus muafakat yang demikian itu berpisah-lah Tan Dermadewa dan Tun Perkasa. Maka sakalian-nya pun meletakkan Maharaja Derbar Raja menjadi raja.⁽¹⁾ Maka tetap-lah Maharaja Derbar Raja memerintah

1. Mengikut satu sumber Maharaja Derbar Raja di-jadikan raja Qalha dalam tahun Masehi 630. Gelaran-nya ia-lah Pra-Ong-Maha Wangsa.

negeri Qalha. Hatta maka hari2-lah Maharaja Derbar Raja di-hadap oleh segala Tan Dermadewa dan Tun Perkasa.

X *Kota Langsuka dan penganugerahan pangkat Menteri2*

Shahadan maka suatu hari Maharaja Derbar Raja bertitah hendak pergi bermain2 di-sabelah ulu sungai serta menchari tempat hendak di-buatkan kota istana. Maka di-siapkan oleh Tan Dermadewa dan Tun Perkasa segala gajah2. Apakala siap sakalian-nya maka berangkat-lah Maharaja Derbar Raja di-iringi oleh Tan Dermadewa dan Tun Perkasa menuju ka-hulu sungai, singgah bermain2 dan berburu dari suatu tempat ka-suatu tempat. Dalam yang demikian maka sampai-lah mereka itu ka-suatu tempat. Maka di-perkenan oleh Maharaja Derbar Raja tempat itu di-buat kota; lalu menitahkan Tan Dermadewa dan Tun Perkasa dan sakalian ketuha2 menghimpun ra'ayat bagi membuat kota istana dan balai2 di-dalam-nya. Maka di-perbuat-lah oleh sakalian-nya saperti kehendak Maharaja itu. Ada pun kota itu di-tambak⁽¹⁾ dengan tanah, serta di-tanam buloh2 duri di-atas kota itu, dan di-perbuat tiga pintu gerbang.

Hatta tiada berapa lama maka siap-lah sakalian-nya, chukup dengan balai penghadapan. Maka banyak-lah rumah2 di-bangunkan di-keliling-nya. Maka segala ketuha2 mereka itu pun berhimpun membuat tempat kedudukan masing2. Maka apabila sampai hari yang baik Maharaja Derbar Raja pun bersemayam-lah di-dalam istana kota itu.

Hatta, maka berhimpun-lah Tan Dermadewa dan Tun Perkasa dan lain2 ketuha di-balai penghadapan mengadap Maharaja Derbar Raja, lalu baginda bertitah menyatakan hajat baginda hendak menamakan kota itu dan juga hendak mengurniakan

1. Di-timbun.

4

pangkat2 menteri. Sa-sudah putus muafakat itu maka di-namakan kota itu Kota Langkasuka.⁽¹⁾ Kemudian di-lantek empat orang Tan Dermadewa menyandang pangkat Menteri Empat, dan delapan orang Tun Perkasa di-lantek menyandang pangkat Menteri Delapan. Lain2 ketuha telah juga di-kurniakan pangkat Menteri Enam belas. Ada pun orang2 yang bersama2 Maharaja Derbar Raja dari negeri Gumarun itu di-ambil sa-orang daripada mereka itu di-jadikan Menteri Yang Pertama, dan satengah2-nya di-beri pangkat mengganti Tan Dermadewa dan Tun Perkasa, dan satengah2-nya pula di-jadikan guru bagi mengajar tulisan bahasa Parsi.


Maka bersemayam-lah Maharaja Derbar Raja di atas takhta kerajaan di-dalam istana Kota Langkasuka. Ada pun baginda itu pandai mengambil hati segala menteri2-nya dan memelihara segala ra'ayat isi negeri dengan adil-nya.

Kebesaran Maharaja Derbar Raja

Shahadan ada pun alat2 kebesaran Maharaja Derbar Raja yang di-bawa baginda bersama2-nya dahulu itu ia-lah pertama2-nya Semambu⁽²⁾ yang di-namakan "Maha Guru", yang kedua nagara,⁽³⁾ dan yang ketiga nafiri.⁽⁴⁾ Maka ketiga2-nya itu di-sampul dengan kain kuning. Ada pun alat2 kebesaran itu di-jadikan adat ia-itu pada tiap2 sa-haribulan dan lima belas haribulan dan tiga puluh haribulan di-dirikan "Maha Guru" itu di-hadapan lalu di-pukul nagara dan di-tiup nafiri. Demikian juga apabila bulan gerhana, atau pada masa berlaku kematian atau pun pada hari kemuliaan, maka di-pukul-lah nagara dan di-tiup nafiri. Demikian-lah di-adatkan oleh Maharaja Derbar Raja.

1. Mengikut satu sumber Kota Langkasuka di-dirikan dalam tahun 634 Masehi dalam Mukim Sok.
2. Rotan Melaka.
3. (Nagara atau nakara) sa-jenis gendang kecil.
4. Sa-jenis serunai.

Dalam pada itu, maka alat kebesaran itu di-tambah pula lagi dengan alat2 kemuliaan Hindu, ia-itu dua buah gendang dan dua serunai, satu serunai kecil dan satu serunai besar dan di-tambah juga alat2 kebesaran Jawa ia-itu dua buah gong, ⁽¹⁾ satu gong kecil dan satu gong besar di-ragamkan sa-kali dengan nagara, nafiri dan "Maha Guru". Maka jadi-lah alat2 itu sembilan perkara semua-nya, dan di-namakan nobat ⁽²⁾ ya'ani sembilan ragam. Maka nobat itu-lah yang menjadi kebesaran bagi Maharaja Derbar Raja.



Gambar nobat di-Raja Kedah

- 1 Gendang Besar
- 1 Gendang Kecil
- 1 Nahara
- 1 Nafiri
- 1 Serunai
- 1 Gong
- 1 Semambu untuk di-bawa oleh ketua nobat.

Maharaja di-Raja Putra

Hatta tetap-lah Maharaja Derbar Raja memerintah negeri Qalha bersemayam di-Kota Langkasuka. Baginda sentiasa bermuafakat dengan segala menteri2 baginda bagi menetapkan adat yang mem-

1. alat penahanang di-perbuat daripada tembaga; rupa-nya seperti pinggan besar berkepok, di-pukul dengan sa-batang kayu yang berhujung bulat.
2. atau naubat; daripada perkataan Sanskrit 'Nau' atau 'Nava' yang bererti sembilan dan perkataan 'Bah' yang memberi pengertian pergabongan.

bawa kebajikan bagi isi negeri sakalian-nya. Dalam hal yang demikian Maharaja Derbar Raja pun jatuh gering, dan tiada berapa lama kemudian dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa baginda pun meninggal dunia. Maka di-layankan oleh segala menteri mengikut adat pada masa itu. Maka bermuafakat-lah segala menteri² mengangkat paduka anakanda baginda Maharaja di-Raja Putra menjadi raja mengganti paduka ayahanda baginda yang telah hilang itu, bersemayam di-atas takhta kerajaan wang⁽¹⁾ istana Kota Langkasuka. Maka tetap-lah Maharaja di-Raja Putra memerintah negeri Qalha dengan segala menteri² penggawa-nya. Ada pun kota Langkasuka itu letak-nya di-dalam Sok.⁽²⁾

Sa-sungguh-nya Maharaja di-Raja Putra itu amat-lah usaha mengambil tahu hal ahwal negeri dan suka berjalan ka-merata² tempat di-dalam negeri. Dalam hal yang demikian di-bangunkan pula sa-buah kota di-satu tempat bernama Siong.⁽³⁾ Tiada berapa lama kemudian siap-lah kota itu, chukup dengan istana dan balai penghadapan di-dalam-nya. Kota itu di-namakan Kota Bandar. Apabila sampai ketika yang baik maka berangkat-lah Maharaja di-Raja Putra dengan sakalian isi istana baginda pergi bersemayam di-Kota Bandar. Sakalian menteri² dan orang besar² pun berhimpun-lah membuat tempat kediaman di-Kota Bandar itu. Maka dalam masa tiada berapa lama sahaja bertambah ramai-lah orang² masok dan dudok menetap di-Kota Bandar itu.

Ada pun Maharaja di-Raja itu ada mempunyai dua orang putera dengan isteri baginda ia-itu anak Menteri Yang Pertama. Putera-nya yang tuha laki² bernama Maha Dewa dan yang muda-nya bernama Maha Sura. Dalam masa pemerentahan Maha-

1. Dalam bahasa Siam bererti istana. Di-negeri Kedah sekarang 'wang' bererti lembah (valley).
2. Sa-buah mukim dalam jajahan Sik—Kedah Timor.
3. Sa-buah mukim dalam jajahan Baling, Kedah.

raja di-Raja Putra itu baginda sentiasa-lah mengator orang2 yang berpangkat bagi menjaga tempat2 yang di-tetapkan. Dalam hal yang demikian Maharaja di-Raja Putra pergi ka-hilir membuka suatu tempat perhentian di-Sidin.⁽¹⁾ Maka berulang alek-lah Maharaja di-Raja Putra itu dari Sidin ka-Kota Bandar. Lama kelamaan Sidin menjadi suatu tempat yang ramai penduduk-nya.


Maharaja Maha Dewa

Hatta, tiada berapa lama kemudian Maharaja di-Raja Putra pun jatuh gering, dan gering baginda itu makin sa-hari sa-makin berat. Dengan takdir Tuhan Yang Maha Kuasa maka Maharaja di-Raja Putra pun meninggalkan dunia. Maka di-layankan oleh sakalian menteri2 mengikut adat pada masa itu. Maka beruafakat-lah sakalian menteri2 penggawa mengangkat paduka anakanda baginda Maha Dewa menjadi raja menggantikan paduka ayahanda baginda yang telah hilang itu. Baginda di-atas takhta bergelar Maharaja Maha Dewa. Maka tetap-lah Maharaja Maha Dewa menjadi raja bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Bandar, memerintah negeri Qalha dengan menteri2 penggawa-nya.

Ada pun Maharaja Maha Dewa itu kerap-lah juga berangkat bersama2 dengan menteri2 penggawa-nya pergi ka-Sidin kerana menambah dan membesarkan lagi tempat yang telah di-buka oleh paduka ayahanda baginda dahulu itu, dan dalam masa tiada berapa lama siap-lah sakalian-nya itu. Sa-sudah itu, Maharaja Maha Dewa dengan sakalian isi istana baginda pun berangkat-lah bersemayam di-Sidin. Maka pada masa itu bertambah2 ramai-lah orang dari luar negeri masok membuat kediaman dan kampung halaman masing2, istimewa pula oleh mashhor khabar

1. Sidin (Pelat Kedah) atau Sidim2 sekarang ia-lah sa-buah Mukim dalam Daerah Kulim, Kedah Selatan.

ka-mana2 peri adil bijaksana-nya Maharaja Maha Dewa itu. Akan Kota Bandar itu di-serahkan oleh baginda kapada paduka adinda baginda Maha Sura menjaga-nya.



Tapak rumah berhala yang bersejarah ini telah di-jumpai di-Permatang Pasir Kedah, berhala ini adalah sa-buah berhala Buddha, di-perbuat dengan batu tanah merah kira2 pada kurun ke-13 (Masehi).

Patut juga rasa-nya di-nyatakan di-sini bahawa Sungai Qilah itu dari semenjak babur Maharaja Derbar Raja itu masuk berlaboh di-dalam-nya, makin lama sa-makin hilang-lah nama Qilah di-sebut orang. Nama sungai itu bertukar sebutan-nya menjadi Sungai Babur.⁽¹⁾ Ada pun Sungai Babur itu ia-lah suatu simpang sungai besar sa-belah kanan, lalu ikut Simpang⁽²⁾ tembus ka-Permatang Pasir ka-Sungai Besar. Ada pun ayer yang turun daripada Baling Jeneri⁽³⁾ itu pula terus mengalir ka-Sungai Babur, dan perahu2 yang hilir-mudek itu menggunakan sungai itu. Suatu simpang lagi langsung ka-Sungai Betandin.⁽⁴⁾ Banyak

1. Lihat m.s. 4, Sungai Merbok.
2. Sa-buah Mukim dalam jajahan Kuala Muda, Kedah Tengah.
3. Sa-buah mukim dalam daerah Sik.
4. Atau Sungai Bertanding—satu chawangan sungai di-ulu sungai Merbok bertanding dengan Sungai Pasir. Daripada perkataan Sungai Bertanding ini dapat nama "Sungai Petani" sekarang.

lagi simpang² yang tiada di-sebutkan di-dalam tawarikh ini.

Ada pun akan Maharaja Maha Dewa itu apakala telah ramai penduduk di-suatu tempat maka ia hendak membuka dan meramaikan suatu tempat lain. Oleh yang demikian bermuafakat-lah baginda dengan segala menteri²-nya. Sa-telah putus-lah muafakat itu maka baginda pun membangunkan sa-buah kota tanah di-sabelah hilir, serta di-tanam buloh² di-sa- keliling-nya, dan di-atas kota itu di-perbuatkan tiga pintu gerbang, serta di-dirikan istana dan balai penghadapan di-dalam-nya. Dan lagi, banyak-lah rumah² di-dirikan di-keliling kota tanah itu.

Ada pun istana dan balai itu di-perbuat daripada kayu dan di-hias dengan awan mengawan⁽¹⁾ sogek-menyogek⁽²⁾ dan alat² perhiasan lain yang di-buat oleh orang² Melayu pada zaman itu. Hatta, tiada berapa lama siap-lah kota itu dan di-namai Kota Ok.⁽³⁾ Maka pada hari yang baik Maharaja Maha Dewa dengan sakalian isi istana-nya pun berangkat pergi bersemayam di-Kota Ok. Maka tetap-lah Maharaja Maha Dewa bersemayam di-Kota Ok memelihara segala ra'ayat isi negeri.

Seri Maharaja Karna di-Raja

Ada pun Maharaja Maha Dewa itu ada mempunyai tiga orang putera. Yang tuha-nya sa-orang laki² bernama Maha Karna dan yang dua lagi itu Maha puteri.⁽⁴⁾

Hatta, dalam hal yang demikian Maharaja Maha Dewa pun jatuh gering, dan gering baginda itu makin

-
1. Ukiran kayu selalu-nya di-tempatkan di-jenang pintu dan tingkap di-rumah² Melayu.
 2. Jenis ukiran.
 3. Atau Kota Wokatan, Kota Or—satu tempat dalam Mukim Sok, jajahan Sik, Timor Kedah 'Ok' dalam bahasa Siam bernama ana buloh, ia-itu buloh yang berduri, Kota Aur.
 4. Perempuan.

sa-hari menjadi sa-makin berat. Dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa maka Maharaja Maha Dewa pun meninggal dunia dan di-layankan oleh segala menteri2 penggawa mengikut adat pada masa itu. Sa-telah itu bermuafakat-lah segala menteri2 mengangkat paduka anakanda baginda Maha Karna menjadi raja menggantikan ayahanda baginda yang telah hilang itu. Baginda di-atas takhta bergelar Seri Maharaja Karna di-Raja. Maka tetap-lah Seri Maharaja Karna di-Raja menjadi raja bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Ok, memerintah Qalha dengan segala menteri2 penggawa-nya.

Ada pun Seri Maharaja Karna di-Raja itu tiada ia alpa⁽¹⁾ mengambil usaha di-atas pekerjaan negeri sama ada pekerjaan di-laut atau di-darat. Pada suatu masa baginda hilir ka-Kuala Babur langsung keluar ka-laut, serta singgah di-pulau2. Dari pulau2 itu baginda belayar masuk ka-Pulau Langkawi. Baginda tinggal di-sana sa-lama sa-bulan dua, demikian belayar masuk ka-Kuala Merpah. Tiada berapa lama kemudian baginda langsung belayar ka-Kuala Bara, Demikian-lah hal Maharaja itu, tiap2 tahun keluar-lah ia belayar ka-merata2 tempat di-dalam perentah-nya. Akan Tan Dermadewa dan Tun Perkasa pun ditambah pekerjaan masing2 ia-itu menjaga tempat2 yang tersebut itu, dan peratoran Menteri2 Keempat, Menteri2 Delapan dan Menteri Enam belas pun diperkuatkan dan pekerjaan masing2 di-tentukan. Dalam hal yang demikian di-bangunkan sa-buah kota di-hilir Kota Ok, di-perbuat dengan chukup peratoran kota dan di-hias dengan berbagai2 perhiasan yang terdapat pada zaman itu, dan chukup dengan balai istana di-dalam-nya. Tiada berapa lama kemudian siap-lah kota itu dan di-namai Kota Arong2an.

Hatta apabila sampai hari yang baik Maharaja Karna di-Raja dan sakalian isi istana baginda pun

1. Kechuaian, kelengahan, kelalaian.

berangkat-lah pergi bersemayam di-Kota Arong2an. Maka tetap-lah Seri Maharaja Karna di-Raja di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Arong2an, memerintah negeri Qalha dengan sakalian menteri2 penggawa-nya, dan memelihara-kan ra'ayat isi negeri. Ada pun Seri Maharaja Karna di-Raja itu ada mempunyai dua orang putera; sa-orang daripada-nya laki2 bernama Maha Kerma dan sa-orang lagi itu Maha Puteri.

Hatta pada masa Seri Maharaja Karna di-Raja memerintah itu bertambah2 ramai-lah orang dari luar negeri masok berniaga dan berjual beli dengan orang2 Qalha. Sa-tengah daripada mereka itu membuka dan menambah tempat kediaman di-sana, dan ada yang menchari tanah untok membuat kelian di-dalam jajahan Qalha. Kadang2 datang dagangan dari India dan Burma. Maka termashhor-lah nama bandar itu pada masa itu dan pernah bandar itu di-katakan sa-buah bandar yang besar di-dalam negeri Qalha.

Seri Paduka Maharaja Kerma

Dalam hal yang demikian itu Seri Maharaja Karna di-Raja pun jatuh gering. Dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa Seri Maharaja Karna di-Raja pun meninggal dunia. Maka di-layankan oleh segala menteri2 mengikut adat pada masa itu. Kemudian bermuafakat-lah sakalian menteri2 penggawa mengangkat paduka anakanda baginda Maha Kerma menjadi raja mengganti paduka ayahanda baginda yang telah hilang itu. Baginda di-atas takhta bergelar Seri Paduka Maharaja Kerma. Maka tetap-lah Seri Paduka Maharaja Kerma di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Arong2an memerintah negeri Qalha dengan segala menteri2 penggawa-nya.

Hatta, Seri Paduka Maharaja Kerma pun bermuafakat dengan segala menteri2-nya hendak menam-

4

bah bandar di-Bukit Meryam.⁽¹⁾ Apakala putus muafakat yang tersebut itu maka di-buka-lah bandar di-Bukit Meryam itu. Ada pun pada masa itu Kota Arong2an dan bandar Bukit Meryam menjadi mashhor dan selalu bandar2 itu di-sebut orang bandar yang besar. Ramai orang dari Siam, Ligor, Chai, Burma dan Pegu datang masok mengambil tanah untok di-buat kelian dan kampong halaman, serta berchampur darah dengan orang2 Qalha. Ada pun Seri Paduka Maharaja Kerma itu ada mempunyai dua orang putera. Putera-nya yang tuha laki2 bernama Maha Dewa dan yang sa-orang lagi itu ia-lah Maha Puteri.

Ada pun Kota Arong2an itu jauh daripada sungai. Oleh hal yang demikian Seri Paduka Maharaja Kerma bermuafakat dengan menteri2-nya hendak mengorek⁽²⁾ suatu simpang tembus ka-laut. Apakala putus muafakat yang demikian itu maka di-mulakan pekerjaan mengorek itu, ia-itu daripada Batang Pasir lalu berhampiran dengan Kota Arong2an di-sabelah selatan, langsung tembus ka-laut. Hatta tiada berapa lama kemudian siap-lah sungai itu. Maka sungai yang menyimpang pergi ka-Babur itu di-jajar⁽³⁾ di-kambus dengan batu, tiada di-beri ayer ulu turun ikut sungai itu, tetapi di-beri turun ikut sungai besar yang baharu di-korek terbit ka-laut itu. Pada masa itu-lah di-sebut orang Sungai Kuala Muda.⁽⁴⁾

Seri Paduka Maharaja Maha Dewa

Ada pun Seri Paduka Maharaja Kerma itu tiada ia alpa menchari jalan bagi memelihara ra'ayat isi negeri dan mengambil hati segala dagang senteri.⁽⁵⁾ Dalam hal yang demikian Seri Paduka Maharaja

1. Bukit Meryam ia-lah sa-buah Mukim dalam Daerah Kuala Muda, Kedah Tengah.
2. Menggali.
3. Di-tutup dengan mengisi sa-suatu atau di-ampang.
4. Sa-batang Sungai dalam Daerah Kuala Muda, Kedah Tengah.
5. Orang2 asing dan penuntut2 ilmu yang mengembara.

Kerma pun jatuh gering, dan dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa Seri Paduka Maharaja Kerma pun meninggal dunia. Maka di-layankan oleh segala menteri penggawa akan baginda mengikut adat pada masa itu. Sa-telah itu bermuafakat-lah sakalian menteri² penggawa mengangkat paduka anakanda baginda Maha Dewa menjadi raja menggantikan paduka ayahanda baginda yang telah hilang itu. Baginda di-atas takhta bergelar Seri Paduka Maharaja Maha Dewa. Maka tetap-lah Seri Paduka Maharaja Maha Dewa di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Arong²an, memerintah negeri Qalha dengan segala menteri² penggawa-nya. Baginda itu tiada alpa mengambil ketahui hal ahwal negeri. Maka kerap-lah Seri Paduka Maharaja Maha Dewa dan menteri²-nya berulang alek ka-Bukit Meryam. Kadang² baginda pergi ka-Kuala Muda, langsung ka-laut bermain² di-pulau², dan kadang² baginda singgah bermain² di-pantai Sungai Babur.

Maka Seri paduka Maharaja Maha Dewa pun bermuafakat dengan menteri²-nya hendak membuat sa-buah kebun dan taman di-sabuah bukit yang kechil di-bahu Kuala Babur untok tempat bermain. Di-dalam kebun itu di-dirikan rumah² dan balai². Hatta, tidak berapa lama kemudian kebun itu pun siap-lah, chukup dengan perhiasan. Kebun itu kemudian-nya di-beri kapada paduka adinda Maha Puteri bagi tempat kediaman-nya bersama suami-nya. Akhirnya kebun itu di-sebut orang Bukit Puteri,(¹) demikian-lah ada-nya.

Ada pun Seri Paduka Maharaja Maha Dewa itu ada mempunyai dua orang putera laki². Putera-nya yang tuha bernama Maha Derma dan yang muda bernama Maha Putera. Ada pun Seri Paduka Maha-

1. Sa-buah Bukit dalam Mukim Bukit Meryam berdekatan dengan Sungai Merbok.

raja Maha Dewa itu apabila ia hendak membuat sesuatu pekerjaan bermuafakat-lah ia dengan segala menteri2-nya bagi menentukan masing2 pekerjaan itu. Hatta, dalam hal yang demikian Seri Paduka Maharaja Maha Dewa pun jatuh gering. Dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa Seri Paduka Maharaja Maha Dewa pun meninggal dunia. Maka dilayankan oleh segala menteri2 penggawa-nya mengikut adat pada masa itu.

Seri Paduka Maharaja Derma Raja

Sa-telah itu bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa mengangkat paduka anakanda baginda Maharaja Derma menjadi raja menggantikan paduka ayahanda baginda yang telah hilang itu. Gelaran baginda di-atas takhta kerajaan ia-lah Seri Paduka Maharaja Derma Raja. Maka tetap-lah Seri Paduka Maharaja Derma Raja menjadi raja bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Arong2-an memerintah negeri Qalha dengan segala menteri2 penggawa-nya. Ada pun Seri Paduka Maharaja Derma Raja itu apabila hendak membuat sa-suatu pekerjaan bermuafakat-lah baginda dengan segala menteri2-nya.

Dalam hal yang demikian baginda membuka dan menambah tempat2 kediaman dan mengator orang2 supaya mendudoki tempat2 itu, ia-itu daripada Kota Arong2an hingga sampai ka-Bukit Meryam dan Bukit Puteri, dan sampai ka-Sungai Babur. Maka ramai-lah orang2 yang mendudoki tempat2 ini. Dalam pada itu di-buat juga sa-buah tempat yang kuat di-kaki bukit di-tepi Sungai Babur bagi menaruh orang2 yang membuat kesalahan atau orang2 yang derhaka. Maka tempat itu di-namai penjara.⁽¹⁾

Sa-telah itu Seri Paduka Maharaja Derma Raja bermuafakat dengan segala Menteri2-nya mem-

1. Bukit itu sampai sekarang di-sebut orang Bukit Penjara.



Bukit Meryam dalam daerah Kuala Muda.

bangunkan sa-buah kota di-Bukit Meryam. Hatta, tiada berapa lama kemudian siap-lah kota itu, chukup dengan istana dan balai penghadapan dan di-hiaskan dengan berbagai2 perhiasan di-dalam-nya. Apabila sampai waktu yang baik berangkat-lah Seri Paduka Maharaja Derma Raja dengan sakalian isi istana-nya bersemayam di-kota Bukit Meryam itu. Maka akan Kota Arong2an itu di-tinggalkan kepada paduka adinda Maha Putera menjaga-nya. Ada pun Seri Paduka Maharaja Derma Raja itu ada mempunyai sa-orang putera laki2 bernama Maha Jiwa.

BAB II

PERHUBONGAN DENGAN NEGERI2 LUAR (TENANGSARI DAN LIGOR)

Peperangan di-Padang Jangam

Al-kesah maka tersebut-lah sa-orang raja di-negeri Tenangsari daripada bangsa Burma, bersiapkan angkatan peperangan yang besar hendak datang mena'alok negeri Qalha. Apabila telah siap hulubalang pahlawan dan ra'ayat sakalian-nya hendak menyerang Qalha, maka ia pun berjalan-lah menuju ka-negeri Qalha.

Sa-bermula berita kedatangan angkatan Raja Tenangsari hendak menyerang dan mena'alok negeri Qalha itu di-dengar oleh Seri Paduka Maharaja Derma Raja di-kota Bukit Meryam. Maka bermuafakat-lah Seri Paduka Maharaja Derma Raja dengan paduka adinda Maha Putera dan segala menteri2 hendak mengadakan musoh di-Padang Jangam⁽¹⁾ kerana di-situ padang-nya besar. Apabila telah putus muafakat yang tersebut itu paduka adinda Maha Putera di-angkat menjadi kepala angkatan peperangan itu. Maka bersiap-lah segala hulubalang pahlawan dan sakalian ra'ayat lalu berangkat menuju ka-Padang Jangam.

Hatta, apabila sampai-lah sakalian-nya di-Padang

1. Mungkin Padang Besar sekarang. Nama Padang Jangam tidak di-gunakan lagi sekarang.

Jangam itu maka di-perbuat oleh mereka tempat perhentian, dan di-korek sa-buah kolam besar supaya senang ra'ayat-nya mengambil ayer dalam masa peperangan. Maka tiada berapa lama kemudian sampai-lah angkatan Raja Tenangsari dengan sakalian hulubalang pahlawan dan ra'ayat-nya di-Padang Jangam. Maka angkatan Raja Tenangsari itu di-sekat oleh Maha Putera dan segala hulubalang pahlawan dan ra'ayat-nya sakalian. Maka berperang-lah kedua pihak itu. Ramai-lah yang mati dan luka di-antara kedua2 pihak itu. Maka dalam masa peperangan itu Raja Tenangsari membuat tempat perhentian dan mengorek sa-buah kolam besar di-sabelah matahari jatuh bertentangan dengan tentera Maha Putera.

Maka berita mengenai peperangan yang tersebut itu, dan berita musoh dari negeri Tenangsari melanggar negeri Qalha hingga menyebabkan peperangan antara kedua2 pihak di-padang Jangam itu pun sampai-lah kepada Raja Ligor. Maka Raja Ligor pun menghimpunkan segala hulubalang pahlawan dan ra'ayat-nya sakalian hendak pergi membantu Maha Putera. Hatta, tiada berapa hari kemudian sampai-lah angkatan Raja Ligor itu lalu masuk berperang membantu angkatan Maharaja Putera. Maka ramai-lah yang mati dan luka antara kedua2 pihak itu.

Ada pun peperangan yang tersebut berlaku hingga sa-tahun lama-nya. Akhir-nya Raja Tenangsari pun undor-lah. Pada ketika itu berpechah-belah-lah segala ra'ayat Raja Tenangsari lari balek ka-negeri mereka. Hatta, maka dudok-lah Raja Ligor di-Padang Jangam bersuka2an dengan Maha Putra. Tiada berapa hari kemudian maka Raja Ligor pun bermohon kepada Maha Putra hendak berangkat balek bersama2 dengan angkatan-nya ka-negeri Ligor. Sa-telah itu Maha Putra dan angkatan-nya pun berangkat balek ka-Bukit Meryam menghadap paduka kakanda baginda Seri Paduka Maharaja Derma Raja me-

ma'alumkan hal peperangan dan pertolongan Raja Ligor. Ada pun Maha Putra itu ada mempunyai dua orang putera-nya maha puteri.

Menghantar bunga emas, bunga perak ka-Ligor

Hatta, pada suatu hari Seri Paduka Maharaja Derma Raja bermuafakat dengan paduka adinda baginda Maha Putra dan Menteri Keempat dan Menteri Delapan hendak membalas kebajikan Raja Ligor yang membantu Maha Putra di-dalam peperangan menentang Raja Tenangsari di-Padang Jangam itu. Sa-telah putus muafakat yang tersebut itu mereka membuat ketetapan hendak membuat sa-pohon bunga emas dan sa-pohon bunga perak; tiap2 sa-pohon itu mempunyai empat chabang, untuk di-hantarkan kepada Raja Ligor. Barang² lain yang hendak di-hantar itu termasuk juga dua kayu kain khasa berkepala benang emas dan dua belas buah perisai dan dua belas utar²(¹) dan dua belas batang tombak, dua belas batang lembing dan dua belas kayu kain puteh. Ada pun bunga emas bunga perak itu ia-lah untuk mengganti perbelanjaan peperangan; tombak dan lembing, perisai dan utar² itu ia-lah untuk menggantikan senjata hulubalang pahlawan yang binasa, dan kain puteh itu di-berikan kepada ra'ayat kerana menggantikan kain yang binasa dalam masa peperangan. Demikian-lah ma'ana-nya balasan itu.

Maka di-perbuatkan sa-puchok surat mengenai persembahan² dan tujuan persembahan itu. Apakala telah siap maka surat itu pun di-serahkan kepada Tan Dermadewa yang di-angkat menjadi utusan pergi ka-Ligor bersama² dengan empat orang ketuha² dan sa-ratus orang yang mengiring bunga emas bunga perak yang tersebut itu. Maka Tan Dermadewa pun naik gajah berjalan menuju ka-negeri Ligor.

1. Perisai kechil berbentuk bundar daripada tembaga atau besi.

Hatta, tiada berapa lama kemudian sampai-lah mereka itu di-negeri Ligor, lalu Tan Dermadewa pun masuk mengadap raja Ligor di-balai penghadapan mempersembahkan kapada-nya surat serta bunga emas bunga perak dan segala alat2an yang di-bawa-nya itu. Maka persembahan2 itu di-terima oleh Raja Ligor dengan beberapa kesukaan dan puji2an. Kehendak⁽¹⁾ puji2an itu ia-lah supaya perhubungan antara kedua2 buah negeri itu akan tinggal berkaseh2an sampai ka-anak chuchu chichit. Sa-lepas itu Raja Ligor bertitah kapada orang2 besar-nya supaya menyiapkan tempat tinggal, dan makanan dan alat2 persiapan lain untuk utusan dari Qalha, dan di-perintah supaya jangan membiarkan Tan Dermadewa dan orang2-nya berkurangan suatu barang pun. Maka Tan Dermadewa pun bermohon pergi berhenti di-tempat tinggal yang tersebut.

Balasan dari Ligor

Maka Raja Ligor pun bermuafakat dengan Menteri2-nya hendak membalas hantaran Seri Paduka Maharaja Derma Raja itu. Maka sa-telah putus muafakat itu, mereka pun membuat ketetapan hendak membalas hantaran itu dengan menghadihkan gaharu dan kemenyan dan delapan ratus gantang beras untuk di-jadikan bekalan orang2 Qalha yang hendak balek, serta di-kurniakan persalinan kapada Tan Dermadewa dan empat orang ketuha2 lain itu. Sa-puchok surat di-tuliskan mengatakan yang barang2 yang di-hantar oleh Seri Paduka Maharaja Derma Raja saperti yang tersebut di-dalam surat baginda itu ia-itu bunga emas bunga perak dan alat2an lain yang di-bawa oleh Tan Dermadewa sudah di-terima. Sa-bahagian surat itu berbunyi lebeh kurang bagini: "Perhamba dan segala menteri2 perhamba sangat suka hati menerima pemberian Seri Paduka Ma-

1. Tujuan.

haraja itu. Dan lagi perhamba dengan segala menteri2 sangat besar hati suka hendak memandangi lagi hari yang ka-hadapan bunga emas bunga perak hantaran Seri Paduka Maharaja tiap2 tiga tahun sekali, supaya tiada berkeputusan kaseh berkasehan dan tiada boleh lupa sampai ka-anak chuchu chichit turun-temurun memandangi bunga emas bunga perak Qalha itu. Dan Perhamba dengan segala menteri2 ingat tentu-lah Seri Paduka Maharaja terlebih suka hati hendak hantar seperti perhamba buka hati sebut kata itu." (1)

Apakala telah siap surat yang tersebut itu disimpulkan, maka Tan Dermadewa dengan empat orang ketuha2 itu pun pergi mengadap Raja Ligor di-balai penghadapan. Raja Ligor menganugerahkan persalinan kepada mereka itu serta memberi surat dan bingkisan (2) dan hadiah2 lain kepada Tan Dermadewa. Apakala telah selesai, Tan Dermadewa dan pengiring2 sakalian-nya pun bermohon balek ka-Qalha. Sa-telah tiada berapa lama dalam perjalanan, Tan Dermadewa dan pengiring2-nya sakalian itu pun sampai-lah di-kota Bukit Meryam, lalu masuk mengadap baginda mempersembahkan surat dan bingkisan serta mema'alumkan hal ahwal-nya di-Ligor itu. Maka Seri Paduka Maharaja Derma Raja pun menitahkan menteri-nya membacha surat itu. Maka di-bacha oleh menteri akan surat itu dengan nyaring suaranya. Maka harti-lah (3) mereka itu akan segala yang tersebut di-dalam surat itu. Maka Seri Paduka Maharaja Derma Raja pun bermuafakat dengan segala menteri-nya fasal bunga emas bunga perak yang dikehendaki Raja Ligor itu. Maka keputusan muafakat itu ia-lah menetapkan hendak menghantarkan bunga

1. Bahagian surat ini di-salin terus dari teks asli tanpa membuat apa2 pindaan.
2. Hadiah atau pemberian yang di-kirim bersama2 surat tahni'ah atau puji2an.
3. Paham-lah.

emas bunga perak tiap2 tiga tahun sa-kali tanda berkaseh2an sa-bagaimana di-kehendaki Raja Ligor itu.

Ada pun bunga emas bunga perak yang tersebut itu tiada-lah mahu di-sebut lagi di-dalam tawarikh ini kerana penghantaran-nya kapada Raja Ligor tiap2 tiga tahun sa-kali itu sudah menjadi adat.

Seri Paduka Maharaja Maha Jawa

Hatta, kemudian daripada itu Seri Paduka Maharaja Derma Raja pun jatuh gering. Sa-makin sa-hari gering-nya itu menjadi sa-makin berat. Dengan kekuasaan Tuhan Yang Maha Kuasa Seri Paduka Maharaja Derma Raja pun meninggal dunia. Maka di-layankan oleh segala menteri2 penggawa-nya mengikut adat pada masa itu. Maka paduka anakanda baginda Maha Jawa di-angkat menjadi raja mengganti paduka ayahanda yang telah hilang itu. Gelaran baginda di-atas takhta kerajaan ia-lah Seri Paduka Maharaja Maha Jawa. Maka tetap-lah Seri Paduka Maharaja Maha Jawa bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana kota Bukit Meryam, memerintah negeri Qalha dengan segala menteri2 penggawa-nya.

Ada pun Seri Paduka Maharaja Maha Jawa di-atas kerajaan itu kerap-lah berulang alek pergi ka-Pulau Langkawi, membuka dan menambah tempat2 kediaman dan menetapkan ketuha2 bagi menjaga Pulau Langkawi dan juga Du'ai⁽¹⁾ dan Marpah dan Kuala Bara. Apabila sampai masa-nya, baginda pun berangkat balek ka-Kota Bukit Meryam. Demikian-lah hal Seri Paduka Maharaja Maha Jawa itu. Ada pun Seri Paduka Maharaja Maha Jawa itu ada mempunyai empat orang putera. Yang tuha laki2 ber-

1. Atau Dni ia-lah suatu tempat yang mungkin juga sekarang ini di-sebut Tanjong Dawai. Kedudukan-nya ia-lah di-Kuala Sungai Merbok, sa-belah utara bertentangan dengan Bukit Meryam.

nama Maha Derbar dan yang muda bernama Maha Karna, dan yang dua orang lagi maha puteri.

Seri Paduka Maharaja Derbar Raja

Hatta, pada masa Seri Paduka Maharaja Maha Jewa memerintah negeri Qalha itu, tiada ia alpa di atas pekerjaan negeri dan mengambil insaf di atas segala ra'ayat isi negeri. Dalam hal yang demikian Seri Paduka Maharaja Maha Jewa pun jatuh gering. Dengan kehendak Tuhan Yang Maha Kuasa Seri Paduka Maharaja Maha Jewa pun meninggal dunia, dan di-layankan oleh segala menteri2-nya mengikut adat pada masa itu. Sa-telah itu bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa mengangkat paduka anakanda baginda Maha Derbar menjadi raja menggantikan paduka ayahanda baginda yang telah hilang itu. Gelaran baginda di atas takhta ia-lah Seri Paduka Maharaja Derbar Raja. Maka tetap-lah Seri Paduka Maharaja Derbar Raja di atas takhta kerajaan wang istana di-Kota Bukit Meryam memerintah negeri Qalha dengan segala menteri2 penggawa-nya.

Ada pun Seri Paduka Maharaja Derbar Raja itu kerap-lah berulang alek melihat jajahan di-sabelah selatan. Kadang2 baginda singgah bermain2 di-Sungai Pinang⁽¹⁾ dan lain2 Pulau yang kechil2. Dua kali dalam sa-bulan baginda berangkat balek ka-istana Bukit Meryam. Ada pun Sungai Babur itu lama kelamaan hanyut-lah nama asal-nya dan kemudian-nya di-sebut orang Sungai Merbok, Kuala Merbok, demikian-lah.

1. Mungkin juga sungai di-Pulau Pinang yang sekarang ini masih lagi di-panggil Sungai Pinang.

BAB III

QALHA MENDAPAT CHAHAYA ISLAM

Raja Qalha memelok ugama Islam

Sa-bermula tersebut-lah sa-orang pendita daripada bangsa Arab bernama Tuan Shaikh Abdullah bin Tuan Shaikh Ahmad bin Tuan Shaikh Ja'afar Qaumiri⁽¹⁾ keluar daripada negeri Shahrir⁽²⁾ yang di-bawah perentah Yaman, belayar dengan sa-buah beghalah⁽³⁾ bersama2 dengan sa-belas orang kawan-nya. Maka dalam tahun Hijrah lima ratus tiga puloh satu (531) sampai-lah beghalah Tuan Shaikh Abdullah itu di-negeri Qalha. Maka Tuan Shaikh Abdullah pun masok mengadap Seri Paduka Maharaja Derbar Raja menzahirkan hukum2 ugama Islam kepada baginda. Maka Tuan Shaikh Abdullah pun dudok-lah di-dalam negeri Qalha memberi nasihat kepada Seri Paduka Maharaja Derbar Raja dan kepada segala menteri2-nya mengikut jalan ugama Islam. Dengan kurnia Allah Subhanahu wa-Ta'ala di-atas hamba-Nya, maka telah beriman-lah Seri Paduka Maharaja Derbar Raja dan segala menteri2-nya.

Hatta, dalam lima tahun, di-kurnia Allah Ta'ala lendit-lah⁽⁴⁾ ugama Islam oleh kerana bijaksana-nya

1. Satu kaum bangsa Arab saperti yang di-guna oleh 'Syed2', saperti Albar, Alsagoff dll.
2. Mengikut Salasilah ini ia-lah satu tempat dalam perentah Yaman. Tidak di-ketahui jika tempat ini di-panggil dengan nama itu lagi sekarang.
3. Beghalah atau Baghalah; mungkin juga perkataan Arab atau Parsi yang dalam keamanan Tuhan.
4. Seumpurna; rapi.

Tuan Shaikh menzahirkan ilmu ugama dan hal2 lain itu. Maka Seri Paduka Maharaja Debar Raja pun sangat sayang akan Tuan Shaikh Abdullah itu. Demikian juga segala menteri2 hulubalang penggawa sakalian, semua-nya sayang pada Tuan Shaikh itu. Maka dalam hal yang demikian bertambah2 ramai-lah orang yang memelok ugama Islam, serta pula diperkuatkan oleh Seri Paduka Maharaja dan segala menteri2-nya akan kedudukan ugama Islam.

Mengubah nama negeri dan Sultan

Maka Tuan Shaikh Abdullah pun bermuafakat dengan menteri2 dan orang besar2 mema'alumkan dan memohon supaya Seri Paduka Maharaja mengubah nama negeri. Maka di-kabulkan oleh Seri Paduka Maharaja akan maksud Tuan Shaikh dan menteri-nya itu. Apakala Tuan Shaikh Abdullah mendengar titah yang demikian itu maka ia pun bangkit menjunjong duli lalu menghadap kiblat dan mendirikan sembahyang Tuan Shaikh Abdullah pun menghadap ka-arah Seri Paduka Maharaja Debar Raja, berseru2 nama Sultan tujuh kali, kata-nya, "Daulat Tuan-ku Shah Alam dzilla 'l-lahu fil-'alam Sultan al-Muzafar Shah." Kemudian-nya ia berseru2 nama negeri tujuh kali ia-itu negeri "Kedah daru'l-aman." (1)

Sa-telah selesai berseru2 Tuan Shaikh Abdullah pun membacha do'a yang panjang ya'ani minta Allah Subhanahu wa-Ta'ala selamatkan Sultan dan negeri Kedah daru'l-aman turun-temurun sampai ka-anak2 chuchu chichit Sultan sa-moga berkekalan di-atas takhta kerajaan sa-lama2-nya. Sakalian menteri hulubalang dan penggawa mengatakan "Amin!" (2)

Maka nobat pun di-mainkan, nafiri di-tiupkan dan gendang besar dan gong pengerah di-balai rong seri

1. Negeri yang dalam keamanan Tuhan.
2. Perkenankan-lah.

pun di-palu orang-lah terlalu gemuroh bunyi-nya menanda kesukaan isi negeri. Apabila selesai bunyi2-an itu di-mainkan orang, Tuan Shaikh Abdullah pun berdatang sembah, "Patek harap patut-lah Shah Alam berikan hukum⁽¹⁾ kepada Kalau nobat⁽²⁾ supaya nobat di-mainkan pada tiap2 hari Juma'at dari pagi sampai ka-rembang⁽³⁾ sa-banyak tujuh kali supaya di-ketahui oleh isi negeri yang hari itu ada-lah hari yang mulia. Pada hari2 lain nobat patut-lah di-



Pasokan Nobat di-Raja Kedah sedang bermain di-Istana Negara pada bulan Mei, 1962. (Dengan ihsan Arkib Negara).

mainkan dahulu daripada sembahyang maghrib memberi ingatan waktu sembahyang maghrib, dan keduanya di-mainkan dahulu daripada sembahyang isha'; dan ketiga di-mainkan dahulu daripada awal suboh supaya di-ketahui orang yang waktu suboh sudah hampir; dan di-mainkan yang keempat kalinya supaya di-ketahui orang bahawa waktu suboh sudah

1. Perintah.
2. Orang2 yang turun-temurun menjadi ahli2 pasokan gendang nobat.
3. Pukul dua belas tengah hari.

masuk." Maka di-perkenankan oleh Duli Baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia Sultan saperti dinasihatkan Tuan Shaikh Abdullah itu, lalu duli baginda Sultan menitahkan menteri memberi hukum kepada Kalau nobat suroh mainkan nobat sa-bagaimana di-kehendaki oleh Tuan Shaikh Abdullah itu.

Ada pun Sultan al-Muzafar Shah memerintah negeri Kedah ini dengan adil-nya, dan sentiasa mengambil insaf di-atas segala ra'ayat isi negeri dan sangat kaseh akan segala menteri2-nya. Hatta, tiada berapa lama kemudian duli baginda Sultan pun muafakat-lah dengan segala menteri2-nya hendak menggunakan nama-nya yang asal itu sa-bagai pangkat2 kapada Menteri Keempat, Menteri Delapan dan Menteri Enam Belas. Nama Sultan yang asal itu ia-lah Seri Paduka Maharaja Derbar Raja. Maka nama yang tersebut itu di-kurniakan kapada menteri2 mengikut pangkat dan taraf-nya masing2. Demikianlah hal-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menetapkan adat gelaran ka-atas menteri2-nya.

X *Membuat bendahara⁽¹⁾ (menara)*

Shahadan, maka pada suatu hari duli baginda Sultan bertanya Tuan Shaikh Abdullah; "Apa yang menjadi kemuliaan di-dalam tanah Arab?" Maka sembah Tuan Shaikh Abdullah, "Ada-lah yang menjadi kemuliaan di-tanah Arab sa-lain daripada masjid ia-lah menara, ia-itu tempat orang2 bang dan memuji2 nama Tuhan dan Rasul. Jika Shah Alam hendak membuat menara itu patek pun boleh petakan sifat-nya." Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun suka mendengar sembah Tuan Shaikh Abdullah itu. Duli baginda Sultan pun menitahkan menteri2 suroh menchari juru2 perbuat bata dan pandai besi. Hatta, selang tiada berapa lama kemudian bata2 itu

1. Menara; bangunan yang tinggi di-masjid tempat mu'azzan (tukang bang) menjemput orang2 datang sembahyang.

pun siap-lah. Maka duli baginda Sultan dan Tuan Shaikh Abdullah dan menteri2 pun berangkat naik atas Gunong Jerai⁽¹⁾ hendak menchari tempat untuk di-buat menara yang akan menjadi suatu tanda ingatan bagi hari yang kemudian akan masa berubah-nya nama raja dan nama negeri itu. Maka mereka itu pun sampai-lah di-merchu⁽²⁾ Gunong Jerai itu. Maka di-perkenankan oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia akan tempat itu di-jadikan tapak bagi bangunan yang tersebut itu. Maka menteri2 pun memberi hukum pada ra'ayat suroh membawa naik bata2 yang sudah siap itu ka-merchu Gunong Jerai. Maka bata itu di-angkat orang-lah. Maka juru2 bata dan pandai2 besi pun berhimpun di-Gunong Jerai itu membuat seperti yang di-kehendaki Tuan Shaikh Abdullah itu. Demikian-lah tiap2 hari di-perbuat orang pekerjaan itu. Maka apabila sudah tentu-lah pekerjaan itu, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat kembali ka-istana-nya.

✕ *Tuan Shaikh Abdullah meninggal dunia*

Ada pun Tuan Shaikh Abdullah itu tiap2 hari duduk menjaga pekerjaan itu sa-lepas menunjak ajar akan chara2 membuat bendahara itu ia pun turun berhenti di-suatu padang yang berhampiran dengan tempat orang2 membuat bendahara di-atas Gunong Jerai itu. Demikian-lah hal-nya Tuan Shaikh Abdullah itu sa-hari2. Maka tapak bendahara itu pun hampir hendak siap. Maka di-takdirkan Tuhan Subhanahu wa-Ta'ala Tuan Shaikh Abdullah pun jatuh sakit. Maka di-ma'alumkan oleh menteri kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-Kota Bukit Meryam, mengatakan Tuan Shaikh Abdullah sakit. Maka duli

1. Gunong Jerai sekarang. Gunong ini ada-lah yang tertinggi sekali dalam negeri Kedah. Mengikut cherita lama yang agak boleh di-perchayai gunong ini asal-nya ada-lah sa-buah pulau yang di-panggil Pulau Serai.
2. Kemunchak; punchak

baginda Sultan pun berangkat naik ka-atas Gunong Jerai melihat Tuan Shaikh yang sakit itu. Maka banyaklah wasiat⁽¹⁾ Tuan Shaikh kepada Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu: "Hendak-lah Shah Alam berbanyak sabar dan insaf di-atas sakalian hamba Allah isi negeri, kerana itu-lah makam⁽²⁾ segala raja2. Dan patek harap jika habis umor patek hendak-lah Shah Alam tanamkan patek di-tempat ini." Sa-telah habis wasiat-nya, Tuan Shaikh Abdullah pun kembali ka-rahmatu'l-lahi ta'ala. Maka di-perintah oleh duli baginda Sultan menyimpan mayat Tuan Shaikh Abdullah di-padang itu juga. Maka padang itu-lah di-sebut orang Padang To' Shaikh.⁽³⁾ Sa-telah selesai menyimpan Tuan Shaikh itu, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat balek ka-istananya dengan kemashghulan.


Ada pun duli baginda Yang Maha Mulia itu ada mempunyai tiga orang putera laki2; yang tuha bernama Tengku Mu'azzam di-beri memerintah sa-buah kota di-sabelah utara bernama Kota Palas⁽⁴⁾ dalam mukim wang Tepus⁽⁵⁾ dan menjaga-nya daripada sakalian musoh2 dari sa-belah utara. Yang tengah bernama Tengku Sulaiman di-beri berpangkat Raja Laksamana bergelar Tengku Seri Paduka Raja Laksamana. Ia di-beri memerintah Pulau Langkawi serta lain2 pulau hingga sampai ka-Kuala Prai,⁽⁶⁾ dan menjaga-nya daripada musoh2 dari sa-belah laut. Yang bongsu bernama Tengku Mahmud di-beri

1. Pesanan atau amanah yang terakhir sa-kali sama ada dengan mulut atau surat.
2. Martabat, darjat.
3. Sa-buah padang di-kemunchak Gunong Jerai. Sampai sekarang di-panggil padang To' Shaikh.
4. Kota ini sudah tidak ada lagi sekarang.
5. Mukim Wang Tepus ia-lah mukim dalam jajahan Kubang Pasu dan maseh di-panggil dengan nama itu juga.
6. Sekarang di-sebut Kuala Prai dan Kuala Kerian — dalam Province Wellesley.

berpangkat Raja Muda, dan di-beri menjaga kota Ulu Mukim Padang Terab⁽¹⁾ daripada musuh2 dari sebelah timor. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun senang-lah hati-nya kerana putera2-nya sudah tetap dengan pekerjaan-nya masing2.

Sultan Mu'azzam Shah

Dalam hal yang demikian duli baginda Sultan pun jatuh gering. Maka gering itu makin sa-hari menjadi sa-makin berat. Dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam tahun Hijrah lima ratus tujuh puluh lima (575)⁽²⁾ pada tiga belas haribulan Safar Sultan al-Mudzaffar Shah pun mangkat. Maka ber-



Ini-lah yang di-perchayai makam Al-marhum Sultan Mudzaffar Shah negeri Kedah yang pertama memeluk agama Islam.

muafakat-lah segala menteri2 penggawa menabalkan paduka anakanda baginda yang tuha yang dudok di-Kota Palas bernama Tengku Mu'azzam Shah menjadi raja mengganti dan mengambil alih pekerjaan paduka ayahanda baginda duli al-marhum, bersemayam di atas takhta kerajaan wang istana Kota

1. Atau Padang Terap ia-lah satu jajahan dalam negeri Kedah. Pekan2 jajahan Padang Terap ia-lah Kuala Nerang.
2. Kira2 T. M. 1406.

Bukit Meryam. Maka akan jenazah Raja di-Raja al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri2 penggawa-nya di-makamkan di-langgar⁽¹⁾ Kota Bukit Meryam mengikut adat raja yang besar2. Maka tetap-lah Sultan Mu'azzam Shah memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan adil dan murah-nya, dan insaf memelihara segala ra'ayat isi negeri. Maka akan Kota Palas itu di-serahkan kepada Dato' Lela Pahlawan dan Panglima Jaya menjaga-nya.

Maka pada sembilan haribulan Jamdi'l-awal tahun Hijrah lima ratus tujuh puluh enam (576) duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermuafakat dengan segala menteri2-nya hendak membangunkan sa-buah kota di-Sungai Emas⁽²⁾ chukup dengan istana dan balai penghadapan dan tempat jaga2an, serta dengan balai kechil2 di-dalam-nya dan chukup dengan alat2an dan peratoran2 kota istana.

Sultan Muhammad Shah

Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai tiga orang putera dengan Paduka Bonda. Yang tuha laki2 bernama Tengku Muhammad dan yang tengah sa-orang perempuan bernama Tengku Putri dan yang bongsu juga sa-orang perempuan bernama Tengku Maheran. Hatta dalam hal yang demikian duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Makin sa-hari gering baginda menjadi sa-makin berat. Dengan takdir Allah Subhanu wa-Ta'ala pada delapan haribulan Sha'ban tahun Hijrah lima ratus sembilan puluh lapan (598) Sultan Mu'azzam Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa-nya menabalkan putera-nya Tengku Muhammad Shah

1. Permakaman keluarga raja2.

2. Sa-buah kampung dalam Mukim Kota Kuala Muda.

menjadi Sultan menurut adat yang telah di-adatkan, bersemayam di-atas singgahsana takhta kerajaan wang istana Kota Bukit Meryam. Maka akan jenazah Raja di-Raja paduka ayahanda al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda Sultan Muhammad Shah Yang Maha Mulia dengan segala menteri2 penggawa-nya di-makamkan di-langgar Kota Bukit Meryam saperti adat raja yang besar2. Maka tetap-lah Sultan Muhammad Shah di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya. Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu menjalankan adat peratoran negeri dengan chukup adil-nya.

Ada pun Duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera. Yang tuha laki2 bernama Tengku Muzzil Shah dan yang muda perempuan bernama Tengku Nor Aishah. Hatta, dalam hal yang demikian duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Makin sa-hari gering itu menjadi sa-makin berat. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada tiga belas haribulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah enam ratus tiga puluh empat (634) duli baginda Sultan Muhammad Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka bermuafakatlah segala menteri2 penggawa-nya menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Muzzil Shah menjadi sultan mengganti paduka ayahanda al-marhum sultan Muhammad Shah Yang Maha Mulia. Maka akan jenazah Raja di-Raja al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri2 penggawa-nya di-makamkan di-langgar Kota Bukit Meryam mengikut saperti isti'adat raja yang besar2. Maka tetap-lah Sultan Muzzil Shah di-atas takhta kerajaan wang istana kota Bukit Meryam memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan adil dan murah-nya, dan mengambil insaf di-atas segala ra'ayat isi negeri.

Maka pada enam haribulan Safar tahun Hijrah enam ratus tiga puluh lima (635) Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan segala menteri2-nya berangkat daripada Kota Bukit Meryam bersemayam di-Kota Sungai Emas yang di-sediakan oleh paduka nenda al-marhum itu. Maka tetap-lah Sultan Muzzil Shah di-atas takhta kerajaan di-kota Sungai Emas itu. Maka akan kota Bukit Meryam itu di-serahkan kepada Dato' Seri Paduka Enggraha Dewa menjaga-nya. Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera laki2 dengan Paduka Bonda. Yang tuha bernama Tengku Mahmud dan yang muda bernama Tengku Ahmad. Akan Dato' Lela Putera itu di-beri oleh Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia memerintah Kuala Perai⁽¹⁾ dan segala tanah jajahan2 lain.

Ada pun pada masa Sultan Muzzil Shah naik di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah, banyak-lah orang2 dari sa-belah Pulau Sumatera dan Jawa dan India masok ka-Kedah mengambil tanah untok di-buat tempat kediaman, dan lagi mereka itu datang membuka perniagaan di-sana. Pada ketika itu bertambah2 ramai-lah penduduk2 hingga ka-seberang Sungai Merbok dan sampai di-kaki Gunong Jerai kerana ma'mor, murah dan adil-nya Sultan itu.

X *Sultan Mahmud Shah*

Maka dalam tahun Hijrah enam ratus tiga puluh tujuh (637) duli baginda Sultan Yang Maha Mulia membuka dan menambah bandar negeri hingga sampai ka-Sungai Derap⁽²⁾ langsung ka-Bukit Penjara Kuala Sungai Merbok. Dalam hal yang demikian Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatoh

1. Sekarang di-eja "Prai".

2. Sa-buah anak sungai berdekatan dengan Kuala Sungai Merbok.

gering. Dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala Sultan Muzzil Shah Yang Maha Mulia pun mangkat pada delapan belas haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah enam ratus tujuh puluh sembilan (679). Maka bermuafakat-lah segala menteri² dan anak raja² menabalkan putera baginda Tengku Mahmud Shah menjadi Sultan bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Sungai Emas. Maka akan jenazah di-Raja al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri² penggawa-nya di-makamkan mengikut saperti isti'adat raja besar² di-langgar Kota Sungai Emas. Maka tetap-lah Sultan Mahmud Shah di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah dengan segala menteri² penggawa-nya dengan adil-nya serta sangat kaseh akan segala menteri² penggawa-nya dan sentiasa mengambil insaf di-atas segala ra'ayat isi negeri.

Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera dengan Tengku Aishah yang berpangkat Permaisuri. Yang tuha laki² bernama Tengku Ibrahim dan yang muda bernama Tengku Azlin. Maka pada suatu hari duli baginda Sultan Yang Maha Mulia persilakan segala menteri², bermuafakat mengangkat paduka adinda Tengku Ahmad menjadi Raja Muda. Maka dalam tahun Hijrah enam ratus delapan puluh satu (681) Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia menitahkan paduka adinda Tengku Ahmad Raja Muda pergi membangunkan suatu kota di-Siputeh⁽¹⁾ kerana menjaga segala musoh² di-sabelah utara, dan baginda menitahkan Menteri Keempat ia-itu Dato' Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa pergi membangunkan sa-buah kota di-ulu sungai Merpah, di-sabelah kanan sungai kalau mudek, di-tempat bernama Wang, bagi menjaga musoh di-sabelah Tenangsari. Maka di-

1. Sa-buah Mukim dalam Daerah Kubang Pasu dan maseh dipanggil dengan nama itu juga.



Kota Siputeh ini terletak 23 batu dari Alor Setar melalui jalan besar Jitra ka-Perlis. Kota ini di-bina di-antara Tahun Maschi 1374—1423 (Hijrah 775—826)

kerjakan oleh Dato' Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa seperti yang di-titahkan oleh baginda itu ia-itu membuat sa-buah kota dengan chukup peratoran kota peperangan. Apakala telah siap kota yang tersebut itu maka Dato' Paduka Maharaja Pahlawan Berma Raja di-lantek menjaga kota itu, dan di-lengkapkan chukup dengan sakalian panglima2 dan ra'ayat2 untok menjaga-nya. Maka Dato' Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa pun berangkat balek ka-kota Sungai Emas mema'alumkan hal ahwal kota yang sudah siap dan telah di-serahkan kapada Dato' Pahlawan Berma Raja itu; demikian-lah kesah-nya.

Shahadan lagi, Tengku Ahmad Raja Muda juga sudah siap membangunkan Kota Siputeh chukup dengan alatan2 kota, dan di-dirikan istana dan balai penghadapan di-dalam-nya. Maka di-keliling kota itu di-galikan parit dan di-tanamkan pokok2 buloh. Apakala telah siap kota itu, maka di-serahkan kapada Dato' Seraja Wang menjaga-nya. Sa-telah selesai serah menyerah kota itu, Tengku Ahmad Raja Muda pun berangkat balek mengadap paduka baginda

di-kota Sungai Emas mema'alumkan kapada baginda hal ahwal kota itu daripada mula di-dirikan hingga kapada di-serahkan kapada Dato' Seraja Wang.

✕ *Sultan Ibrahim Shah*

Tiada berapa lama kemudian Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Dengan Takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada lima belas Rabi'ul-akhir tahun Hijrah tujuh ratus dua puluh satu (721) Sultan Mahmud Shah Yang Maha Mulia pun mangkat-lah. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa-nya menabalkan putera baginda Tengku Ibrahim Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan bersemayam di-atas singgahsana takhta kerajaan wang istana kota Sungai Emas. Maka akan jenazah Raja di-Raja al-marhum itu di-perentahkan oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri2 dan orang besar2 di-makamkan mengikut adat raja yang besar2 di-langgar Kota Sungai Emas berhampiran dengan makam paduka ayahanda-nya Sultan Muzzil Shah Yang Maha Mulia. Maka tetap-lah Sultan Ibrahim Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah daru'l-aman dengan segala menteri2 penggawa-nya.

BAB IV

YANG PERGI DAN YANG DATANG

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera dengan Tengku Mala yang berpangkat Permaisuri. Putera-nya yang laki2 bernama Tengku Sulaiman dan yang muda bernama Tengku Abdul Rahman. Maka sa-puluh hari-bulan Jamadi'l-awal tahun Hijrah tujuh ratus dua puluh tiga (723) Sultan Ibrahim Shah Yang Maha Mulia dengan segala isi istana baginda berangkat daripada kota Sungai Emas bersemayam di-Kota Siputeh yang telah di-sediakan oleh paduka ayahanda Tengku Ahmad Raja Muda itu. Maka akan kota Sungai Emas itu di-perintah oleh paduka ayahanda Tengku Ahmad Raja Muda. Akan kota Bukit Meryam itu hingga sampai ka-sungai Kerian dan termasuk juga pulau2 yang bertentangan dengan Kerian di-serahkan oleh Tengku Ahmad Raja Muda kepada Dato' Tan Dermadewa menjaga-nya. Maka akan bahagian selatan itu Raja Muda-lah yang mengatorkan sakalian Dato'2 itu menjaga-nya.

Ada pun Sultan Ibrahim Shah itu memerintah negeri Kedah dengan adil-nya. Maka baginda menetapkan pangkat2 menteri2 dan jawatan-nya masing2. Maka akan negeri Kedah pada masa itu bertambah2 ramai-lah penduduk-nya dan termashhorlah nama-nya sampai ka-Pulau2 Sumatera dan ka-

tempat2 lain di-sabelah utara yang mengatakan negeri Kedah daru'l-aman ini sa-buah negeri yang besar dan berkuasa.

✕ *Sultan Sulaiman Shah*

Maka pada sa-belas haribulan Rajab tahun Hijrah tujuh ratus tujuh puluh lima (775) Sultan Ibrahim Shah Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Gering baginda itu makin sa-hari menjadi sa-makin berat. Akhirnya, dengan kekuasaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala baginda pun mangkat-lah. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa-nya menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Sulaiman Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan menggantikan dan mengambil alih pekerjaan paduka ayahanda baginda al-marhum bersemayam di-atas singgahsana takhta kerajaan di-Kota Siputeh. Akan jenazah Raja di-Raja al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia dengan segala menteri2 penggawa-nya di-makamkan di-langgar Kota Siputeh mengikut adat yang telah di-adatkan bagi raja yang besar2. Maka tetap-lah Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan limpah kemurahan-nya, serta menjalankan peratoran dan adat negeri.

✕ *Sultan Ata'Allah Muhammad Shah*

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera. Putera-nya yang tuha bernama Tengku Ata'Allah dan yang muda bernama Tengku Mansor. Maka pada suatu hari Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan segala menteri2-nya mengangkat paduka ayahanda Tengku Azilin menjadi Raja Menehara⁽¹⁾ bergelar Tengku Seri Paduka Maharaja

1. Menteri Yang Pertama; Raja Bendahara.

Sura. Maka pada lima belas haribulan Sha'ban tahun Hijrah delapan ratus dua puluh enam (826) Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka berhimpun-lah sakalian menteri2 di-balai rong berikhtiar mengubatkan baginda itu. Maka akan Tengku Ata'Allah dan Tengku Mansor tiada-lah jauh daripada paduka ayahanda baginda. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang melakukan kuasa-nya di-atas hamba-Nya, baginda pun mangkat-lah. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 peng-gawa menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Ata'Allah Muhammad Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan bersemayam di-atas takhta kerajaan di-Kota Siputeh. Akan jenazah Raja di-Raja al-marhum itu di-perentahkan oleh paduka anakanda baginda dan segala menteri2 dan orang besar2 di-makamkan di-langgar Kota Siputeh mengikut saperti isti'adat raja yang besar2. Maka tetap-lah Sultan Ata'Allah Muhammad Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya.

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai tiga orang putera dengan Che' Puan yang berpangkat Paduka Bonda. Yang tuha laki2 bernama Tengku Muhammad Jiwa dan yang tengah perempuan bernama Tengku Puteri dan yang bongsu juga perempuan bernama Tengku Po'. Baginda mempunyai sa-orang lagi putera laki2 bernama Tengku Othman dengan Tengku Permaisuri. Ada pun Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu sangat sabar dan sedikit sa-kali baginda itu murka akan hamba Allah.

Hatta, maka Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermuafakat dengan segala menteri2-nya mengangkat paduka adinda baginda Tengku Mansor menjadi Raja Muda mengganti pekerjaan paduka nenda al-marhum Tengku Ahmad Raja Muda yang

telah mangkat di-kota Sungai Emas itu. Maka pada ketika yang baik Tengku Mansor pun berangkat-lah dengan segala isi istana-nya pergi bersemayam di-kota Sungai Emas.

Ada pun pada masa Sultan Ata'Allah Muhammad Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan itu baginda bermuafakat dengan segala menteri2-nya mengorek sa-buah sungai daripada Sungai Jerlun⁽¹⁾ sampai ka-Alor Janggus.⁽²⁾ Daripada Alor Janggus di-korek hingga sampai ka-Kubang Rotan⁽³⁾ menghubongi hujung Sungai Mati.⁽⁴⁾ Kuala Sungai Mati itu tembus ka-sungai besar Kuala Kedah. Guna-nya sungai itu ia-lah supaya ra'ayat sakalian dapat membuka tanah dan membuat bendang apakala sungai yang tersebut itu siap. Selang lima enam tahun di-korek pula sa-buah sungai daripada Gunong Keriang⁽⁵⁾ sampai ka-Sungai Besar Chegar, Anak



Sungai Chegar, di-daerah Anak Bukit.

1. Sa-buah sungai dalam Mukim Jerlon Daerah Kubang Pasu. Sungai itu mengalir ka-Selat Melaka.
2. Nama sa-buah tempat dalam Mukim Padang Lalang Daerah Kota Setar.
3. Sa-buah Mukim di-utara Kuala Kedah, Daerah Kota Setar.
4. Sa-buah Sungai Keehil dalam Mukim Telok Chengui Daerah Kota Setar. Sampai sekarang di-panggil Sungai Mati.
5. Sa-buah gunong dalam Mukim Gunong Daerah Kota Setar.

Bukti.⁽¹⁾ Guna-nya ia-lah supaya ra'ayat dapat mengambil tanah untuk di-buat bendang. Demikian-lah hal baginda itu.

Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin

Dalam hal yang demikian Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka berhimpun-lah segala menteri2-nya di-balai rong seri menjaga Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia yang gering itu. Maka anakanda baginda keempat2 itu pun tiada-lah ka-mana2, hanya dudok menunggu paduka ayahanda baginda. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada lima belas haribulan Sha'ban tahun Hijrah delapan ratus tujuh puluh tujuh (877) maka Duli Baginda Sultan 'Ata' Allah Muhammad Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa-nya dan orang besar2 menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Muhammad Jiwa Zainal Azilin menjadi Sultan mengganti dan mengambil alih pekerjaan paduka ayahanda Duli al-marhum, bersemayam di atas takhta kerajaan wang istana Kota Siputeh. Akan jenazah Raja di-Raja al-marhum itu di-perentahkan oleh paduka anakanda baginda Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Yang Maha Mulia dengan segala menteri2 dan orang besar2-nya di-makamkan di-langgar Kota Siputeh mengikut isti'adat raja. Maka tetap-lah Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah Daru'l-aman dengan segala menteri2 penggawa-nya dan baginda itu sangat pandai mengambil hati segala menteri-nya, dan di-kasehji segala isi negeri. Demikian-lah hal baginda itu.

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera dengan Tengku

1. Yang di-maksud ia-lah Sungai Besar Chegar dalam Mukim Anak Bukit Daerah Kota Star. Sekarang di-panggil Sungai Chegar.

Meryam yang berpangkat Permaisuri. Yang tuha sa-orang laki2 bernama Tengku Mahmud dan yang bong-su itu perempuan bernama Tengku Kutam. Maka baginda sangat kaseh akan paduka anakanda baginda itu; di-beri belajar mengaji dan belajar ilmu mengenai chara2 menjalankan pekerjaan negeri.

Hatta, pada suatu hari duli baginda Sultan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda⁽¹⁾ persilakan paduka nenda Raja Menahara dan menteri2 dan Dato'2. Maka segala menteri2 dan Dato'2 pun datang ka-balai penghadapan menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika, maka titah baginda, "Hamba hendak bermuafakat dengan nenda dan mamak2 sakalian kerana hendak mengurniakan pangkat kepada adinda Tengku Othman ia-itu menjadi Raja Temenggong mengganti Temenggong tuha yang telah hilang itu." Maka sembah segala menteri2, "Benar saperti titah Shah Alam itu. Elok sangat paduka adinda itu berpangkat Raja Temenggong." Sa-telah putus muafakat yang tersebut itu Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun mengangkat Tengku Othman menjadi Raja Temenggong bergelar Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa.

X Sultan Mahmud Shah

Hatta, dalam hal yang demikian Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka berhimpun-lah segala menteri2 di-balai rong seri menjaga baginda yang gering itu. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang melakukan kudrat-Nya, pada tiga belas haribulan Muharram tahun Hijrah sembilan ratus dua belas (912) Duli Baginda Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Yang Maha Mulia pun mangkat-lah. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa dan orang besar2 menabalkan

1. Pegawai dalam istana; orang surohan atau utusan raja.

putera baginda Tengku Mahmud Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan menggantikan paduka ayahanda al-marhum, bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Siputeh. Akan jenazah Raja di-Raja al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda Sultan Mahmud Shah Yang Maha Mulia dengan segala menteri² di-makamkan di-langgar kota Siputeh mengikut adat yang telah di-adatkan oleh al-marhum yang terdahulu itu. Maka tetap-lah Sultan Mahmud Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah dengan chukup peratoran negeri saperti yang telah di-mu'tabarkan⁽¹⁾ di-dalam negeri Kedah Daru'l-aman. Maka akan paduka adinda Tengku Kutam itu di-pinang oleh Tengku Othman Raja Temenggong untok di-kahwin-kan dengan putera-nya Tengku Muhammad Sa'at. Demikian-lah ada-nya.

Maka pada suatu hari Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan segala menteri². Maka menteri² pun datang-lah ka-balai penghadapan lalu dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata² sa-ketika, maka titah Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Hamba hendak bermuafakat dengan mamak². Adakah mamak² sakalian hendak mengangkat pangkat paduka ayahanda Tengku Othman Raja Temenggong menjadi Raja Menehara menggantikan paduka nenda yang telah hilang itu dan juga mengangkat paduka adinda Tengku Muhammad Sa'at menjadi Raja Temenggong?" Maka sembah segala menteri², "Benar saperti titah tuanku itu. Elok sangat paduka ayahanda itu berpangkat Raja Menehara, dan lagi paduka adinda Tengku Muhammad Sa'at itu tampak-nya layak benar berpangkat Raja Temenggong. Patek sakalian tampak paduka adinda itu tetap hati-nya dan berani, dan faham akan segala ilmu peperangan."

1. Yang di-hormati orang, yang di-ambil pelajaran daripada-nya.

Maka tetap-lah Tengku Othman menjadi raja Menehara bergelar Tengku Seri Paduka Maharaja Sura, dan Tengku Muhammad Sa'at di-angkat menjadi Raja Temenggong Anggota Desa, demikian-lah hal-nya.

Membuat alat2 sukat dan mata-wang

Shahadan, ada pun Sultan Mahmud Shah Yang Mulia itu sangat-lah usaha mengambil siasat akan hal2 luar negeri. Dalam hal yang demikian Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia teringat hendak membuat sukatan⁽¹⁾ dan pitis perbelanjaan⁽²⁾ bagi kegunaan di-dalam negeri Kedah. Maka Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan paduka ayahanda Raja Menehara dan Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Paduka Lela Putra dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Dato' Maharaja Timbangan Warita ia-itu sa-orang hakim. Maka sakalian-nya pun datang ka-balai penghadapan lalu dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah baginda, "Paduka anakanda persilakan ayahanda dan mamak2 sakalian ini ia-lah kerana paduka anakanda berhajat hendak membuat suatu sukatan dan pitis perbelanjaan yang patut dipakai di-dalam negeri Kedah ini." Maka sahut Raja Menahara, dan sembah segala menteri2, "Patut sangat saperti titah tuanku itu."

Maka bermuafakat-lah sakalian-nya itu bagi menentukan peratoran2 dan chara2 hendak membuat sukatan dan pitis perbelanjaan itu. Apakala telah putus muafakat itu, maka di-tetapkan keputusan membuat yang demikian itu. Maka sukatan itu dinamakan kepol, kal, chupak dan gantang. Tiga genggam beras menjadi satu kepol; dua kepol men-

1. Alat2 bagi sukat-menyukat.

2. Mata-wang.

jadi satu kal; dua kal menjadi satu chupak ia-itu berjumlah sa-banyak dua belas genggam beras; empat chupak satu gantang, ia-itu empat puluh delapan genggam di-dalam sa-gantang. Ini di-panggil genggam bertelentang.⁽¹⁾

Ada pun kepol, kal dan chupak itu di-perbuat daripada tempurong nyior dan gantang itu di-perbuat daripada kayu yang di-tebok sa-umpama baloh⁽²⁾ gendang. Maka di-tepi sukatan itu di-chap dengan timah perkataan 'Negeri Kedah Daru'l-aman'.

Ada pun pitis perbelanjaan itu di-namai tera,⁽³⁾ di-perbuat daripada timah. Sifat-nya bulat dan nipis sa-umpama buah mentalun,⁽⁴⁾ dan berlubang di-tengah². Di-keliling-nya di-tulis 'Negeri Kedah Daru'l-aman'. Maka akan perbelanjaan tera itu ia-lah sa-perti berikut; dua belas tera menjadi satu pitis; sa-ratus lima puluh tera menjadi dua belas pitis sa-tengah, ini menjadi satu kupang; enam ratus tera jadi empat kupang, dan ini di-panggil sa-jampal; dua jampal menjadi sa-rial, jadi sa-ribu dua ratus tera menjadi sa-rial. Demikian-lah adat-nya yang telah ditetapkan oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia akan pitis perbelanjaan dan sukatan itu. Maka pekerjaan membuat-nya itu di-serahkan kepada Dato' di-Raja Perbendaharaan menjalankan-nya. Demikian-lah ada-nya.

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera dengan Che' Lara Seri yang berpangkat Paduka Bonda. Yang tuha laki² bernama Tengku Muzafar Shah dan yang sa-orang lagi itu perempuan bernama Tengku Nor Aishah.

-
1. Sukatan orang tua zaman dahulu ia-itu sa-penoh tapak tangan tidak bergenggam. Sekarang tidak di-gunakan lagi.
 2. Kayu rangka² gendang atau rebana.
 3. Atau 'trayang' yang berasal dari Siam bagi 'rial'.
 4. Sa-jenis buah yang tidak di-makan orang.



Duit Emas:

Di-tulis dengan huruf jawi عادل شاه

Di-sabelah lagi ia-lah سلطان محمد جيووا

Bertarikh pada tahun 1147 A.H.

(Di-keluarkan pada zaman Sultan Muhammad Jiwa Zairul Abidin Muazzam Shah. Memerentah negeri Kedah 1122—1174 A.H.)

(Dengan ihsan Muzium negeri Kedah).

Gambar atas: Duit Satu Kupang (Kepeng).

Di-tulis huruf jawi سائو كغغ

Di-sabelah-nya ada gambar ayam dan perkataan "Tanah Melayu" huruf jawi تانه ملايو

Gambar bawah: Duit Dua Kepeng.

Tarikh-nya 1174 T.H. di-negeri Kedah di-kenali dengan nama Duit Keping dan di-muka-nya ada gambar ayam jantan.

(Dengan ihsan Muzium negeri Kedah).

X Sultan Muzafar Shah

Ada pun Duli Yang Maha Mulia itu suka bermain2 di-laut dan belayar ka-segala pehak pulau2 serta menetapkan adat negeri. Dalam hal yang demikian duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Makin sa-hari gering baginda itu menjadi semakin berat. Maka pada tiga belas haribulan Dzulk'e'dah tahun Hijrah sembilan ratus lima puluh tiga (953) Sultan Mahmud Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 dan anak raja2 menabalkan putera baginda Tengku Mudzaffar Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan mengganti paduka ayahanda al-marhum di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Siputeh. Maka akan jenazah Raja di-Raja al-marhum di-perentahkan oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri2 penggawa-nya di-makamkan di-langgar kota Siputeh mengikut adat raja yang besar2. Maka tetap-lah Sultan Muzafar Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan, memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan adil murah-nya dan sentiasa mengambil insaf di-atas ra'ayat isi negeri.



Kota Naga ini terletak 9 batu dari Alor Setar melalui jalan raya Alor Setar ka-Jitra, penduduk2 di-kawasan ini telah menggunakan kota ini sa-bagai jalan (saperti yang terlihat dalam gambar).

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera dengan Che' Tempawan yang berpangkat Paduka Bonda. Yang tuha laki2 bernama Tengku Sulaiman dan yang perempuan bernama Tengku Jahara.

Maka Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia teringat hendak membuat sa-buah kota. Maka berangkat-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan menteri2-nya berjalan2 menchari tempat hendak di-buat kota istana. Maka di-antara tempat2 yang di-lihat oleh duli baginda Yang Maha Mulia itu suatu tempat di-Naga-lah yang di-perkenankan oleh duli baginda elok di-buat kota istana itu. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun menitahkan Dato' Maharaja Lela suroh menghimpunkan sakalian ra'ayat membuat kota istana chukup dengan balai penghadapan di-dalam-nya. Di-hadapan kota itu di-buat suatu padang yang luas, dan di-korek suatu sungai daripada sungai besar Alor Ganu⁽¹⁾ terus pergi berhampiran dengan Kota Naga⁽²⁾ langsung ka-Bukit Tinggi. Maka Dato' Maharaja Lela pun menjunjung titah baginda itu. Maka di-himpunkan-nya-lah segala ra'ayat membuat saperti titah baginda itu. Demikianlah di-kerjakan oleh Dato' Maharaja Lela dan orang2-nya itu sa-hari2. Maka akan paduka adinda Tengku Nor Aishah itu di-kahwinkan dengan Tengku Ismail chichit Tengku Mansor Raja Muda di-Sungai Emas. Demikianlah ada-nya.

Hatta maka tersebut-lah sa-orang Arab yang datang daripada tanah Hijaz⁽³⁾ yang mengatakan diri-

1. Nama satu tempat (kampong) dalam Mukim Anak Bukit, Daerah Kota Star. Sampai sekarang di-panggil dengan nama itu.
2. 'Naga' ia-lah sa-buah Mukim dalam jajahan Kubang Pasu yang maseh di-panggil dengan nama itu. Pada zaman dahulu tempat ini mempunyai Raja.
3. Satu daripada empat 'daerah' di-Semenanjung Tanah Arab. Tanah Arab terbahagi kepada 4 'daerah' ia-itu Najd, 'Asir, Tihamah dan Hijaz. Di-dalam tanah Hijaz ini-lah terletak bandar Mekah.

nya Sharif Aznan. Ia mengadap Sultan Mudzafar Shah Yang Maha Mulia mempersembahkan sa-bilah pedang kepada baginda. Ada pun Sharif Aznan itu ia-lah sa-orang alim lagi bijaksana dan tertib kelakunan-nya. Maka tiap2 hari ia di-panggil oleh Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia untuk berkata2 dengan-nya. Tiada berapa lama kemudian faseh-lah ia berchakap bahasa Kedah hingga di-ketahui-nya perchakapan yang halus. Maka Sharif Aznan itu pun menjadi mesra dan kaseh akan duli baginda dan akhir-nya hilang-lah ingatan-nya hendak pulang ka-negeri-nya. Maka baginda pun memining Wan Mas, chichit Dato' Seraja Wang dan di-berikan kepada Sharif Aznan untuk menjadi isteri-nya. Tiada berapa lama kemudian Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun mengangkat Sharif Aznan itu menjadi Imam bergelar Dato' Seraja Imam. Demikian-lah kesah-nya.

X *Tengku Sulaiman Shah*

Ada pun Duli Sultan Yang Maha Mulia itu sangat kaseh akan segala menteri2-nya dan sentiasa mengambil insaf di-atas ra'ayat isi negeri. Dalam hal yang demikian Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering yang teramat sangat. Beberapa orang tabib di-panggil untuk mengubati baginda. Jangankan baginda menjadi sihat, malah gering baginda itu menjadi sa-makin bertambah berat lagi. Maka pada empat belas haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu sa-belas (1011) Sultan Mudzaffar Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Sulaiman Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana Kota Siputeh. Akan jenazah Raja di-Raja al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda Sultan Sulaiman Shah Yang Maha

makamkan di-langgar Kota Siputeh mengikut isti'adat raja yang besar2. Maka tetap-lah Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan adil. Sa-barang pekerjaan yang hendak di-lakukan oleh Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia maka di-muafatkan terlebih dahulu dengan segala menteri-nya.

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu sangat usaha menyiasat segala pihak2 negeri, laut dan darat, dan duli baginda menetapkan pangkat dan jawatan kepada orang besar2 untuk menjaga bahagian2 yang tersebut itu. Maka pada masa itu ramai-lah perompak2 laut yang di-tangkap oleh Raja Laksamana dan akhir-nya menjadi kurang-lah perompak2 di-dalam jajahan negeri Kedah.

BAB V

PERHUBONGAN DENGAN NEGERI ACHEH

Berita kedatangan Aceh

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu tiada putus2 ingatan-nya hendak pergi melihat negeri2 di-sabelah Pulau Percha⁽¹⁾ dan Jawa, serta suka pula mengambil ketahuj mengenai negeri2 sabelah luar. Ada pun baginda itu ada mempunyai dua orang putera dengan Che' Rakna Mala yang berpangkat Paduka Bonda. Putera-nya yang tuha laki2 bernama Tengku Rijaluddin dan yang muda-nya perempuan bernama Tengku Sofiah, demikian-lah.

Maka pada enam haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh empat (1034) datang-lah Nakhoda Lamun dari negeri Inderagiri⁽²⁾ mengadap Raja Menehara. Maka di-ma'alumkan-nya kapada Raja Menehara bahawa Raja Aceh yang bernama Sultan Iskandar Mahkota Alam⁽³⁾ sudah bersiap dengan

1. Nama bagi Sumatera Selatan.
2. Nama sa-buah wilayah di-Sumatera tengah, terdiri terutama atas daratan rendah.
3. Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di-lahirkan dalam tahun Masehi 1590 dan mangkat pada 27 Disember 1636. Ia mendapat kesempatan merebut kekuasaan Aceh apabila Sultan Aceh (Sultan Ali Ri'ayat Shah) meninggal tiba2 pada 4 April 1607. Ia mendapat persetujuan orang besar2 Aceh yang mengumumkan pernyataan bahawa Iskandar Muda terkenal juga dengan nama lain ia-itu Darmawangsa, Perkasa Alam, Tun Pangkat dll. Gelaran Mahkota Alam di-dapati-nya setelah wilayah Aceh bertambah.

angkatan peperangan hendak melanggar negeri Kedah. Kata-nya, "Nampak-nya angkatan-nya itu sangat besar. Sebab ini-lah perhamba segera mari mema'alumkan hal ini."

Ada pun Nakhoda Lamun itu sudah biasa masuk berniaga di-dalam negeri Kedah dan telah berkenal2-an dengan Raja Menehara. Ada pun pada ketika Nakhoda Lamun mema'alumkan hal itu kepada Raja Menehara, segala Menteri Keempat dan Menteri Delapan ada mengadap Raja Menehara. Mereka2 yang ada mengadap Raja Menehara ini termasuk-lah Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Tengku Paduka Maha Raja Temenggong Anggota Desa dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Seri Maharaja Putera dan Dato' Seri Paduka Tuan dan Dato' Andika Raja dan Dato' Maharaja Lela dan Dato' Gedang Pahlawan. Maka bermuafakat-lah Raja Menehara dengan segala Dato'2 yang tersebut itu. Maka keputusan muafakat itu ia-lah membuat ketetapan hendak melawan musuh dengan bersungguh2 hati bagi memelihara tanah ayer dan bangsa negeri.⁽¹⁾ Maka Dato' Seri Paduka Laksamana pun memberi hukum kepada orang2-nya; di-suroh Dato' Seri Kema Jaya siapkan angkatan bagi pehak laut dan Pulau Langkawi, dan di-hantarkan-nya surat kepada Dato' di-Temelang⁽²⁾ dan Dato' di-Kuala Bara dan kepada Dato' Pahlawan Berma Raja di-Kota Merpah. Apakala telah siap sakalian-nya maka di-suroh mereka itu berhimpun dengan bersembunyi di-selat2 Pulau Langkawi. Surat2 juga di-hantarkan-nya kepada Dato' di-sabelah Selatan. Maka Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa pun memberi hukum kepada Dato' Maharaja Lela dan kepada Dato' Gedang Pahlawan, "Himpunkan sakalian hulubalang pahlawan, dan kerahkan segala ra'ayat perang yang

1. Maruah negeri.

2. Nama satu tempat dalam daerah Setoi (Satun) dalam perentah Siam.

lengkap dengan alat senjata-nya. Apakala telah siap sakalian-nya mereka itu boleh-lah berhimpun di-bukit Kenalu⁽¹⁾ dan sa-tengah2-nya berhimpun di-Pering.⁽²⁾ Maka yang datang hadhir di-kota itu ia-lah hulubalang2 dan panglima sahaja.

Isharat Peperangan

Apakala selesai memberi hukum yang tersebut itu maka Raja Menehara dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong dan Dato'2 yang ada bersama2 itu pun pergi mengadap duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-balai penghadapan. Pada ketika itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia sudah pun bersemayam di-balai penghadapan, sedang dudok berkata2 dengan Dato' Seraja Imam. Maka Raja Menehara dan sakalian Dato'2 itu pun naik ka-balai penghadapan, lalu dudok menyembah baginda. Maka di-tegor mereka itu oleh duli baginda Sultan dengan manis suara-nya. Maka sahut Raja Menehara "Nenda dapat khabar daripada Nakhoda Lamun bahawa Raja Acheh yang bernama Sultan Iskandar Mahkota Alam sudah bersiap angkatan peperangan hendak melanggar negeri Kedah ini. Barangkali tiada berapa lama lagi sampai-lah angkatan-nya itu ka-sini." Maka titah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Jika datang langgaran itu, kita lawan-lah dengan sa-boleh2-nya, dan bersiap-lah kita dengan segera kerana kita pun ada menaruh banyak hulubalang pahlawan yang terbilang." Maka sembah segala menteri2, "Sudah-lah patek sakalian memberi hukum supaya bersiap saperti titah itu." Maka sembah Dato' Seraja Imam, "Ampun tuanku beribu2 ampun. Benar sangat saperti titah Shah Alam itu. Kita lawan-lah musoh yang hendak datang

1. Nama sa-buah bukit dalam Mukim Keplu, daerah Kubang Pasu.
2. Nama sa-buah mukim dalam Daerah Kubang Pasu, maseh dipanggil dengan nama itu juga. Pada zaman dahulu tempat ini mempunyai raja.

itu dengan sa-habis2 ikhtiar. Tetapi ada-lah isharat melawan musuh itu ada sa-ratus satu isharat. Yang satu itu ia-lah berperang dengan tiada takut akan hilang nyawa-nya. Yang sa-ratus itu ia-lah dengan kira bichara dan ikhtiar. Sa-kira-nya tiada juga binasa seteru itu maka sampai-lah kepada yang satu isharat ia-itu berperang hingga terbuang nyawa. Ampun tuanku, jikalau boleh lagi kita ikhtiarkan dengan jalan yang lain sa-lain daripada berperang itu terlebih baik-lah daripada kita berperang kerana tiada terlebih jahat patek2 sakalian membawa Shah Alam kepada pekerjaan perang, kerana banyak lagi yang dapat di-lakukan sa-lain daripada pekerjaan perang itu, ia-itu saperti dengan ikhtiar atau dengan harta. Jika tiada dapat di-tolakkan dengan ikhtiar yang demikian itu, tatkala itu berperang-lah kita. Apakala terjadi peperangan tiada dapat lagi di-bicharakan dengan harta melainkan dengan nyawa juga.

"Dan lagi, di-dalam peperangan itu jangan-lah Shah Alam sendiri masok berperang, melainkan patek2 sakalian-lah yang masok berperang. Jika tiada dapat patek2 sakalian mengerjakan-nya, pada ketika itu harus-lah Shah Alam mengerjakan-nya sendiri. Dalam pada itu jika dapat kita menolak seteru itu dengan tipu daya atau dengan harta atau dengan barang sa-suatu yang dapat menolak seteru itu maka itu-lah yang sa-baik2-nya. Dalam pada itu jika terjadi juga peperangan itu maka hendak-lah Shah Alam dan menteri2 hulubalang pahlawan sakalian jangan-lah melihat kekuasaan-nya dan senjata-nya dan berani-nya itu. Maka hendak-lah Shah Alam dan menteri hulubalang pahlawan sakalian mengharapkan kekuasaan Tuhan sa-mata2 kerana segala pekerjaan baik dan jahat itu terjadi dengan kehendak Allah Subhanahu wa-Ta'ala juga. Kesudahan-nya, sama ada di-beri menang atau alah itu ada-lah dengan kehendak-Nya, ampun tuanku, demikian-lah hal-nya."

Membuat persiapan bagi menyambut Raja Aceh

Maka titah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Jikalau demikian apa ikhtiar nenda dan mamak2 sakalian?" Maka kata Raja Menehara dan sembah segala menteri2, masing2 dengan pendapat-nya bagi membawa kebajikan kapada negeri dan kapada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Ada yang mengatakan bahawa alatan peperangan itu sa-kali2 tiada boleh di-alpakan. Maka sembah Dato' Seraja Imam, "Pada pendapat patek hamba ini, baik-lah kita chuba sambut kedatangan angkatan musuh itu dengan chukup isharat kehormatan saperti menyambut angkatan kedatangan raja yang besar2 yang menziarah negeri ini, dan kita siapkan suatu istana chukup dengan perhiasan, dan kita hiaskan kenaikan bagi menyambut-nya di-laut dan kenaikan pada pehak darat. Dalam pada itu jika ia tiada mahu menerima kehormatan kita yang demikian itu, tiada-lah berguna lagi kita hendak hormatkan dia. Pada ketika itu baru-lah kita lawan berperang dengan-nya sa-bagai laki2; kita lawan-lah dia dengan sa-kuat2 walau pun habis nyawa sa-kali pun."

Maka akan pendapat Dato' Seraja Imam itu diperkenan oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan Raja Menehara dan sakalian Dato'2 yang ada mengadap itu, lalu baginda bertitah, "Boleh paduka nenda dan mamak2 hamba sakalian sediakan alatan2 yang mana elok pada nenda semua bagi menyambut angkatan Aceh itu." Maka Raja Menehara dan menteri2 sakalian pun bermohon lalu menyembah dan sakalian-nya keluar pergi berhimpun di-balai Raja Menehara. Sa-telah dudok sa-ketika maka bersabda Raja Menehara kapada Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, "Akan alatan peperangan laut yang hendak di-gunakan bagi sekat menyekat itu patut tuan hamba suroh himpulkan sa-habis2 chepat." Maka sahut Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, "Sudah di-

beri hukum saperti di-sabda." "Jikalau demikian sekarang ini tuan hamba-lah siapkan segala alat2 kenaikan bagi menyambut di-laut itu." Sa-telah itu ia bersabda kepada anakanda Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, "Jangan alpa akan alat2 peperangan darat itu. Maka sekarang ini boleh anakanda berikan hukum kepada Dato' Gedang Pahlawan supaya bawa ra'ayat pergi membuat balai ayer⁽¹⁾ di-Kuala Sanglang⁽²⁾ chukup dengan perhiasan dan buatkan tunggol2 jugar alam⁽³⁾ sa-banyak dua puluh empat, dan boleh-lah anakanda berikan hukum kepada Dato' Jaya Pahlawan supaya membawa ra'ayat2 bagi menyuchikan jalan daripada balai ayer itu hingga sampai mari ka-kota, dan menghias jalan2 itu dengan apa2 yang elok kapada anakanda, dan atorkan hulubalang pahlawan di-sapanjang jalan itu hingga sampai di-hadapan kota, dan boleh-lah anakanda berikan hukum kepada Dato' Tan Jaya Indera suroh siapkan sakalian gajah2 serta dengan kenaikan dan hiaskan gajah2 itu." Apakala selesai menerima hukum itu maka Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong pun bermohon pergi hendak membuat persiapan saperti disabda oleh Raja Menehara itu.

Maka bersabda Raja Menehara kapada Dato' Seri Paduka Maha Menteri, "Boleh tuan hamba beri hukum kapada Dato'2 yang di-bawah perentah tuan hamba supaya membawa ra'ayat membuat sa-buah istana di-luar kota di-sabelah selatan dan di-beri chukup dengan perhiasan, termasuk pagar sasak⁽⁴⁾ untok tempat Sultan Iskandar Mahkota Alam bersemayam. Jangan biarkan suatu barang jua berkurang, dan ambilkan anak raja2 dan anak baik2,

1. Pengkalan.

2. Kuala sa-buah sungai dalam Mukim Sanglang jajahan Kubang P'asu. Maseh di-panggil dengan nama itu juga.

3. Atau jong ia-itu bendera kecil tiga segi panjang.

4. Sasak; benda yang teranyam daripada pelupoh atau sa-bagainya bagi membuat pagar atau dinding.

di-beri pakai mengikut adat. Maka anak raja² itu memakai pakaian hitam berbulang,⁽¹⁾ berkeris dan memakai sapu tangan kuning, dan anak baik² memakai pakaian putih berbulang, berkeris dan memakai sapu tangan hijau. Sakalian-nya itu di-tetapkan menunggu di-atas istana itu, tiada boleh pergi ka-mana².

Kemudian Raja Menehara menitahkan Dato' Bentara Wong Seri, "Suroh siapkan perhiasan di-atas balai penghadapan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu daripada tiap² perkara yang telah di-adatkan; dua belas orang anak raja² memegang pedang, dua belas orang anak baik² memegang tombak rambu dan empat orang biduanda tuan-hamba, berikan dua orang memegang payong kuning dan dua orang memegang payong hijau, dan tuan-hamba ambilkan enam orang biduanda membawa cherpu, dua orang daripadanya membawa cherpa⁽²⁾ emas, dua orang membawa cherek⁽³⁾ emas dan dua orang lagi itu membawa ketor⁽⁴⁾ emas. Sediakan benda² ini di-balai penghadapan seperti yang telah di-adatkan."

Sa-lepas itu Raja Menehara bersabda kepada Andika Raja, "Boleh tuan-hamba beri hukum kepada Kalau nobat suroh menanti di-pintu kota dengan alat² nobat dan panji² jugar alam sa-banyak dua puluh empat. Apakala Sultan Iskandar Mahkota Alam berangkat masok, pada ketika itu mahu-lah di-mainkan nobat nafiri." Maka menteri² pun bermohon pergi bersiap seperti di-sabda oleh Raja Menehara itu. Tiada berapa lama kemudian sakalian alatan² dan perhiasan bagi menyambut Sultan Iskandar Mahkota Alam itu pun sudah-lah di-sediakan dengan seperti-nya.

1. Berikat kepala berdestar

2. Dulang.

3. Kendi.

4. Bekas tempat meludah di-dalam-nya, ghalib-nya di-perbuat daripada tembaga.

Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam di-Kedah

Al-kesah maka tersebut-lah Sultan Iskandar Mahkota Alam raja Aceh yang termashhor gagah berani itu, dan banyak negeri di-dalam Pulau Percha yang di-ta'alok-nya dengan mudah. Maka chita2 Sultan Iskandar Mahkota Alam ia-lah hendak mengambil sakalian tanah2 Melayu itu, serta hendak melanggar dan mengambil negeri Kedah Daru'l-aman. Maka bersiap2-lah Sultan Iskandar Mahkota Alam chukup dengan alat2 peperangan. Maka pada delapan haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh empat (1034) Sultan Iskandar Mahkota Alam dengan sakalian panglima2, pahlawan dan ra'ayat sakalian pun berangkat keluar daripada negeri Aceh, belayar menuju ka-sabelah Tanah Melayu. Angkatan Sultan Iskandar Mahkota Alam itu sampai dari suatu perhentian ka-suatu perhentian yang lain.

Hatta, akhir-nya sampai-lah Sultan Iskandar Mahkota Alam itu di-Pulau Panjang ia-itu jajahan laut Kedah. Maka bahna⁽¹⁾ sakalian angkatan itu diambil ketahui oleh Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, ia-itu mengenai hal ahwal banyak-nya penjabab⁽²⁾ peperangan dan ra'ayat dan kekuatan angkatan musuh itu. Ia pun menyuroh orang2-nya yang di-harap pergi memberitahu orang2 peperangan yang berhimpun di-selat2 Pulau Langkawi dan yang lain2 itu di-suroh beringat2, jangan alpa mereka itu akan tiap2 perkara. Kemudian-nya Dato' Seri Paduka Raja Laksamana pun mengadap Tengku Seri Paduka Maharaja Sura. Pada ketika itu Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan sakalian Dato' dan hulubalang pahlawan sakalian ada hadhir. Maka Dato' Seri Paduka Raja Laksamana pun mema'alumkan hal ahwal kedatangan angkatan Sultan Iskandar Mahkota Alam itu. Maka Tengku Seri

1. Bunyi.

2. Sa-jenis perahu.

Paduka Maharaja Sura bertanya kepada Tengku Paduka Maharaja Temenggong, "Sudah-kah anakanda beri ingat kepada orang2 perang itu?" Maka sembah-nya, "Sudah di-beri ingat." Maka Raja Menehara dan sakalian menteri2 pun langsung mengadap duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-balai penghadapan mema'alumkan dari hal angkatan Sultan Iskandar Mahkota Alam yang sudah sampai di-laut Pulau Panjang itu. Maka Duli Baginda Sultan pun bertanya Raja Menehara, "Sudah-kah nenda siapkan alat kelengkapan bagi menyambut Raja Acheh itu?" Maka sahut Raja Menehara, "Sudah nenda sakalian siapkan, tiada suatu pun yang kurang. Nenda dan sakalian-nya ini datang mengadap hanya kerana hendak mendengar titah; siapa-kah yang hendak dititah pergi menyambut itu." Lalu Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia menitahkan Paduka anakanda baginda Tengku Rijaluddin bersama2 dengan empat orang menteri, ia-itu Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Dato' Lela Pahlawan dan Dato' Biram Pahlawan pergi menyambut berserta dengan sa-puchok surat yang di-bawa oleh paduka anakanda baginda. Mereka itu pergi dengan kenaikan yang bernama 'Tantayu Emas' dan berapa kenaikan2 yang lain, berangkat menuju ka-Pulau Panjang mempersilakan Sultan Iskandar Mahkota Alam masuk ka-negeri. Maka tapak cherpu Duli Baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia bertitah kepada nenda Raja Menehara, "Nenda sendiri-lah menanti di-balai ayer itu." Maka Tengku Seri Paduka Maharaja Sura pun menjunjong titah lalu bermohon turun berangkat, langsung ka-balai ayer bersama2 dengan menteri2 dan anak raja2.

Hatta, maka Tengku Rijaluddin dengan menteri2-nya pun sampai-lah di-Pulau Panjang, lalu di-rapatkan kenaikan-nya ka-naikan Sultan Iskandar Mahkota Alam. Maka di-persilakan naik oleh Sultan

Iskandar sakalian-nya. Maka Tengku Rijaluddin dengan menteri2-nya pun naik dudok menyembah. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka di-persembahkan surat paduka ayahanda baginda itu serta di-ma'alumkan dengan perkataan yang elok susun-nya dan halus manis, mempersilakan Sultan Iskandar Mahkota Alam masok ka-negeri. Maka Sultan Iskandar pun menerima surat itu, di-tatap-nya sakalian yang tersebut di-dalam-nya. Pada ketika itu layu-lah hati Sultan Iskandar hendak meneruskan maksud-nya. Maka pada sa-puluh haribulan Zulka'edah tahun Hijrah saribu tiga puluh empat (1034) Sultan Iskandar Mahkota Alam dengan sakalian pengiring-nya pun berangkat dari Pulau Panjang bersama2 putera baginda dan di-iringi oleh sakalian menteri2 chukup dengan alat2 yang elok belayar menuju ka-balai ayer Kuala Sanglang yang telah di-sediakan itu.

Hatta, akhir-nya sampai-lah angkatan yang tersebut itu. Pada ketika itu di-sambut oleh Tengku Seri Paduka Maharaja Sura serta dengan segala menteri2 penggawa dengan beberapa kemuliaan serta hormat berhormat-lah antara kedua2 orang raja itu. Sa-telah berkata2 sa-ketika mereka itu pun naik gajah berangkat menuju ka-kota Siputeh di-iringi sakalian Menteri2 dan Dato'2 hulubalang pahlawan. Ada pun angkatan itu ada-lah saperti angkatan perang laku-nya. Tiada beberapa lama dalam perjalanan, maka mereka itu pun sampai-lah di-pintu kota Siputeh. Maka pada ketika itu Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dengan sakalian hulubalang pahlawan memberi hormat, lalu di-main nobat nafiri terlalu gemuroh bunyi-nya. Lalu di-persila masok oleh Tengku Paduka Maharaja Temenggong akan Sultan Iskandar Mahkota Alam dan sakalian pengiring-nya, langsung mereka itu ka-hadapan balai dan di-sambut oleh Dato' Seri Maharaja Putra Dewa lalu naik ka-balai. Pada ketika itu Sultan

Sulaiman Shah Yang Maha Mulia ada hadhir menanti di-balai penghadapan, lalu hormat berhormat-lah kedua2 Sultan itu, lalu dudok di-atas singgahsana di-hadap oleh paduka anakanda baginda Tengku Rija-luddin dan segala menteri2. Maka penoh sesak-lah balai penghadapan oleh sakalian hulubalang pahlawan daripada kedua2 pihak itu, di-ator oleh Dato' Bentara Wang Seri mengikut taraf masing2; raja sama raja, menteri sama menteri, hulubalang sama hulubalang; dudok-lah sakalian tundok berdiam diri. Sa-orang pun tiada berkata2 melainkan, Sultan kedua juga yang berkata2. Pada ketika itu apa2 yang di-tanya oleh baginda kapada Raja Menehara baru-lah Raja Menehara menjawab pertanyaan2 itu kerana di-katakan tiada beradat pada ketika dudok di-dalam majlis saperti itu kalau berkata2 dengan kesukaan diri-nya, melainkan apakala di-tanya oleh baginda pada sa-orang menteri, maka menteri itu-lah yang memberi jawapan sa-banyak mana yang di-tanya baginda itu. Maka Sultan Iskandar dengan segala hulubalang-nya sangat hairan serta malu yang amat sangat melihat menteri2 hulubalang pahlawan yang tertib lendit peratoran mereka di-balai penghadapan itu. Maka melihat hulubalang pahlawan sa-orang demi sa-orang memberi dahshat kapada yang memandang itu kerana bijak dan pandai mereka itu, serta pula tiada terhingga di-permulia oleh mereka itu akan Sultan Sulaiman Shah. Pada ketika itu luput-lah maksud di-hati Sultan Iskandar Mahkota Alam hendak mengambil negeri Kedah, serta Sultan Iskandar pun beraleh hati-nya kapada berkaseh2an dengan Sultan Sulaiman Shah saperti saudara-nya sendiri.

Hatta, santapan pun di-edar orang-lah di-hadapan kedua2 Sultan itu dan di-hadapan menteri2 dan anak2 raja dan orang besar2. Beratus hidangan di-letak mengikut taraf masing2. Maka bertelut-lah Dato' Bentara Wang Seri di-hadapan Sultan berdua

itu seraya menyembah, "Ampun tuanku, santapan sudah siap." Maka baginda pun persilakan Sultan Iskandar, lalu santap kedua2-nya, dan sakalian menteri dan anak raja2 pun di-persilakan oleh Dato' Bentara Wang Seri sakalian-nya makan mengikut taraf masing2. Sa-telah sudah santap, sakalian hidangan pun di-angkat orang-lah masok. Maka mereka itu dudok berkata2 sa-ketika. Maka titah baginda kepada Tengku Seri Paduka Maharaja Sura, "Sudah-kah nenda siapkan tempat berhenti paduka kakanda Sultan Iskandar?" Maka sahut Raja Menehara, "Sudah siap sakalian-nya." Maka Raja Menehara persilakan Sultan Iskandar Mahkota Alam pergi bersemayam di-tempat yang di-siapkan itu. Maka Sultan Iskandar pun bangkit memberi hormat, lalu bermohon berangkat pergi ka-tempat yang di-siapkan itu, di-iringi oleh Raja Menehara dan Menteri2. Sakalian yang ada di-balai penghadapan itu pun bermohon pergi berhenti di-tempat masing2. Maka dudok-lah Sultan Iskandar Mahkota Alam Shah dengan istirehat di-Kedah, di-istana yang di-sediakan itu. Tiap2 hari baginda bersuka2an dan kadang2 berangkat pergi bermain2 dan berburu rusa di-Padang Jangam. Demikian-lah hal Sultan Iskandar bersuka2-an dengan Sultan Sulaiman Shah di-dalam negeri Kedah.

Sultan Sulaiman Shah berangkat ka-Acheh

Shahadan, pada suatu hari Sultan Iskandar Mahkota Alam dan Sultan Sulaiman Shah dan Raja Menehara dan Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Dato' Seri Maharaja Dewa dan Dato' Seraja Imam dudok di-balai rong berkata2 dengan Sultan Iskandar Mahkota Alam. Maka kata Sultan Iskandar, "Kakanda ingat dalam lima enam hari lagi hendak berangkat balek ka-

Acheh. Kakanda sangat2 berharap dan berbesar hati kalau adinda dapat bersama2 kakanda pergi bermain2 di-negeri Acheh barang sa-bulan dua." Maka di-bukakan Allah Subhanahu wa-Ta'ala hati Sultan Sulaiman Shah dan baginda suka hendak pergi melihat negeri Acheh dan lain2 negeri itu. Maka pada ketika itu di-kabulkan maksud Sultan Iskandar itu. Maka Sultan Iskandar Shah pun sangat suka hati-nya.

Maka bersiap-lah Sultan Iskandar dan Sultan Sulaiman Shah dan menanti waktu yang baik. Maka pada sa-puluh haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh lima (1035) Sultan Iskandar Mahkota Alam dengan segala menteri2 dan orang2-nya pun berangkat turun ka-kenaikan-nya dan Sultan Sulaiman Shah pun berangkat turun ka-kenaikan baginda yang bernama 'Tentayu Emas', di-iringi oleh dua buah penajab. Ada pun Menteri2 yang mengiring Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia itu tujuh orang semua-nya. Mereka itu ia-lah Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Dato' Paduka Lela Putra dan Dato' Lela Pahlawan dan Dato' Seri Kama Jaya, dan Dato' Seraja Imam dan Dato' Gedang Pahlawan dan Dato' Lela Angkasa Kuala Prai.

Ada pun takhta kerajaan di-kota Siputeh dan sakalian pekerjaan Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia itu di-serahkan kapada Paduka anakanda baginda Tengku Rijaluddin menjaga-nya. Maka yang memangku paduka anakanda baginda itu ia-lah paduka nenda Raja Menchara, dan segala hulubalang pahlawan itu di-serahkan oleh Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa kapada Dato' Maharaja Lela Perkasa menjaga-nya, dan Menteri yang lain2 pun di-tetapkan pekerjaan masing2.

Sa-bermula tersebut-lah kedua2 angkatan Sultan yang belayar menuju ka-negeri Acheh sampai dari suatu perhentian ka-suatu perhentian yang lain2, dan singgah bermain2 dan bersuka2an. Maka pada dua

puluh haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh lima (1035) kedua2 angkatan Sultan yang tersebut itu pun sampai-lah di-negeri Aceh dengan selamat. Maka di-sambut oleh segala menteri2 dan sakalian orang besar2 saperti adat menyambut raja yang besar2 masok ka-negeri. Pada ketika itu penoh sesak-lah balai penghadapan Pengarawan dengan Menteri hulubalang dan pahlawan Aceh. Maka kedua2 Sultan itu pun berangkat naik ka-atas balai penghadapan lalu bersemayam. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka Sultan Iskandar pun perisilakan Sultan Sulaiman Shah berangkat pergi beristirehat di-istana yang telah di-hiaskan itu. Maka Sultan Sulaiman Shah pun dudok bersuka2an di-negeri Aceh. Sa-hari2an baginda bermain2 dan bersuka2an, pergi dari suatu tempat ka-suatu tempat bersama2 Sultan Iskandar. Demikian-lah hal Sultan Sulaiman Shah di-dalam negeri Aceh itu.

Sultan Sulaiman Shah mangkat di-Acheh

Hatta, tiada berapa lama kemudian Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka akan gering baginda itu makin sa-hari sa-makin berat. Tiada berapa hari kemudian, pada sa-haribulan Jamdi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh lima (1035) di-takdirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang melakukan kudrat-Nya Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia pun mangkat di-dalam istana Pagarawan di-sebabkan oleh penyakit sebak. Pada ketika itu Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa serta Dato'2 yang mengiring duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu berteriak teramat sangat hingga sampai di-nasihatkan oleh Dato' Seraja Imam. Maka pada ketika itu menjadi mashghul yang teramat sangat-lah Sultan Iskandar Mahkota Alam hingga tiada boleh berkata2. Sa-telah dudok sa-ketika Sultan Iskandar pun keluar ka-balai penghadapan, menitah-

kan menteri2-nya suroh bersiap hendak membuat Raja di-Raja Sulaiman Shah itu. Maka Sultan Iskandar Shah pun berangkat masok ka-tempat Sultan Sulaiman Shah yang telah mangkat itu lalu menitahkan Dato' Paduka Lela Putra petakan Raja di-Raja saperti teradat Kedah. Maka Dato' Paduka Lela Putra pun menyembah lalu keluar pergi bersama2 dengan Menteri Aceh melayankan pekerjaan itu.

Hatta, maka siap-lah Raja di-Raja sakalian-nya. Maka Dato' Seraja Imam pun mandi dan kafankan baginda itu bersama2 dengan Imam Aceh, serta mendirikan sembahyang mengikut rukun shara'(') Apakala siap sakalian-nya maka di-ma'alumkan kapada Sultan Iskandar Mahkota Alam. Maka Sultan sendiri-lah yang melayankan mayat baginda hingga di-angkat keluar dan di-letak di-atas Raja di-Raja. Maka di-kembangkan dua payong kuning dan dua payong hijau. Maka di-angkat orang-lah Raja di-Raja Al-marhum itu chukup dengan peratoran raja yang besar2, dan di-makamkan di-langgar Kota Pagarawan dengan selamat ada-nya.

Maka pada dua puluh haribulan Jamdi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh lima (1035) Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dengan Menteri2 Kedah pun masok mengadap Sultan Iskandar Mahkota Alam bermohon hendak balek ka-Kedah. Maka pada ketika itu berhamboran-lah ayer mata Sultan Iskandar. Maka Menteri2 Kedah pun demikian juga. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika Sultan Iskandar pun membenarkan mereka itu balek, serta di-suroh-nya Menteri2-nya siapkan dua buah perahu kenaikan mengapit 'Tentayu Emas' yang hendak balek ka-Kedah. Dua orang menteri Aceh pergi bersama2 menghantar Menteri2 Kedah. Mereka itu ia-lah Raja Panglima Rentu dan Raja Panglima Alam, membawa sa-puchok surat daripada Sultan Iskandar

1. Mengikut kehendak hukum Islam.

Mahkota Alam untok di-beri kapada paduka anakanda Tengku Rijaluddin ibni Al-marhum Sultan Sulaiman Shah di-negeri Kedah Daru'l-aman. Maka sakalian-nya pun bermohon-lah kapada Sultan Iskandar lalu belayar dari Aceh menuju ka-negeri Kedah.

Berangkat balek ka-Kedah

Hatta, sa-telah tiada berapa hari dalam pelayaran segala menteri2 yang tersebut itu pun sampai-lah di-negeri Kedah, langsung ka-Kota Siputeh mengadap Tengku Rijaluddin di-balai penghadapan. Pada ketika itu Tengku Rijaluddin sedang dudok berkata2 dengan Tengku Seri Paduka Maharaja Sura ia-itu Raja Menehara dan Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Dato' Seri Maha Raja Putra Dewa. Maka Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dengan menteri2 Aceh naik lalu dudok menyembah. Ditegor mereka itu oleh Tengku Rijaluddin dengan manis suara-nya. Maka di-ma'alumkan oleh Tengku Paduka Maharaja Temenggong akan hal pelayaran ayahanda baginda itu daripada permulaan pelayaran hingga sampai baginda itu mangkat. Maka pada ketika itu Tengku Rijaluddin pun berteriak yang teramat sangat kerana terkenang paduka ayahanda baginda. Sakalian yang hadhir di-balai penghadapan itu pun demikian juga. Maka kedengaran-lah berita kemangkatan duli Yang Maha Mulia di-Acheh itu ka-dalam istana. Maka gemuroh-lah isi istana berteriak tangis, dan termashhor-lah berita mengatakan Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia sudah mangkat di-negeri Aceh.

Maka kemashghulan-lah segala menteri2 dan ra'ayat isi negeri. Kemudian daripada itu maka sembah Dato' Seraja Imam, "Akan Raja Panglima Rentan dan Raja Panglima Alam berdua ini ada membawa surat daripada Seri Paduka ayahanda Sultan Iskandar Mahkota Alam. Maka titah Tengku

Rijaluddin kepada nenda Raja Menehara, "Nenda-lah siapkan alatan2 hendak menyambut surat paduka ayahanda Sultan Iskandar itu mengikut adat menyambut surat2." Maka Tengku Rijaluddin pun masuk mengadap paduka bonda di-dalam istana. Maka Tengku Seri Paduka Maharaja Sura dan segala menteri2 pun keluar bersiap.

Maka pada keesokan hari-nya Tengku Seri Paduka Maharaja Sura dengan segala Menteri2 pun bersiap-lah kelengkapan dan perhiasan bagi menyambut surat itu. Apakala telah siap sakalian-nya maka di-arak orang-lah surat itu masuk ka-balai penghadapan. Maka di-sambut oleh Dato' Bentara Wang Seri. Pada ketika itu di-main orang-lah akan nobat nafiri. Maka Dato' Bentara Wang Seri pun bertelut di-hadapan Tengku Rijaluddin. Maka Tengku Rijaluddin menitahkan supaya surat itu di-bacha. Maka surat itu pun di-bacha oleh Dato' Maharaja Timbangan Warita. Maka ada tersebut di-dalam surat itu akan hal kemangkatan Sultan Sulaiman Shah, daripada permulaan sampai ka-akhir-nya. Demikian-ada-nya.

× *Penabalan Tengku Rijaluddin Muhammad Shah*

Maka pada sa-puluh haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh lima (1035) bermuafakat-lah Tengku Seri Paduka Maharaja Sura dengan segala menteri2 penggawa menabalkan Tengku Rijaluddin Muhammad Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana kota Siputeh mengganti dan mengambil aleh sakalian pekerjaan paduka ayahanda Al-marhum Sultan Sulaiman Shah Yang Maha Mulia. Maka tetap-lah Sultan Rijaluddin Muhammad Shah Yang Maha Mulia memerintah negeri Kedah daru'l-aman dengan segala menteri2 penggawa-nya.

Ada pun Sultan Rijaluddin Muhammad Shah

Yang Maha Mulia itu sangat pandai mengambil hati segala menteri2 penggawa dan sentiasa mengambil insaf di-atas segala ra'ayat isi negeri. Maka pada suatu hari Raja Panglima Rentau dan Raja Panglima Alam masok mengadap tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia di-balai penghadapan hendak bermohon balek ka-negeri Acheh. Maka duli baginda pun idzin mereka itu balek saperti di-minta oleh Menteri Acheh itu. Maka baginda pun membuat sa-puchok surat untok di-beri kapada Sultan Iskandar Mahkota Alam mencheritakan hal ahwal di-dalam negeri Kedah. Maka surat itu pun di-serah kapada Raja Panglima Rentau dan Raja Panglima Alam. Maka di-beri persalinan kapada kedua-nya itu mengikut taraf-nya. Maka Raja Panglima Rentau pun bermohon lalu belayar. Tiada berapa hari kemudian sampai-lah mereka itu di-negeri Acheh dengan selamat.

Maka pada sa-puluh haribulan Dzulke'dah tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh lima (1035) Sultan Rijaluddin Muhammad Shah Yang Maha Mulia dengan sakalian isi istana-nya berangkat daripada Kota Siputeh bersemayam di-Kota Naga yang paduka nenda Al-marhum Sultan Mudzaffar Shah Yang Maha Mulia bangunkan itu. Maka akan Kota Siputeh itu di-serahkan kapada Dato' Setia Raja dan Dato' Johan Pahlawan menjaga-nya.

Ada pun Sultan Rijaluddin Muhammad Shah Yang Maha Mulia itu ada mempunyai tiga orang putera dengan Wan Timah yang berpangkat Paduka Bonda ia-itu anak Dato' Maharaja Timbangan Warita. Putera-nya yang tuha laki2 bernama Tengku Muhyiddin dan yang tengah bernama Tengku Pengeran, dan yang bongsu perempuan bernama Tengku Rahimah.

Hatta Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermuafakat dengan menteri2-nya mengorek sa-buah

sungai daripada Kuala Sungai Alor Janggo tembus ka-Sungai Gunong.⁽¹⁾ Tiada berapa lama kemudian siap-lah sungai yang tersebut itu dan di-sebut orang Sungai Baru. Maka pada tiga belas haribulan Ramadhan tahun Hijrah sa-ribu tiga puluh tujuh (1037) Tengku Othman Raja Menehara pun mangkat. Maka di-layankan oleh Duli Baginda Yang Maha Mulia mengikut adat yang telah di-adatkan, dan di-makam di-langgar Kota Naga.

1. Sa-buah sungai kecil dalam Mukim Gunong, jajahan Kota Setar. Masih di-panggil dengan nama itu juga.

BAB VI

PERHUBONGAN DENGAN ORANG2 BARAT

Membeli Meriam daripada orang2 Portugis

Maka pada delapan belas haribulan Dzulhijjah tahun Hijrah sa-ribu enam puluh (1060) datang dua buah kapal layar orang Portugis masok ka-Kedah. Maka dua orang jeragan⁽¹⁾ kapal itu pergi berjumpa Dato' Seri Paduka Raja Laksamana mengatakan yang mereka itu hendak berjual meriam. Selang dua tiga hari kemudian Dato' Seri Paduka Raja Laksamana pun bawa mereka itu masok mengadap Sultan Rijaluddin Muhammad Shah Yang Maha Mulia dibalai penghadapan. Pada ketika itu Duli Baginda Yang Maha Mulia sedang di-hadap oleh Menteri2. Maka Dato' Seri Paduka Raja Laksamana pun naik lalu dudok menyembah. Maka jeragan kapal itu pun memberi hormat dengan bahasa-nya. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka di-jamu akan mereka itu oleh Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia. Sa-telah selesai jamuan itu maka sembah Dato' Seri Raja Laksamana, "Jeragan2 ini ada membawa meriam. Sekarang ini mereka hendak balek ka-negeri mereka kerana tiada ada lagi kerja mereka itu di-dalam negeri ini. Jika Duli Yang Maha Mulia berkehendakkan meriam itu boleh-lah berkira dengan mereka."

1. Pengetua kapal atau perahu; nakhoda.

Maka duli baginda pun bertitah kepada Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, "Berapa banyak meriam2 yang ada itu?" Maka sembah Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, "Kechil besar ada lebeh kurang tiga puloh puchok semua-nya." Maka titah baginda, "Chuba-lah mamak berkira, dan ambil-lah meriam2 itu kerana kita ini tiada menaroh meriam." Maka Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan jeragan2 itu pun bermohon pergi ka-tempat perhentian mereka lalu berkira mengenai berjual beli meriam itu. Maka tetap-lah perkiraan itu dan di-terima oleh Dato' Seri Paduka Raja Laksamana sakalian meriam2 yang tersebut itu. Maka di-ma'alumkan hal itu kepada Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka baginda menitahkan Dato' Paduka Maha Wangsa Pebendaharaan menyelesaikan bayaran-nya, demikian-lah.

Ada pun baginda itu sentiasa-lah bermuafakat dengan segala menteri2 penggawa-nya kalau membuat sa-suatu pekerjaan negeri dan sentiasa menchari jalan yang mendatangkan kebajikan kepada negerinya.

Kedatangan Orang Belanda

Maka pada empat haribulan Shawwal tahun Hijrah sa-ribu enam puloh satu (1061) datang sa-buah kapal orang Belanda masok ka-Kedah. Maka jeragan kapal itu masok berjumpa Dato' Seri Paduka Raja Laksamana berkira dengan-nya kerana mereka itu hendak membuka perniagaan di-dalam negeri Kedah. Maka maksud-nya itu tidak berjaya. Maka tiada lama ia dudok di-Kedah. Maka di-beli-nya timah. Apakala sampai masa ia hendak balek ka-negeri-nya maka di-persembahkan enam puchok meriam kepada Duli Sultan Yang Maha Mulia. Maka pada ketika itu Duli Baginda Sultan mengurniakan delapan pasang gading gajah kepada mereka itu.

Maka jeragan itu pun bermohon lalu belayar, demikian-lah ada-nya.

× *Sultan Muhyiddin Mansor Shah*

Hatta, dalam hal yang demikian Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka gering baginda itu makin sa-hari menjadi sa-makin berat. Dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang melakukan kudrat-Nya Sultan Rijaluddin Muhammad Shah Yang Maha Mulia pun mangkat pada sa-haribulan Dzulke'dah tahun Hijrah sa-ribu enam puluh dua (1062). Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa dan anak raja2 menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Muhyiddin Mansor Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan mengganti dan mengambil aleh pekerjaan paduka ayahanda baginda Al-marhum, bersemayam di-atas takhta kerajaan di-Kota Naga. Akan jenazah Raja di-Raja Al-marhum itu di-perentahkan oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri2 penggawa di-makamkan di-langgar Kota Naga mengikut adat yang telah di-adatkan bagi raja yang besar2. Al-marhum itu disebut orang Al-marhum Naga. Maka tetap-lah Sultan Muhyiddin Mansor Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah Daru'l-aman dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan adil murah-nya, dan baginda itu bijaksana lagi pandai mengambil hati segala menteri2 dan orang besar2-nya dan sentiasa mengambil insaf di-atas ra'ayat isi negeri.

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera dengan isteri-nya Wan Sara yang berpangkat Paduka Bonda ia-itu anak Dato' Seri Paduka Maha Menteri. Putera-nya yang tuha laki2 bernama Tengku Dhia'uddin dan yang muda perempuan bernama Tengku Jamjam.

Hatta Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun

bermuafakat dengan segala menteri2 penggawa mengangkat paduka adinda baginda Tengku Pengeran menjadi Raja Muda, dan Tengku Rahimah itu dikahwinkan dengan Tengku Muhammad Akib. Maka Tengku Muhammad Akib itu di-angkat menjadi Raja Menehara menggantikan Raja Menehara yang telah mangkat, dan bergelar Tengku Seri Paduka Maharaja Sura.



Kota Sena — terletak di-antara jalan lama dari Kangar ka-Simpang Empat Perlis.

Ada pun Sultan Yang Maha Mulia itu kalau hendak membuat sa-barang pekerjaan negeri maka bermuafakat-lah ia dengan paduka adinda Raja Muda dan segala menteri2-nya serta di-lateh-nya paduka anakanda baginda Tengku Dhia'uddin membuat pekerjaan negeri. Maka pada delapan haribulan Jama-di'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu enam puluh tiga (1063) Sultan Muhyiddin Mansor Shah Yang Maha Mulia bermuafakat dengan segala menteri2-nya membangun sa-buah kota di-Sena.⁽¹⁾ Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu enam puluh lima (1065) pada tujuh belas haribulan Rabi'ul-akhir kota istana Sena itu pun

1. Sa-buah Mukim dalam negeri Perlis bersedmpadan dengan Mukim Kangar dan Mukim Jejawi.

siap sakalian-nya. Maka pada hari yang baik Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian isi istana-nya dan segala Menteri2 pun berangkat dari-pada Kota Naga pergi bersemayam di-Kota Sena, dan paduka adinda Tengku Pengeran Raja Muda ditinggal bersemayam di-Kota Naga. Ada pun Tengku Muhammad Akib Raja Menehara itu dudok di-Kota Rentang. Ada pun Raja Menehara itu ada mempunyai dua orang putera. Yang tuha laki2 bernama Tengku Sulaiman dan yang muda perempuan bernama Tengku Jahara.



Kota Rentang — terletak 9 batu dari Alor Setar melalui jalan raya Alor Setar ka-Jitra, sa-panjang2 kota ini di-tanam dengan pokok2 buloh, penduduk2 di-kawasan ini telah menggunakan sa-belah kota ini sa-bagai jalan (saperti yang terlihat di-dalam gambar ini).

✕ *Sultan Dhia'uddin Al-Mukarram Shah*

Hatta, dalam hal yang demikian Sultan Muhyidin Mansor Shah Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam tahun Hijrah sa-ribu tujuh puluh dua (1072) Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun mangkat pada tiga belas haribulan Jamadi'l-awwal. Maka bermua-fakat-lah segala menteri2 penggawa-nya menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Dhia'uddin Al-

Mukarram Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan mengambil alih pekerjaan paduka ayahanda Al-marhum, bersemayam di-atas takhta kerajaan di-Kota Sena. Akan jenazah Raja di-Raja Al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda Sultan Dhia'uddin Al-Mukarram Shah Yang Maha Mulia dengan segala menteri2 penggawa dan orang besar2 di-makamkan di-langgar Kota Sena mengikut isti'adat raja yang besar2. Baginda Al-marhum itu di-sebut orang Al-marhum Sena. Maka tetap-lah Sultan Dhia'uddin Al-Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan adil dan sentiasa-lah baginda mengambil insaf di-atas segala ra'ayat negeri.

Ada pun Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ada mempunyai sa-orang putera perempuan dengan isteri-nya Wan Jingga yang berpangkat Paduka Bonda ia-itu anak Dato' Seri Paduka Tuan. Nama putera baginda itu ia-lah Tengku Sapura Negara dan sudah berumur enam belas tahun.

Kota Indera Kayang

Hatta, pada sembilan belas haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tujuh puluh tiga (1073) Sultan Dhia'uddin Al-Mukarram Shah Yang Maha Mulia bermuafakat dengan segala menteri2-nya pergi membangun sa-buah kota lagi di-sabelah hilir di-tempat yang bernama Wai.¹⁾ Maka pada delapan haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu tujuh puluh lima (1075) kota itu pun siap-lah sakalian-nya, di-lengkapkan dengan istana dan balai penghadapan. Kota itu di-gelar Kota Indera Kayangan. Maka pada hari yang baik Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan segala isi istana-nya berangkat daripada

1. Nama sa-buah kampung dalam Mukim Kuala Perlis, negeri Perlis.

Kota Sena pergi bersemayam di-Kota Indera Kayangan dengan istirehat, demikian-lah ada-nya. Ada pun Kota Sena itu di-serahkan kepada Dato' Biram Pahlawan bersama2 Panglima Jugar Alam menjaganya.

Hatta, pada suatu hari Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia bertitah kepada Dato' Seri Maharaja Putra Dewa, "Bangunkan sa-buah kota di-Bukit Pinang dan beri chukup kota itu dengan istana dan balai penghadapan di-dalam-nya. Perhamba ingat apakala kita buatkan yang demikian itu, akan ramai-lah orang2 datang mendiami Bukit Pinang itu." Maka Dato' Maharaja Putra Dewa pun menjunjung titah lalu menghimpunkan segala ra'ayat membuat kota saperti di-titah oleh baginda Sultan Yang Maha Mulia itu. Hatta, tiada berapa lama kemudian siap-lah kota itu sakalian-nya. Maka pada masa itu ramai-lah orang2 yang berpangkat yang di-ator oleh Dato' Seri Maharaja Putra Dewa tinggal di-Bukit Pinang itu, serta di-perbuatkan tempat kedudukan untuk mereka itu.

Shahadan lagi, Duli Baginda Sultan bermuafakat dengan segala menteri2-nya mengorek sungai daripada Kayang tembus ka-Sungai Besar Kampong Che' Madi⁽¹⁾ bagi kegunaan ra'ayat2 yang mengambil tanah untuk di-buat bendang. Hatta, tiada berapa lama siap-lah sungai yang tersebut itu. Pada ketika itu banyak-lah ra'ayat berhimpun mengambil tanah untuk di-buat bendang.

Hatta, pada suatu hari Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan Tan Jaya Indera yang memerintah sakalian gajah kenaikan bersiap pergi mempersilakan paduka ayahanda Raja Muda di-Kota Naga dan pergi menyambut paduka ayahanda di-Kota Rentang⁽²⁾

1. Sa-buah kampong dalam negeri Perlis.

2. Nama sa-buah kota berdekatan dengan Mukim Naga, Daerah Kubang Pasu. Kota itu tidak ada lagi sekarang.

mari ka-Kota Indera Kayang. Maka Dato' Tan Jaya Indera pun menjunjung titah lalu bersiap pergi ka-Kota Naga menghadap Raja Muda mema'alumkan titah baginda itu. Maka Raja Muda pun berangkat pergi ka-Kota Indera Kayang. Kemudian-nya Dato' Tan Jaya Indera pergi ka-Kota Rentang menghadap Raja Menehara mema'alumkan titah baginda kapadanya itu. Maka Raja Menehara bersama2 dengan putera-nya Tengku Sulaiman pun berangkat pergi ka-Kota Indera Kayang. Apakala sampai di-Kota Indera Kayang itu mereka itu di-sambut oleh Duli Baginda Yang Maha Mulia. Akan paduka ayahanda itu di-bawa masok ka-dalam istana. Sa-hari2 Duli Baginda Yang Maha Mulia dudok bersuka2an dan sentiasa menyukakan hati paduka ayahanda kedua-nya itu.

Tanggung-jawab Temenggong

Maka pada suatu hari Duli Baginda Yang Maha Mulia dudok berkata2 dengan paduka ayahanda Raja Menehara dan Raja Muda dan Menteri keempat, "Anakanda ingat hendak jadikan paduka adinda Tengku Sulaiman Raja Temenggong kerana paduka adinda itu berani dan tetap hati-nya dan faham akan pangkat dan peratoran hulubalang pahlawan dan chara ator-mengator dalam masa peperangan."

Maka jawab Raja Menehara, "Benar-lah saperti pendapat paduka anakanda itu. Ada pun orang yang menyandang pangkat Temenggong itu ada-lah orang yang sangat2 di-harap kerana sakalian pekerjaan itu terserah kapadanya, dan segala alat senjata hulubalang pahlawan, panglima perang dan kota parit sakalian itu ada-lah di-dalam hukum-nya. Dan lagi pekerjaan Temenggong itu ia-lah menangkap barang siapa membuat pekerjaan derhaka khianat dan melanggar hukum2 dan serahkan mereka itu kepada Dato' Maharaja Timbangan Warita yang kerja-nya

menerima sakalian teriak orang2 isi negeri supaya kesalahan mereka itu di-pereksa dengan halus. Dan lagi, Temenggong itu hendak-lah sentiasa menyuroh orang2 yang di-harap-nya di-dalam hal ahwal negeri supaya membawa perkhabaran yang di-ketahui-nya mengenai bahaya dan juga mengenai fitnah yang datang dari mana2 juga, dan Temenggong hendak-lah tahu bagaimana hendak menolak bahaya2 dan fitnah itu. Dan lagi, Temenggong itu sa-kali2 tiada boleh berubah hati-nya, hati-nya mahu-lah suchi dan tulus ikhlas, dan setia kepada raja-nya. Demikian-lah hal-nya Temenggong itu. Yang ayahanda susah hati ia-lah barangkali paduka adinda itu tiada boleh menjalankan perkara yang tersebut itu kerana berat-nya tanggungan Temenggong."

Maka sahut Raja Muda, "Benar juga saperti kata Raja Menehara itu." Maka kata baginda, "Jangan-lah paduka ayahanda berdua bersusah hati akan hal yang demikian itu kerana anakanda tahu hati adinda itu."

Maka baginda pun mengangkat Tengku Sulaiman menjadi Raja Temenggong bergelar Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan di-kurniai-nya chukup persalinan kepada Tengku Sulaiman. Selang dua tiga hari kemudian-nya Raja Menehara dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong pun bermohon kepada Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia hendak berangkat balek ka-Kota Rentang.

Shahadan lagi, ada pun baginda itu ada mempunyai sa-orang isteri yang muda dudok di-istana Bukit Pinang yang chukup dengan jaga2an. Maka berulang alek-lah baginda Sultan di-antara dua buah kota itu. Sa-lama empat puloh hari ia di-Bukit Pinang dan empat puloh hari di-Indera Kayang. Baginda berulang alek mengikut sungai yang di-korek itu. Demikian-lah hal baginda itu.

BAB VII

PERHUBONGAN DENGAN BUGIS

*Perkahwinan antara anak Raja Kedah
dengan anak Raja Bugis*

Ada pun Tengku Sapura Negara itu di-pinang oleh Raja Bugis ia-itu raja Negeri Mengkasar⁽¹⁾ hendak di-kahwinkan dengan putera-nya yang bernama Raja Juang Tawa. Maka pada akhir perkiraan itu, pinangan raja Bugis itu di-terima oleh Duli Baginda Sultan. Apakala telah sampai masa yang di-janjikan itu angkatan Raja Juang Tawa pun sampai-lah di-Kota Indera Kayang di-iring oleh ayahanda saudara-nya yang bernama Raja Pachok Ali bersama2 dengan empat orang menteri dan chukup dengan alatan2 bagi raja yang besar2. Sa-telah sampai hari-nya, perkahwinan pun di-jalankan menurut adat raja2 saperti yang telah di-adatkan.

Maka sa-telah selesai pekerjaan kahwin itu Raja Pachok Ali pun pergi menghadap Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia bermohon balek ka-negeri-nya. Maka akan Raja Juang Tawa itu tinggal dudok di-Kota Indera Kayang, demikian-lah kesah-nya. Maka Saja Pachok Ali dengan menteri2 Bugis yang mengi-ring Raja Juang Tawa ka-Kedah pun belayar balek ka-negeri-nya dan akhir-nya sampai di-negeri-nya dengan selamat, ada-nya.

Shahadan, sa-telah empat belas bulan berkahwin itu, dengan di-kurnia Allah Subhanahu wa-

1. Sulawesi, Selibis.

Ta'ala Raja Juang Tawa pun beroleh sa-orang putera laki2 dengan isteri-nya Tengku Sapura Negara. Duli Baginda Sultan namakan chuchunda baginda itu Tengku Ngah Putra. Maka pada masa Tengku Ngah Putra berumur tujuh belas bulan ayah-nya Raja Juang Tawa pun mangkat. Akan jenazah Raja di-Raja itu di-layankan oleh Duli Baginda Sultan saperti adat Raja2 dan di-makamkan di-langgar Kota Indera Kayang. Maka Duli Baginda Sultan pun membuat sa-puchok surat dan memerintah Dato' Biram Jaya yang memerintah Kuala Bara pergi ka-negeri Bugis untok menyampaikan khabar kemangkatan paduka anakanda Raja Juang Tawa. Maka Dato' Biram Jaya pun bermohon lalu belayar menuju ka-negeri Bugis.

Hatta, dalam hal yang demikian Raja Menehara pun mangkat di-Kota Rentang. Paduka anakanda Tengku Paduka Maharaja Temenggong ma'alumkan hal itu kepada Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia di-Kota Indera Kayang. Maka Duli Baginda Sultan pun berangkat pergi ka-Kota Rentang, bermuafakat dengan Raja Muda dan segala Menteri2 melayankan jenazah Raja di-Raja paduka ayahanda Al-marhum itu, dan di-makamkan Al-marhum di-langgar Kota Naga. Sa-telah selesai, duli baginda pun berangkat balek bersemayam di-Kota Indera Kayang, demikian-lah kesah-nya.

Hatta, tiada berapa lama kemudian Raja Muda pun jatuh gering. Dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala Raja Muda pun mangkat. Maka hal ini di-ma'alumkan kepada Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia di-Kota Indera Kayang. Maka duli baginda pun berangkat-lah pergi ka-Kota Naga, bermuafakat dengan segala menteri2-nya melayankan jenazah Raja di-Raja Al-marhum Raja Muda itu mengikut adat raja2 yang besar2 dan di-makamkan di-langgar Kota Naga. Sa-telah selesai menyimpan paduka ayahanda Raja Muda itu Duli Baginda Yang Maha Mulia dan pengiring2-nya pun berangkat balek

ka-Kota Indera Kayang dengan kemashghulan, demikian-lah ada-nya.

Ada pun Tengku Paduka Maharaja Temenggong itu ada berchita2 hendak membuat sa-buah kota didalam daerah Kubang Pasu.⁽¹⁾ Maka di-ma'alumkan chita2-nya itu kepada cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia. Maka di-benar oleh baginda akan permintan itu. Maka Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa pun buat-lah kota itu. Apakala telah siap kota yang tersebut itu, maka pada suatu ketika yang baik berangkat-lah Tengku Paduka Maharaja Temenggong dengan sakalian isi istana-nya daripada Kota Rentang bersemayam di-kota yang baharu di-buat itu. Maka tetap-lah Tengku Paduka Maharaja di-kota itu. Maka kota itu di-namakan Kota Giam.⁽²⁾ Maka akan kota Rentang itu di-serahkan kepada Dato' Pahlawan



Kota Giam — terletak 12 batu dari Alor Setar melalui jalan ka-Thailand. (Dudok-nya kota itu di-dalam daerah Kubang Pasu).

1. Nama sa-buah Daerah dalam negeri Kedah sa-belah utara bersempadan dengan perentah Siam. Daerah ini lebeh besar daripada negeri Perlis. Pada zaman dahulu ada Raja yang memerintah Daerah ini.
2. Mengikut cherita kota ini terletak di-pekan Jitra sekarang. Jitra ia-lah ibu pekan Daerah Kubang Pasu. Kota ini tidak ada lagi.

Angkasa menjaga-nya.

Ada pun tabi'at Tengku Paduka Maharaja Temenggong itu ia-lah suka mengambil usaha di-dalam menjaga tiap2 pekerjaan negeri dan tiada alpa di-dalam menjalankan barang suatu pekerjaan negeri. Maka dengan kekuasaan Allah Subhanahu wa-Ta'ala Yang Maha Kuasa Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun beroleh sa-orang putera laki2 dengan isteri-nya di-Bukit Pinang yang bernama Che' Sepa Chendra yang berpangkat Paduka Bonda. Maka Duli Baginda Sultan menamakan paduka anakanda baginda itu Tengku Ata'Allah.

X *Tengku Ata'Allah di-tabal menjadi bakal Sultan*

Ada pun baginda itu tiada mempunyai putera tuha yang lain melainkan dengan Tengku Sapura Negara ia-itu bonda Tengku Ngah Putra. Dalam hal yang demikian Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa pun bermuafakat dengan segala Menteri2 dan anak raja2 hendak menabalkan Tengku Ata'Allah menjadi bakalan Sultan⁽¹⁾ kerana segala menteri2 bimbang akan Tengku Ngah Putra ia-itu chuchunda baginda itu di-jadikan bekalan Sultan oleh kerana Duli Baginda Sultan berchadang bahawa chuchunda baginda itu-lah yang hendak di-beri mengganti baginda. Mereka itu bimbang kerana takut keturunan Sultan Yang Maha Mulia itu putus.

Maka bermuafakat-lah segala Menteri2 hendak mema'alumkan hajat mereka ka-bawah tapak cherpu Duli Baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia di-Kota Indera Kayang. Maka titah Tengku Paduka Maharaja Temenggong, "Pada fikiran hamba tiadalah elok, kalau kita ma'alum kapada Yang Di-Pertuan hendak tabalkan putera-nya Tengku Ata'Allah itu menjadi bakalan; barangkali duli baginda itu akan menegah. Apakala tertegah, tiada sampai-lah

1. Yang akan mewarithi takhta kerajaan.

maksud kita kerana tampak-nya duli baginda itu sangat kaseh akan chuchunda-nya itu. Jika kita membuat juga yang demikian itu, menjadi derhakahlah kita ka-bawah tapak cherpu Duli Baginda Yang di-Pertuan Yang Maha Mulia dengan sebab baginda sudah menegah kita membuat-nya. Maka pada fikiran hamba terlebih baik kita tabalkan dahulu anakanda baginda Ata'Allah menjadi bakalan. Setelah kita tabalkan dia baharu-lah kita bermuafakat pergi ma'alumkan bahawa yang kita tabalkan menjadi bakalan itu ada-lah putera baginda sendiri."

Maka segala menteri2 pun berkenan akan titah Tengku Paduka Maharaja Temenggong itu. Maka Tengku Paduka Maharaja Temenggong dan Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa dan Menteri Delapan pun bersiap sakalian alatan hendak menabal Tengku Ata'Allah Muhammad Shah menjadi bakalan Sultan, chukup dengan adat peratoran menabalkan bakalan.

Apakala genap empat puluh hari sa-telah hari penabalan itu Tengku Paduka Maharaja Temenggong dengan segala menteri2 yang tersebut itu pun berangkat pergi ka-Kota Indera Kayang mengadap tapak cherpu Duli Baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia ma'alumkan fasal yang telah di-muafakat tabalkan paduka anakanda baginda Tengku Ata'Allah Muhammad Shah menjadi bakalan Sultan. Apakala baginda mendengar sembah menteri2 itu duli baginda pun berdiam tiada berkata2, hanya bertitah daripada perkara2 yang lain. Maka selang tujuh hari Tengku Paduka Maharaja Temenggong dan menteri2 mengadap tapak cherpu Duli Baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia bermohon berangkat balek ka-Kota Pinang, dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong berangkat langsung ka-Kota Giam. Demikian-lah ada-nya.

Tengku Ngah Putra belayar ka-negeri Bugis

Shahadan ada pun Tengku Ngah Putra chuchu duli baginda itu sangat2-lah menaroh dendam di-hati-nya akan penabalan Ata'Allah menjadi bakalan, lebeh2 lagi apakala di-seru⁽¹⁾ oleh orang2-nya maka sa-makin-lah bertambah2 panas hati-nya. Dalam hal yang demikian pada suatu hari Tengku Ngah Putra pun mengadap nenda baginda di-dalam istana Kota Kayang bermohon hendak pergi menghadap nenda-nya di-negeri Bugis. Maka permintaan Tengku Ngah Putra itu di-benar oleh duli baginda. Dua orang Menteri di-perintah pergi mengiring Tengku Ngah Putra ka-negeri Bugis itu. Mereka itu ia-lah Dato' Nila Pahlawan dan Dato' Johan Pahlawan. Mereka itu pergi dengan dua buah penjajab layaran yang chukup dengan alat kelengkapan. Maka Tengku Ngah Putra dengan dua orang menteri itu pun bermohon kepada duli baginda keluar daripada negeri Kedah menuju ka-negeri Bugis.

Hatta tiada berapa lama di-dalam pelayaran itu, Tengku Ngah Putra dengan sakalian pengiring2-nya pun sampai-lah di-negeri Bugis dengan selamat-nya. Maka Tengku Ngah Putra bersama2 dengan menteri berdua pun masok mengadap nenda-nya. Sa-telah beberapa hari dudok di-negeri Bugis itu Tengku Ngah Putra pun mengidzinkan menteri berdua itu balek ka-Kedah dan di-perentahkan mereka itu membawa sa-puchok surat yang mengatakan ia sampai di-negeri Bugis dengan selamat dan hendak dudok bermain2 sa-lama sa-tahun dua di-negeri Bugis itu. Maka Menteri2 itu pun bermohon kepada Raja Bugis lalu belayar balek ka-Kedah, dan akhirnya sampai-lah mereka itu di-Kedah dengan selamat-nya.

Tiada berapa lama sa-telah menteri berdua meninggalkan negeri Bugis balek ka-Kedah, Tengku

1. Di-hasut.

Ngah Putra pun ma'alumkan hal keaifan-nya kepada nenda-nya serta memohon orang2 hendak melanggar negeri Kedah. Maka Raja Bugis pun berfikir2 dengan bebal-nya. Maka bermuafakat-lah baginda dengan Menteri2-nya suroh himpulkan sakalian hulubalang pahlawan ra'ayat sakalian dan siapkan segala penjabab peperangan hendak melanggar negeri Kedah oleh kerana ia menurut hawa nafsu chuchu-nya. Maka menteri2 pun memberi hukum kepada panglima perang yang bernama Raja Tagok Kurnam yang sangat2 di-harap oleh Raja Bugis kerana sudah banyak jasa kemenangan-nya di-dalam peperangan yang besar2 dan telah banyak negeri2 yang di-ta'alok-nya dan di-persembahkan-nya kepada Raja Bugis. Maka panglima perang Raja Tagok Kurnam dan lain2 panglima perang yang termashhor itu sakalian-nya pun mengaku kepada Raja Bugis hendak menawan dan mengambil sa-barang Tanah Melayu hendak di-persembahkan kepada Raja Bugis.

Kedatangan angkatan perang Bugis ka-Kedah

Hatta, tiada berapa lama kemudian Tengku Ngah Putra dengan sakalian-nya pun bersiap-lah angkatan peperangan yang besar serta dengan segala alatan2 peperangan. Pada ketika yang baik maka belayar-lah segala penjabab2 peperangan itu menuju ka-negeri Kedah.

Ada pun berita kedatangan angkatan Tengku Ngah Putra itu kedengaran-lah kepada Dato' Seri Paduka Raja Laksamana. Maka di-ma'alumkan kepada tapak cherpu Duli Baginda Yang di-Pertuan Yang Maha Mulia akan niat Tengku Ngah Putra hendak melanggar negeri Kedah itu. Maka duli baginda bertitah kepada Dato' Seri Paduka Raja Laksamana. "Siapkan sakalian alatan kelengkapan laut yang hendak di-gunakan bagi sekat menyekat pada pehak2 laut dan pulau2 dan jangan beri apa2

berkurangan." Kemudian-nya baginda bertitah ka-pada Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, "Siapkan sakalian alatan peperangan bagi pehak darat dengan chukup peratoran perang dan dengan sa-habis2 kuat. Jangan beri sakalian Bugis2 itu masok ka-Kedah, dan beritahu Dato' Lela Angkasa di-Kota Wang di-daratan Marpah dan Dato' Pahlawan2 di-sabelah Selatan supaya persatukan sakalian orang2 peperangan itu. Maka Dato' Seri Paduka Raja Lak-samana pun bermohon pergi bersiap saperti di-titah oleh baginda itu. Maka Tengku Paduka Maharaja Temenggong pun bermohon pergi bersiap saperti di-titahkan itu serta di-ator panglima2-nya di-Kota Bukit Pinang menjaga tiap2 perkara chukup dengan alat senjata-nya. Apakala telah siap yang demikian itu Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa pun berangkat-lah dari Kota Bukit Pinang pergi mengator segala hulubalang Pahlawan dan segala ra'ayat pada tempat2 yang hendak di-sekat itu.

Peperangan⁽¹⁾

Hatta, pada enam haribulan Rabi'ul-akhir tahun

1. Mengikut sumber sejarah, orang2 Bugis keluar mengembara ka-Tanah Melayu dan ka-daerah2 lain oleh kerana kebebasan mereka berniaga di-tempat mereka ia-itu di-lengkongan Pulau Sulawesi di-ganggu oleh pedagang2 Belanda yang mahu menegakkan kuasa monopoli mereka dalam lapangan ekonomi di-Timor Jauh. Ini berikutan pula dengan tumbang-nya kuasa kesultanan Makasar oleh pedagang2 Belanda itu ia-itu dalam tahun 1667. Perkampongan yang pertama di-buka oleh orang2 Bugis di-Tanah Melayu ia-lah di-Kuala Sungai Kelang dalam tahun 1681. Kebanyakan daripada mereka menjadi lanun di-perayeran Gugusan Pulau2 Melayu.

Pada masa terjadi-nya perebutan kuasa di-Kedah ia-itu di-antara dua orang anak raja Kedah, pehak saudara tua ka-pada adek-beradek itu telah menghantar surat ka-pada pehak Bugis yang di-ketuai oleh Daeng Prani untuk mendapat bantuan dan berjanji mahu membayar 15 bahara bijeh timah ka-pada Bugis2 itu. Baginda menang, dan membayar hanya 3 bahara. Sa-lain dari itu baginda mengahwinkan saudara perempuan baginda dengan Daeng Prani. Saudara muda baginda mendapat pertolongan daripada Raja Keehil Siak. Peperangan memakan masa sa-lama 2 tahun. Akhir-nya pehak Baginda yang di-tolong oleh orang2 Bugis itu menang. Raja Keehil Siak terpaksa mengundor diri.


Hijrah sa-ribu sembilan puluh delapan (1098) Tengku Ngah Putra dengan panglima perang dan ra'ayat2 Bugis sakalian-nya pun masok ka-Kedah melalui Sungai Merbok. Maka yang menjadi panglima perang yang besar di-dalam angkatan Bugis itu ia-lah Raja Tagok Kurnam. Maka angkatan Bugis itu pun melanggar masok. Maka beramok2-lah mereka itu menentang sakalian panglima dan hulubalang, pahlawan dan ra'ayat Kedah yang dudok berjaga di-Sungai Merbok itu. Maka di-sekat juga akan mereka itu oleh angkatan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan sakalian hulubalang Pulau Langkawi dan juga panglima2 Kuala Bara, dan angkatan2 yang lain pun berperang bersama2 dengan angkatan Kedah. Maka pada ketika itu berperang besar-lah kedua2 pehak itu, dan banyak-lah yang mati dan luka antara kedua2-nya. Sa-telah enam puluh hari berperang Raja Tagok Kurnam pun mati-lah di-dalam Sungai Merbok, di-pintu Sungai Kechil, dan panglima2 termashhor yang lain pun banyak juga yang mati. Pada ketika itu pechah-lah angkatan Bugis itu mereka itu lari berpechah-belah tiada berketahuan pergi-nya. Akan Tengku Ngah Putra dengan lain2 panglima perang yang tiada mati itu pun habis lari tiada ter-tahan kerana keras-nya amok sakalian panglima2 hulubalang pahlawan Kedah. Maka Tengku Ngah Putra dengan sakalian orang2-nya pun lari dan berpechah-belah pergi ka-merata2 tempat dan berhimpun di-tepi laut Beruas, Kelang dan Jeram dalam daerah Selangor dan lain2-nya. Maka Tengku Ngah Putra pun menghantarkan orang2-nya pergi kapada nenda-nya Raja Bugis meminta bantuan. Maka Raja Bugis tiada lagi mahu membantu peperangan itu. Maka Tengku Ngah Putra dengan sakalian orang2-nya pun dudok-lah di-tempat2 yang tersebut itu.

Sa-bermula kata yang empunya chetera ini, akan Tengku Ngah Putra itu pun beristeri-lah. Ia beroleh

dua orang putera di-tempat yang tersebut itu. Demikian-lah hal-nya.

✕ *Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II*

Hatta tiada berapa lama sa-lepas berperang yang tersebut itu, duli baginda pun jatuh gering. Maka' gering baginda itu makin sa-hari menjadi sa-makin bertambah. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang melakukan kudrat-Nya, pada tiga puluh haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu sembilan puluh sembilan (1099) Sultan Dhia'uddin Al-mukarram Shah Yang Maha Mulia pun mangkat di-istana Kota Indera Kayangan. Maka pada ketika itu bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa dan



Dalam kawasan Kota Indera Kayang ini terdapat tiga buah makam, kawasan makam ini telah di-bina oleh Kerajaan Perlis. Sa-buah bangunan berbumbong tiga menandakan tiga buah makam:

1. Sultan Dhia'uddin Al-mukarram Shah (Al-marhum Kayang).
2. Raja Juang Tawa (anak Raja Bugis).
3. Keluarga anak Raja Kedah.

Kawasan ini terletak di-tepi Sungai Perlis dan di-kelilingi oleh bukit2 yang di-kenali dengan nama Bukit Kayang, Bukit Lambong Panah, Bukit Nasi Sebungkus (Besar dan Kechil), Bukit Jagat Hitam, Bukit Wai dan Bukit Menara.

orang besar² menetapkan paduka anakanda baginda Tengku Ata' Allah Muhammad Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana di-Kota Bukit Pinang. Akan jenazah Raja di-Raja Al-marhum itu di-perentahkan oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri² penggawa-nya di-makamkan di-langgar Kota Indera Kayangan mengikut istiadat raja² yang besar². Al-marhum itu di-sebut orang Al-marhum Kayang Yang pertama. Maka tetap-lah Sultan Ata' Allah Muhammad Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah Daru'l-aman dengan segala menteri² penggawa-nya, dan baginda itu pandai mengambil hati segala menteri²-nya dan memelihara ra'ayat isi negeri dengan adil dan murah-nya. Demikian-lah kesah-nya. Maka akan Kota Indera Kayang itu di-serahkan kepada Dato' Andika Raja menjaga-nya.

Ada pun Duli Yang Maha Mulia itu ada mempunyai tiga orang putera dengan isteri-nya Tengku Maheran yang berpangkat Permaisuri, ia-itu chuchu Tengku Pengeran Raja Muda Naga. Maka putera baginda yang tuha ia-lah laki² bernama Tengku Abdullah dan yang tengah juga laki² bernama Tengku Ibrahim, dan yang bongsu perempuan bernama Tengku Latifah.

Ada pun Duli Baginda Yang di-Pertuan Yang Maha Mulia itu sangat mengambil usaha di-atas pekerjaan negeri sama ada di-laut atau pun di-darat. Maka pada suatu hari Duli Baginda menitahkan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa pergi berjalan² di-serata mukim dan jajahan di-dalam negeri Kedah mengambil ketahui hal ahwal ra'ayat serta memberi nasihat kepada mereka itu supaya membuat kerja pertukangan dan bertanam² dan juga menunjok jalan kepada mereka itu bagaimana chara-nya hendak menchari keuntungan di-dalam menchari makan di-

dalam negeri. Maka di-kerjakan-lah oleh Dato' Seri Maharaja Putra Dewa seperti di-titahkan itu.

✓ *Sultan Abdullah Al-Muazzam Shah*

Hatta, dalam hal yang demikian, dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka berhimpun-lah paduka anakanda ketiga2-nya itu bermuafakat menjaga paduka ayahanda baginda yang gering. Dalam hal yang demikian pada tiga belas haribulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus sa-puluh, (1110), Sultan Ata' Allah Muhammad Shah pun mangkat. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa dan anak raja2 menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Abdullah Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan mengganti dan mengambil alih pekerjaan paduka ayahanda Al-marhum, besemayam di-atas takhta kerajaan di-istana Kota Bukit Pinang. Akan jenazah Raja di-Raja Al-marhum itu di-perintah oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri2 penggawa dan orang besar2 di-makamkan di-langgar Kota Bukit Pinang mengikut adat raja yang besar2. Baginda itu di-sebut orang Al-marhum Bukit Pinang Yang pertama. Maka tetaplah Sultan Abdullah Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah Daru'l-aman dengan segala menteri2 penggawa-nya. Baginda itu bijaksana lagi pandai mengambil hati segala menteri2-nya.

Maka pada suatu hari Duli Baginda Yang di-Pertuan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan nenda Tengku Paduka Temenggong Anggota Desa dan Dato' Seri Paduka Maha Menteri, dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa. Maka Tengku Paduka Maharaja Temenggong pun datang-lah, lalu naik duduk di-balai penghadapan

berkata2. Maka segala menteri2 itu pun datang naik ka-balai penghadapan lalu dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah baginda, "Hamba hendak bermuafakat dengan mamak2 sakalian hendak mengangkat paduka adinda Tengku Ibrahim menjadi Raja Muda?" Maka kata Tengku Paduka Maharaja Temenggong, "Elok sangat paduka adinda itu berpangkat Raja Muda." Maka tetap-lah Tengku Ibrahim di-lantek menjadi Raja Muda, bersemayam di-Kota Limbong,⁽¹⁾ dan paduka adinda Tengku Latifah itu di-kahwinkan dengan Tengku Ishak chuchu Tengku Paduka Maharaja Temenggong Kota Giam.



Kota Limbong — terletak berdekatan dengan pekan Langgar, penduduk2 di-kawasan ini telah menggunakan kota ini sa-bagai jalan (saperti yang terlihat dalam gambar ini).

Bandar Limbong

Maka pada ketika Tengku Ibrahim menjadi Raja Muda di-Limbong itu terbuka-lah sa-buah bandar di-

1. Sa-buah Kota dalam Mukim Limbong Langgar, Daerah Kota Setar, lebeh kurang 6 batu daripada pekan Alor Setar. Kota itu tidak ada lagi.

Limbong. Maka ramai-lah orang2 dari luar negeri masok berniaga dan bertukar dagangan serta mengambil tanah untok di-buat tempat kediaman di-Limbong itu. Maka pada sa-puluh haribulan Muhar-ram tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus tiga belas (1113) Sultan Abdullah Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia bermuafakat dengan paduka adinda Raja Muda dan segala menteri2 membuat sa-buah langgar kota batu di-mukim Limbong dan mempertetapkan makam tempat sakalian anak chuchu chichit Sultan yang telah mangkat.⁽¹⁾ Maka di-perbuat oleh Raja Muda saperti di-titahkan oleh baginda itu hingga-lah siap, demikian-lah ada-nya. Ada pun pada masa itu orang2 boleh turun daripada Bukit Pinang dengan perahu besar melalui suatu cabang sungai pergi ka-Langgar Limbong dan Tajar⁽²⁾ hingga sampai ka-Kota Setar.

Ada pun Duli Baginda Yang Maha Mulia itu ada mempunyai tiga orang putera dengan isteri-nya Wan Nang yang berpangkat Paduka Bonda. Dua orang daripada-nya laki2 dan sa-orang lagi itu perempuan. Maka putera yang tuha itu laki2 bernama Tengku Muhammad Jiwa dan yang tengah juga laki2 bernama Tengku Ahmad Tajuddin, dan yang bongsu ini sa-orang perempuan bernama Tengku Aishah.

Ada pun Duli Baginda Yang Maha Mulia itu sangat kaseh akan segala menteri2-nya dan tidak ketinggalan mempertetapkan atoran negeri, dan lagi Duli Baginda Yang di-Pertuan itu selalu bermuafakat dengan segala menteri2-nya kalau membuat sa-barang pekerjaan negeri.

Hatta, pada suatu hari Duli Baginda Yang di-Pertuan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan Raja Muda dan Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Dato' Seri

1. Makam Langgar masok di-guna sa-bagai Makam Raja2.

2. Sa-buah Mukim dalam Daerah Kota Setar. Masok di-panggil dengan nama itu.

Paduka Laksamana dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa. Maka sakalian-nya pun datang ka-balai penghadapan lalu dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah baginda, "Hamba hendak bermuafakat dengan mamak2 kerana hendak mengangkat paduka adinda Tengku Ishak menjadi Raja Temenggong mengganti nenda Raja Temenggong Kota Giam yang telah hilang itu." Maka sembah Raja Muda dan Menteri2 sakalian, "Benar saperti titah itu. Patek sakalian tampak hati-nya tetap dan berani pada menjalankan sa-barang pekerjaan. Tambahan pula paduka nenda Raja Temenggong yang sudah mangkat itu telah pun melatehkan paduka adinda itu akan segala pekerjaan yang harus dikerjakan oleh Temenggong." Apakala telah tetap muafakat itu Duli Baginda Yang Maha Mulia pun mengangkat Tengku Ishak menjadi Raja Temenggong bergelar Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, demikian-lah kesah-nya.

BAB VIII

PENGEMBARAAN TENGGU MUHAMMAD JIWA

✕ *Tengku Muhammad Jiwa keluar negeri*

Shahadan, Duli Baginda Yang Di-Perutusan Yang Maha Mulia itu teringat2 di-hati-nya hendak mengambil ketahui hal peratoran negeri2 sa-belah luar. Ada pun Tengku Muhammad Jiwa ia-itu putera duli baginda itu tetap dan berani hati-nya dalam membuat sa-barang pekerjaan. Ia suka hendak keluar melihat negeri2 orang. Maka pada suatu hari ia pun masuk mengadap paduka ayahanda di-dalam istana memohon hendak keluar melihat negeri2 sa-belah luar. Maka di-ma'alumkan-nya kepada paduka ayahanda dengan panjang lebar akan niat-nya itu. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun berfikir sa-ketika. Sa-telah berfikir itu maka baginda membenarkan anakanda baginda itu pergi. Selang tiada berapa lama kemudian Tengku Muhammad Jiwa pun keluar sa-orang diri dengan tiada di-ketahui oleh segala menteri2 dan orang2 lain.

Dalam hal yang demikian sampai-lah ia ka-negeri Jambi hingga masuk ka-Palembang. Tiada berapa lama ia di-Pelembang ia berguru kepada sa-orang pendita daripada bangsa Arab bernama Tuan Shaikh Abdul Jalil bin Tuan Shaikh Abdul Wahab bin

Tuan Shaikh Ahmad Al-Mahdani Yaman ia-itu sa-orang guru dari Sana'.⁽¹⁾ Ia belajar mengenai hukum². Sa-telah dudok di-Palembang sa-lama enam bulan Tuan Shaikh Abdul Jalil pun belayar pergi ka-sebelah Tanah Jawa. Tiada berapa lama kemudian ia belayar pula, langsung ka-India. Akan Tengku Muhammad Jiwa itu tiada-lah berenggang daripada Tuan Shaikh Abdul Jalil itu. Ka-mana² Tuan Shaikh itu pergi bersama²-lah, mengikuti Tuan Shaikh dari sa-buah negeri ka-sabua² negeri di-dalam India, dan kadang² ia di-ambil oleh orang India buat guru mereka. Dalam hal yang demikian itu ada sa-orang India yang ada ilmu pergi menjadi murid Tuan Shaikh itu. Nama-nya Hapisap. Ada pun Tuan Shaikh itu tiada ia ketahui siapa Tengku Muhammad Jiwa itu sa-benar-nya. Akan tetapi Tuan Shaikh itu kaseh akan dia oleh kerana kelakuan-nya dan tabi'at-nya dan oleh kerana chepat ia dapat memahmi akan sa-suatu yang di-pelajari-nya. Demikian-lah hal-nya Tengku Muhammad Jiwa pada masa ia di-dalam India itu.

× *Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah*

Al-kesah maka tersebut-lah hal Sultan Abdullah Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia di-dalam negeri Kedah yang dudok dalam kemashghulan teringat akan paduka anakanda baginda. Dalam hal yang demikian duli baginda pun jatuh gering. Maka akan gering baginda itu makin sa-hari menjadi sa-makin berat. Dengan takdir Allah subha nahu wa ta'ala pada tiga belas haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus delapan belas (1118) Sultan Abdullah Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka bermuafakat-lah segala menteri² penggawa dan orang besar² menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha

1. Sa-buah bandar dalam negeri Yaman yang sekarang ini menjadi ibu negeri Yaman.

Mulia ia-itu saudara muda Tengku Muhammad Jiwa menjadi Sultan. Akan jenazah Raja di-Raja Al-marhum itu di-layankan oleh paduka anakanda baginda dengan segala menteri2 penggawa, dan di-makamkan di-dalam Kota Langgar yang di-sediakan oleh Al-marhum itu. Baginda itu di-sebut orang Al-marhum Bukit Pinang Yang Kedua. Maka tetap-lah Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia di atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah Darul-aman, bersemayam di-Kota Bukit Pinang dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan adil murah-nya dan sentiasa mengambil insaf di-atas segala ra'ayat isi negeri.

Ada pun duli baginda itu kerap-lah berangkat dengan perahu melalui Sungai Telok⁽¹⁾ daripada Bukit Pinang pergi ka-Langgar, langsung ka-Alor Setar, kadang2 langsung ka-Alor Setar, kadang2 langsung ka-Kuala. Maka tiap2 kali baginda itu melalui sungai itu di-lihat-nya tebing sungai yang di-perbuat langgar itu reban⁽²⁾ kerana terlalu banyak di-tumbok oleh ayer yang turun daripada Sungai Bukit Pinang. Maka menjadi bimbang-lah duli baginda, takut reban itu melarat ka-Kota Langgar. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun bermufakat dengan segala menteri2 suroh tutupkan kuala sungai Bukit Pinang, dan tidak memeberi ayer terun melalui Kota Langgar. Maka menteri2 pun memberi hukum kepada ra'ayat2 suroh tutupkan kuala sungai itu. Maka di-jajar oleh segala ra'ayat, di-tambun tanah batu pasir supaya ayer itu tiada boleh turun ikut sungai itu. Maka akhir-nya pekerjaan katup⁽³⁾ kuala sungai itu pun siap-lah sakalian-nya.

-
1. Sa-buah Sungai Kechil di-antara Langgar dan Bukit Pinang Sungai itu tinggal nama sahaja.
 2. Roboh, runtuh.
 3. Menutup.

Hatta maka di-ma'alumkan oleh Dato' Setia Mahkota kepada tapak cherpu duli baginda Yang di-Pertuan Yang Maha Mulia bahawa Raja Muda gering di-Kota Limbong. Maka duli baginda pun berangkat pergi ka-Limbong melihat paduka ayahanda Tengku Ibrahim Raja Muda. Tiada berapa ketika sa-telah duli baginda sampai Raja Muda pun mangkat. Maka duli baginda pun bermuafakat dengan menteri2-nya melayankan jenazah Raja Diraja Al-marhum itu dan di-makamkan di-Kota Langgar, demikian-lah ada-nya. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun berangkat balek ka-istana-nya.

Sa-bermula, sa-orang China bangsa Hokian bernama Lim Chok, datang masok ka-Kedah mengadap tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia memohon hendak memasak besi dalam Mukim Lesong di-daerah Nawa⁽¹⁾ kerana hendak membuat kawah dan kuali. Maka duli baginda pun memberi kebenaran saperti permintaan-nya itu. Maka Lim Chok pun membuat-lah pekerjaan itu, dan banyak kuli2 yang bekerja dengan-nya membuat pekerjaan itu. Pada ketika itu banyak-lah kawah dan kuali yang telah di-tuangkan dan di-bawa keluar untok di-jual di-dalam negeri Kedah dan lain2 negeri. Demikian-lah pekerjaan Lim Chok itu.

Mengangkat pangkat menteri2

Maka pada suatu hari tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan paduka ayahanda Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa dan Dato' Seri Paduka Tuan dan Dato' Maharaja Timbangan Warita dan Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Maharaja

1. Nama sa-buah Kampong dalam daerah Lesong, jajahan Kota Setar.

Derma Wangsa dan Maharaja Kadhi dan Seri Paduka Anggaraha dan Paduka Maha Wangsa Pebendaharaan dan Maharaja Lela dan Seri Indera Mambang dan Shahbandar. Maka sakalian-nya pun datang-lah, lalu naik dudok menyembah baginda. "Hamba hendak bermuafakat dengan paduka ayahanda dan mamak². Akan tempat Raja Bendahara itu tiada siapa yang mengganti-nya. Maka sekarang hamba fikir hendak mengangkat Dato' Seri Paduka Maha Menteri menyandang pangkat Bendahara, dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa menyandang pangkat Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Dato' Seri Paduka Tuan menyandang pangkat Dato' Seri Maharaja Putra Dewa dan Maharaja Derma Wangsa menyandang pangkat Seri Paduka Tuan." Maka sembah Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong dan lain² menteri, "Benar saperti titah itu." Maka putus-lah muafakat yang tersebut itu, dan duli baginda Yang Maha Mulia pun mengangkat pangkat Dato' Seri Paduka Maha Menteri menjadi Raja Bendahara bergelar Seri Paduka Maharaja Sura dan di-kurniai sakali dengan persalinan-nya.

Hatta, tiada berapa lama kemudian duli baginda Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka berhimpun-lah segala menteri² di-balairong seri menjaga duli baginda Yang Maha Mulia yang sedang gering itu. Dalam hal yang demikian dengan takdir Allah subhanahu wa ta'ala pada lima belas haribulan Dzul'l-hijjah tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus dua puluh satu (1121) Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka Raja Bendahara dan segala menteri² pun bermuafakat melayankan jenazah Raja Di-raja duli Al-marhum itu mengikut isti'adat Al-marhum yang terdahulu dan di-makamkan di-dalam Kota Langgar. Baginda itu disebut orang Al-marhum Bukit Pinang Yang Ketiga. Demikian-lah ada-nya.

Seri Paduka Maharaja Sura mengganti raja

Ada pun Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia itu tiada mempunyai sa-orang putera pun. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 mengangkat Dato' Seri Paduka Maharaja Sura ia-itu Raja Menehara menjadi ganti raja buat sementara. Maka Raja Bendahara pun memerintah negeri Kedah mengikut adat yang telah di-adatkan.

Hatta, maka Raja Bendahara pun bermuafakat dengan menteri2 dari hal Tengku Muhammad Jiwa ia-itu saudara tuha kapada Sultan Ahmad Tajuddin Yang Maha Mulia yang sudah enam tahun keluar dari negeri Kedah dengan tiada memberi apa2 per-khabaran. Maka keputusan muafakat yang demikian itu ia-lah memberi Dato' Kema Jaya pergi menyiasat dan menchari per-khabaran di-sabelah Sumatra dan Jawa dan Dato' Seri Indera Mambang Senggara Shah-bandar di-suroh pergi menyiasat di-sabelah Burma dan India. Apakala telah putus muafakat itu Raja Laksamana pun memberi hukum kapada Dato'2 yang tersebut itu supaya bersiap untok belayar dengan segera. Maka Dato'2 yang tersebut itu pun belayar-lah menuju pehak2 yang di-hukum kapada mereka itu.

Menchari Tengku Muhammad Jiwa

Sa-bermula maka tersebut-lah Tengku Muhammad Jiwa yang ada bersama2 Tuan Shaikh Abdul Jalil dan Hapisap di-India itu. Maka akhir-nya ia pun teringat2 dan rindu dendam akan paduka ayah-anda dan bonda sakalian-nya di-Kedah itu. Maka pada sa-haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus dua puloh dua (1122) Tengku Muhammad Jiwa pun mengajak Tuan Shaikh Abdul Jalil dan Hapisap pergi ka-Kedah dengan mengatakan Kedah itu besar juga negeri-nya dan lagi raja-nya itu Islam bernama Sultan Abdullah dan di-kata-nya patut Tuan Shaikh dan Hapisap belayar ka-sa-belah sana. Maka

Tuan Shaikh Abdul Jalil dan Hapisap pun berkenan mendengar kata2 Tengku Muhammad Jiwa itu. Maka Tengku Muhammad Jiwa bertiga pun bersiap lalu menumpang sa-buah baghalah orang berbangsa Maskat⁽¹⁾ yang singgah di-India hendak belayar pergi ka-sabelah Tenggara. Maka baghalah itu pun belayar lah, berhenti dari -sa-buah pulau ka-sabua pulau dan dari sa-buah negeri ka-sabua negeri. Maka dalam hal yang demikian itu berlaboh-lah ia di-suatu selat di-dalam jajahan Murgi. ⁽²⁾

Hatta, maka tersebut-lah pelayaran Dato' Seri Indera Mambang Senggara yang belayar dari sa-buah pulau ka-sabua pulau dengan tiada lengah mengambil perkhabaran mengenai Tengku Muhammad Jiwa. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala berlaboh-lah ia berhampiran dengan baghalah yang membawa Tuan Shaikh dan Tengku Muhammad Jiwa itu. Maka pada hari yang kedua di-dalam pelabohan itu Dato' Seri Indera Mambang Senggara pun pergi ka-baghalah Tuan Shaikh itu hendak mengambil perkhabaran mengenai Tengku Muhammad Jiwa. Maka Dato' Seri Indera Mambang Senggara pun naik sampan tunda-nya⁽³⁾ bersama2 dengan dua orang kawan menuju ka-arrah bidalah Tuan Shaikh itu. Maka apakala sampai Dato' Seri Indera Mambang Senggara di-baghalah itu maka Dato' Seri Indera Mambang Senggara pun naik ka-baghalah Tuan Shaikh itu. Pada ketika itu Tengku Muhammad Jiwa pun ada di-dalam baghalah itu. Maka di-amati2 oleh Dato' Seri Indera Mambang Senggara akan Tengku Muhammad Jiwa itu tetapi tiada berapa kenal kerana pakaian

1. Sa-buah pelabohan dalam negeri Arab.

2. Murgi atau Murgui ia-lah sa-buah pekan dalam perentah negeri Burma (sa-belah selatan).

3. Sampan kechil yang di-bawa bersama2 kapal untok pergi ka-darat atau ka-kapal2 lain.

Tengku Muhammad Jiwa yang telah berubah itu. Akan tetapi Tengku Muhammad Jiwa itu kenal akan Dato' Seri Indera Mambang Senggara itu.

Berjumpa Tengku Muhammad Jiwa

Sa-telah berchakap2 sa-ketika Dato' Seri Indera Mambang Senggara pun kenal-lah akan Tengku Muhammad Jiwa itu lalu di-pelok-nya kaki Tengku Muhammad Jiwa dengan teriak tangis, serta di- ma'-lumkan kapada Tengku Muhammad Jiwa akan hal ahwal paduka baginda Sultan Abdullah yang sudah mangkat itu dan di-ganti oleh paduka baginda Tengku Ahmad Tajuddin yang di-takdirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala mangkat kira2 tujuh bulan yang sudah dan juga mengenai Dato' Seri Paduka Maharaja yang memangku sementara pekerjaan2 negeri pada masa itu. Sa-telah Tengku Muhammad Jiwa mendengar perkhabaran mengenai paduka ayahanda baginda dan paduka adinda telah mangkat itu maka Tengku Muhammad Jiwa pun berteriak yang amat sangat. Maka Tuan Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani dan Hapisap dan segala orang2 di-dalam bidalah itu pun bertanya kapada Tengku Muhammad Jiwa dengan bahasa Arab dan hal ia berteriak itu. Maka Tengku Muhammad Jiwa pun berchetera-lah daripada permulaan sampai ka-akhir-nya. Pada masa itu baharu-lah Tuan Shaikh dan Hapisap ketahui yang murid-nya itu ada-lah anak raja negeri Kedah.

Maka Tuan Shaikh pun mengambil ketahui dengan jelas daripada Dato' Seri Indera Mambang Senggara mengenai Tengku Muhammad Jiwa itu. Maka Dato' Seri Indera Mambang pun menjelaskan hal itu serta meminta tolong Tuan Shaikh segera menghantarkan Tengku Muhammad Jiwa itu berangkat balek ka-Kedah. Akan Dato' Seri Indera Mambang Senggara tiada ia berenggang dengan Tengku Muhammad Jiwa di-dalam bidalah itu. Sa-

hari2 ia duduk menghibor dan menyukakan hati Tengku Muhammad Jiwa. Maka Dato' Seri Indera Mambang Senggara pun membuat sa-puchok surat untok di-persembahkan kapada Dato' Seri Paduka Raja Laksamana mengenai hal ahwal ia telah berjumpa dengan Tengku Muhammad Jiwa itu ia-itu di-Selat jajahan Murgi. Dalam surat itu di-sebutkan bahawa mereka itu akan belayar balek menuju ka-Pulau Langkawi dalam masa sa-hari dua lagi, dan daripada Pulau Langkawi akan menuju ka-Kedah. Surat itu di-serah kapada jeragan-nya dan di-suroh-nya jeragan itu belayar membawa surat itu balek ka-Kedah dengan lanchang⁽¹⁾ dengan segera untok mempersembahkan surat itu kapada Dato' Seri Paduka Raja Laksamana. Maka jeragan itu pun menerima surat itu lalu bermohon belayar balek ka-Kedah dengan segera. Akan Dato' Seri Indera Mambang Senggara itu tinggal di-dalam baghalah bersama2 Tengku Muhammad Jiwa.

Persediaan Menyambut

Tengku Muhammad Jiwa Pulang

Hatta, maka tersebut-lah pelayaran jeragan yang membawa surat Dato' Seri Indera Mambang Senggara. Akhir-nya sampai-lah jeragan itu di-Kedah, lalu ia pun masok mengadap Seri Paduka Raja Laksamana mempersembahkan surat itu kapada-nya. Maka di-tatap surat itu oleh Seri Paduka Raja Laksamana. Pada ketika itu juga Seri Paduka Raja Laksamana memberi hukum kapada segala Dato'2 yang di-sabelah pehak laut suroh siapkan perahu layaran dan kenaikan laut. Maka Seri Paduka Raja Laksamana pun dengan segera pergi mengadap Raja Paduka Maharaja Sura di-Kota Bukit Pinang lalu mempersembahkan surat Dato' Seri Indera Mambang Senggara itu. Di-tatap oleh Raja Bendahara segala

1. Sa-jenis perahu layar.

hal ahwal yang tersebut di-dalam surat itu.

Pada ketika itu juga di-beri hukum kepada segala anak raja² dan anak baik² yang berpangkat di-suroh siapkan nobat nafiri dan dua puluh tunggul² jogar 'alam, dan juga di-beri hukum kepada Dato' Bentara Wang Seri supaya menghiaskan sakalian kelengkapan di-dalam istana dan menghiaskan balai penghadapan. Kemudian-nya ia bersabda kepada Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, "Boleh tuan hamba siapkan meriam, dan atorkan sakalian hulubalang pahlawan ra'ayat², dan buatkan sa-buah balai ayer di-pengkalan Gelong chukup dengan perhiasan bagi menyambut duli Tengku Muhammad Jiwa Putera Al-marhum Sultan Abdullah itu." Setelah itu di-beri-nya hukum kepada Dato' Tan Jaya Indera suroh siapkan sakalian gajah² kenaikan dan perahu² dan gempang⁽¹⁾ yang hendak pergi menanti di-Kuala Bahang, dan sakalian gajah kenaikan itu di-hukum pargi menanti di-pengkalan Gelong.⁽²⁾ Setelah itu ia bersabda kepada Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, "Boleh tuan hamba siapkan sakalian perahu² layaran dengan lanchang kenaikan pergi ka-Pulau Langkawi seperti di-sebutkan di-dalam surat Dato' Seri Indera Mambang Senggara itu. Maka yang akan bersama² tuan hamba itu ia-lah Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa dan Dato' Seri Paduka Tuan dan Dato' Seri Paduka Anggerah Dewa dan Dato' Johan Pahlawan dan Dato' Jaya Pahlawan dan Dato' Nela Pahlawan dan Dato' Biram Pahlawan." Maka Seri Paduka Raja Laksamana dengan segala Dato'² yang tersebut itu pun bermohon kepada Raja Bendahara langsung belayar menuju Pulau Langkawi.

1. Sa-jenis perahu yang di-dalam-nya di-sediakan tempat duduk yang berbumbong dan berhias. Lazim-nya di-gunakan untuk raja² dan orang besar².

2. Sa-buah kampung dalam Mukim Jitra, jajahan Kubang Pasu.

Apakala selesai memberi hukum kepada Dato'2 sakalian maka Raja Bendahara pun masok ka-dalam istana mengadap Paduka Bonda ia-itu bonda kepada Tengku Muhammad Jiwa dan Tengku Permaisuri isteri Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin mema'a-lumkan hal ahwal Tengku Muhammad Jiwa daripada permulaan sampai ka-akhir-nya. Sa-telah mengadap sa-ketika, Raja Bendahara pun bermohon keluar. Maka paduka bonda pun menghimpunkan segala isteri Menteri2 dan isteri2 Dato' sakalian datang menghias di-dalam istana, demikian-lah.

*Pelayaran Tengku Muhammad Jiwa
Pulang Ka-Kedah*

Sa-bermula maka tersebut-lah Dato' Seri Mambang Senggara yang bersama2 Tengku Muhammad Jiwa dan Tuan Shaikh Abdul Jalil dan Hapisap. Maka mereka pun belayar menuju Pulau Langkawi, singgah menyinggah daripada sa-buah pulau ka-sabuah pulau dan melalui selat2 itu hingga sampai ka-jajahan Rundong,⁽¹⁾ Tonka menuju Pulau Langkawi. Selang tiada berapa hari kemudian sampai-lah mereka itu di-selat Pulau Terator.⁽²⁾ Daripada situ-lah mereka itu langsung belayar menuju selat Tanjong Timun⁽³⁾ dan belayar masok mengikut sa-panjang2 selat itu.

Sa-bermula maka tersebut-lah pelayaran Seri Paduka Raja Laksamana dengan segala Dato'2 menuju Pulau Langkawi. Mereka masok melalui Selat Pulau Tilo.⁽⁴⁾ Tiada berapa lama di-dalam

1. Renong atau Ranong — nama tempat berdekatan dengan Victoria Point, dalam perentah Siam, jajahan Tonka.
2. Sekarang di-panggil Pulau Terutau ia-itu sa-buah pulau besar di-antara Pulau Langkawi dengan daratan negeri Siam. Pulau ini dalam perentah Siam sekarang dan di-jadikan tempat membuang orang2 salah besar.
3. Suatu tanjong dalam sa-buah pulau dalam Gugusan Pulau Langkawi.
4. Sa-buah pulau di-Pulau Langkawi.

pelayaran itu mereka bertemu-lah dengan baghalah Tengku Muhammad Jiwa sakalian-nya, ia-itu di-Kuala Selat itu. Maka Dato' Seri Indera Mambang Senggara pun nampak perahu2 angkatan dari Kedah itu. Ia kenal akan angkatan Seri Paduka Raja Laksamana itu kerana mempunyai bendera hitam berkampoh putih, lalu di-ma'alumkan kepada Tengku Muhammad Jiwa, serta di-beri hukum kepada jeragan baghalah itu suroh berlaboh di-Kuala Selat itu. Maka baghalah itu pun di-laboh orang-lah. Maka tempat berlaboh baghalah itu-lah di-sebut orang 'Selat Baghalah Tengku Muhammad Jiwa Balek'.

Maka Dato' Seri Indera Mambang Senggara pun melambai2 ka-lanchang Raja Laksamana. Maka Raja Laksamana pun tampak lambai-nya itu lalu di-suroh orang-nya bedayong menuju ka-baghalah itu. Pada ketika itu Tengku Muhammad Jiwa pun persilakan Seri Paduka Raja Laksamana naik, dan sakalian Dato' yang ramai itu pun rapatkan perahu mereka itu ka-baghalah itu. Maka Raja Laksamana dan sakalian Dato'2 pun naik, lalu dudok menyembah serta mema'alumkan hal kemangkatan paduka ayah-anda baginda dan paduka adinda baginda itu daripada permulaan. Maka berhemboran-lah ayer mata Tengku Muhammad Jiwa mendengar sembah Raja Laksamana. Maka Raja Laksamana dengan segala Dato'2 pun menyembah Tengku Muhammad Jiwa, "Patek sakalian memohon dan berharap agar duli tuan patek berangkat naik ka-atas kenaikan yang patek2 sakalian sediakan itu." Maka Tengku Muhammad Jiwa dan Tuan Shaikh serta Hapisap pun naik-lah ka-atas kenaikan itu, di-iring oleh lanchang Raja Laksamana dan penajab menteri2 sakalian.

Maka angkatan Tengku Muhammad Jiwa itu pun belayar-lah dari sa-buah pulau ka-sabuah pulau,

melalui selat², serta singgah bermain² hingga sampai di-pantai pulau Dayang Bunting.⁽¹⁾ Maka di-ma'alumkan oleh Raja Laksamana kepada Tengku Muhammad Jiwa, "Patek harap di-ampun. Ada pun di-atas pulau ini ada sa-buah tasek bernama Dayang Bunting. Keadaan tempat in sangat elok." Maka Tengku Muhammad Jiwa pun sangat suka mendengar sembah Raja Laksamana itu. Maka Tengku Muhammad Jiwa pun naik-lah ka-pulau itu di-iringi oleh sakalian menteri², lalu berangkat menuju ka-tasek itu. Sa-telah sampai di-tepi tasek itu, maka Tengku Muhammad Jiwa bertitah kepada Raja Laksamana, "Hamba hendak berhenti bermain² barang sa-hari dua di-tempat ini." Demikian-lah kesah-nya.



Tasek Dayang Bunting — terletak dalam sa-buah pulau yang di-kelilingi oleh laut, dudok-nya di-belakang Pulau Tirol, betul² berhadapan dengan muka pelabuhan Kuah di-Langkawi.

Maka pada keesokan hari-nya orang Arab jeragan beghalah itu ma'alumkan kepada Tengku Muhammad Jiwa dalam bahasa Arab, "Dalam kira²

1. Sa-buah Pulau Besar dalam gugusan Pulau Langkawi; Pulau ini termashhor kerana ada sa-buah tasek ayer tawar yang di-dalam-nya di-katakan ada sa-ekor buaya puteh.

falak⁽¹⁾ hamba banyak khazanah⁽²⁾ yang berharga ada di-dalam tasek ini." Maka Tengku Muhammad Jiwa pun tersenyum.

Sa-bermula maka tersebut-lah Raja Bendahara dengan segala menteri² yang menanti di-istana Bukit Pinang di-Kedah. Mereka itu bersiap-lah akan sakalian alatan² pekerjaan bagi menyambut Tengku Muhammad Jiwa kerana apakala Tengku Muhammad Jiwa itu sampai maka mereka itu akan terus hendak menabalkan dia menjadi Sultan. Maka Raja Bendahara dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong dan segala menteri² pun memakai pakaian² yang tertentu mengikut taraf masing²; anak² raja memakai pakaian hitam berbulang keris sapu tangan kuning; anak menteri² berpakaian biru berbulang keris sapu tangan hijau, masing² mengikut darjat-nya. Maka Raja Bendahara dengan sakalian Dato'² pun naik gajah kenaikan masing², berangkat pergi ka-pengkalan Gelong.⁽³⁾ Maka Dato'² yang menanti di-kota istana Bukit Pinang itu ia-lah Dato' Bentara Wang Seri, Dato' Setia Raja dan Dato' Setia Mahkota dan Dato' Mambang Mahkota dan Maharaja Lela ia-itu penghulu segala hulubalang pahlawan, dan Dato' Seraja Imam dan Dato' Seraja Wang dan Dato' Berma Raja dan Dato' Andika Raja dan Dato' Lela Angkasa dan hulubalang pahlawan sakalian-nya.

Ada pun angkatan Raja Bendahara yang pergi ka-pengkalan Gelong itu ada-lah dengan chukup adat peratoran, ia-itu orang membawa bendera puteh berkampoh hijau berjalan di-hadapan gajah², serta terdapat pula orang² yang membawa payong puteh berombak² hijau. Maka di-belakang Raja

1. Pengetahuan mengenai keadaan (Peredaran, perhitungan dsb.) bintang² di-langit; ilmu perbintangan.
2. Perbendaharaan.
3. Nama satu kampung dalam Mukim Jitra, Jajahan Kubang Pasu.

Bendahara itu ia-lah kenaikan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa yang memakai payong merah berombak². Maka di-belakang Tengku Paduka Maharaja Temenggong itu ada-lah sakalian gajah² Dato'² yang mengiring, di-ator mengikut pangkat dan darjat-nya masing². Hatta, tiada berapa lama ketika kemudian angkatan itu pun sampai-lah di-pangkalan Gelong.

Menyambut Tengku Muhammad Jiwa

Sa-bermula maka tersebut-lah Tengku Muhammad Jiwa yang singgah bermain² di-tasek Dayang Bunting. Pada dua puluh enam haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus dua puluh dua (1122) Tengku Muhammad Jiwa dan sakalian-nya pun berangkat turun ka-kenaikan-nya. Maka sakalian angkatan yang tersebut itu pun belayar-lah menuju ka-Kuala Bahang (Kuala Kedah). Apakala sampai angkatan Tengku Muhammad Jiwa di-Kuala Bahang itu maka mereka itu di-sambut oleh segala menteri² yang menanti di-Kuala Bahang itu, ia-itu Dato' Indera Senggara dan Dato' Lela Putra, dan Dato' Tun Perkasa dan Dato' Pahlawan dan Dato' Johan Pahlawan dan Dato' Panglima Silam Jaya dengan sakalian gempang², chukup dengan sakalian peratoran, langsung mudok ka-pangkalan Gelong di-iring oleh Raja Laksamana dan perahu² yang banyak itu.

Maka akhir-nya gempang² kenaikan Tengku Muhammad Jiwa dan Raja Laksamana dengan segala menteri² itu pun sampai-lah di-balai ayer pengkalan Gelong yang telah di-siapkan itu. Pada ketika itu Raja Bendahara dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong dan segala menteri² yang menanti itu pun menyambut duli Tengku Muhammad Jiwa naik ka-atas balai ayer. Maka di-kembang-lah payong kuning, dan di-mainkan nobat nafiri serta di-tembak meriam tujuh belas das. Pada ketika itu

Tengku Muhammad Jiwa pun berangkat naik ka-atas gajah kenaikan yang telah di-sediakan itu. Maka berangkat-lah mereka itu. Di-hadapan sa-kali ia-lah Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, di-ikuti oleh orang² yang membawa dua puluh empat tunggul² jugar alam, kemudian di-ikuti oleh dua puluh empat orang penghulu memegang perisai dan utar², kemudian dua puluh empat pahlawan memegang tombak rambu, kemudian dua puluh empat anak baik² membawa pedang. Maka Raja Bendahara mengiring di-sabelah kanan gajah duli Tengku Muhammad Jiwa dan gajah Seri Paduka Maha Menteri mengiring di-sabelah kiri gajah duli Tengku Muhammad Jiwa, dan di-belakang gajah duli Tengku Muhammad Jiwa itu ia-lah gajah Raja Laksamana dan gajah Seri Maharaja Putra Dewa. Di-belakang mereka itu ia-lah sakalian gajah Dato'². Maka angkatan duli Tengku Muhammad Jiwa itu pun sampai-lah di-Kota Bukit Pinang.

Maka pada ketika itu sakalian hulubalang pahlawan pun memberi hormat dengan chukup peratoran hulubalang hingga-lah sampai di-hadapan balai penghadapan. Mereka itu di-sambut oleh Dato' Bentara Wang Seri dan Dato' Setia Mahkota dan Dato' Mambang Mahkota dan Dato' Setia Raja dan lain² Menteri; langsung mereka itu naik ka-atas balai penghadapan di-iring oleh Raja Bendahara dan Seri Paduka Maha Menteri dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa. Akan duli Tengku Muhammad Jiwa itu di-dudokkan oleh mereka itu di-atas singgahsana takhta kerajaan yang di-sediakan itu, dan segala menteri² pun dudok mengadap, bersaf²(¹) mengikut taraf masing², hingga sampai di-halaman balai itu. Maka bertitah-lah duli Tengku Muhammad Jiwa, "Apa-kah maksud mamak sakalian dudokkan hamba di-tempat ini." Maka sembah Raja

1. Berbaris².

Bendahara, "Ampun tuanku beribu2 ampun, patek2 sakalian harapkan di-ampun; duli Yang Maha Mulialah bersemayam di-atas takhta kerajaan negeri Kedah ini mengganti dan mengambil alih pekerjaan paduka ayahanda Al-marhum, serta memelihara segala isi negeri." Maka Raja Bendahara dan segala menteri2 pun menjunjong duli; berseru2-lah sakalianya mengatakan, "Daulat tuanku Shah Alam Zila'llahi fil-'alam'. Ampun tuanku beribu2 ampun-Barang yang di-titahkan itu sedia-lah patek2 sakalian junjongan di-atas jemala ubon2⁽¹⁾ patek2."

*Tengku Muhammad Jiwa di-tabal
menjadi Sultan*

Maka nobat nafiri pun di-main-lah, terlalu gemuruh bunyi-nya. Kemudian Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa bangkit menjunjong duli tujuh kali. Sa-telah selesai menjunjong duli itu ia pun mengadap ka-hala hulubalang pahlawan sakalian, dan dengan pedang terhunus berkata, "Tuan2 sakalian, menjunjong duli-lah pada waktu ini." Maka menderu-lah bunyi suara hulubalang pahlawan sakalian menjunjong duli mengatakan "Daulat Tuanku Shah Alam" beberapa kali. Maka pada ketika itu di-mainkan nobat nafiri buat kali kedua-nya, dan bersahut2an-lah gong besar di-balairong seri, dan di-tembak meriam dua puluh satu das terlalu gemuruh bunyi-nya. Maka Tengku Maharaja Temenggong Anggota Desa pun berpaling pula menjunjong duli dan di-ikuti oleh segala menteri2 hulubalang pahlawan sakalian, mengatakan "Daulat Tuanku Shah Alam Zila'llahi fil-'alam" beberapa kali. Maka berbunyi pula nobat nafiri buat kali yang ketiga, terlalu gemuruh bunyi-nya pada ketika itu.

1. Puncak kepala manusia.

Sa-telah selesai menjunjong duli, maka Tuan Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani pun bertelut dihadapan Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Muaz-zam Shah Yang Maha Mulia membacha do'a dengan tertib-nya. Sakalian menteri2 penggawa hulubalang sakalian-nya mengatakan 'Amin'. Sa-telah selesai isti'adat penabalan itu Sultan Muhammad Jiwa pun bermohon kapada segala menteri2-nya berangkat masok ka-dalam istana mengadap paduka bonda-nya, demikian-lah ada-nya.

BAB IX

PERATORAN2 SULTAN MUHAMMAD JIWA

Ada pun Sultan Muhammad Jiwa Yang Maha Mulia memerintah negeri Kedah itu ada-lah mengikut peratoran negeri besar2. Baginda itu membuatkan undang2, adat dan shara', serta di-pertetapkan masing2 pegangan⁽¹⁾ di-atas segala menteri2, tiada boleh menukar pekerjaan masing2 sa-bagaimana yang telah di-tetapkan itu. Demikian-lah hal-nya Sultan Muhammad Jiwa memerintah negeri Kedah itu, dan tiada-lah ia alpa menchari jalan di-atas siasah negeri.

Menetapkan sukatan tanah dan mata-wang

Maka pada suatu hari duli baginda yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan bidu-anda persilakan Seri Paduka Maharaja Sura dan Seri Paduka Maha Menteri dan Tengku Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Seri Paduka Raja Laksamana dan Seri Paduka Tuan dan Seri Maharaja Putra Dewa dan Maharaja Timbangan Warita dan Tuan Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani. Maka sakalian-nya pun datang naik ka-balai lalu dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah duli baginda dengan manis suara-nya, "Ada pun hamba persilakan mamak2 sakalian ia-lah

1. Tugas.

kerana hamba ingat hendak menetapkan sukatan⁽¹⁾ tanah yang hendak di-beri kapada ra'ayat2 supaya tetap-lah mereka itu. Dan lagi hamba hendak tetapkan duit emas dan duit perak yang hendak di-belanjakan di-dalam negeri Kedah ini. Ada pun yang di-pakai sekarang ini untuk perbelanjaan ia-lah 'tra' yang di-perbuat oleh Al-marhum yang terdahulu yang di-tukar dengan rial." Maka titah baginda kapada Seri Paduka Maharaja Sura, "Bagaimana-kah tukaran tra dengan rial perak itu? Boleh-kah mamak2 hamba tafsirkan." Maka sembah Raja Bendahara, "Ada pun tukaran tra itu ia-lah dua belas tra satu pitis; sa-ratus lima puluh tra dua belas pitis sa-tengah; sa-kupang ia-lah enam ratus tra; empat kupang jadi sa-jampal; dua jampal jadi sa-rial; sa-ribu dua ratus tra menjadi sa-rial. Demikian-lah tukaran-nya yang sedang di-gunakan sekarang ini."

Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun tetapkan membuat duit emas dan duit perak dan sukatan tanah2 yang hendak di-pakai di-dalam negeri Kedah. Maka akan duit emas itu yang berat empat saga berharga sa-jampal dan di-namakan sa-emas; dua emas menjadi dua rial dan di-namakan sa-paha; empat paha di-namakan sa-tahil ia-itu delapan rial, dan tertulis di-sabelah-nya 'Kedah Daru'l-aman' dan di-sabelah lagi di-tulis 'Sultan Muhammad Jiwa,' dan duit perak itu di-namai darham, tertulis juga di-atas-nya. Demikian juga harga pada satu darham sa-kupang, ia-itu dua belas pitis sa-tengah; empat darham sa-jampal; delapan darham sa-rial. Pada suatu darham ada sa-ratus lima puluh tra; sa-ribu dua ratus tra, sa-rial, demikian-lah yang di-tetapkan untuk perbelanjaan di-dalam negeri Kedah itu.

Ada pun yang di-katakan satu pitis itu ia-lah sa-duit sekarang ini. Maka sakalian pekerjaan itu di-serahkan kapada Dato' Paduka Maha Wangsa Pe-

1. Satu sistem bagi menyukat tanah.



Duit Emas.

Di-jumpai di-Si-Puteh, Kubang Pasu. Di-jumpai tertimbus di-dalam tanah. Ayat2 yang dapat di-bacha di-muka-nya ia-lah "Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah". Mangkat pada tahun 1687 A.D. (Dengan ihsan Muzium Negeri Kedah).

bendaharaan menjalankannya.

Akan sukatan tanah yang di-pakai itu ia-lah, tengah enam hasta satu jemba; sa-belas jemba menjadi satu tali; dua tali menjadi satu penampang; empat penampang menjadi delapan tali; yang terisi di-dalam empat penampang itu ia-lah empat ratus delapan puluh empat tapak, dan di-namakan sa-relong demikian-lah.

Atoran raja2 dan orang besar2

Maka titah duli Sultan Yang Maha Mulia lagi, "Hamba hendak bermuafakat dengan mamak2 hamba dan guru hamba Tuan Shaikh Abdul Jalil hendak membuat suatu perniagaan. Hamba hendak belikan sakalian padi di-dalam negeri Kedah ini dan juga dengan-nya di-sabelah negeri luar ia-itu India dan Jawa supaya hamba dapat keuntongan." Maka segala menteri2 yang ada mengadap di-balai penghadapan itu pun tiada berani hendak berkata apa2. Sa-ketika kemudian duli baginda Yang Maha Mulia bertitah kepada Tuan Shaikh, "Bagaimana fikiran guru hamba? Lulus-kah hamba membuat pekerjaan yang demikian itu." Maka sembah Tuan Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani, "Ampun tuanku beribu2 ampun, jika tiada menjadi kemurkaan berani-lah patek hamba persembah ma'alum." Maka titah duli baginda Yang Maha Mulia, "kata-lah barang yang ada kepada guru hamba." "Ampun tuanku, ada-lah adat segala raja2 itu tiada boleh sa-kali2 menjadi saudagar. Berniaga dan berjual beli itu ada-lah pekerjaan saudagar2 bukan pekerjaan raja2 atau menteri2 yang besar2. Jika raja2 dan menteri2 di-dalam negeri itu menjadi saudagar maka pada ketika itu segala saudagar2 dan ra'ayat isi negeri pun menjadi susah dengan sebab menteri2 dan raja2 sudah menjadi saudagar. Apakala ra'ayat sakalian miskin, maka kurang-lah hasil negeri itu. Apakala kurang hasil

pada ketika itu hampa-lah khazanah. Apakala hampa khazanah maka Raja pun menjadi lemah.

"Ampun tuanku, ada-lah adat menteri2 peng-gawa itu tiada boleh sa-kali2 berjalan2 menchari makan, kerana perbuatan yang demikian itu akan menimbulkan nama jahat kapada raja2, dan lagi, ada-lah adat segala menteri2 yang besar2 itu dudok bemuafakat sa-sama menteri akan pekerjaan negeri, serta menchari jalan bagi mendatangkan bebajikan kapada raja-nya dan kapada negeri dan kapada segala ra'ayat isi negeri itu supaya bertambah2 hasil-nya. Apakala nyata-lah pada akal bahawa pekerjaan itu mendatangkan kebajikan, maka tiada-lah lagi datang kejahatan di-kemudian hari kapada raja dan negeri, dan tiada-lah menjadikan ra'ayat isi negeri susah. Apakala putus sa-suatu muafakat, keputusan itu hendak-lah di-ma'alumkan kapada raja. Jikalau di-perkenan oleh raja akan pekerjaan itu, maka kerja-kan-lah akan dia. Dan lagi jika beberapa banyak sa-kali pun harta di-peroleh akan tetapi segala ra'ayat peroleh kesusahan, harta itu ada-lah tiada berguna, demikian-lah.

"Ada pun sifat2 yang harus ada pada menteri2 itu amat banyak; lebeh kurang ada tiga belas perkara semua-nya. Pertama-nya, hendak-lah menteri2 itu jangan meninggal pekerjaan yang di-fardhukan(1) Allah dan raja-nya dan lain2 lagi, supaya orang2 yang di-bawah-nya menurut-nya melakukan pekerjaan itu. Hendak-lah menteri2 itu bershukor kapada Allah dan bershukor atas ni'mat raja-nya."

"Kedua, hendak-lah menteri2 itu berbichara tiap2 hari mengenai suatu pekerjaan yang sa-benar-nya boleh menghasilkan harta mengganti yang telah di-belanjakan, dan jangan keluarkan wang dari per-bendaharaan untuk perbelanjaan yang sia2."

1. Di-wajibkan.

"Ketiga, hendaklah menteri2 itu benar2 menjaga hukum2 raja supaya jangan bersalahan dengan hukum2 Allah dan adat yang telah di-adatkan didalam undang2 negeri."

"Keempat, hendaklah menteri2 itu melihat bahawa orang yang di-bawah-nya yang mengerjakan pekerjaan yang bid'ah⁽¹⁾ yang bersalahan dengan hukum shara' atau adat dan hendaklah di-bicharakan dengan sa-daya upaya-nya supaya terbuang perbuatan yang salah itu dan keadaan aib segala raja2 dan menteri2. Jika di-biarkan perkara ini berlaku, akan terjadi kechelakaan-lah negeri itu."

"Yang kelima hendaklah menteri2 itu jangan sa-kali2 menunjokkan keras-nya atas segala ra'ayat dengan membesar2 diri, dan hendaklah menteri2 itu tentukan harta pebendaharaan yang belum masok ka-dalam pebendaharaan. Dan lagi janganlah sa-kali2 menteri yang memegang khazanah itu chuba mengambil khazanah untok pekerjaan sendiri. Apakala ia sudah mula mengambil-nya tiada-lah ia dapat bersabar lagi kerana dunia ini tempat bala dan fitnah. Hendaklah menteri2 itu mengambil bichara atas hal segala hulubalang pahlawan dan juga lengkapkan mereka itu dengan alat2 senjata dan pakaian dan kenaikan kerana masa datang-nya sa-suatu bala dan fitnah itu tidak-lah dapat di-ketahui. Jika harta sahaja yang di-himpunkan manakala hulubalang pahlawan dan alat senjata semua-nya tidak di-ambil bichara, dan apakala datang seteru di-dalam alpa bagitu maka jadi sia2-lah harta yang di-himpunkan itu."

"Keenam, hendaklah menteri2 itu sentiasa menyuroh orang2 yang di-harap-nya di-dalam hal ahwal negeri supaya membawa khabar yang di-ketahui-nya mengenai diri sa-belah mana akan datang bahaya2 dan bagaimana hendak menolak bahaya itu."

"Ketujuh, hendaklah menteri2 itu memelihara-

1. Yang dusta ya'ani tidak benar.

kan segala dagang dan fakir miskin yang timbul dari kejahatan orang2 yang berkuasa di-dalam negeri supaya Allah Ta'ala memelihara menteri2 itu dan raja-nya daripada segala orang2 yang kuasa-nya lebeh daripada mereka itu, seperti tersebut di-dalam hadith Nabi s.a.w.: "Irhamu man adh'afu minkum yarhamkum man aqwa minkum." yang bererti "kaseh oleh kamu akan orang yang lemah daripada kamu supaya kamu di-kaseh oleh siapa yang kuasa-nya lebeh daripada kamu."

"Kedelapan, hendak-lah menteri2 itu menjalankan suatu pekerjaan dengan ingat dan hemat akan kesudahan pekerjaan-nya pada kemudian hari. Dan hendak-lah menteri2 itu mempunyai hati yang luas terhadap segala bichara dan hendak-lah ia berperangai baik dan sentiasa sabar."

"Kesembilan, apabila sa-saorang menteri itu melihat orang yang membuat kebaktian kapada raja atau negeri hendak-lah menteri itu pinta naikkan pangkat orang itu. Jangan menteri itu takut kalau2 orang2 itu menjadi lebeh besar daripada-nya. Maka takut yang demikian itu ada-lah sa-jahat2 pekarjaan dan menteri itu tiada layak menjadi menteri."

"Kesepuluh, apabila menteri2 itu melihat sa-saorang yang melalui titah raja atau melalui undang2, hendak-lah menteri2 itu berikan nasihat kapada-nya dengan halus. Jika ia tiada turut nasihat itu, hendak-lah ia itu di-hukum supaya jangan orang lain menurut dia."

"Kesabelas, hendak-lah menteri2 itu menchari taulan yang baik akal dan budi pekerti di-antara menteri2 yang banyak itu untok di-jadikan sahabat yang rapat supaya dapat menolong-nya dalam sa-suatu hal yang sukar mengenai pekerjaan negeri."

"Kedua belas, hendak-lah menteri2 itu jangan sa-kali2 biarkan berlaku perselisihan antara segala menteri2 dan antara segala hulubalang2 dan peng-

gawa sakalian. Apakala terjadi perselisihan antara sakalian penggawa2 yang demikian itu, dan apabila datang pekerjaan yang sukar2 di-dalam negeri neschaya masing2 akan membawa diri masing2."

"Ketiga belas, hendak-lah menteri2 itu minta do'a sa-moga raja-nya itu di-jadikan Allah Subhanahu wa-Ta'ala adil dan insaf di-atas segala isi negeri. Dan hendak-lah menteri2 itu jangan alpa daripada membuat kebajikan akan segala hamba Allah tatkala di-anugerahkan Allah Ta'ala kebesaran dan kemuliaan kapada-nya. Ampun tuanku, ini-lah atoran raja2 dan menteri2 keturunan Bani Abbas di-dalam Tanah Arab."

Maka sembah raja Bendahara dan segala menteri2, "Benar sangat saperti sembah ma'alum Tuan Shaikh itu." Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun sangat suka mendengar nasihat Tuan Shaikh itu, demikian-lah.

Putera2 Sultan Muhammad Jiwa

Ada pun duli baginda Yang Maha Mulia itu ada mempunyai dua orang putera yang tertua daripada yang lain2 ia-itu dengan isteri-nya Che' Puan yang berpangkat Paduka Bonda. Puteranya yang tuha bernama Tengku Long Putra dan yang muda bernama Tengku Anjang. Maka tapak cherpu duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia mengangkat puteranya Tengku Long Putra menjaga sakalian pekerjaan mengenai tanah2, dan di-beri kuasa kapada-nya membuat geran serta ator mengator dan beri memberi tanah kapada sakalian ra'ayat untok di-buat bendang dan lain2. Akan Tengku Anjang saudara muda Tengku Long Putra itu di-beri oleh duli baginda Yang Maha Mulia berpangkat Raja Laut bergelar Tengku Seri Paduka Maharaja Di-raja Senggara memerintah segala pekerjaan laut dan pulau2. Maka duli baginda Yang

Maha Mulia membuat suatu penjajap pelayaran laut untuk di-jadikan kenaikan-nya. Kenaikan itu dinamai 'Papak Jantan'. Papak Jantan itu ada-lah perahu yang amat elok lagi chantek perbuatannya serta chukup dengan besar panjang-nya, tidak tertanding pada masa itu.

Maka pada masa Tengku Anjang Seri Paduka Maharaja Durja Senggara itu menjai Raja Laut ia menawan ambil negeri Tonka,⁽¹⁾ Terang,⁽²⁾ Kupa, dan Rundong⁽³⁾ hingga sampai ka-perenggan Murgi. Maka pada masa Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin memerintah itu negeri2 yang tersebut itu ada-lah termasuk di-dalam perintah-nya. Maka bertambah2 mashhor negeri Kedah itu sa-bagai sa-buah negeri yang berkuasa, dan tiada-lah kedegaran lagi berita2 perompak2 laut kerana keras-nya jagaan pada pehak2 laut.

Shahadan lagi, ada pun putera duli baginda Yang Maha Mulia dengan isteri-nya Tengku Putri yang berpangkat Tengku Permaisuri itu tiga orang semua-nya. Putera-nya yang tuha perempuan bernama Tengku Rahmah, dan yang tengah laki2 bernama Tengku Abdullah, dan yang bongsu juga laki2 bernama Tengku Dhia'uddin yang mempunyai nama timang2an Tengku Dewa. Ada pun Tengku Rahmah itu menjadi isteri Tengku Abdul Rahman chuchu Tengku Ibrahim, Raja Muda Limbong, dan ia beroleh sa-orang putera laki2 bernama Tengku Anum dengan Tengku Abdud Rahman itu.

Maka pada suatu hari tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia menitahkan biduanda persilakan Sura Seri Paduka Maharaja dan Seri Maha Menteri dan Tengku Paduka Maharaja

1. Sa-buah daerah dalam perintah Siam bedekatan dengan Victoria point (Genting Kra).
2. Atau Terong ia-lah satu tempat dalam perintah Siam dalam Daerah Genting Kra.
3. Satu tempat dalam perintah Siam daerah Genting Kra. Nama sekarang ia-lah Ranong.

Temenggong Anggota Desa dan Seri Maharaja Putra Dewa dan guru-nya Tuan Shaikh Abdul Jalil dan Hapisap. Maka sakalian-nya pun datang lalu dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah duli baginda Yang Maha Mulia, "Hamba persilakan mamak2 dan guru hamba kerana hamba hendak bermuafakat hendak memberi pangkat kepada Hapisap ia-itu menjadi kadhi menggantikan kadhi yang sudah kembali ka-rahmatu'llah Ta'ala itu." Maka sembah segala menteri2 dan Tuan Shaikh, "Benar saperti titah itu." Maka putus-lah muafakat yang tersebut itu, dan duli baginda Yang Maha Mulia pun mengangkat Hapisap itu menjadi Kadhi bergelar Dato' Maharaja Khadi. Sa-telah itu duli baginda Yang Maha Mulia bertitah kepada Tuan Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani, "Hamba harap guru hamba-lah menjadi Mufti⁽¹⁾ di-dalam negeri Kedah ini."

Maka selang tiada berapa bulan kemudian duli baginda Yang Maha Mulia pun nikahkan Tuan Shaikh Abdul Jalil itu dengan Wan Zainab anak Dato' Seri Maharaja Putra Dewa. Demikian-lah di-tetapkan Tuan Shaikh Abdul Jalil itu menjadi Mufti di-dalam negeri Kedah.

Tuan Shaikh Abdul Jalil belayar ka-Palembang

Hatta selang tiada beberapa bulan kemudian sa-orang anak murid Tuan Shaikh Abdul Jalil dari Palembang bernama Radin Siran datang berjumpa Tuan Shaikh Abdul Jalil di-Kedah. Maka Tuan Shaikh pun bawakan dia masok mengadap duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia. Lebeh kurang dua bulan ia dudok di-Kedah di-ajak-nya Tuan Shaikh pergi ka-Palembang kerana anak2 murid Tuan Shaikh di-Palembang rindu dendam kapada-nya. Maka Tuan Shaikh pun ma'alumkan hal itu kapada

1. Orang yang memberi Fatua mengenai hukum2 ugama.

tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia dan memohon hendak pergi ka-Palembang bersama2 Radin Siran itu. Sembah-nya, "Tiada akan lama patek di-sana dan patek akan balek ka-Kedah ini pula." Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun benarkan dia pergi. Maka Tuan Shaikh Abdul Jalil dan anak murid-nya itu pun bermohon lalu belayar.

Hatta akhir-nya mereka itu pun sampai-lah di-Palembang. Sa-telah dudok tiada berapa lama di-Palembang Radin Siran pun berkira memberi isteri kapada Tuan Shaikh Abdul Jalil. Nama-nya ia-lah Radin Ranti (Rantai). Maka dengan kurnia Allah subhanahu wa ta'ala Tuan Shaikh mendapat sa-orang anak laki2 di-Pelembang. Dan di-namai-nya Abdul Samat. Sa-telah tiga tahun lama-nya Tuan Shaikh dudok di-Palembang ia pun balek ka-Kedah. Tiada berapa lama dudok di-Kedah ia mendapat dua orang anak laki2; yang tuha-nya bernama Wan Abdul Kadir dan sa-orang lagi itu bernama Wan Abdullah. Anak2-nya yang di-Palembang dan Wan Kadir itu di-hantar pergi ka-Mekah. Akhir-nya Abdul Samat itu di-sebut orang Tuan Shaikh Abdul Samat Palembang. Tuan Shaikh Abdul Kadir itu akhir-nya balek menjadi Mufti di-negeri Kedah, demikian-lah ada-nya.

Kota Setar dan Kota Anak Bukit

Shahadan, ada pun duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia pun bermuafakat dengan segala menteri2 membuat sa-buah kota batu bernama Kota Setar dan juga mengorek sa-buah sungai di-sabelah matahari naik langsung ka-sabelah utara sampai ka-Alor Semadom⁽¹⁾ dan terus pergi ka-Sungai Besar Pompong.⁽²⁾ Satu chabang lagi di-korek menyim-

1. Nama satu Alor berdekatan dengan pekan Alor Setar (Bakar Batu).
2. Sa-buah kampong yang jauh-nya 2½ batu dari pekan Alor Setar.

pang melaluj Kanchut tembus ka-sungai besar Pengkalan Badak.⁽¹⁾ Suatu simpang lagi di-korek di-sabelah matahari naik hala ka-Gerbang⁽²⁾ pergi ka-Geduk⁽³⁾ sungai besar Pengkalan Kundor.⁽⁴⁾ Maka akan tanah2 itu di-tambun di-dalam kota itu. Apabila siap semua-nya di-buat pula istana dan balai penghadapan di-dalam kota itu dengan chukup terator, dan tiada suatu pun yang kurang. Maka pada lima belas haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus empat puluh delapan (1148) duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia dengan sakalian isi istananya pun berangkat dengan selamat daripada Kota Bukit Pinang bersemayam di-dalam istana Kota Setar.

Hatta, maka pada tahun Hijrah sa-ribu ra-ratus lima puluh satu (1151) duli baginda Yang Maha Mulia pun bermuafakat dengan segala menteri2 membuat sa-buah kota di-Anak Bukit dan mengorek sa-buah sungai bermula dari sa-belah utara Sungai Besar tembus ka-sabelah selatan Sungai Besar dan sungai itu di-sebut orang Sungai Kechil Anak Bukit. Maka akan kota Anak Bukit itu besar dan di-perbuat dua lapis. Maka di-saberang sungai di-sabelah mata hari jatuh pun di-perbuat sa-buah kota sa-kali dengan balai dan istana, demikian-lah. Kemudian daripada itu di-perbuat sa-buah kota pula di-seberang Akar Peluru.⁽⁵⁾ Demikian-lah hal duli baginda Yang Maha Mulia itu.

Maka pada suatu hari duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan Seri Paduka Maha Raja Sura dan Seri Paduka Maha Menteri Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota

1. Sekarang di-panggil Tambang Badak. Jauh-nya $\frac{1}{2}$ batu dari pekan Alor Setar.
2. Sa-buah Kampong dalam Mukim Derga kira2 $1\frac{1}{2}$ batu dari pekan Alor Setar. Sekarang di-panggil Gedebang.
3. Atau Geduk ia-lah sa-buah kampong ka-hulu sungai Kedah kira2 2 batu dari pekan Alor Setar.
4. Sa-buah kampong dalam daerah Kota Setar kira2 3 batu dari pekan Alor Setar, hala ka-hulu Sungai Kedah.
5. Satu Kampong $\frac{1}{2}$ batu dari Pekan Alor Setar.

Desa dan Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Maharaja Khadi dari Paduka anakanda baginda Tengku Long Putra ia-itu Raja Tanah dan Paduka anakanda baginda Tengku Anjang ia-itu Raja Laut, dan Paduka Perbongsu dan Paduka Seri Indera dan Raja Gemala Indera dan Tan Perda Wangsa dan Raja Indera Senggara. Maka sakailan-nya pun datang lalu naik dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah baginda, "Hamba hendak bermuafakat dengan mamak2 sakalian kerana hamba hendak jadikan paduka anakanda Tengku Abdullah itu bakalan hamba, dan paduka anakanda Dhia'uddin ini hamba hendak jadikan Raja Muda memerintah Kayang hingga sampai ka-Setol, kerana saudara-nya yang tuha ia-itu Tengku Long Putra dan Tengku Anjang itu sudah hamba pertetapkan pekerjaan-nya masing2, kerana saudara tuha itu patut sangat ia menjaga pekerjaan yang demikian itu. Maka sembah sakalian menteri2, "Benar saperti titah itu. Patek2 tampak anakanda Tengku Long Putra dan paduka anakanda Tengku Anjang patut dan layak menjalankan pekerjaan yang Shah 'Alam kurniakan itu, dan begitu juga patek tampak paduka anakanda Tengku Abdullah dan paduka anakanda Tengku Dhia'uddin itu patut di-beri gelaran Raja Muda pada masa hayat Shah Alam itu." Maka tetap-lah muafakat yang demikian itu. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus lima puluh tiga (1153) pada sa-puluh hari-bulan Rabi'ul-awwal duli baginda Yang Maha Mulia dengan segala menteri2 membuat segala pekerjaan menabalkan paduka anakanda baginda Tengku Abdullah menjadi bakal Sultan dan paduka anakanda Tengku Dhia'uddin menjadi Raja Muda serta memberi pangkat kapada Wan Abdullah anak Tuan Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani bergelar Seri Maharaja Putra Dewa mengganti nenek-nya yang telah hilang.

BAB X

SULTAN MUHAMMAD JIWA ZAINUL 'AZILIN MUAZZAM SHAH MANGKAT

Tengku Long Putra dan Tengku Anjang keluar negeri

Hatta, pada suatu hari dulj Tengku Long Putra dan Tengku Anjang pergi ka-rumah saudara-nya Tengku Abdullah hendak berjumpa dengan-nya. Pada ketika itu Tengku Abdullah berangkat pergi ka-Anak Bukit. Maka di-sangka oleh Tengku Long Putra dan Tengku Anjang yang Tengku Abdullah tiada suka hendak berjumpa dengan mereka. Maka balek-lah Tengku Long Putra kedua bersaudara dengan perasaan kesal kerana hal yang demikian itu. Berbagai2-lah perkhabaran yang tiada elok mengenai hal itu di-sampaikan kepada mereka, serta pula mereka itu di-hasut oleh orang besar2-nya. Dalam hal yang demikian itu berubah-lah fikiran mereka. Dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala di-atas hamba-Nya maka Tengku Long Putera kedua bersaudara pun keluar dari negeri Kedah dengan tiada bermohon kepada paduka ayahanda baginda oleh kerana berjauh hati dan berkechil hati. Mereka itu belayar dari sa-buah negeri ka-sabuah negeri hingga akhir-nya mereka itu masok ka-negeri Jambi. Akhir-nya Tengku Long Putra itu di-ambil oleh raja Jambi

di-jadikan menantu-nya, demikian-lah ada-nya. Ada pun Tengku Anjang itu masok ka-negeri Minangkabua ia-itu di-Padang Periaman. Demikian-lah kata yang ampunya chetera.

Sultan Abdullah Mukarram Shah

Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun ketahui-lah hal paduka anakanda Tengku Long Putra kedua bersaudara itu berjauh hati kapada-nya. Maka bermuafakat-lah baginda hendak menghantar menteri2-nya pergi menchari khabar. Dalam hal yang demikian itu duli baginda Yang Maha Mulia pun jatuh gering oleh kerana perchintaan akan paduka anakanda baginda berdua itu. Maka makin sa-hari gering baginda Yang Maha Mulia itu menjadi samakin berat. Maka dengan takdir Allah subhanahu wa-Ta'ala pada sa-haribulan Ramadhan tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus tujuh puluh empat (1174) Sultan Muhammad Jiwa Zainul 'Azilin Muazzam Shah Yang Maha Mulia pun mangkat-lah. Maka segala menteri2 pun bermuafakat menetapkan paduka anakanda baginda Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan bersemayam di-atas takhta kerajaan wang istana di-Kota Setar. Maka Sultan Abdullah dan Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang bermuafakat dengan segala menteri2 melayankan jenazah Raja Di-raja duli Al-marhum itu mengikut 'adat raja yang besar2, dan di-makamkan baginda didalam Kota Langgar. Baginda itu di-sebut orang Al-marhum Kota Setar Yang Pertama. Maka tetaplah Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah Daru'l-aman dengan segala menteri2 pengawa-nya dengan adil-nya.

Ada pun duli Yang Maha Mulia itu ada mempunyai empat orang putera dengan isteri-nya Wan Kamaliah yang berpangkat Paduka Bonda ia-itu anak

Dato' Seri Paduka Raja Laksamana. Putera-nya yang tuha laki2 bernama Tengku Ahmad Tajuddin dan nama timbangan2-nya ia-lah Tengku Pengeran. Putera-nya yang kedua bernama Tengku Ya'akob dan mempunyai nama timbangan2 Tengku Embong, dan yang ketiga ia-lah Tengku Bisnu dan yang bongsu sa-orang perempuan bernama Tengku Jam-Jam yang menjadi isteri Tengku Long Puteh ia-itu Raja Siak yang bertakhta di-bandar Mengkalis.⁽¹⁾

Kota Batu Kuala Bahang

Ada pun duli Yang Maha Mulia itu sentiasa-lah bermuafakat dengan segala menteri2 penggawa-nya di-dalam menjalankan pekerjaan negeri. Maka pada satu hari dari tapak cherpu duli baginda Yang Di-Per-tuan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghada-pan menitahkan biduanda persilakan Raja Bendahara dan Seri Paduka Maha Menteri dan Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Seri Paduka Raja Laksamana dan Tuan Shaikh Abdul Jalil Mufti dan Dato' Maharaja Kadhi. Maka sakalian-nya pun datang lalu naik dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka titah baginda, "Hamba persilakan mamak2 kerana hamba hendak bermuafakat membuat sa-buah kota batu di-Kuala Bahang ia-itu di-saberang kanan sungai jalan terbit ka-laut bagi menjaga musoh2 dari sa-belah laut." Maka sembah segala menteri2, "Benar saperti titah itu." Maka tetap-lah muafakat yang tersebut itu. Maka titah duli baginda Yang Maha Mulia kapada Dato' Maharaja Kadhi, "Tuan hamba-lah pesankan tukang2 dari sa-belah India bagi membuat kota itu, dan tuan hamba-lah petakan sifat kota yang hendak di-perbuat itu." Maka sembah Dato' Maharaja Kadhi, "Patek

1. Atau Bengkalis ia-lah sa-buah daerah di-Sumatera Tengah yang meliputi sa-buah daerah di-sapanjang pantai Sumatera Timor dan pelbagai pulau.

junjong seperti yang di-titahkan itu."

Sa-telah berkata sa-ketika duli baginda Yang Mulia pun berangkat masok ka-dalam istana-nya. Maka segala menteri pun turun, masing2 balek ka-tempat masing2. Maka Dato' Maharaja Kadhi pun membuat surat lalu di-hantarkan kapada anak saudara-nya di-India bernama Maula Ibrahim Sab dan di-suroh-nya menchari tukang2 batu dan bawakan mereka itu ka-Kedah dengan segera. Maka selang tiada berapa bulan Maula Ibrahim Sab pun bawa-lah tukang2 bangsa Hindu. Maka akan batu2 pun diperbuat orang-lah. Maka pada sa-puluh haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus delapan puluh lima (1185) mereka pun mulakan membuat Kota itu di-peta oleh Dato' Maharaja Kadhi. Maka di-kerjakan oleh sakalian tukang2 akan Kota itu, dan kemudia-nya di-korek sa-buah sungai di-sabelah utara kota itu sampai tembus ka-sungai Kubang Rotan. Maka akan tanah2 itu di-timbun di-dalam kota itu. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu sa-ratus sembilan puluh empat (1194) kota itu pun siap-lah.



Kota Kuala Bahang atau Kuala Kedah — terletak 8 batu dari bandar Alor Setar.

chukup dengan balai istana di-dalam-nya, dan sa-telah itu di-ator segala meriam² dan sakalian alatan peperangan di-keliling-nya. Maka pada masa itu terbuka-lah sa-buah bandar Kuala Bahang dan banyak-lah orang² masok dudok di-kiri kanan sungai itu.

Hatta, dua tahun kemudian Dato' Maharaja Kadhi pun kembali ka-rahmatu'llahi Ta'ala. Maka di-kuborkan dia di-Tanjong Pauh⁽¹⁾ saperti 'adat Dato'² yang bergelar.

Sa-bermula, duli baginda Yang Maha Mulia tampak Maula Ibrahim Sab itu sa-orang yang mengetahui ilmu shara' dan lagi elok kelakuan-nya. Maka selang tiada berapa lama-nya duli baginda Yang Maha Mulia pun mengangkat Maula Ibrahim Sab menjadi Kadhi bergelar Dato' Maharaja Kadhi mengganti bapa saudara-nya, demikian-lah ada-nya.

East India Company^()*

Sa-bermula dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima (1205) bulan Sha'ban, duli baginda Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia bermuafakat dengan paduka adinda Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang dan orang besar²-nya membichara mengenai permintaan Captain Light akan tanah Pulau Pinang itu supaya di-berikan kapada East India Company, dan company itu mengaku mahu membayar sa-banyak enam ribu ringgit (\$6,000) sa-tahun kapada Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia tiap² tahun. Maka di-buatkan surat perjanjian persahabatan antara pehak Sultan dan pehak East

1. Sa-buah kampong kira² 10 batu dari Alor Setar, dalam jajahan Kubang Pasu.
2. Kompeni Hindia Timor Inggeris ia-itu sa-buah sharkiat perniagaan Inggeris yang di-tuboh pada akhir abad ka-16 untuk bertanding dengan pedagang² Belanda yang telah menegakkan kuasa menepoli mereka di-Pulau² Rempah. Akhir-nya K. H. T. I. ini menjadi kuasa pemerintah di-negeri² yang mereka berdagang. Dalam tahun 1858 tugas² pemerintah K. H. T. I. di-negeri² jajahan ini di-ambil oleh kerajaan Inggeris.

اينلا

سودا گدا فرجاني دان برسمايه دريوا اوليه گواريو فرجراج ني سلا کني انگريس د فونو طبع
دان راج کا دادا شاهودين

جف شاهودين سلطان جودا اين
بطوم سدا راج کا دادا

گدا لاهن اجرا انس سلا لک طرا اسلام کنه سبه تو اهن بع ميا سمر اصون سدا ١٢١٥ گدا لاهن
١٣ هاري جون سمرام گدا هاري راج يابه گدا هاري اين سو را اين سجاکن سمرراج ني .
بارويه ليکنان گواريو فونو طبع هيب سلا ماري کني انگريس سودا فرجاني دان موکني کا هول
سدا دولي راج جودا فرجيس دان کا دادا دان سکل بندي ٢ دان ١٥٠٠ بع دوا جوا نگرې ايه برسمايه
اوا دروا ١٥٠٠ اوا دروا ١٥٠٠ سلا دان سلاگي ادا برگران دان برجهيا خيماري دان جون دان فعل
فرجاني من دان کا هول اين حکومه سدا بع فرسو دوا سو را اين

فصل بع برام کني انگريس خاهو باير گدا هيله لاهن گدا دولي راج جودا فرجيس دان کا دادا سلاوه
دو دوق سلا لک انگريس اداه لاکچ دان دوق دراهم فونو طبع دان نگرې بع دسبالگ کني دان ادا فرسو
سلا بع گدا دولي بع ميا طيا جانني گاسيه گدا کني انگريس سلا ٥٠٠ ايه جاجران ادا ا داري
گولا گريان سسي سلا گولا جودا دان اوگرانين داري ناي لا گدا نم دارا ادا نم فوله راج دان
سلا طبع دان لسو بع سودا فرسو اين گنهين خاهو دوتکه دان ايراج دولي بع ميا طيا فرجا
برسا ٢ دان ايراج فرجا کني دان کني انگريس خاهو خيمار جاجران لا ادا اين داري دالنهوري دان
فاراخه بع دواج مياراج داري لا ادا بايلي داري سلا ادا ادا اوا دروا سلا سلا ن
فصل بع گدا دولي بع ميا طيا جانني سلا جنس مکان بع اداه گراج فونو طبع اوا گدا کني فاراج
اوا گدا کني گني جولي دياي سلا جنس مکان ايه د فرجيس دان کا دادا دان شاهاد لاهن دان
گداوه دان نداد جولي کان جولي گدا نگرې دان سلا فرجهو بع فرگي د فرجيس دان کا دادا داري فونو
سبه خاهو مياي مکان جولي گاسيه سو ادا نس سلا فاجان کان نيم اوا انا فاجا
فصل بع ادا طه سکلې دوق لاري داري فرجيس دان کا دادا گونو طبع اوا داري فونو طبع کا فرجيس دان
کا دادا دانه ندادا خاهو دوتکن گدا بع فون

فصل بع گاسيه سکلې ايراج هوج لاري داري گدا تون هوجين داري فرجيس دان کا دادا کا فونو طبع اوا
داري فونو طبع کا فرجيس دان کا دادا جيگو ندادا دجا باير هوجين بادان ايراج هوج ايه خاهو دوتکن
گدا تون هوجين

فصل بع گانم دولي بع ميا طيا انا ا جولي گاسيه هشا ايراج فونو دوق د عالم نگرې بع ادا د باوا
فرسته دولي تونکو

فصل بع کا فونو گني ندادا جولي فاسيه سکلې ايراج بع سودا پنه سلا سلاوان راج اوا سلا سمر بع لاهن
فصل بع گدا لاهن سکلې ايراج بع سودا سلا ميون ايراج لاري داري فرجيس دان کا دادا کا فونو طبع خاهو
دوتکن دان دوتکن گدا سشن

فصل بع سمان سکلې ايراج دهورې جف اوا ميوا لنهوري خاهو دوتکن جوك

فصل بع سلاوه سکلې هشا بع جادي موسو کني دولي بع شيا ندادا جولي دواج دان مکان

فصل بع سلس سکلې ايراج فونو دولي بع شيا سارا سکلې جنس ايراج ٢ جون سولي ندادا جولي
داوسيه اوا دلاهن اوليه کني اوا ايراج

فصل دوا بس ادا ٢ جنس مياراج ٢ دولي بع شيا ادا کيراش اوا خاهو داري فونو طبع وانگل کني
خاهو جاري گرم دان هرکان خاهو دوق داري سورا فونو طبع

فصل ني باس بيگان لاکر گنهين اصيل سودا دوتکن دان دوتکن فرجاني من دان
کا هول اين سکل سورا بع تنگ ندادا ايس واصل ايس فرجاني من بع داهولو گدا دولي
بع شيا د فرجيس دان کا دادا خاهو دباير ايس

فصل اطف باس ايس دياکن اين کا هول دان فرجاني من سکلې فرجاني من دان کا هول بع داهولو
بع سودا دوا ١٥٠٠ بع گدا هيب فونو نگرې اين جادي باط ندادا جولي دواقي لاي

(ليهيه سيله بلاغ)

Contoh Surat2 Perjanjian Lama dalam perhubungan di-antara Siam — Inggris — Kedah.
(Gambar dengan ihsan Tuan Syed Idrus Al-Idrus, Kedah).



India Company bahawa sa-lagi ada matahari dan bulan mereka akan tinggal bersahabat, demikian-lah ada-nya.

Hatta, pada suatu hari duli baginda Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka berhimpun-lah paduka anakanda baginda dan paduka adinda Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang dan segala menteri² menunggu dan menjaga duli Yang Maha Mulia serta berikhtiar mengubat baginda itu. Dalam pada itu pun baginda itu tiada juga mahu sihat. Dalam hal yang demikian di-takdirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada sa-puluh haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus dua belas (1212) Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka duli Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang dengan segala menteri² bermuafakat melayankan jenazah Raja Diraja duli Al-marhum mengikut adat yang telah di-adatkan. Maka di-makamkan baginda di-dalam Kota Langgar. Baginda di-sebut orang Al-marhum Muda Kota Setar, demikian-lah.

1. ...
 2. ...
 3. ...
 4. ...
 5. ...
 6. ...
 7. ...




✕ Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah

Maka pada keesokan hari-nya bermuafakat-lah segala menteri2 mengangkat paduka adinda Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang menjadi Sultan memerintah negeri Kedah Daru'l-aman menggantikan sementara putera duli baginda Sultan Abdullah Yang Maha Mulia itu maseh tiada faham akan peratoran2 memegang pekerjaan negeri.

Maka pada masa Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan, baginda itu mempertetapkan peratoran2 di-dalam negeri Kedah

mengikut adat yang telah di-adatkan, dan tiada ia alpa dalam menjalankan barang sa-suatu pekerjaan negeri, dan sentiasa menentukan sa-suatu pekerjaan untuk orang besar. Demikian-lah hal-nya Sultan Dhia'uddin di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah itu.

Ada pun Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia itu ada mempunyai tiga orang putera dengan isteri-nya Wan Tam yang berpangkat Paduka Bonda ia-itu anak Dato' Paduka Lela Putra. Putera-nya yang tuha perempuan bernama Tengku Sofiah dan mempunyai nama timang2an Tengku Tun-



jang. Yang tengah laki2 bernama Tengku Yusof dan yang bongsu bernama Tengku Muhammad. Ada pun Tengku Muhammad itu mangkat pada masa kechil-nya lagi. Maka akan Tengku Sofiah itu di-kahwinkan dengan Tuan Syed Abu Bakar yang mempunyai nama timang2an ia-itu Tuan Harun Jamalul-lail, peranakan Palembang yang datang ka-Kedah membuka sa-buah kebun dan kampong halaman di-Arau. Mereka beroleh sa-orang anak laki2 bernama Tuan Syed Hussin Jamalul-lail, demikian-lah ada-nya.

Shahadan, dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh belas (1217) Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia bermuafakat dengan segala menteri2-nya membichara permintaan Tuan Sir George Leith Baronet ia-itu Leftenan bagi Pulau Pinang supaya Seberang Perai di-beri kapada East India Company dan company itu mengaku akan membayar sa-banyak empat ribu ringgit (\$4,000.00) sa-tahun kapada Sultan Yang Maha Mulia. Sa-telah putus muafakat itu maka di-buatkan surat perjanjian yang kedua. Maka mengikut syarat2 di-dalam perjanjian itu Sultan hendak-lah berikan tanah di-sabelah tepi laut Kedah ia-itu Seberang Perai dan Pulau Pinang itu kapada East India Company. Maka di-persatukan bayaran yang di-terima mengikut surat perjanjian yang pertama dengan bayaran mengikut surat perjanjian yang kedua, menjadikan bayaran itu sa-puluh ribu ringgit (\$10,000.00) bagi sa-tahun, dan East India Company mengaku membayar sa-puluh ribu ringgit (\$10,000.00) itu bagi sa-tahun, hingga sampai kapada anak chuchu Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia, dan company itu mengaku bersahabat dengan Sultan Kedah sa-lama2-nya sa-lagi ada matahari dan bulan.

Demikian-lah di-pertetapkan oleh Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-dalam kedua2 perjanjian itu. Maka syarat2 dan perkara2

yang terator di-dalam perjanjian itu ada tersimpan di-tempat Kerajaan Sultan Yang Maha Mulia, demikian-lah ada-nya.

✓ *Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II*

Maka pada suatu hari Sultan Dhia'uddin Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan Raja Menehara Seri Paduka Maharaja Sura dan Seri Paduka Maha Menteri dan Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Seri Paduka Raja Laksamana dan Seri Maharaja Putra Dewa dan Maharaja Timbangan Warita dan Menteri2 Delapan. Maka titah baginda, "Hamba hendak muafakat dengan mamak2 hamba sakalian kerana hendak tabalkan paduka anakanda baginda Tengku Ahmad Tajuddin menjadi Sultan di-dalam negeri Kedah mengganti dan mengambil alih pekerjaan paduka ayahanda-nya Al-marhum Sultan Abdullah." Maka sembah segala menteri2, "Benar saperti titah itu. Patek2 sakalian sedia menjunjong barang yang di-titahkan." Maka tetap-lah muafakat itu. Maka bersiap-lah segala menteri2 akan alat2 kelengkapan untok penabalan itu, chukup dengan peratoran adat penabalan raja2. Maka di-hiaskan di-atas balai penghadapan dan takhta kerajaan-nya.

Maka pada tiga belas haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan belas (1219) pada waktu rembang, maka di-tabalkan Tengku Ahmad Tajuddin Halim Shah ibni Al-marhum Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan, dan di-letakkan oleh Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia akan paduka anakanda baginda di-atas takhta kerajaan. Maka pada ketika itu di-kembangkan payong kuning, di-palukan nobat nafiri dan di-tembak meriam dua puluh satu das. Maka segala menteri2 hulubalang pahlawan sakalian pun menjunjong duli buat kali yang pertama

dan segala menteri2 pun berseru2. Kemudian mereka itu menjunjong duli buat kedua kali, dan setelah itu di-mainkan pula nobat dan nafiri. Maka pada ketika itu Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia pun bertitah dengan nyaring suaranya. "Pada hari ini dan waktu ini hamba serahkan kembali sakalian pekerjaan di-dalam negeri Kedah ini dan juga ta'alok-nya kapada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia ibni Al-marhum Sulatan Abdullah." Maka duli Tengku Dhia'uddin pun mengadap Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia lalu memberi hormat dengan chukup adat. Maka segala menteri2 hulubalang pahlawan pun menjunjong duli buat kali yang ketiga-nya, dan nobat di-palu, nafiri pun di-mainkan menurut adat yang telah di-adatkan. Demikian-lah hal-nya di-tetapkan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan.

Shahadan, pada sa-puluh haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu dua ratus dua puluh empat (1224) duli Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang pun bermuafakat dengan paduka anakanda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia dan segala menteri2 hendak mengangkat Tengku Anom bin Tengku Abdul Rahman menjadi Raja penghantar bunga emas kapada kerajaan Siam. Sa-telah putus muafakat itu dan sa-telah di-perkenan oleh duli baginda Yang Maha Mulia maka duli Yang Maha Mulia pun menganugerahkan pangkat kapada Tengku Anom, bergelar Tengku Paduka Raja Jambangan. Maka tetap-lah Tengku Anom dengan pekerjaan-nya, ia-itu menghantar bunga emas tiap2 tiga tahun sa-kali ka-benua Siam.

Maka pada suatu hari duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia berjumpa dengan paduka ayahanda Tengku Dhia'uddin Raja Muda bermohon kapada paduka ayahanda hendak berangkat pindah

ka-Kota Kuala.⁽¹⁾ Tengku Dhia'uddin suka seperti maksud paduka anakanda-nya itu dan sa-belum berangkat, duli Tengku Dhia'uddin memberi beberapa pesan dan nasihat kepada paduka anakanda baginda mengenai peratoran² yang elok di-dalam menjalankan pemerentahan negeri. Maka pada 10 Muharram 1226 duli Tengku Dhia'uddin pun berangkat menghantar paduka anakanda ka-Kota Kuala dengan segala menteri dan isi istana. Bersemayam-lah Sultan Ahmad Tajuddin di-Kota Kuala.

Ada pun duli Tengku Dhia'uddin memerintah Kayang itu mengikut adat dan baginda sentiasa mengambil ketahuai akan hal paduka anakanda baginda di-Kota Kuala itu. Maka akan Tengku Yusuf ia-itu putera-nya di-beri dudok bersama² dengan paduka anakanda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia di-Kota Kuala, dan chuchunya Tuan Syed Hussin itu di-lateh menjadi kerani-nya. Demikian-lah hal Tengku Dhia'uddin itu.

Hatta, pada suatu hari duli Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang jatuh gering. Maka di-ma'alumkan kegeringan-nya itu oleh Dato' Setia Mahkota kepada tapak cherpu duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia di-Kota Kuala. Maka duli baginda Yang Maha Mulia dengan menteri²-nya pun berangkat pergi ka-Kota Kayang dengan gajah. Hatta, maka sampai-lah mereka itu di-Kota Kayang. Maka di-dapati baginda paduka ayahanda itu sangat gering. Dua hari kemudian, dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang melakukan kudarat-Nya. Maka pada pada tiga belas haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tiga puluh (1230), duli Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang pun mangkat. Maka di-perintah oleh duli Yang Maha Mulia dengan segala menteri²-nya melayankan jenazah Raja Diraja Al-marhum itu, mengikut adat yang telah di-adatkan dan di-makamkan di-langgar Kota Kayang. Baginda di-sebut orang

1. Sekarang di-kenal sa-bagai Kota Kuala Muda.

Al-marhum Kayang Yang Kedua.

Maka sa-lepas khenduri tujuh hari duli baginda Yang Maha Mulia pun berangkat balek bersemayam di-Kota Kuala bersama2 adinda Tengku Yusof. Pada ketika itu Tengku Yusof maseh belum chukup umur untuk menjalankan pekerjaan. Maka di-beri Dato' Seri Paduka Enggraha Dewa dan Maharaja Putra dan Paduka Perba Wangsa dan Tan Perdana Wangsa dan Dato' Bijaya Indera dan Shaikh Aminuddin yang menjadi Kadhi menjaga Kayang itu. Akan Tuan Syed Abu Bakar Jamalul-lail menantu Tengku Dhia'uddin di-beri oleh duli baginda Yang Maha Mulia memerintah mukim Arau, demikian-lah ada-nya.

Hatta, pada suatu hari duli bangida Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan menitahkan biduanda persilakan Raja Bendahara dan Seri Paduka Maha Menteri dan Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Seri Paduka Raja Laksamana dan Seri Maharaja Putra Dewa dan Tuan Shaikh Abdul Kadir Mufti. Maka sakalian-nya pun datang ka-balai penghadapan lalu naik dudok menyembah baginda. Sa-telah dudok berkata2 saketika maka titah baginda, "Hamba persilakan mamak2 sakalian kerana hendak bermuafakat mengangkat paduka adinda Tengku Ya'akob, timang2-an Tengku Embon menjadi Raja Muda." Maka sembah segala menteri2, "Benar saperti titah, kerana paduka ayahanda Tengku Dhia'uddin pun sudah mangkat." Sa-telah putus muafakat yang demikian itu, maka tetap-lah Tengku Ya'akob menjadi Raja Muda di-dalam negeri Kedah.

Maka pada dua puluh haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tiga puluh satu (1231) duli baginda Yang Maha Mulia bermuafakat dengan menteri2-nya mengorek sa-buah sungai di-dalam mukim Rambai,⁽¹⁾ ia-itu daripada Senara⁽²⁾ sampai

1. Sa-buah Mukim dalam daerah Kota Setar.

2. Sa-buah kampung dalam mukim Rambai.

ka-kampong Dato' Maharaja Anggarah di-mukim Padang Kerbau.⁽¹⁾ Hatta tiada berapa lama sungai itu pun siap-lah. Maka pada masa itu sa-buah bandar di-Padang Kerbau pun terbuka-lah.

1. Sa-buah Mukim dalam daerah Kota Setar.

BAB XI

PERGADOHAN DENGAN PERAK DAN LIGOR

Kedah melanggar Perak

Hatta, maka terjadi-lah suatu pergadohan antara Kedah dengan Perak. Pergadohan itu mula dengan terjadi-nya satu perselisihan di-antara kedua2 buah negeri itu mengenai perenggan di-ulu Selama. Ada pun Raja Bendahara ia-itu Seri Paduka Maharaja Sura hendak menyelesaikan pergadohan itu akan tetapi orang2 Perak tiada mahu membuat penyelesaian. Oleh kerana hal yang demikian Raja Bendahara memohon kepada duli baginda Yang Maha Mulia hendak melanggar negeri Perak itu sendiri. Dua tiga kali Raja Bendahara berulang-alek minta kebenaran melanggar. Maka akhir-nya ia di-benar oleh duli Yang Maha Mulia. Maka bersiap-lah Seri Paduka Maharaja Sura akan segala angkatan peperangan laut dan darat chukup dengan segala panglima2-nya. Maka pada enam haribulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tiga puluh dua (1232) Seri Paduka Maharaja Sura dengan sakalian orang2-nya pun berangkat pergi melanggar negeri Perak. Maka berperang-lah kedua2 pihak itu dan ramai-lah orang2 antara kedua pihak itu mati dan luka. Akhir-nya langgaran itu sampai ka-Kota Lama Kuala Kangsar. Maka langgaran yang tersebut itu berjaya saperti yang di-kehendaki oleh Seri Paduka Maharaja Sura.

Sa-telah itu Raja Bendahara pun beristeri dengan anak menteri raja Perak dan mendapat sa-orang anak di-sana. Maka Seri Paduka Maharaja Sura pun berangkat balek ka-Kedah dengan selamat-nya.

Hatta, pada suatu hari duli baginda Yang Maha Mulia berangkat dengan segala isi istana-nya pergi bermain2 ka-Sungai Merbok, serta melihat2 daripada suatu tempat ka-suatu tempat di-ulu sungai Merbok itu. Tujuan-nya ia-lah hendak membuka sa-buah bandar di-sana. Hatta, maka duli baginda Yang Maha Mulia pun terlihat suatu tempat di-tengah2 sungai itu, lalu di-perkenan oleh baginda. Maka tempat yang changkat⁽¹⁾ di-tengah2 sungai itu di-jadikan tiga buah pulau. Di-tengah pulau2 itu di-dirikan balai tempat bermain2 dan di-sabelah daratan pulau itu di-dirikan istana kechil2 dan rumah chukup dengan pagar sasak-nya. Sa-telah tinggal di-sana sa-lama kira2 lima bulan duli baginda Yang Maha Mulia dan sakalian-nya pun berangkat balek ka-kota Kuala.

Tengku Ya'akob menjadi pengkhianat

Hatta, pada suatu hari duli Tengku Ya'akob, Raja Muda, masok mengadap duli baginda Yang Maha Mulia memohon hendak memerintah Kayang sa-kali dengan Setol⁽²⁾ ia-itu mengganti paduka ayah-anda Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun memberi nasihat kapada paduka adinda Tengku Ya'akob dengan kata2 yang lemah lembut. Duli baginda bermaksud hendak memberi paduka adinda Tengku Ya'akob itu dudok di-Kota Star, dan Kayang itu hajat-nya hendak di-beri kapada adinda Tengku Yusof putera Al-marhum Tengku Dhia'uddin, Raja Muda, memerintah-nya. Maka tiga kali Tengku Ya'akob, Raja Muda, masok

1. Tohor.

2. Wilayah Siam.

mengadap duli baginda bermohon supaya permintaannya itu di-luluskan, akan tetapi tiada juga di-luluskan baginda. Oleh kerana hal yang demikian duli Tengku Ya'akob, Raja Muda, pun bermuafakat dengan orang2-nya berangkat pergi menghadap Raja Ligor yang bernama Chao Phya Nongkon Sri Tamrat di-dalam negeri Ligor serta memberitahu kepada Raja Ligor beberapa jalan yang senang jika hendak mengambil negeri Kedah itu. Maka dudok-lah Tengku Ya'akob, Raja Muda di-negeri Ligor.

Hatta, tiada berapa lama kemudian duli baginda Yang Maha Mulia dengan sakalian isi istana-nya pun berangkat pergi bersemayam di-Pulau Tiga.⁽¹⁾ Ada pun Kota Kuala tatkala itu ada-lah di-dalam jagaan Seri Paduka Maharaja Sura dan menteri2. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun dudok-lah bersuka2an di-daratan Pulau Tiga dengan sakalian isi istana-nya, serta membuka dan menambah tempat2 kediaman. Kemudian-nya duli baginda Yang Maha Mulia mengorek sa-buah sungai mulai daripada Sungai Simpor tembus pergi ka-sungai Kuala Muda supaya senang ra'ayat pergi mari, demikian-lah hal duli baginda Yang Maha Mulia pada masa dudok di-Pulau Tiga itu.

Sa-bermula maka tersebut-lah hal Tengku Embon ia-itu Tengku Ya'akob, Raja Muda, yang dudok di-negeri Ligor. Maka pada suatu hari ia masuk menghadap Chao Phya Ligor kerana hendak melanggar negeri Kedah di-atas tanggong-nya sendiri dan juga supaya dapat kemudahan2 daripada raja Ligor. Maka raja Ligor pun sangat suka mendengar perkataan Tengku Ya'akob Raja Muda, itu kerana ia pun sudah lama menaruh hati hendak mengambil negeri Kedah itu. Pada masa bapa-nya memerintah dahulu sudah dua kali bapa-nya melanggar negeri

1. Nama pulau (tiga buah yang berdekatan) kecil di-ulu Sungai Merbok berdekatan dengan Sungai Lalang, Daerah Kuala Muda.

Kedah akan tetapi tiada berjaya. Maka Chao Phya Ligor pun berkata kepada Tengku Ya'akob bahawa apakala negeri Kedah itu dapat ka-tangan-nya, ia hendak serahkan negeri itu kepada Tengku Ya'akob yang akan di-angkat menjadi Sultan, kerana ia sendiri tiada hendak memerintah negeri Kedah itu.

Hatta raja Ligor pun bermuafakat-lah dengan orang besar2 serta menghimpunkan ra'ayat peperangan hendak melanggar negeri Kedah dari laut dan darat, dan juga menetapkan anak-nya yang tua bernama Phya Buri Saknuton menjadi kepala perang bagi pehak laut dan anak-nya yang muda bernama Phya Sina Nunchit menjadi kepala perang bagi pehak darat. Maka apakala siap sakalian-nya Chao Phya Nongkon Sri Tamrat pun membuat surat lalu di-hantar kepada duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia di-negeri Kedah mengatakan ia hendak melanggar negeri Burma dan hendak singgah di-Kedah. Ia minta bantuan beras dan bekalan2 lain dari Kedah untok peperangan dengan Burma itu.

Hatta, maka surat yang di-bawa oleh utusan Raja Ligor itu pun sampai-lah kepada Sultan Ahmad Tajuddin Yang Maha Mulia. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun mengaku hendak menolong memberi beras saperti tersebut di-dalam surat itu. Maka duli baginda Yang Maha Mulia menitahkan Seri Paduka Maharaja Sura suroh himpunkan beras2, dan apakala angkatan daripada Ligor sampai di-Kedah beras dan barang2 lain itu di-suroh berikan kepada angkatan itu. Maka utusan Ligor pun bermohon balek serta membawa surat Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia yang mengaku hendak menolong berikan beras2 itu. Maka sakalian atoran yang tersebut itu ada-lah dengan akal Tengku Ya'akob Raja Muda. Apakala telah siap semua-nya, angkatan2 itu di-kehendaki sampai di-Kuala Bahang; angkatan ikut

darat dan angkatan yang menuju Pulau Langkawi dan angkatan yang menuju Kuala Merpah itu sakalian-nya di-kehendaki sampai pada satu masa seperti telah di-tetapkan dalam meshuarat.

Maka pada tiga belas haribulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus empat puluh (1240) sampai-lah angkatan langgaran Phya Buri Saknuton di-Kedah, dan sakalian-nya pun masok ka-Kuala Bahang lalu rapat ka-darat. Maka kenaikan Phya Buri Saknuton pun rapat-lah ka-balai ayer. Maka di-persilakan-nya oleh Dato' Seri Paduka Maharaja Sura dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana naik ka-atas kenaikan-nya. Maka di-sangka oleh Dato' Seri Paduka Maharaja Sura dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana bahawa angkatan yang datang itu singgah hendak mengambil beras seperti tersebut di-dalam surat raja Ligor dahulu itu.

Maka sakalian orang2 Siam pun naik-lah ka-darat pergi ka-merata2 tempat, dan satengah2 daripada mereka itu masok hendak melihat kota dan satengah2 pula nampak laku-nya seperti hendak menchari makanan. Maka Dato' Seri Paduka Raja Laksamana pun dudok-lah berkata2 dengan Phya Buri Saknuton di-dalam kenaikan-nya. Sa-ketika kemudian di-isharat oleh Phya Buri Saknuton kapada segala orang2-nya supaya menangkap mereka itu berdua.

Kedah jatuh ka-tangan Siam

Maka pada ketika itu tertangkap-lah Dato' Seri Paduka Maharaja Sura dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana. Maka pekan2 dan rumah2 di-Kuala itu pun di-bakar oleh orang2 Siam, dan satengah2 daripada mereka itu masok ka-dalam kota memaku lubang telinga meriam2. Maka pada waktu itu juga angkatan Siam di-sabelah darat pun sampai-lah. Angkatan2 yang lain pun demikian juga, mereka itu merampas dan membakar segala kampung

halaman orang2 Kedah itu. Akan Dato' Seri Paduka Maharaja Sura dan Raja Laksamana itu di-ikat di-dalam kenaikan-nya. Maka Wan Panji dan Wan Sadik dan lain2 Dato' pun mengamok dengan terkejut. Pada ketika itu ramai-lah Dato'2 yang mati dan akhir-nya berpechah-belah-lah sakalian orang2 Kedah, membawa diri masing2 oleh kerana tiada ada lagi ketuha2 mereka pada ketika itu.

Ada pun pada masa langgaran Siam yang tersebut itu berlaku duli baginda Yang Maha Mulia dengan sakalian isi istana-nya ada bersemayam di-Pulau Tiga. Maka sampai-lah perkhabaran mengenai hal yang terjadi itu ka-Kota Kuala. Maka bersiap-lah duli baginda Yang Maha Mulia dengan orang2-nya hendak melawan. Maka di-dapati-nya orang2-nya tiada chukup. Maka duli baginda Yang Maha Mulia dengan sakalian isi istana-nya pun berangkat langsung menyeberang ka-Pulau Pinang dan dudok di-bawah perintah Pulau Pinang. Apakala duli baginda Yang Maha Mulia itu lepas menyeberang, angkatan Siam itu pun sampai-lah di-Pulau Tiga. Demikian-lah hal-nya.

Hatta maka orang2 Siam yang berada di-Kota Kuala itu pun merampas di-merata2 tempat, dan ramai-lah orang2 Kedah yang di-tawan oleh orang2 Siam itu. Akan Tengku Long Puteh suami Tengku Jam-Jam itu pun mangkat pada ketika itu juga. Maka akan Tengku Jam-Jam dan putera-nya dan anak baik2 yang lain ramai-lah di-bawa pergi ka-Ligor.

Hatta, maka sakalian menteri hulubalang dan panglima2 Kedah pun bermuafakat menghimpun orang2-nya hendak melanggar orang2 Siam itu dengan tiada putus2. Dalam hal yang demikian itu datang suatu angkatan daripada luar ia-itu angkatan Syed Zainal Abidin timang2an Tengku Kudin, masok melanggar Siam di-Kota Kuala. Pada ketika itu ramai-lah orang2 yang mati dan luka antara kedua2

pehak itu. Maka akhir-nya peperangan itu pun tammat-lah dan Kota Kuala itu pun dapat-lah ka-tangan Tengku Kudin. Maka berpechah-belah-lah sakalian orang2 Siam itu pergi berhimpun di-padang Alor Ganu di-dalam mukim Bukit Pinang. Tiada berapa lama kemudian sampai-lah pula suatu puak angkatan langgaran daripada Ligor membantu angkatan Siam yang telah undor itu. Maka sakalian-nya berhimpun dan melanggar balek kota Kuala itu. Akhir-nya kota itu dapat balek ka-tangan orang2 Siam. Tengku Kudin itu mangkat di-Kota Kuala. Sunggoh pun demikian Dato'2 dan hulubalang pahlawan tiada berhenti2 melanggar kota itu.

Hatta, maka pada sa-puloh haribulan Muharram tahun Hijrah sa-ribu dua ratus empat puluh empat (1244) duli Tengku Muhammad Sa'at itu saudara sapupu kapada duli baginda Sultan dan Tuan Shaikh Abdul Samat anak Tuan Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani yang baru datang dari Mekah hendak berjumpa dengan saudara-nya Tuan Shaikh Abdul Kadir yang menjadi Mufti di-dalam negeri Kedah, dan Dato' Kema Jaya Pulau Langkawi, dan hulubalang pahlawan sakalian pun bermuafakat membuat angkatan yang kuat hingga dapat balek Kota Kuala itu kapada Tengku Muhammad Sa'at. Maka di-himpun balek orang2 yang telah berpechah-belah itu dan di-satukan. Maka Kota Kuala itu di-serahkan kapada orang2-nya menjaga-nya. Maka angkatan Tengku Muhammad Sa'at itu pun melanggar orang2 Siam yang di-kepalai oleh Phya Buri Saknuton yang berhimpun di-padang Alor Ganu. Maka angkatan Tengku Muhammad Sa'at itu pun berperang-lah dengan orang2 Siam di-Padang Alor Ganu itu. Pada ketika itu pechah-lah kubu besar Siam di-Alor Ganu itu. Maka Siam itu pun undor-lah daripada suatu tempat ka-suatu tempat. Maka bantuan daripada Ligor pun tiada putus2 sampai.

Ada pun peperangan yang demikian itu berlaku sampai hingga ka-Haadyai.⁽¹⁾ Maka bermuafakat-lah Tengku Muhammad Sa'at dan Tuan Shaikh Abdul Samad dan Dato' Kema Jaya hendak melanggar langsung ka-dalam Boyang⁽²⁾ bandar Singgora. Maka bersiap-lah Tengku Muhammad Sa'at, dan di-himpunkan orang2 di-Haadyai sa-bagai tambahan. Maka dengan takdir Allah subahanahu wa ta'ala datang-lah angkatan besar dari Ligor di-sabelah pehak hadapan dan belakang. Pada ketika itu terkepong-lah Tengku Muhammad Sa'at dan sakalian-nya. Maka berperang-lah Tengku Muhammad Sa'at dan sakalian-nya. Maka berperang-lah antara kedua2 pehak itu di-Haadyai, dan ramai-lah yang mati antara kedua2 pehak itu. Maka Tuan Shaikh Abdul Samad shahid di-dalam peperangan itu. Sa-telah dua puluh hari berperang itu pechah-lah angkatan Tengku Muhammad Sa'at. Maka Tengku Muhammad Sa'at dengan sakalian-nya pun undor balek dan pergi tinggal di-Pulau Pinang. X

Tengku Embom dan Putera-nya menerima balasan

Hatta pada suatu hari Chum Pabian ia-itu Phya Sina Nunchit menyuroh orang2-nya pergi persilakan Tengku Embom ia-itu Tengku Ya'akob Raja Muda dan putera-nya Tengku Sulaiman datang ka-balai-nya di-Alor Ganu. Maka Tengku Embom dan Tengku Sulaiman pun datang-lah dudok berkata2. Maka kata Chum Pabian, "Sekarang Tengku Embom dan Tengku Sulaiman mahu terima ambil negeri Kedah ini? Hamba hendak balek ka-Ligor." Maka di-angkat dua pak⁽³⁾ persalinan dan di-letakkan di-hadapan Tengku Embom kedua berputera, lalu Chum Pabian menyuroh

1. Atau Haak Yai ia-lah sa-buah pekan berdekatan dengan Songkhla, utara negeri Kedah, dalam perentah Siam.
2. Satu tempat berdekatan dengan Songkhla dalam perentah Siam.
3. Sa-jenis kotak yang di-gunakan umpama-nya bagi mengisi atau menyimpan pakaian.

orang-nya bubohkan⁽¹⁾ pakaian persalinan itu ka-
 badan Tengku Embom kedua berputera. Dalam hal
 yang demikian maka di-ikat oleh mereka itu akan
 kedua2-nya itu dengan kuat. Apabila selesai mengikat
 Tengku Embom dan putera-nya itu maka titah
 Chum Pabian, "Ada-kah anak raja2 yang terlebih
 jahat daripada Tengku Embom ini, dan ada-kah patut
 Tengku Embom, bermuafakat dengan negeri asing
 hendak menjahanam negeri pesaka datok nenek
 sendiri." Maka banyak lagi perkataan2 Chum Pabian
 kapada Tengku Embom dan putera-nya itu. Sa-telah
 habis perkataan-nya itu lalu di-belah dada Tengku
 Embom kedua berputera. Maka mangkat-lah kedua
 berputera itu pada tiga belas haribulan Zulhijjah sa-
 ribu dua ratus empat puluh empat (1244). Apakala
 mangkat Tengku Embom kedua putera itu maka di-
 pinta mayat2 itu oleh orang2-nya, hendak di-bawa
 pergi untok di-makamkan di-dalam Kota Langgar
 mengikut hukum shara'. Demikian-lah ada-nya.

Hatta maka tersebut-lah darihal Sultan Ahmad
 Tajudin Halim Shah Yang Maha Mulia yang dudok
 di-dalam negeri Melaka. Pada masa itu East India
 Company tiada membayar hasil Pulau Pinang kapada
 Sultan Ahmad Tajuddin Yang Maha Mulia. Maka
 duli baginda Yang Maha Mulia pun memberi wakil
 kapada Tuan Shaikh Abdul Kadir Mufti bin Tuan
 Shaikh Abdul Jalil Al-Mahdani pergi ka-Benggala⁽²⁾
 berbichara dengan pehak East India Company. Akhir-
 nya duli baginda Yang maha Mulia dapat balek hasil
 itu saperti tersebut di-dalam "treaty".⁽³⁾

Ada pun duli baginda Yang Maha Mulia itu ada
 mempunyai dua orang putera laki2. Putera-nya yang
 tuha bernama Tengku Abdullah ia-lah dengan isteri-
 nya Wan Fatimah yang perpangkat Paduka Bonda.

1. Kenakan.

2. Sa-patut-nya "Benggala (Bengal)" negeri India.

3. Surat perjanjian.

yang muda-nya bernama Tengku Zainal Rashid, timang2an Tengku Daie ia-itu putera-nya dengan Che' Rashidah yang berpangkat Paduka Bonda Demikian-lah ada-nya.

*Tengku Anom Paduka Raja Jambangan
Masok ka-Ligor*

Sa-bermula maka tersebut-lah Tengku Anom Paduka Raja Jambangan. Ia sedar bahawa maksud orang2 Kedah hendak mengambil balek negeri Kedah dengan jalan berperang dan dengan menghantar langgaran2 besar dan kecil tiada akan memberi apa2 kesan kerana orang2 Kedah sudah berpechah-belah. Oleh kerana hal yang demikian itu bermuafakat-lah ia dengan sa-pupu-nya Tengku Seraja Wang dan anakanda Tuan Syed Hussin chuchu kepada Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang, hendak pergi ka-negeri Ligor. Tujuan-nya yang pertama ia-lah hendak mengambil balek negeri Kedah ini dengan atoran yang halus dan yang kedua-nya ia-lah hendak memeliharakan orang2 Kedah yang di-bawa pergi ka-Ligor oleh orang2 Siam. Apabila telah putus muafakat itu, maka Tengku Anom pun berangkat pergi berjumpa dengan Phya Sina Nunchit anak raja Ligor yang dudok memerintah negeri Kedah di-Alor Ganu. Maka Tengku Anom pun masok mengadap Phya Sina Nunchit. Phya Sina Nunchit kenal akan dia kerana ia sudah biasa di-negeri Ligor, ia-itu pada masa ia menghantar bunga emas bunga perak ka-sana. Maka Phya Nunchit menegor-nya dengan suara yang manis. Maka Tengku Anom pun ma'alumkan kepada Phya Nunchit yang ia tiada suka hendak dudok di-negeri Kedah, sembah-nya, "Perhamba suka hendak dudok menjadi hamba Chao Phya Nongkon Sri Tamrat di-Ligor hingga sampai habis umor perhamba, kerana perbuatan orang2 Kedah dudok perbuat. Yang demikian itu perhamba tiada suka sa-kali, jikalau per-


hamba dudok lagi di-Kedah ini nama perhamba pun akan menjadi jahat kapada Chao Phya pada hal perhamba sangat merasa lagi kaseh akan Chao Phya dan segala putera2 Chao Phya."

Maka Tengku Anom pun minta suatu surat daripada Phya Sina Nunchit bagi membenarkan ia masok mengadap Chao Phya raja Ligor. Maka Phya Sina Nunchit pun sangat suka hati-nya mendengar Tengku Anom memuji2 bapa-nya dan memuji2-nya itu. Maka di-dalam surat ia memuji2 Tengku Anom dengan mengatakan Tengku Anom ada-lah sa-orang yang baik dan tidak masok champor di-dalam peperangan bersama orang2 Kedah dan lain2-nya. Maka Phya Sina Nunchit pun serahkan surat itu kapada Tengku Anom dan bertitah, "Waktu mana Tengku Anom hendak pergi? Perhamba hendak beri gajah perhamba sendiri pergi menghantar ka-Ligor." Maka kata Tengku Anom, "Perhamba hendak pergi dalam sa-puluh hari lagi." Maka Tengku Anom pun bermohon berangkat balek, demikian-lah.

Hatta, selang tiada berapa hari kemudian-nya Tengku Anom pun bersiap-lah. Maka di-panggil-nya Panglima2-nya dan Dato'2 yang di-harap, di-ajak-nya pergi ka-gua bukit Kaplu.⁽¹⁾ Maka orang2 yang di-harap itu ada empat puluh orang semua-nya. Ia berpesan kapada mereka itu apakala ia sampai di-Ligor hendak-lah mereka itu himpulkan orang2, mana yang dapat langgarkan Phya Sina Nunchit itu dengan tiada berhenti siang atau malam. Kemudian sakalian-nya itu bersumpah menjunjung koran⁽²⁾ akan setia atas perkara yang di-titah dan di-janjikan di-dalam gua dan tidak akan memechah rahsia itu. Apakala telah selesai, sakalian-nya pun keluar dengan bersembunyi diri, tiada di-beritahu kapada orang2 ramai, demikian-lah.

1. Sa-buah bukit dalam Mukim Kaplu Daerah Kubang Pasu.

2. Kitab suchi Islam Al-qur'an.



Gambar Gua Bukit Kapu, Kodiang Kedah.

Hatta sa-telah sampai masa yang baik maka Tengku Anom Paduka Raja Jambangan pun berangkat-lah bersama2 Tengku Seraja Wang dan anak-anda Tuan Syed Hussin pergi mengadap Phya Sina Nunchit di-Alor Ganu bermohon pergi lalu menaiki gajah yang di-beri oleh Phya Sina Nunchit menuju ka-negeri Ligor. Hatta, sa-telah tiada berapa lama di-dalam perjalanan itu maka mereka pun sampai ka-Ligor. Maka mereka pun masok mengadap Chao Phya Nongkon Sri Tamrat di-balai penghadapan lalu Tengku Anom Paduka Raja Jambangan pun mempersembah surat daripada Phya Sina Nunchit anak-nya itu. Maka Chao Phya raja Ligor pun tatap-lah surat daripada anak-nya itu. Maka sangat-lah suka hati-nya lebeh2 lagi apabila mendengar beberapa perkataan Tengku Anom yang elok tersusun mengenai-nya itu. Maka Chao Phya Ligor pun sangat suka hati-nya mendengar perkataan Tengku Anom Paduka Raja itu. Maka di-beri tempat tinggal yang baik kapada Tengku Anom.

Hatta, sa-lama Tengku Anom dudok di-Ligor itu hari2-lah ia masok mengadap Chao Phya Ligor itu serta melakukan pekerjaan2 yang di-perkenan oleh Chao Phya Ligor. Tiada berapa lama kemudian Chao Phya Ligor pun mengambil Tenku Anom itu menjadi memalik-nya⁽¹⁾ serta di-serahkan segala orang2 Kedah di-dalam negeri Ligor itu kapada Tengku Anom Paduka Raja yang telah di-angkat menjadi ketuha mereka itu. Dalam hal yang demikian Tengku Anom Paduka Raja memohon kapada Chao Phya Ligor akan Tengku Aishah puteri Tengku Jam-Jam yang ada di-Ligor untok di-jadikan isteri Tuan Syed Hussin. Maka akan permintaan Tengku Anom itu di-perkenankan oleh Chao Phya Ligor. Sa-telah itu Tengku Anom Paduka Raja pun bermohon hendak membuat persandingan di-balai penghadapan Chao Phya itu mengikut adat Melayu Kedah. Maka

1. Milek-nya atau hak-nya.

Chao Phya Ligor pun sangat suka hati mendengar permintaan Tengku Anom Paduka Raja itu lalu disuroh-nya membuat sa-bagaimana di-kehendaki oleh Tengku Anom Paduka Raja itu. Maka Tengku Anom dengan sakalian orang2 Kedah di-Ligor itu ber-muafakat membuat pelamin mengikut adat raja2 Melayu. Maka tiada beberapa lama siap-lah sakalian-nya. Sa-telah sampai masa-nya maka bersanding-lah Tuan Syed Hussin dengan Tengku Aishah di-atas balai penghadapan yang di-hiaskan chukup dengan saperti adat Melayu. Maka Chao Phya Ligor dan orang besar2-nya sangat suka hati dan memuji2 ke-bijaksanaan Tengku Anom Paduka Raja membuat yang demikian itu. Maka dudok-lah Tengku Anom di-Ligor itu menchari jalan yang tampak pada fikirannya hendak mendapat balek negeri Kedah itu, de-mikian-lah ada-nya.

BAB XII

X RAJA LIGOR MENYERAH BALEK KEDAH

Kesusahan perentah Siam di-Kedah

Sa-bermula maka tersebut-lah hal Dato'2 dan panglima2 Tengku Anom yang tinggal di-Kedah itu bermuafakat menghimpunkan orang2 peperangan hendak melanggar⁽¹⁾ Phya Sina Nunchit. Mereka itu melanggar dengan tiada menentukan masa; kadang2 pada siang hari dan kadang2 pada malam hari. Maka langgaran yang demikian itu menjadi bertambah2 kuat oleh kerana sa-makin ramai orang2 yang masuk beserta dalam langgaran itu. Maka banyak kali-lah tewas Phya Sina Nunchit. Maka akhir-nya di-perbuat-nya surat lalu di-persembahkan kepada bapa-nya di-Ligor mengatakan orang2 Kedah makin kuat melanggar-nya dan ia tampak tiada ada guna lagi bagi-nya menunggu di-dalam negeri Kedah itu kerana perbelanjaan mereka sa-makin bertambah2 dan orang2-nya pun ramai yang mati, dan ia tiada tampak suatu apa2 pun keuntungan bagi-nya menunggu di-dalam Kedah itu melainkan mendapat kerugian di-dalam sa-genap perkara. Dan lagi di-ketahui-nya orang2 Melayu Kedah itu suka berperang dengan orang2-nya, dan orang2 Kedah itu mengatakan kalau mereka itu mati mereka mendapat kebaikan. Sebab

1. Merempoh, menyerang.

itu-lah langgaran orang2 Kedah itu menjadi semakin kuat. Dan lagi ia dapat tahu bahawa pehak Kerajaan Inggeris di-Pulau Pinang hendak masuk champor dengan sebab saudagar2 berteriak kapadanya kerana banyak berlaku kerugian dalam segala perniagaan di-dalam Pulau Pinang. Apabila selesai surat itu di-perbuat maka surat itu pun di-simpulkan dan di-serahkan kapada orang-nya yang menjadi utusan membawa surat itu pergi ka-Ligor.

Hatta, tiada berapa lama sampai-lah surat itu di-Ligor lalu di-bawa orang masuk mengadap Chao Phya Ligor. Maka di-tatap oleh Chao Phya Ligor segala buku2⁽¹⁾ yang tersebut di-dalam surat itu. Maka jadi kemasghulan-lah Chao Phya Ligor mendengar hal yang tersebut itu, lalu di-pereksa⁽²⁾ kapada utusan yang membawa surat itu mengenai hal ahwal yang menyebabkan terjadi-nya peperangan itu. Maka dim'alumkan oleh utusan daripada permulaan sampai ka-akhir-nya. Maka pada keesokan hari-nya Chao Phya Raja Ligor bertitah kapada Tengku Anom, "Sekarang boleh Tengku Anom Raja Jambangan terima ambil negeri Kedah itu dan memerintah-nya." Maka sembah Tengku Anom, "Perhamba tiada suka menjadi raja. Perhamba suka menjadi hamba Chao Phya di-sini sampai habis umur perhamba." Maka banyak lagi yang di-perkatakan oleh Chao Phya Ligor kapadanya, tetapi ia tiada juga mahu menerima negeri Kedah itu oleh sebab tiada sampai saperti maksud-nya. Sa-telah dudok sa-ketika Chao Phya pun masuk ka-dalam istananya. Maka sakalian yang ada di-balai penghadapan itu pun balek ka-tempat masing2. Apakala Tengku Anom sampai di-rumah-nya maka Tuan Syed Hussin pun bertanya kapada ayahanda-nya Tengku Anom, "Fasal apa ayahanda tiada mahu terima. Ayahanda mari pun kerana menchari jalan hendak menerima

1. Kandongan.

2. Di-selidek.

balek negeri Kedah ini." Maka Tengku Anom pun tersenyum mendengar perkataan anakanda Tuan Syed Hussin itu, "Ada pun sebab-nya ayahanda tiada mahu terima lagi itu ia-lah kerana pemberian-nya itu tiada sampai seperti maksud ayahanda. Jika kita terima sekarang tentu-lah negeri Kedah itu maseh di-bawah hukuman-nya di-dalam sa-genap perkara. Kalau ia menyerah putus maka negeri itu tiada-lah termasuk di-bawah ta'alok-nya. Kalau demikian baharu-lah boleh kita terima."

Maka selang sa-bulan kemudian sampai pula surat Phya Sina Nunchit daripada Kedah memberitahu hal kesusahan-nya memerintah negeri Kedah itu lebeh susah dari masa2 yang telah lalu. Maka banyak lagi hal yang akan mendatangkan ke-susahan pada masa akan datang yang di-sebut di-dalam surat itu. Pada ketika itu bertambah2 susah-lah hati Chao Phya Nongkon Sri Tamrat, lalu di-suroh-nya panggil Tengku Anom. Maka Tengku Anom dan Tengku Seraja Wang dan Tuan Syed Hussin pun datang lalu menyembah. Sa-telah dudok berkata2 sa- ketika maka titah Chao Phya Ligor kepada Tengku Anom, "Pada hari ini Tengku Raja Jambangan terima balek-lah negeri Kedah serta sakalian ta'alok-nya, dan tiada lagi termasuk di-bawah perintah Siam, melainkan Tengku Anom mahu-lah hantarkan bunga emas, bunga perak tiap2 tiga tahun sa-kali mengikut adat lama seperti yang telah di-adatkan oleh Raja2 yang terdahulu sa-bagai tanda kaseh berkasehan dan ber-setia." Pada ketika itu baru-lah Tengku Anom mahu menerima negeri Kedah itu kerana maksud-nya itu sudah sampai.

*Raja Ligor serah balek negeri Kedah
kapada Tengku Anom*

Maka sembah Tengku Anom, "Sangat2-lah berat tanggungan perhamba kerana di-kurniakan negeri

kapada perhamba, lebeh2 lagi kerana perhamba ini tiada harti memerintah negeri." Maka titah Chao Phya Ligor, "Sa-boleh2-nya hendak-lah Tengku Anom terima." Maka sembah Tengku Anom, "Perhamba terima-lah saperti titah itu. Jika perhamba tiada terima barangkali akan menjadi kemurkaan Chao Phya kapada perhamba, dan perhamba memohon sa-puchok surat Chao Phya supaya perhamba mendapat lempah tuah daripada surat Chao Phya itu dan supaya perhamba terpelihara daripada kesusahan dan supaya perhamba di-takut oleh sakalian isi negeri Kedah itu." Maka banyak lagi perkataan Tengku Anom memuji2 Chao Phya itu. Maka Chao Phya Ligor pun sangat suka hati-nya lalu di-perbuat-nya surat dan di-berikan kapada Tengku Anom Raja Jambangan. Maka tersebut di-dalam surat itu bahawa negeri Kedah itu tiada bersangkut apa2 lagi dengan Kerajaan Siam dan tiada lagi dudok di-bawah perintah Siam, melainkan di-kenakan menghantar bunga emas bunga perak tiap2 tiga tahun sa-kali mengikut adat raja2 yang terdahulu sa-bagai tanda berkaseh2an yang tiada berputusan. Maka Chao Phya Nongkon Sri Tamrat pun serahkan surat itu kapada Tengku Anom Raja Jambangan. Maka Tengku Anom Raja Jambangan pun menerima-nya dengan beberapa hormat serta di-junjong surat itu di-hadapan Chao Phya Ligor dengan maksud hendak menyukakan hati Chao Phya Ligor. Sa-telah itu Chao Phya Ligor membuat sa-puchok surat untok di-berikan kapada anak-nya Phya Sina Nunchit di-Kedah. Di-dalam surat itu di-sebutkan, apakala Tengku Anom Raja Jambangan sampai balek di-Kedah, hendak-lah Chum Pibian serahkan dengan segera negeri Kedah itu sakalian-nya kapada Tengku Anom Raja Jambangan, dan lagi orang2 Ligor yang ada di-Kedah itu bolehlah di-bawa balek sakalian-nya. Apakala telah siap surat itu maka di-berikan kapada orang besar-nya

supaya di-bawakan dengan segera kepada anak-nya Chum Pabian di-Kedah. Maka utusan itu pun membawa surat itu dengan segera menuju ka-Kedah. Setelah itu Chao Phya Ligor pun berangkat masuk kedalam istana-nya. Maka Tengku Seraja Wang dan Tuan Syed Hussin dan segala orang besar2 yang ada menghadap di-balai penghadapan itu pun balek ka-tempat masing2.

Hatta maka Tengku Anom pun sampai-lah ka-rumah-nya lalu bersiap. Maka di-beritahu kepada putera2-nya Tengku Jam-Jam ia-itu Tengku Latifah dan juga Tengku Abdul Rahman anak-beranak, dan Tengku Nor Aishah isteri Tuan Syed Hussin dan segala anak baik2 berita hendak balek ka-Kedah itu. Maka pada keesokan hari-nya Tengku Anom pun masuk menghadap Chao Phya Ligor bermohon hendak balek ka-Kedah membawa bersama2-nya orang2 Kedah yang suka hendak balek bersama-nya. Maka kata Chao Phya Ligor. "Tengku Anom boleh balek dengan segera supaya Phya Sina Nunchit balek mari dengan segera." Maka Tengku Anom pun bermohon balek hendak bersiap, dan orang2 yang hendak balek bersama2-nya pun bersiap juga.

Hatta, sa-telah tiada berapa hari bersiap itu maka Tengku Anom pun masuk menghadap Chao Phya Ligor. Maka di-tegor oleh Chao Phya Ligor dengan manis, lalu Tengku Anom bermohon hendak berangkat balek ka-Kedah. Maka Chao Phya Ligor pun memberi persalinan dengan chukup adat peratoran raja2 kepada Tengku Anom. Maka Tengku Anom pun menerima-lah persalinan itu dengan chukup tertib. Maka Tengku Anom berlaku sa-olah2 ia tiada suka hendak meninggal Chao Phya Nongkon Sri Tamrat itu. Maka titah Chao Phya Ligor. "Jangan-lah Tengku Anom menaruh perchintaan apa2, dan jika ada apa2 kesusahan boleh-lah datang dengan segera beritahu ka-sini." Sa-telah itu Chao Phya Ligor bertitah kepada

penghulu gajah, "Boleh siapkan gajah2 beberapa yang chukup dan hantarkan Tengku Anom Raja Jambangan dengan sakalian orang2-nya ka-negeri Kedah."

Maka pada dua puluh tiga haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima puluh dua (1252) Tengku Anom dengan sakalian orang-nya bermohon keluar menuju negeri Kedah. Maka Tengku Anom menyuroh orang-nya yang di-harap pergi dahulu ka-Kedah memberitahu orang2 di-Kedah supaya bersiap di-Anak Bukit kerana ia sudah menerima balek negeri Kedah itu. Maka orang itu pun berjalan dengan sa-habis2 chepat menuju Kedah. Hatta, tiada berapa hari kemudian-nya, maka ia pun sampailah di-Anak Bukit. Maka ia pun bermuafakat dengan sakalian orang2 di-Kedah menyiapkan sakalian-nya di-Anak Bukit. Hatta tiada berapa lama kemudian Tengku Anom Raja Jambangan dan sakalian-nya pun sampailah di-kota Anak Bukit di-sambut oleh segala orang2 Kedah dengan chukup adat kesukaan. Maka dudok-lah Tengku Anom di-kota Anak Bukit itu.

Maka pada keesokan hari-nya Tengku Anom pun pergi berjumpa dengan Phya Sina Nunchit di-Alor Ganu. Apakala sampai di-Alor Ganu maka Tengku Anom pun di-persilakan oleh Phya Sina Nunchit dudok bersama2-nya di-balai penghadapan. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika Pia Sina Nunchit pun memberitahu Tengku Anom yang ia telah menerima surat daripada bapa-nya Chao Phya di-Ligor menyuroh-nya serahkan negeri Kedah ini kapada Tengku Anom Raja Jambangan, kata-nya "Maka pada hari ini Tengku Anom boleh terima negeri Kedah ini. Lagi tujuh hari perhamba hendak balek ka-Ligor mengikut hukum Chao Phya Ligor." Maka Tengku Anom pun terima-lah negeri Kedah itu.

Sa-telah dudok sa-ketika Tengku Anom pun bermohon balek ka-istana Anak Bukit. Maka Tengku Anom pun memberi hukum kapada penghulu me-

nyuroh orang2 menyuchi dan membuat rumah2 dan istana2 di-dalam Kota Setar dan Kota Kuala. Pada masa itu tiada berputusan-lah orang2 masok balek dudok di-dalam negeri Kedah.

Hatta, maka Tengku Anom pun perjamukan Phya Sina Nunchit dan segala orang besar2-nya di-Kota Anak Bukit kerana Phya Sina Nunchit hendak berangkat balek ka-Ligor. Maka pada keesokan hari-nya Phya Sina Nunchit pun berangkat balek ka-Ligor dengan sakalian orang2-nya, dan Tengku Anom hantarkan mereka hingga ka-Bukit Kuang Miram.⁽¹⁾ Maka kedua2 pehak pun berhormat2an, lalu berjalan. Maka Tengku Anom pun berangkat balek ka-Anak Bukit. Tiada berapa lama kemudian-nya Phya Sina Nunchit pun sampai-lah di-Ligor.

Ada pun Tengku Anom Paduka Raja itu ada dua orang putera. Putera-nya yang tuha laki2 bernama Tengku Muhammad dan yang muda perempuan bernama Tengku Midah.

Hatta, maka Tengku Anom pun himpulkan segala Dato'2 dan anak baik2 yang mana ada itu di-beri pangkat gelaran kepada mereka itu mengganti Dato'2 yang telah mati dan di-suroh mereka itu membuat kerja mengikut taraf masing2 saperti adat yang telah di-adatkan mengikut atoran negeri. Maka Tengku Anom memberi kepada anak-nya Tengku Muhammad gelaran Tengku Seri Paduka Raja dan menantu-nya di-beri gelaran Tengku Seri Paduka Maha Menteri, dan sa-pupu-nya Tengku Su di-beri bergelar Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, demikian-lah. Ada pun Tengku Anom itu tiada berputus menchari jalan bagi menguatkan segala pekerjaan negeri.

1. Boleh jadi tempat ini sekarang di-panggil Bukit Kayu Hitam yang terletak di-perenggan Siam dengan Kedah.

*Utusan ka-Melaka menjemput
Sultan balek ka-Kedah*

Shahadan, Tengku Anom pun perbuat surat untok di-persembahkan kapada duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia di-negeri Melaka mema'alumkan hal ia sudah menerima balek negeri Kedah daripada Chao Phya Nongkon Sri Tamrat raja Ligor. Tengku Anom mencheritakan hal ahwal-nya menerima negeri Kedah itu daripada permulaan sampai ka-akhir-nya. Maka di-dalam surat itu ia memohon supaya duli baginda Yang Maha Mulia berangkat balek menerima negeri Kedah itu. Maka banyak lagi perkataan² yang tersebut di-dalam surat itu yang menunjok jalan² yang benar. Apakala telah siap surat itu maka di-suroh-nya sa-pupu-nya Tengku Seraja Wang dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan putera-nya Tengku Seri Paduka Raja membawa surat itu pergi mengadap duli baginda Yang Maha Mulia di-Melaka. Maka mereka itu pun belayar dengan tiga buah penjajab dan gebeng⁽¹⁾ layaran menuju ka-negeri Melaka.

Hatta sa-telah tiada berapa lama kemudian menteri² itu pun sampai-lah di-negeri Melaka, lalu masok mengadap mempersembahkan surat itu kapada duli baginda Yang Maha Mulia. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun membacha surat itu, dan di-ketahui-nya-lah sakalian yang tersebut di-dalam surat itu. Maka baginda bertanya Tengku Seraja Wang dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong akan hal ahwal Tengku Anom di-Kedah. Maka di-persembahkan oleh Tengku Seraja Wang akan hal ahwal yang telah terjadi itu. Maka titah duli baginda Yang Maha Mulia kapada Seri Paduka Raja, "Boleh-lah sakalian bermuafakat berhenti dahulu sementara kita hendak bersiap." Maka masing² pun bermohon pergi berhenti

1. Sa-jenis perahu.

di-tempat yang duli baginda siapkan itu menyuroh orang2-nya.

Tengku Zainal Rashid menjadi bakalan Sultan

Maka hari2-lah Tengku Seraja Wang bertiga masok mengadap memohon supaya duli baginda Yang Maha Mulia Mulia berangkat balek ka-Kedah. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun berfikir panjang; berbagai2 fikiran-nya mengenai hendak balek ka-Kedah itu. Maka duli baginda Yang Maha Mulia sentiasa meminta tanggoh lepas sa-hari sa-hari. Demikian-lah hal duli baginda Yang Maha Mulia itu. Akhir-nya oleh kerana sangat kuat permintaan Tengku Seraja Wang bertiga itu duli baginda Yang Maha Mulia pun memberi putera-nya Tengku Zainal Rashid timang2an Tengku Daie berangkat balek ka-Kedah dengan Tengku Seraja Wang. Maka ketika sampai masa yang baik Tengku Zainal Rashid dan Tengku Seraja Wang bertiga pun bermohon kepada duli baginda Yang Maha Mulia lalu belayar ka-Kedah.

Hatta, sa-telah tiada berapa lama kemudian-nya, sampai-lah mereka itu di-Kedah. Mereka itu di-sambut oleh Tengku Anom dan sakalian-nya dengan chukup adat, lalu duli Tengku Zainal Rashid berangkat masok bersemayam di-dalam istana Kota Setar.

Hatta, tiada berapa hari sa-lepas itu Tengku Anom pun bermuafakat dengan segala menteri2-nya hendak menabal Tengku Zainal Rashid menjadi bakalan Sultan. Maka tetap-lah muafakat yang tersebut itu. Maka pada sa-puloh haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima puluh empat (1254) Tengku Anom pun menabalkan-lah Tengku Zainal Rashid putera Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia menjadi bakalan Sultan mengikut adat yang telah di-adatkan, demikian-lah yang di-tetapkan. Maka Tengku Anom pun hari2-lah masok mengadap Sultan Zainal Rashid Yang Maha Mulia

mema'alumkan hal ahwal peratoran negeri Sultan2 yang terdahulu yang telah mangkat. Maka Sultan Zainal Rashid pun khabarkan kepada Tengku Anom yang paduka ayahanda Tengku Yusof putera nenda Tengku Dhia'uddin telah mangkat di-Melaka.

Raja Ligor membunuh diri

Sa-bermula maka tersebut-lah Tuan Gabenor kerajaan Inggeris di-Pulau Pinang yang telah menghantar surat ka-benua Siam mengenai pergadohan di-antara Ligor dan Kedah yang tiada berputusan itu ia-itu berperang, langgar melanggar di-antara kedua2 pihak itu hingga menjadi rosak segala perniagaan dan menyebabkan sakalian saudagar2 di-Pulau Pinang menjadi susah. Maka di-minta-nya orang2 antara kedua2 negeri yang bergaduh itu datang membuat penyelesaian. Apabila surat Tuan Govenor itu sampai kepada Raja benua Siam yang bernama Prak Nang Kelau Chau Yew Huwa, raja itu pun menghantar menteri-nya yang bernama Chan Phya Munteri Suri Wong ka-Pulau Pinang. Apakala ia sampai di-Pulau Pinang ia pun memereksa dengan halus akan perkara2 itu, serta di-hantarkan orang-nya pergi memanggil raja Ligor yang bernama Chao Phya Nongkon Sri Tamrat. Manakala sampai surat menteri itu raja Ligor pun meminta tempoh pada utusan yang membawa surat itu. Maka utusan itu tiada memberi tempoh kepada-nya sebab Menteri Besar Raja benua Siam menghukum raja Ligor pergi bersama2 dengan-nya ka-Pulau Pinang. Selang lima belas hari kemudian-nya raja Ligor itu pun makan rachun dengan sebab pekerjaan-nya yang telah lalu tiada di-beritahu kepada raja benua Siam. Maka ia pun mati, demikian-lah ada-nya.

Hatta, sa-telah enam bulan Tengku Zainal Rashid berangkat balek ka-Kedah, maka dengan kebenaran Tuan Gabenor, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah

Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring2-nya pun berangkat balek ka-Pulau Pinang. Maka duli baginda Yang Maha Mulia dudok di-Kelawai⁽¹⁾ di-jalan Hutton.

Hatta, tiada berapa lama kemudian Tengku Zainal Rashid bersama2 dengan Tengku Seraja Wang dan Tuan Syed Hussin chuchu Tengku Dhia'uddin Raj Muda Kayang berangkat pergi ka-Pulau Pinang mengadap paduka ayahanda baginda memohon supaya duli baginda itu berangkat balek ka-Kedah. Maka duli baginda Yang Maha Mulia tiada suka hendak balek lagi lalu di-beri-nya paduka anakanda baginda Tengku Abdullah saudara tuha Tengku Zainal Rashid dan Tuan Haji Abu Bakar menantu Dato' Seri Paduka Raja Laksamana bersama2 dengan isteri-nya ia-itu Wan Nurdiman balek ka-Kedah.

Ada pun Tengku Zainal Rashid dudok di-Pulau Pinang itu ada-lah kira2 tiga bulan lama-nya. Sa-telah itu ia bermohon kapada paduka ayahanda baginda berangkat balek ka-Kedah bersama2 paduka kakanda Tenku Abdullah. Maka dudok-lah Tengku Abdullah dengan saudara-nya di-Kedah dengan istirehat-nya.

Tengku Abdullah menjadi bakalan Sultan

Hatta, pada suatu hari Tengku Zainal Rashid bermuafakat dengan paduka ayahanda Tengku Anom Paduka Raja dan segala menteri2 hendak mengangkat paduka kakanda Tengku Abdullah mengganti-nya. Maka muafakat yang demikian itu di-perkenan oleh Tengku Anom dan menteri2 lain. Maka tetap-lah muafakat itu. Maka pada enam haribulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima puluh lima (1255) maka Tengku Abdullah pun di-tabalkan menjadi bakalan Sultan. Akan Tengku Zainal Rashid di-jadikan Raja Muda. Mata tetap-lah kedua bersaudara

1. Nama tempat (daerah) dalam pekan Pulau Pinang.

itu membuat segala pekerjaan negeri. Akan paduka ayahanda Tengku Anom itu memangku pekerjaan. Demikian-lah hal-nya kedua saudara itu membuat segala pekerjaan, ator mengator serta memberi pangkat dan gelaran kepada segala menteri2 mengikut atoran yang telah di-adatkan bagi mengganti pangkat2 menteri yang sudah hilang. Maka di-beri juga pangkat kepada Tuan Haji Abu Bakar bin Tuan Shaikh Abdul Kadir Al-Mahdani itu menjadi Kadhi Besar bergelar Dato' Maharaja Kadhi, dan Lebai Mahmud bin Khatib Sulong di-angkat menjadi Imam bergelar Dato' Seraja Imam. Maka kuat-lah sakalian atoran dan adat saperti dahulu itu, demikian-lah yang di-tetapkan.

Maka pada suatu hari Tengku Anom Paduka Raja persilakan Tengku Seraja Wang dan Tengku Seri Paduka Maha Menteri dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Tengku Seri Paduka Raja dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan lain2 menteri. Maka sakalian-nya pun datang mengadap Tengku Anom Paduka Raja di-Anak Bukit. Maka titah Tengku Anom, "Hamba persilakan saudara2 sakalian kerana hamba hendak pergi ka-Pulau Pinang mengadap duli baginda Yang Maha Mulia. Hamba harap saudara hamba sakalian ber-muafakat menjaga akan pekerjaan negeri ini di-dalam tiap2 perkara dengan sa-habis2 tenaga." Maka sembah segala menteri2, "Patek2 sakalian junjong-lah saperti di-titahkan itu." Maka kata Tengku Seraja Wang, "Sa-elok2-nya-lah Paduka Raja berangkat pergi mengadap duli baginda Yang Maha Mulia itu." Maka sembah Dato' Paduka Maha Wangsa Perben-daharaan, "Pada fikiran patek sa-patut-nya dari awal lagi Tengku Paduka Raja pergi mengadap duli baginda Yang Maha Mulia di-Melaka. Maka sekarang ini sudah tiga tahun baharu-lah pergi mengadap."

Maka titah Tengku Anom, "Ada pun sebab-nya

hamba tiada pergi mengadap duli baginda Yang Maha Mulia dari awal lagi itu ia-lah kerana di-Kedah ini belum tetap raja-nya, dan segala menteri2 pun tiada tetap pangkat dan pekerjaan dan jawatan masing2. Jika pada masa belum tetap dan kuat peratoran negeri hamba tinggal pergi mengadap duli baginda Yang Maha Mulia, pada ketika itu tidak dapat tiada duli baginda Yang Maha Mulia akan tiada berpuas hati atau waswas dengan hamba. Dan jikalau duli baginda menahan hamba di-Melaka tiada di-beri-nya balek pada ketika itu, pada fikiran hamba, binasa balek-lah negeri Kedah ini. Maka sekarang ini hamba tampak di-dalam negeri Kedah ini sudah tetap raja-nya, dan kuat balek peratoran2-nya dan segala pangkat2 dan pekerjaan menteri2 pun sudah di-tetapkan. Maka berani-lah hamba meninggalkan negeri Kedah ini pergi mengadap duli baginda Yang Maha Mulia memohon supaya baginda berangkat balek bersemayam di-negeri Kedah ini. Jika habis umur hamba sakali pun, kerana sudah sampai maksud hamba, maka perhamba akan di-sebut juga oleh anak chuchu duli baginda Yang Maha Mulia sampai akhir zaman."

Tengku Anom berangkat ka-Pulau Pinang

Maka sembah segala menteri2, "Benar saperti titah itu." Maka Tengku Anom pun bersiap turun pergi mengadap paduka anakanda Tengku Abdullah kedua bersaudara mema'alumkan yang ia hendak berangkat pergi ka-Pulau Pinang mempersilakan paduka ayahanda baginda berangkat balek ka-Kedah. Maka duli Tengku Abdullah Yang Maha Mulia pun sangat suka hati mendengar paduka ayahanda Tengku Anom hendak pergi ka-Pulau Pinang itu. Maka Tengku Anom pun bermohon balek. Pada keesokan hari-nya Tengku Anom Paduka Raja dan Tengku Seraja Wang dan Tuan Syed Hussin pun

berangkat ka-Pulau Pinang membawa bersama2 mereka gebeng2 kenaikan duli baginda Yang Maha Mulia.

Hatta apakala sampai di-Pulau Pinang Tengku Anom Paduka Raja bertiga pun masok mengadap duli baginda Yang Maha Mulia mema'alumkan kapada baginda dari permulaan sampaj ka-akhir bagaimana ia menerima balek negeri Kedah. Maka tiap2 hari-lah ia berulang-alek memohon supaya duli baginda Yang Maha Mulia berangkat balek ka-Kedah. Maka tiap2 hari-lah Tengku Anom berulang2 memohon duli baginda Yang Maha Mulia berangkat balek ka-Kedah. Akhir-nya di-perkenan oleh duli baginda Yang Maha Mulia akan permintaan Tengku Anom itu. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun memberi hukum suroh bersiap kerana hendak balek ka-Kedah itu. Maka duli baginda Yang Maha Mulia dan Tengku Anom pun pergi berjumpa dengan Tuan Gabenor mengkhabarkan yang ia sudah menerima balek negeri Kedah saperti asal-nya, dan dalam sahari dua ini hendak balek ka-Kedah. Maka tuan Gabenor pun sangat suka hati mendengar berita itu, dan mengkhabarkan kapada duli baginda yang ia telah pun menghantar surat ka-benua Siam.

*Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II
balek ka-Kedah*

Maka pada hari duli baginda Yang Maha Mulia hendak berangkat balek ka-Kedah itu Tuan Gabenor pergi berjumpa duli baginda Yang Maha Mulia memberi hormat kapada-nya saperti adat dan di-beri-nya perahu kenaikan-nya mengiring duli baginda Yang Maha Mulia berangkat ka-Kedah.

Hatta maka belayar-lah duli baginda Yang Maha Mulia singgah bermain2 di-pulau keempat.⁽¹⁾ Tiada

1. Pulau Dayang Bunting, Pulau Bidan, Pulau Telor dan Pulau Songsong.

berapa hari kemudian-nya maka sampai-lah duli baginda Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring2-nya itu di-Kedah, dan di-sambut oleh paduka anakanda baginda Tengku Abdullah kedua bersaudara, dengan chukup adat kesukaan segala isi negeri. Pada ketika itu duli baginda bersemayam di-dalam istana Kota Star.

Maka pada keesokan hari-nya duli baginda Yang Maha Mulia keluar ka-balai penghadapan di-hadap oleh paduka anakanda baginda dua bersaudara dan Tengku Anom Paduka Raja dan segala menteri2. Maka di-tegor oleh duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia akan sakalian-nya dengan manis-nya, serta di-tanya oleh Duli Yang Maha Mulia akan Tengku Embom dua beranak yang di-bunoh oleh Chom Pabian itu di-mana di-tanamkan oleh orang2-nya. Maka sembah Tengku Anom, "Mereka itu di-tanamkan di-dalam kota Langgar." Maka titah duli baginda Yang Maha Mulia kepada Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, "Boleh saudara hamba pergi korek dan bawa keluar kedua2-nya itu hari ini



Makam Tengku Embom (Tengku Yaacob)
di-Langgar, Kedah.

juga, dan tanamkan mereka itu di-tempat lain dengan segera." Maka Tengku Paduka Maharaja Temenggong pun bermohon dengan segera pergi ka-Langgar memberi hukum kepada orang-nya suroh mengorek dan menanamkan mereka berdua itu di-luar kota Langgar di-sebelah matahari naik.

Apabila siap saperti titah itu ia pun balek mengadap duli baginda Yang Maha Mulia dan mema'alumkan hal itu. "Sudah hamba perbuat saperti dititahkan itu." Maka duli baginda Yang Maha Mulia bertanya kepada paduka adinda Tengku Anom, "Adakah lagi anak chuchu Tengku Embom itu?" Maka sembah Tengku Anom Paduka Raja, "Ada dua orang chuchu-nya, ia-itu putera Tengku Sulaiman bernama Tengku Akil dan yang perempuan bernama Tengku Hawa yang berumur lebeh kurang tujuh belas tahun. Mereka sekarang ini ada di-Ligor. Patek tiada berani hendak membawa mereka itu balek ka-Kedah."

Putera2 Tengku Zainal Rashid

Shahadan, ada pun duli Tengku Zainal Rashid Yang Maha Mulia itu ada mempunyai enam belas orang putera dengan isteri-nya yang berpangkat Paduka Bonda ia-itu Wan Masheran binti Dato' Seri Paduka Maharaja Sura Raja Bendahara. Putera-nya yang tuha bernama Tengku Aishah ia-itu isteri Tengku Muhammad Sa'id chuchu Tengku Jam-Jam; yang kedua bernama Tengku Puteri ia-itu isteri Tengku Ismail putera Tengku Muhammad Akib; yang ketiga bernama Tengku Ahmad Tajuddin; yang keempat Tengku Jahara ia-itu isteri Tuan Syed Hussin Shaha-buddin; yang kelima Tengku Dhia'uddin; yang keenam Tengku Ya'akob; yang ketujuh Tengku Yussof; yang kedelapan Tengku Rehah ia-itu isteri Tengku Idris putera Tengku Muhammad Akib; yang kesembilan Tengku Sofiah ia-itu isteri Tengku Kudin putera Tengku Ibrahim dan yang kesepuluh ia-lah Tengku

Jam-Jam. Maka enam orang putera duli baginda itu mangkat pada masa kechil2 lagi. Sa-orang lagi putera baginda dengan Paduka Bonda perempuan bernama Tengku Zaharah ia-itu isteri Tuan Syed Hassan ibni Al-marhum Tuan Syed Zainal Abidin Shaha-buddin yang shahid di-dalam peperangan di-Kota Kuala. Ada pun Tengku Ya'akob putera Tengku Zainal Rashid itu di-ambil oleh paduka kakanda Tengku Abdullah dan di-jadikan putera-nya kerana Tengku Abdullah itu tiada mempunyai putera-nya sendiri.

BAB XIII

SULTAN KEDAH DI-SIAM

Sultan membalas jasa

Hatta pada suatu hari Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia memanggil putera-nya dua bersaudara dan Tengku Seraja Wang dan Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa dan Tuan Shaikh Abdul Kadir Mufti. Maka sakalian-nya pun datang masuk menghadap di-dalam istana, lalu duduk menyembah baginda. Sa-telah duduk berkata2 sa-ketika maka titah baginda kepada Tengku Seraja Wang, "Hamba persilakan saudara2 hamba sakalian ini kerana hamba fikir hendak serahkan dua puluh empat mukim di-sabelah Kubang Pasu kepada paduka adinda Tengku Anom Paduka Raja untuk di-perentahkan-nya, kerana tiada lagi daya upaya hamba hendak membalas kebajikan paduka adinda Tengku Anom terhadap hamba anak beranak ini, melainkan jasa-nya itu akan menjadi satu kenang2an akan anak chuchu paduka adinda Tengku Anom sampai ka-akhir zaman. Dan lagi, dahulu hamba ingat hamba serahkan Kayang itu kepada adinda Tengku Yusof putera paduka ayahanda Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang, akan tetapi paduka adinda itu sudah menerima hukum Allah Ta'ala di-Melaka. Maka

sekarang ini hamba hendak serahkan Kayang itu kepada Tuan Syed Hussin chuchu paduka ayahanda Tengku Dhia'uddin, dan hamba hendak serahkan Setol itu kepada paduka adinda Tengku Bisnu memerintah-nya."

Maka sembah Tengku Seraja Wang dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Tuan Shaikh Abdul Kadir Mufti, "Elok sangat saperti titah itu." Maka duli baginda Yang Maha Mulia bertanya kepada paduka anakanda baginda Tengku Abdullah kedua bersaudara, "Apa-kah fikiran anakanda berdua?" Maka sembah paduka anakanda berdua itu, "Patek sangat-lah suka saperti titah itu." Apakala selesai muafakat yang demikian itu duli baginda Yang Maha Mulia pun keluar ka-balai penghadapan. Pada ketika itu segala menteri2 ada hadir, termasuk Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Bisnu, lalu duli baginda Yang Maha Mulia menegor mereka itu dengan manis. Maka titah duli baginda Yang Maha Mulia kepada paduka adinda Tengku Anom, "Maka sekarang ini kakanda serahkan dua puluh empat mukim sa-belah Kubang Pasu itu kepada adinda. Ta' dapat tiada adinda terima dan memerintah-nya." Maka sembah Tengku Anom, "Berat sangat tanggungan yang ampun kurniakan itu." Maka titah duli baginda Yang Maha Mulia, "Jangan-lah paduka adinda fikirkan hal itu melainkan terima-lah juga." Maka sembah Tengku Anom, "Patek terima junjong yang ampun kurniakan itu." Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun suka hati-nya oleh kerana paduka adinda Tengku Anom mahu menerima pemberian itu.

Kemudian-nya duli baginda Yang Maha Mulia bertitah kepada Tuan Syed Hussin, "Boleh-lah paduka anakanda terima Kayang itu dan memerintah-nya saperti paduka ayahanda Tengku Dhia'uddin dahulu itu." Maka sembah Tuan Syed Hussin, "Barang

yang di-titah itu sedia-lah patek junjongkan." Lalu duli baginda bertitah kepada Tengku Bisnu, "Paduka adinda-lah pergi memerintah Setol itu dan hendaklah paduka adinda beringat supaya jangan kita terkena saperti yang telah lalu itu kerana Setol itu berperenggan dengan orang Siam." Maka sembah Tengku Bisnu, "Barang yang di-titah itu sedia-lah adinda junjongkan." Apabila selesai bertitah itu duli baginda Yang Maha Mulia pun berangkat masuk ka-dalam istana-nya. Maka sakalian yang ada mengadap di-balai penghadapan itu pun berangkat balek.

Hatta tiada berapa hari kemudian-nya Tengku Anom pun bermohon berangkat pergi bersemayam di-Pulau Pisang, lalu membuat kota istana di-sana. Maka Tuan Syed Hussin pun bermohon berangkat balek ka-Kota Kayang bersemayam di-Arau. Maka Tengku Bisnu pun bermohon berangkat pergi ka-Setol membuat kota istana di-sana dan bersemayam di-Mambang Segara,⁽¹⁾ demikian-lah hal-nya.

*Tengku Abdullah dan Sultan Ahmad
Tajuddin Halim Shah mangkat*

Hatta, tiada berapa lama kemudian Tengku Abdullah putera Sultan Ahmad Halim Shah Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Maka akan gering baginda itu makin hari menjadi sa-makin berat. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang melakukan kudrat-Nya, Tengku Abdullah pun mangkat pada empat haribulan Muharram tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima puluh tujuh (1257) di-dalam istana Kota Star. Maka berhimpun-lah segala menteri² melayankan Raja Di-raja Al-marhum mengikut adat raja yang besar², dan di-makamkan di-dalam kota Langgar. Hatta duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun dudok di-dalam istana dengan kemash-

1. Nama tempat dalam Setoi, dalam perentah Siam.

ghulan akan paduka anakanda baginda Tengku Abdullah. Ada pun kekuasaan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia itu terhimpun kepada putera-nya Tengku Zainal Rashid. Maka berdiri-lah Tengku Zainal Rashid di-hadapan dengan keredhaan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Dalam hal yang demikian di-takdirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun jatuh gering yang berat. Maka Tengku Zainal Rashid pun memberitahu hal kegeringan paduka ayahanda baginda itu kepada paduka ayahanda Tengku Anom Paduka Raja di-Pulau Pinang dan kepada paduka adinda Tuan Syed Hussin di-Arau. Maka sakalian-nya pun sampai-lah di-Kota Setar dan segala menteri² pun berhimpun di-balai dan istana menjaga duli baginda Sultan Yang Maha Mulia yang gering itu. Dalam hal yang demikian pada enam haribulan Rabi-'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima puluh sembilan (1259) duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia pun mangkat. Maka Tengku Zainal Rashid pun bermuafakat dengan paduka ayahanda Tengku Anom dan paduka adinda Tuan Syed Hussin dan segala menteri² melayankan Raja Di-raja duli Al-marhum itu mengikut saperti isti'adat raja yang besar², di-makamkan di-dalam Kota Langgar. Baginda itu di-sebut orang Al-marhum Melaka.

Maka pada keesokan hari-nya pagi² lagi Tengku Muhammad Akib Putera Tengku Bisnu sampai di-Kedah daripada Setol. Maka Tengku Muhammad Akib pun pergi mengadap paduka kakanda Tengku Rashid mema'alumkan kepada Tengku Zainal Rashid, "Adinda dapat khabar mengenai kegeringan paduka ayahanda akan tetapi adinda terlambat sampai di-Kedah ini dengan sebab paduka ayahanda di-Setol pun gering juga."

Hatta maka bermuafakat-lah Tengku Anom dan

segala menteri2 dan anak baik2 menabalkan Tengku Zainal Rashid menjadi Sultan menggantikan dan mengambil alih pekerjaan paduka ayahanda Al-marhum itu mengikut adat seperti yang telah di-adatkan, bersemayam di-atas takhta kerajaan di-Kota Setar. Maka tetap-lah Sultan Zainal Rashid Al-Mu'azzam Shah Yang Maha Mulia memerintah negeri Kedah Daru'l-aman dengan segala menteri2 penggawa-nya.

*Menghantar surat ka-Siam
dan Gabenor Pulau Pinang*

Hatta, Tengku Anom Paduka Raja pun mema'alumkan kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia hendak perbuat surat untuk di-hantarkan kepada raja benua Siam dan kepada Tuan Gabenor di-Pulau Pinang. Maka titah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Buat-lah mana yang elok pada paduka ayahanda." Maka Tengku Anom pun bermuafakat dengan Tengku Seri Paduka Maha Menteri dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Maharaja Putra Dewa perbuat surat untuk di-hantarkan kepada Raja benua Siam yang bernama Prak Nang Kelau Chau Yew Huwa. Di-dalam surat itu di-sebutkan yang Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia telah mangkat pada enam haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-rubu dua ratus lima puluh sembilan (1259) dan dengan kesukaan segala menteri2 dan anak baik2 dan ra'ayat isi negeri maka Tengku Zainal Rashid putera Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia di-angkat menjadi Sultan memerintah negeri Kedah. Dan di-sebut juga bahawa Kayang itu dengan kesukaan Sultan Ahmad Tajuddin dan segala menteri2 di-berikan kepada Tuan Syed Hussin untuk di-perentahkan sakalian-nya dan Setol itu dengan kesukaan Sultan di-serahkan kepada Tengku Bisnu memerintah-

nya. Dan di-sebut juga Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia memberikan dua puluh empat mukim sa-belah Kubang Pasu kepada Tengku Anom Paduka Raja Jambangan untuk di-perintah-nya.

Sa-puchok surat lagi di-hantarkan kepada Tuan Gabenor di-Pulau Pinang mencheritakan darihal kemangkatan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Maha Mulia dan dengan kesukaan segala isi negeri Tengku Zainal Rashid di-angkat menjadi Sultan memerintah negeri Kedah. Apakala telah siap, sa-puchok daripada surat2 itu di-berikan oleh Tengku Seraja Wang untuk di-bawakan pergi ka-benua Siam, dan yang sa-puchok lagi itu di-berikan kepada Dato' Seri Indera Membang Senggara untuk di-bawakan kepada Tuan Gabenor di-Pulau Pinang, demikian-lah.

Al-kesah maka tersebut-lah Chao Phya Munteri Suri Wong yang balek ka-benua Siam dari Pulau Pinang, lalu masok mengadap Prak Nang Kelau Chau Yew Huwa ia-itu raja yang ketiga mema'alumkan kapada-nya hal yang telah terjadi di-dalam negeri Kedah ia-itu mengenai perbuatan Chao Phya Nongkon Sri Tamrat Raja Ligor yang menyuroh dua orang anak-nya Phya Buri Sakputon dan Phya Sina Nunchit melanggar dan menjahanamkan Negeri Kedah itu, katanya "Sekarang ini ia sudah menyerah balek negeri Kedah sakalian-nya kapada raja Kedah. Akan Chao Phya Nongkon Sri Tamrat itu sudah mati kerana makan rachun sebab ia sudah nampak kesalahan-nya." Maka Prak Nang Kelau Yew Huwa bertitah kapada Chao Phya Munteri Suri Wong, "Pergi ka-Ligor dan ambil Phya Buri Sakputon dan Phya Sina Nunchit dua bersaudara itu dan hantar ka-mari dengan segera, dan boleh Chao Phya Munteri Wong menjaga negeri Ligor itu sementara hendak menetapkan orang yang hendak menjadi Chao Phya di-dalam negeri itu."

Hatta, maka Chao Phya Munteri Seri Wong pun bermohon berangkat pergi ka-Ligor. Tiada berapa

lama kemudian maka sampai-lah ia di-Ligor, lalu diambil-nya anak raja Ligor dua bersaudara itu dan di-hantar masuk ka-benua Siam. Maka dudok-lah anak raja Ligor dua bersaudara itu di-dalam kawalan sementara hendak menerima hukuman, dan tiada di-benarkan pergi ka-mana².

Utusan Kedah di-negeri Siam

Hatta maka tersebut-lah Tengku Seraja Wang dan Tengku Aman yang membawa kedua² puchok surat itu. Tiada berapa lama kemudian mereka itu pun sampai-lah ka-benua Siam. Maka Tengku Seraja Wang dan Tengku Aman pun masuk menghadap Sumdit Chao Phya mema'alumkan yang mereka ada membawa surat. Maka Sumdit Chao Phya pun menghalusi tiap² perkara dan hal yang telah terjadi di-dalam negeri Kedah, dan di-terima-nya surat itu, dan di-beri tempat kepada Tengku Seraja Wang berdua untuk berhenti.

Hatta, tiada berapa hari kemudian Sumdit Chao Phya pun masuk menghadap Raja Maha Besar mempersembahkan surat daripada Kedah itu. Maka Prak Nang Kelau Chao Yew Huwa pun menghalusi perkara² yang tersebut di-dalam surat itu. Maka Sumdit Chao Phya ma'alumkan yang ia sudah mengambil ketahui hal negeri Kedah daripada utusan yang membawa surat itu. Maka Raja Maha Besar pun sangat belas mendengar hal yang terjadi ka-atas Phya Saiburi itu. Ada pun Raja Maha Besar itu suka akan atoran Phya Saiburi meletak orang-nya menjaga Setol, Kayang dan Kubang Pasu itu. Maka titah Raja Maha Besar, "Boleh perbuatkan surat senjabat⁽¹⁾ untuk di-hantarkan ka-Kedah, dan hantarkan persalinan kepada Tengku Zainal Rashid megikut seperti adat yang telah di-adatkan, dan boleh suruhkan Tengku Zainal Rashid masuk mari ka-benua Siam ini."

1. Surat rasmi.

Sa-telah dudok sa-ketika Sumdit Chao Phya pun bermohon balek. Maka Sumdit Chao Phya pun memberi hukum kepada menteri menyuroh membuat saperti titah Raja Maha Besar itu, dan Sumdit Chao Phya pun memberi hukum kepada orang-nya supaya menyiapkan kain sutera peri puteh yang berwarna2 dan talam batil yang baik2 dan juga ketor dengan sa-chukup-nya untok di-pakai di-dalam majlis.

Ada pun Tengku Seraja Wang dan Tengku Aman dudok di-benua Siam itu di-panggil selang dua tiga hari sa-kali oleh Sumdit Chao Phya untok berkata2 dengan-nya, demikian-lah. Ada kira2 dua bulan Tengku Seraja Wang dan Tengku Aman dudok di-benua Siam sa-belum di-bawa oleh Sumdit Chao Phya masok mengadap Raja Maha Besar. Sumdit Chao Phya mema'alumkan kepada Raja Maha Besar Siam yang ia hendak memberi utusan2 itu balek ka-Kedah dan memohon hendak mendengar hukum apa2 yang harus di-jalankan-nya. Dan lagi ia mema'alumkan yang semua yang di-titah itu sudah siap di-jalankan sakalian-nya. Maka Raja Maha Besar pun menitahkan supaya senjabat dan persalinan untok Tengku Zainal Rashid di-serahkan kepada Tengku Seraja Wang berdua dan di-persalin oleh Raja Maha Besar akan Tengku Seraja Wang berdua. Maka Tengku Seraja Wang berdua menerima persembahan2 itu dengan cukup tertib adat-nya di-balai penghadapan Raja Maha Besar. Sa-telah itu mereka bermohon hendak balek ka-Kedah. Maka Prak Kelau Chao Yew Huwa Raja Maha Besar pun membenarkan mereka itu balek. Sa-telah dudok sa-ketika Raja Maha Besar pun berangkat masok ka-dalam istana-nya. Maka Sumdit Chao Phya pun berangkat balek, di-iringi oleh Tengku Seraja Wang berdua.

Hatta, pada suatu hari Sumdit Chao Phya persilakan Tengku Seraja Wang berdua. Maka Tengku Seraja Wang berdua pun masok mengadap Sumdit

Chao Phya. Sa-telah dudok sa-ketika maka Sumdit Chao Phya bertitah, "Sekarang ini boleh-lah Tengku Seraja berdua balek." Maka di-suroh orang2-nya serahkan talam batil dan pemberian2 lain ia-itu pemberian2-nya sendiri kapada Tengku Zainal Rashid Phya Saiburi serta di-beri dua ratus kob⁽¹⁾ untok perbelanjaan Tengku Seraja Wang berdua, serta ia berpesan kapada Tengku Seraja Wang berdua supaya Tengku Zainal Rashid datang ka-tempat-nya dengan chepat dan memberi kapada mereka itu lain2 perkataan⁽²⁾ yang menjadi kebajikan. Apakala selesai berpesan itu Tengku Seraja Wang berdua pun bermohon langsung balek ka-Kedah.

Surat daripada Raja Siam

Hatta, tiada berapa lama kemudian Tengku Seraja Wang dan Tengku Aman pun sampai-lah ka-Kedah, lalu masuk mengadap Tengku Anom Paduka Raja di-Pulau Pisang. Maka ketika itu juga Tengku Anom paduka Raja pun berangkat pergi ka-Kota Setar mengadap baginda Sultan Yang Maha Mulia. Pada ketika itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia ada bersemayam di-lepau⁽³⁾ istana. Maka ia di-tegor oleh duli baginda Yang Maha Mulia dengan manis. Maka di-ma'alumkan oleh Tengku Anom Paduka Raja yang Tengku Seraja Wang dan Tengku Aman baharu sampai dari benua Siam. Maka di-persembah-nya surat dan persalinan dan kiriman daripada Sumdit Chao Phya itu. Maka Tengku Seraja Wang menyembah ma'alumkan sakalian pesanan Chao Phya itu, dan di-ma'alumkan juga hal ahwal ia di-dalam benua Siam. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun suka mendengar sembah ma'alum Tengku Seraja Wang itu. Maka ma'alum Tengku Anom, "Pada fikiran ayahanda patut di-sambut surat senjabat itu dan di-

1. Wang Siam.

2. Nasihat.

3. Bahagian hadapan istana (berenda).

bacha di-balai penghadapan supaya segala menteri2 penggawa sakalian dapat mendengar-nya." Maka titah duli baginda Yang Maha Mulia, "Buat-lah apa yang elok pada paduka ayahanda." Maka sakalian-nya pun bermohon keluar. Maka Tengku Anom Paduka Raja pun berhenti di-balai besar menitahkan supaya di-persilakan menteri2 berhimpun di-balai besar.

Hatta, sakalian-nya pun datang lalu naik ka-atas balai besar bermuafakat hendak menyambut surat itu. Maka tetap-lah muafakat itu. Maka pada kesesokan hari-nya berhimpun-lah sakalian menteri2 penggawa di-balai besar. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun keluar ka-balai penghadapan. Sa-ketika kemudian di-arak orang-lah surat itu dengan nobat nafiri, langsung naik ka-atas balai penghadapan. Maka surat itu di-sambut oleh Dato' Bentara Wang Seri, lalu ia pun bertelut di-hadapan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka surat itu pun di-bacha oleh Dato' Bentara Wang Seri. Maka mafhum-lah⁽¹⁾ sakalian yang tersebut di-dalam surat itu yang mendapatkan Sultan Zainal Rashid menjadi Phya Sai-buri. Dan lagi Prak Nang Kelau Chao Yew Huwa persilakan Sultan Zainal Rashid masok ka-benua Siam. Demikian-lah buku2 yang tersebut di-dalam surat itu. Sa-telah itu mereka pun dudok berkata2 serta bermuafakat menentukan masa hendak berangkat masok ka-benua Siam. Sa-telah dudok sa-ketika duli baginda Yang Maha Mulia pun berangkat masok ka-dalam istana-nya. Maka sakalian-nya pun berangkat balek.

Hatta maka sampai-lah sa-puchok surat daripada Tengku Akib putera Tengku Bisnu di-Setol kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengatakan ayahanda Tengku Bisnu sangat gering. Maka bersiap-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-Setol. Apakala sampai di-Setol di-lihat-

1. Faham-lah.

nya paduka ayahanda sangat gering. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada sa-puluh hari-bulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima puluh sembilan (1259) Tengku Bisnu putera Al-marhum Sultan Abdullah pun mangkat. Maka duli baginda Yang Maha Mulia bermuafakat dengan paduka adinda Tengku Muhammad Akib dan segala menteri dan orang besar2-nya melayankan jenazah Raja Di-raja Al-marhum itu dan di-makamkan di-Langgar Mambang Segara Setol. Maka bermuafakat-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan segala orang besar2-nya mengangkat Tengku Muhammad Akib memerintah kerajaan Setol menggantikan paduka ayahanda Al-marhum. Hatta, tujuh hari sa-lepas Tengku Bisnu itu mangkat duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat balek ka-Kedah.

Sultan Zainal Rashid masok ka-Siam

Maka pada suatu hari duli baginda Sultan Yang Maha Mulia persilakan paduka ayahanda Tengku Anom dan paduka adinda Tuan Syed Hussin Kayang dan juga menghantar sa-puchok surat mempersilakan Tengku Muhammad Akib Setol. Tiada berapa hari kemudian sakalian-nya pun sampai-lah. Maka duli baginda Yang Maha Mulia bermuafakat-lah dengan paduka ayahanda Tengku Anom dan sakalian-nya itu kerana hendak pergi ka-benua Siam. Maka di-tetapkan orang2 yang akan mengiring duli baginda Yang Maha Mulia itu ka-benua Siam. Mereka yang di-tetapkan pergi itu ia-lah Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Muhammad Akib Setol dan Paduka Maha Wangsa Pebendaharaan dan Dato' Seri Andika Raja dan Dato' Lela Putra dan Tuan Shaikh Abu Bakar Kadhi dan Kerani Abdullah dan orang2 surohan sa-ramai tujuh belas orang, demikian-lah yang di-tetapkan.

Hatta maka pada tujuh belas haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima puluh sembilan

(1259) duli baginda Sultan Zainal Rashid Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia dan sakalian pengiring2-nya pun berangkat ka-benua Siam dengan gajah, menuju ka-negeri Singgora. Dari Singgora sakalian-nya itu menaiki kapal layar menuju ka-benua Siam.

Ada pun yang memangku negeri Kedah sa-peninggalan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ia-lah Tengku Ibrahim dan Menteri2 Keempat ia-itu Dato' Seri Paduka Maha Menteri dan Tengku Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa dan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa. Ada pun Wan Ibrahim anak Dato' Bendahara ipar duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu menolong pekerjaan Dato' Seri Paduka Maha Menteri, dan Wan Ismail menolong pekerjaan Dato' Seri Paduka Raja Laksamana, demikian-lah.

Hatta maka tersebut-lah kesah pelayaran Sultan Zainal Rashid Yang Maha Mulia dan sakalian pengiring2-nya. Maka duli baginda Yang Maha Mulia pun sampai-lah di-benua Siam, lalu berhenti di-seberang Sumdit Chao Phya ia-itu di-tempat yang di-suroh oleh Sumdit akan orang2-nya siapkan itu. Ada pun orang yang di-suroh oleh Sumdit menjaga duli baginda Sultan Yang Maha Mulia ia-lah Wan Abdullah. Maka sa-telah sa-puluh hari kemudian duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun masuk mengadap Sumdit Chao Phya. Maka di-terima oleh Sumdit akan duli baginda Yang Maha Mulia dengan chukup peratoran majlis-nya. Maka Sumdit pun berkata2-lah dengan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan susunan perchakapan yang menyukakan hati duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, serta bertanya kepada Tengku Anom Paduka Raja akan hal ahwal perbuatan Chao Phya Nongkon Sri Tamrat raja Ligor itu. Maka di-ma'alumkan oleh Tengku Anom Paduka Raja daripada permulaan sampai ka-akhir-nya. Maka titah Sumdit, "Ada pun Prak Nang Kelau

Chao Yew Huwa itu sangat belas kasehan akan Phya Saiburi atas perkara yang telah terjadi itu, dan Prak Nang Kelau Chao Yew Huwa sangat suka hati kerana Phya Saiburi meletakkan Tengku Bisnu menjaga negeri Setol dan Tuan Syed Hussin menjaga Indera Kayang dan Tengku Anom Paduka Raja memerintah dua puluh empat mukim sa-belah pihak Kubang Pasu." Maka sembah Tengku Anom, "Tengku Bisnu itu sudah mangkat baru empat bulan. Maka yang mengganti-nya ia-lah putera-nya Tengku Muhammad Akib ini." Maka titah Sumdit, "Itu pun sa-clok2 pekerja-an."

Ada pun yang menjadi juru bahasa itu ia-lah Wan Abdullah yang berpangkat Luang.⁽¹⁾ Sa-telah berkata2 sa-ketika hari pun hampir malam. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan sakalian-nya pun bermohon berangkat balek ka-tempat-nya.

Hatta maka pada suatu hari Sumdit masuk mengadap Raja Maha Besar di-dalam istana mema'alumkan hal kedatangan Phya Saiburi dan Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Muhammad Akib putera Tengku Bisnu. Ia mema'alumkan juga hal ahwal yang ia sudah menghalusi perkara2 yang telah berlaku dan mema'alumkan bahawa Setol, Kayang dan Kubang Pasu itu patut-nya menghantar bunga emas berasing2an tidak sa-bagaimana dahulu-nya yang mana sakalian-nya itu memakai satu bunga emas ia-itu negeri Phya Saiburi sahaja yang menghantar. Sumdit memuji2 Tengku Anom Paduka Raja di-hadapan Prak Nang Kelau Yew Huwa Raja Maha Besar dengan mengatakan hati-nya sangat suchi dan sangat setia kapada raja-nya. Maka titah Raja Maha Besar, "Patut di-beri pangkat kapada Tengku Anom Paduka Raja Jambangan berpangkat Phya Kubang Pasu, dan Tuan Syed Hussin digelar Phya Indera Kayang dan Tengku Muhammad

1. Satu gelaran Siam.

Akib di-gelar Phya Setol. Dan lagi Phya Saiburi patut di-tambah gelaran-nya." Maka sembah Sumdit, "Patut sangat saperti titah itu." Sa-ketika kemudian Sumdit pun bermohon balek.

Hatta pada suatu hari Sumdit persilakan duli baginda Sultan Zainal Rashid dan Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Muhammad Akib datang ka-rumah-nya. Mereka itu di-bawa oleh Wan Abdullah Luang Kucha Ishak ka-sana. Sa-telah sampai maka sakalian-nya pun dudok memberi hormat. Maka di-tegor oleh Sumdit dengan manis, lalu Sumdit pun bertitah kapada duli baginda Sultan, "Akan perlantekan orang2 yang memerintah Kubang Pasu, Kayang dan Setol yang Phya Saiburi lakukan itu ada-lah sa-elok2 pekerjaan. Maka sekarang ini patut-lah Kubang Pasu, Kayang dan Setol itu hantarkan bunga emas bunga perak berasing2an. Ini ada-lah suatu kesenangan bagi Phya Saiburi dengan sebab pemerintah2-nya sudah tetap dan tiada payah lagi Saiburi bersusah menghantar bunga emas bunga perak. Jika di-perkenan yang demikian itu, hamba hendak persembah ma'alumkan kapada Raja Maha Besar memohon supaya di-per-tetapkan." Maka sahut duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Jika tampak-nya sudah elok dan patut kapada Chao Phya, itu-lah yang elok dan patut kapada perhamba." Maka kata Sumdit, "Ada pun bunga emas bunga perak Setol, Kayang dan Kubang Pasu mahu perbuatkan itu biar-lah tiga tingkat sahaja, jangan di-perbuat lima tingkat saperti bunga emas negeri Saiburi yang selalu di-hantarkan ka-mari dahulu itu." Sa-telah berkata2 sa-ketika duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan sakalian-nya pun bermohon berangkat balek ka-tempat perhentian masing2.

*Sultan Zainal Rashid
mengadap Raja Maha Besar*

Maka pada keesokan hari-nya Sumdit Chao Phya masok mengadap Raja Maha Besar mema'alumkan perkara yang telah di-tetapkan dengan Phya Saiburi. Maka di-cheritakan-nya dari permulaan sampai ka-akhir-nya. Maka di-ma'alumkan juga hajat-nya hendak membawa Phya Saiburi dan Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Akib masok mengadap. Maka di-perkenan oleh Raja Maha Besar akan hajat-nya itu. Sa-telah dudok sa-ketika Sumdit pun bermohon balek. Apakala sampai di-rumah-nya, maka di-titahkan-nya Wan Abdullah Luang Kucha Ishak memberitahu Phya Saiburi dan sakalian-nya supaya pergi masok mengadap Raja Maha Besar.

Maka pada keesokan hari-nya ia-itu sa-lepas rembang, Sumdit Chao Phya pun membawa masok Sultan Zainal Rashid dan sakalian-nya mengadap Raja Maha Besar di-balai penghadapan. Maka sakalian-nya memberi hormat. Maka di-tegor oleh Raja Maha Besar dengan manis, "Pa⁽¹⁾ sangat suka hati kerana Phya Saiburi dengan chuchi hati datang berjumpa dengan Pa, dan Phya Saiburi jangan-lah bersusah hati atau menaroh di-hati akan perbuatan Chao Phya Nongkon Sri Tamrat anak beranak itu. Maka sekarang ini negeri Saiburi itu sudah terserah balek kapada Phya Saiburi saperti dahulu. Dan lagi jangan Phya Saiburi tinggalkan tanda berkaseh²an, ia-itu menghantar bunga emas bunga perak tiap² tiga tahun sa-kali saperti atoran orang tuha² dahulu saperti yang telah di-adatkan."

Maka sembah Sultan Zainal Rashid, "Barang yang di-titahkan itu sedia limpah kapada perhamba sakalian." Ada pun yang menjadi jurubahasa itu ia-lah Wan Abdullah Luang Kucha Ishak. Sa-telah dudok berkata² sa-ketika Sumdit pun berangkat balek ber-

1. Saya (di-gunakan di-Kedah).

sama2 dengan Sultan Zainal Rashid dan sakalian-nya, demikian-lah.

Hatta, pada empat haribulan Zulhijjah tahun Hijrah sa-ribu dua ratus lima puluh sembilan (1259) Wan Abdullah Luang Kucha Ishak dengan hukum Sumdit Chao Phya pergi mempersilakan Sultan Zainal Rashid dan Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Muhammad Akib masuk menghadap Raja Maha Besar di-balai penghadapan. Maka berangkat-lah Sultan Zainal Rashid dan sakalian-nya masuk menghadap di-balai penghadapan, lalu mereka itu memberi hormat. Pada ketika itu Sumdit ada menghadap Raja Maha Besar. Maka ditegor akan mereka itu oleh Raja Maha Besar dengan manis. Sa-telah duduk sa-ketika maka di-angkat orang-lah persalinan dan nama2. Maka bangkit-lah Bentara membacha surat gelaran Phya Saiburi ia-itu bergelar yang panjang. Maka di-terima oleh Phya Saiburi dengan adat yang tertib akan pangkat dan persalinan bagi-nya itu. Sa-telah itu maka di-bacha oleh Bentara pula pangkat gelaran Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Muhammad Akib ia-itu berpangkat Phya sakalian-nya. Maka di-terima oleh sakalian-nya pangkat dan persalinan dengan adat yang tertib. Maka Raja Maha Besar bertitah akan jalan yang membawa kebajikan kapada Phya Saiburi. Sa-telah duduk sa-ketika duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya pun bermohon berangkat balek.

Sultan bermohon hendak pulang ka-Kedah

Maka selang tiada berapa hari kemudia-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya menghadap Sumdit. Maka di-tegor oleh Sumdit Chao Phya dengan manis. Sa-telah duduk berkata2 sa-ketika maka di-ma'alum oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Jika Chao Phya benarkan, per-

hamba ingat hendak balek dahulu ka-negeri Saiburi." Maka kata Sumdit, "Boleh-lah balek kerana kerja sudah habis. Yang di-nanti2 ini ia-lah hendak ma'alumkan kepada Prak Nang Kelau Chao Phya Yew Huwa." Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka Sumdit Chao Phya bertitah, "Ada pun bunga emas bunga perak yang akan di-hantar pada masa2 hadapan itu jangan di-beri bersangkut dengan negeri Ligor, mahu-lah di-hantar terus ka-benua Siam." Maka Duli Baginda Sultan dengan sakalian-nya bermohon masok mengadap Raja Maha Besar di-iringi oleh Luang Kucha Ishak di-balai Penghadapan. Pada ketika itu Sumdit Chao Phya dan lain2 menteri ada mengadap Raja Maha Besar. Maka duli baginda Sultan dengan sakalian-nya pun dudok memberi hormat. Maka ditegor mereka itu oleh Raja Maha Besar. Maka dima'alumkan oleh Sumdit Chao Phya, "Ada pun Phya Saiburi dan sakalian-nya ini hendak bermohon balek ka-negeri Kedah." Maka titah Raja Maha Besar, "Boleh-lah Phya Saiburi balek bermuafakat dengan segala adek-beradek dan kaum keluarga membuat kerja." Sa-telah dudok sa-ketika maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya berangkat balek.

Ada pun orang2 yang mendapat persalinan daripada Raja Maha Besar itu pertama2-nya mendapat koja ayer⁽¹⁾ dan kedua cherek dan ketiga ketor dan keempat sumpit. Maka sakalian-nya itu di-buat daripada emas. Barang2 lain yang di-dapati mereka itu ia-lah sa-bilah dak⁽²⁾ bersarong emas dan pakaian. Maka persalinan yang di-beri kepada Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Muhammad Akib ada-lah di-perbuat daripada chutam,⁽³⁾ demikian-lah di-adatkan.

1. Sa-jenis bekas ayer.

2. Sa-jenis pedang Siam atau Jawa yang berulu panjang.

3. Sa-jenis leboran, sa-akan2 tembaga merah berehampor hitam.

Maka pada keesokan hari-nya bermuafakat-lah Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia dan sakalian-nya berangkat pergi berjumpa dengan Sumdit Chao Phya. Maka di-ma'alumkan oleh Luang Kucha Ishak kepada Sumdit yang Phya Saiburi datang hendak mengadap-nya. Maka di-suroh oleh Sumdit persilakan Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia dan sakalian-nya masuk. Maka Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya pun masuk memberi hormat lalu dudok berkata2.

Maka duli baginda Sultan dengan sakalian-nya ma'alumkan pada Sumdit, "Perhamba memohon hendak berangkat balek ka-negeri Saiburi." Maka kata Sumdit, "Baik-lah. Boleh balek dengan kapal kerajaan yang hendak pergi ka-Singgora lagi dua hari." Kemudian-nya Sumdit Chao Phya berpesan, "Ada apa2 lagi yang Phya Saiburi hendak ma'alumkan kepada Raja Maha Besar, boleh-lah beritahu perhamba supaya boleh perhamba menolong dengan sahabis2 pertolongan." Maka di-sahut oleh Duli Baginda Sultan dengan beberapa perkataan yang menyukakan hati Sumdit manakala mendengar-nya. Sa-telah itu ia bermohon berangkat balek.

Hatta apakala telah sampai hari-nya maka belayar-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya menuju ka-Singgora. Tiada berapa lama kemudian maka sampai-lah mereka di-pelabohan Singgora. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya dudok di-tempat yang raja Singgora siapkan itu. Maka Dato' Seri Andika Raja pun memberi surat kepada Dato' Seri Paduka Maha Menteri di-Kedah meminta hantar-kan gajah ka-Singgora.

BAB XIV

PERHUBONGAN KEDAH — SIAM MENJADI LEBEH ERAT

Sultan Zainal Rashid sampai balek di-Kedah

Hatta tiada berapa hari kemudian Tengku Ibrahim dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa dan Wan Muhammad Taib (anak Wan Musa, Dato' Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa yang shahid⁽¹⁾) didalam masa peperangan Tengku Kudin di-Kota Kuala pun pergi ka-Singgora menyambut duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan tiga puluh ekor gajah yang di-bawa oleh Dato' Tan Jaya Indera.

Hatta maka sampai-lah Tengku Ibrahim dan Dato' Seri Maharaja Putra Dewa dan Wan Muhammad Taib di-Singgora. Maka sakalian-nya pergi mengadap duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka dudok-lah sakalian-nya bersuka2an di-Singgora.

Hatta, maka pada keesokan hari-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan sakalian yang mengiringi-nya pun berangkat balek ka-Kedah. Tiada berapa hari kemudian maka angkatan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun sampai-lah di-Kedah, dan di-sambut oleh segala menteri penggawa sakalian di-balai besar. Maka bersemayam-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-atas balai besar, ber-

1. Kembali ka-rahmatullahi Ta'ala dengan kerana ugama atau negeri.

kata2 dengan segala menteri2 penggawa-nya dengan perkataan2 yang manis. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat masok ka-dalam istana, demikian-lah adanya.

Maka pada keesokan hari-nya Tengku Anom Paduka Raja dan Tuan Syed Hussin dan Tengku Muhammad Akib masok mengadap duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka sakalian-nya bermohon berangkat balek. Ada pun Tengku Anom Paduka Raja itu kemudian-nya berangkat ka-Pulau Pisang, dan Tuan Syed Hussin berangkat balek ka-Kayang dan Tengku Muhammad Akib berangkat balek ka-Setol, demikian-lah hal-nya. Maka dudok-lah Sultan Zainal Rashid Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia memerintah negeri Kedah Daru'l-aman dengan adil murah-nya, dan sentiasa mengambil insaf di-atas segala ra'ayat isi negeri. Maka pada ketika itu tiada berputusan-lah orang2 masok mendiami di-dalam negeri Kedah, dan ramai-lah saudagar2 yang masok berniaga.

Maka pada dua belas haribulan Zulke'dah tahun Hijrah sa-ribu dua ratus enam puloh tiga (1263) duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan paduka ayahanda Tengku Anom Paduka Raja dan segala menteri2 mengangkat Tengku Muhammad Sa'id putera Tengku Abdul Rahman menantu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menjadi Raja Muda. Maka tetap-lah Tengku Muhammad Sa'id berpangkat Raja Muda.

Hatta, maka pada dua haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus enam puloh empat (1264) duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-Pulau Pisang menziarah Tengku Muhammad Seri Paduka Raja putera Tengku Anom Paduka Raja mangkat. Maka pada hari itu juga di-makamkan jenazah itu di-langgar Pulau Pisang dengan chukup adat raja2. Ada pun Tengku

Muhammad Seri Paduka Raja itu ada meninggalkan dua orang putera. Putera-nya yang tuha laki2 bernama Tengku Ishak menjadi menantu Tengku Seraja Wang, dan yang muda-nya bernama Tengku Zaliha. Maka pada keesokan hari-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan orang besar2-nya pun berangkat balek ka-istana Kota Star.

Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu sentiasa bermuafakat dengan menteri2-nya memberi nasihat kepada ra'ayat2 supaya mengambil dan membuka tanah untok di-buat bendang dan kampung halaman. Maka akan Pulau Langkawi itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia serahkan kepada Wan Ismail bin Dato' Paduka Raja Laksamana memerintah-nya. Maka pada sa-haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu dua ratus enam puluh lima (1265) Tengku Seri Paduka Maha Menteri ia-itu menantu Tengku Anom Paduka Raja, suami Tengku Merah mangkat di-Pulau Pisang. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan isteri-nya Wan Masheran berangkat pergi ka-Pulau Pisang menziarah Tengku Seri Paduka Maha Menteri yang mangkat itu. Maka ramai-lah orang besar2 dan orang dari Kayang pergi menziarah jenazah Tengku Seri Paduka Maha Menteri di-Pulau Pisang itu. Maka pada hari itu juga di-makamkan jenazah itu di-langgar Kota Pisang mengikut saperti adat raja2.

Ada pun Tengku Seri Paduka Maha Menteri itu ada meninggalkan dua orang putera. Putera-nya yang tuha laki2 bernama Tengku Muhammad Saman menjadi menantu Tuan Syed Hussin, Raja Kayang, dan yang muda perempuan bernama Tengku Jahara menjadi isteri Tengku Ahmad putera Tengku Muhammad Akib, Raja Setol. Sa-telah tiga hari lama-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia tinggal di-Pulau Pisang ia pun berangkat balek ka-Kota Setar.

Shahadan, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia

dan isteri-nya Wan Masheran itu kerap-lah berangkat pergi membuka kebun dan membuat taman di-Bukit Pala.⁽¹⁾ Sa-telah tinggal di-sana kira2 sa-bulan dua mereka pun berangkat balek ka-Kota Star.


Tengku Anom Paduka Raja Mangkat

Ada pun Tengku Anom Paduka Raja itu duduk di-dalam perchintaan akan paduka anakanda baginda itu. Dalam pada itu ia melateh Tengku Ishak dan Tengku Muhammad Saman chuchu-nya membuat pekerjaan negeri. Dalam hal yang demikian Tengku Anom Paduka Raja pun jatuh gering. Makin sa-hari gering-nya itu menjadi sa-makin berat. Maka berhimpun-lah sakalian anak chuchu-nya bermuafakat menjaga-nya. Maka hal kegeringan Tengku Anom Paduka Raja itu di-ma'alumkan kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-Kota Setar. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat pergi ka-Pulau Pisang melihat paduka ayahanda Tengku Anom. Maka di-lihat-nya paduka ayahanda itu sangat gering. Maka berpesan-lah Tengku Anom Paduka Raja kepada duli baginda Yang Maha Mulia, "Jika habis umor ayahanda, ayahanda minta anakanda angkatkan chuchu ayahanda Tengku Ishak menjadi Raja⁽²⁾ dan Tengku Muhammad Saman menjadi Raja Muda. Dan lagi dengan ansar⁽³⁾ anakanda-lah sakalian-nya memberitahu ka-benua Siam." Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala yang melakukan kudrat-Nya maka pada dua puluh haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu dua ratus enam puluh sembilan (1269) bersamaan 31 Mei tahun Masehi 1853 ia-itu pada hari Selasa Tengku Anom Paduka Raja pun

1. Sa-buah bukit bertdekatan dengan Bukit Pinang, daerah Kota Setar.

2. Raja memerintah 24 mukim, daerah Kubang Pasu.

3. Sokongan, pertolongan; usaha.



Makam Tengku Anom Paduka Jambangan — terletak di-Pulau Pisang dalam daerah Kubang Pasu.

mangkat. Maka di-perintah oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia memakamkan Al-marhum itu dengan chukup adat raja yang besar2 di-langgar Kota Pulau Pisang.

Maka pada keesokan hari-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan segala orang besar2-nya bermuafakat mengangkat Tengku Ishak menjadi Raja dan Tengku Muhammad Saman menjadi Raja Muda. Selang tiga hari sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat balek ka-Kota Setar, demikianlah ada-nya. Maka tetap-lah Tengku Ishak dan Tengku Muhammad Saman memerintah dan menjalankan pekerjaan di-Kubang Pasu.

Hatta, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermuafakat dengan menteri2 dan orang besar2 Kubang Pasu membuat surat untok di-hantarkan ka-benua Siam mema'alumkan hal kemangkatan paduka ayahanda Tengku Anom Paduka Raja dan hal muafakat segala menteri negeri Saiburi dan segala isi negeri Kubang Pasu menetapkan Tengku Ishak chuchu Tengku Anom Paduka Raja menjadi Raja

Kubang Pasu, dan chuchu-nya yang muda ia-itu Tengku Muhammad Saman menjadi Raja Muda kerana Tengku Anom Paduka Raja itu tiada meninggalkan putera laki2, melainkan chuchu2-nya sahaja. Apakala surat itu telah siap maka surat itu pun di-hantarkan ka-benua Siam. Maka dudok-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dalam perchintaan terkenangkan paduka ayahanda Tengku Anom Paduka Raja.

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah

Hatta, dalam hal yang demikian Sultan Zainal Rashid Yang Maha Mulia pun jatuh gering. Makin sa-hari gering duli baginda itu menjadi sa-makin berat. Maka berhimpun-lah segala putera2-nya di-dalam istana dan segala menteri2 dan orang besar2 berjaga di-balai besar serta berikhtiar mengubat duli baginda itu, demikian-lah hal-nya tiap2 hari. Maka pada tiga belas haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh (1270) hari Isnin bersamaan 13 Mach tahun Masehi 1854 Sultan Zainal Rashid Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia ibni Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah pun mangkat di-dalam istana Kota Setar. Maka bermuafakat-lah segala menteri2 penggawa dan anak Raja2 dan Wan Ibrahim bin Dato' Seri Paduka Maharaja Sura dan Dato' Seri Indera Membang Senggara Shanbandar ia-itu Wan Aib⁽¹⁾ bin Wan Sidek melayankan jenazah Raja Di-raja Al-marhum itu serta bermuafakat hendak menabalkan Tengku Ahmad Tajuddin putera Al-marhum Sultan menurut adat penabalan raja yang besar2 di-atas takhta kerajaan saperti yang telah di-adatkan. Maka bersiap-lah sakalian-nya. Pada ketika itu bangkit-lah Tengku Muhammad Sai'id, Raja Muda, hendak dudok di-atas takhta kerajaan menjadi Sultan memerintah negeri Kedah. Maka ramai juga anak raja2 dan

1. Wan Taib.

menteri2 yang berserta dengan-nya. Maka orang2 yang ada di-balai itu pun terhengang-lah sa-ketika. Maka dalam hal yang demikian bangkit-lah Wan Ismail⁽¹⁾ dan Wan Ibrahim dan Wan Aib⁽²⁾ dengan keras-nya menzahirkan maharaja lela-nya mengangkat Tengku Ahmad Tajuddin, putera Al-marhum Sultan Zainal Rashid Yang Maha Mulia menjadi Sultan bersemayam di-atas takhta kerajaan negeri Kedah Daru'l-aman. Maka pada ketika itu nobat nafiri pun di-pukul dan di-tembak meriam dua puluh satu das, serta menjunjong duli-lah sakalian-nya itu menurut adat. Maka akan jenazah Al-marhum Sultan Zainal Rashid itu pun di-angkat orang-lah dan dengan nobat nafiri di-bawa ka-langgar dengan chukup peratoran saperti adat Al-marhum yang terdahulu, dan di-makamkan di-dalam Kota Langgar. Maka duli Al-marhum itu di-sebut orang Al-marhum Muda Kota Setar yang ketiga. Maka tetap-lah Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah dengan segala menteri2 penggawa-nya.

Hatta, sa-telah itu maka bermuafakat-lah Wan Ibrahim dan Wan Ismail dengan segala menteri2 membuat surat untuk di-hantarkan masok ka-benua Siam mencheritakan darihal kemangkatan Sultan Zainal Rashid Phya Saiburi. Dan darihal yang telah di-muafakat oleh mereka itu dengan segala isi negeri mengangkat Tengku Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan. Apakala siap surat itu maka Wan Masheran dan segala menteri2 pun menurunkan chap ka-atas surat itu dan di-simpulkan dengan kain tiongga⁽³⁾ lalu di-serahkan kapada Tengku Aman dan Tengku Musa, Pulau Lang-

1. Sa-jenis kain tenun yang amat indah; dewangga.
2. Bapa Wan Muhammad Saman Menteri, adek-nya Wan Muhammad Saman (Wan Hajar) kahwin dengan Sultan Ahmad Tajuddin III.
3. Wan Aib (Wan Muhammad 'Taib)' Dato' Temenggong Anggota Desa.

kawi, supaya di-bawa masok ka-benua Siam.

Hatta tiada beberapa lama kemudian Tengku Aman dan Tengku Musa pun sampai-lah di-benua Siam, lalu mereka itu pun masok mengadap Sumdit Phya. Maka di-ma'alumkan oleh Tengku Aman berdua akan hal ahwal menetapkan Tengku Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia menjadi Sultan. Maka surat itu pun di-terima oleh Sumdit.

Ada pun yang menjadi Raja Maha Besar pada masa itu ia-lah Prak Chom Kelau Yew Huwa Raja yang keempat. Maka Sumdit pun membawa masok surat itu dan di-persembahkan-nya kapada Raja Maha Besar serta di-ma'alumkan-nya bahawa Tengku Ahmad Tajuddin sudah tetap menjadi Sultan didalam negeri Phya Saiburi. Maka titah Prak Chom Kelau Yew Huwa Raja Maha Besar, "Boleh berikan surat senjabat dan persalinan saperti yang telah di-adatkan." Maka sa-telah sa-bulan kemudian-nya Sumdit pun serahkan-lah surat senjabat dan persalinan serta surat Sumdit kapada Tengku Aman berdua. Maka tiada berapa hari sa-telah itu Tengku Aman berdua bermohon kapada Sumdit lalu belayar balek ka-Kedah.

Hatta tiada berapa lama kemudian Tengku Aman dan Tengku Musa pun sampai-lah di-Kedah. Maka Tengku Aman bersama2 Wan Ibrahim dan Wan Ismail pun masok mengadap tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia mema'alumkan yang mereka itu ada membawa surat daripada Raja Maha Besar Siam. Maka pada keesokan hari-nya surat itu pun di-sambut dan di-arak dengan nobat nafiri, lalu di-bawa naik ka-atas balai besar dan di-sambut oleh Wan Ahmad Dato' Bentara Wang Seri. Maka Dato' Bentara Wang Seri bertelut membacha surat senjabat itu di-hadapan anak raja2 dan menteri2 penggawa sakalian. Dalam surat itu ada di-sebutkan gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia ia-itu menjadi Phya Saiburi, dan di-sebut juga

mengenai persalinan yang di-anugerahkan kapada-nya. Apakala surat itu selesai di-bacha maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat masok ka-dalam istana-nya, dan segala menteri2 dan orang besar2-nya pun balek, demikian-lah ada-nya. Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu sentiasa-lah bermuafakat dengan Wan Ibrahim dan Wan Ismail dan segala menteri2 dan ulama2⁽¹⁾ menjalankan tiap2 suatu pekerjaan negeri.

Hatta, maka Wan Masheran bonda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia pun membuat ketetapan hendak mengahwinkan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan Wan Hajar timang2an Wan Teh, ia-itu anak Wan Ismail. Maka di-persiapkan-lah alatan2 perkahwinan itu saperti di-adatkan. Apakala telah siap semua-nya maka di-kah-winkankan-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan Wan Hajar. Sa-telah chukup hari-nya Wan Hajar pun di-bawa masok ka-dalam istana dan di-sambut saperti yang telah di-adatkan, demikian-lah.

Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu sangat mengambil hemah dan usaha atas tiap2 suatu pekerjaan dan baginda menetapkan jawatan segala pegawai2 yang menjalankan pekerjaan negeri. Dalam hal yang demikian di-perbuat jalan2 dan lorong2 di-dalam pekan Kota Setar dan mengatorkan segala saudagar2 membuat rumah2 kedai. Maka pada empat haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh dua (1272) bersamaan 16 Oktober tahun Masehi 1855 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan menteri2 membuat jalan besar daripada Kota Setar pergi ka-Langgar. Sa-telah itu di-perbuat suatu jalan simpang melalui Hutan Kampong, Lepai, langsung ka-Sungai Besar mukim Bukit Pinang yang di-sebut orang Kepala Batas.

1. Bijak-pandai2 dalam hal ugama.

Sultan Ahmad Tajuddin ka-negeri Siam

Hatta, pada suatu hari sampai-lah surat Sumdit Chao Phya mempersilakan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia masok ka-benua Siam kerana mereka itu hendak membakar Raja Maha Besar Siam yang bernama Prak Nang Kelau Chao Yew Huwa ia-itu raja yang ketiga yang telah mati itu. Maka bersiap-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia hendak masok ka-benua Siam. Maka pada lima belas haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh dua (1272) bersamaan 25 Disember tahun Masehi 1855 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat ka-benua Siam dengan gajah menuju ka-Singgora. Ada pun orang2 yang mengiring duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ia-lah Wan Ibrahim anak Dato' Bendahara Seri Paduka Maharaja Sura dan Wan Leh dan Tuan Syed Abdullah Maghribi Al-Jafri dan Tuan Haji Mat Ja'afar Iman, dan Kerani Abdullah Rahsia Raja, dan Penghulu Mat Saman ia-itu abang Haji Muhammad Hussin, Bukit Pinang dan orang suroh2an sa-ramai tujuh orang.

Ada pun orang2 yang di-tinggal menjaga pekerjaan negeri itu ia-lah Wan Ismail anak Dato' Seri Paduka Raja Laksamana di-kapit oleh Dato' Seri Indera Mambang Senggara Shahbandar dan Wan Muhammad Akib menantu Dato' Bendahara Seri Paduka Maharaja Sura.

Sa-bermula maka tersebut-lah kesah pelayaran Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring2-nya. Tiada berapa lama kemudian mereka itu pun sampai-lah di-benua Siam, berhenti di-kampong Sumdit Chao Phya di-tempat yang ia siapkan itu. Ada pun orang yang Sumdit Chao Phya benarkan menjaga duli baginda Yang Maha Mulia itu ia-lah Wang Abdullah Luang Kucha Ishak dan yang menunggu tiada ka-mana2 itu ia-lah Wan Muhammad Salleh adek Luang Kucha Ishak. Maka

dudok-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-sana sa-lama tiga hari. Sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia masok mengadap Sumdit Chao Phya bersama2 dengan Wan Abdullah dan Wan Ibrahim dan Tuan Syed Abdullah Al-Jafri. Maka di-tegor mereka itu oleh Sumdit Chao Phya dengan manis. Maka dudok-lah mereka itu berkata2 mengenai hal ahwal negeri dan perkara mengenai hendak membuat khenduri kerana membakar Prak Nang Chao Yew Huwa. Sa-telah dudok berkata2 sa- ketika duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermohon balek.

Maka apakala sampai hari-nya dengan atoran Sumdit Chao Phya duli baginda dan Sultan Yang Maha Mulia dan segala orang besar2-nya pun masok mengadap Prak Chao Kelau Chao Yew Huwa Raja Maha Besar di-balai penghadapan. Maka tiap2 pertanyaan Raja Maha Besar itu di-jawab oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sempurna. Luang Kucha Ishak menjadi juru-bahasa. Maka sa-telah dudok berkata2 sa- ketika Raja Maha Besar pun berangkat masok ka-dalam istana-nya, dan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan pengiring2-nya pun berangkat balek ka-tempat masing2.

Sultan Ahmad Tajuddin berkahwin di-Siam

Hatta tiada berapa hari kemudian sampai-lah masa-nya di-bakar Prak Kelau Chao Yew Huwa dengan chukup adat raja2 Siam. Maka akan atoran membakar-nya dan ramai orang2 yang hadir dan perbuatan⁽¹⁾ itu tiada-lah di-sebutkan di-dalam Tawarikh ini.

Maka pada suatu hari Sumdit Chao Phya menyuroh Luang Kucha Ishak persilakan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia ka-balai-nya. Maka duli baginda

1. Majlis perayaan.

Yang Maha Mulia dan sakalian pengiring2-nya pun pergi-lah, lalu dudok memberi hormat. Maka di-tegor akan mereka itu oleh Sumdit dengan manis-nya. Sa-telah dudok sa-ketika maka berkata Sumdit kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Dengan perhamba ini ada sa-orang anak raja negeri Petani yang perhamba ambil dari kechil dan perhamba buat kan saperti anak sendiri. Sekarang ini ia sudah berumor tujuh belas tahun. Perhamba tampak patut di-letak taroh kapada Phya Saiburi. Ta' dapat tiada Phya Saiburi mahu-lah menerima-nya mengikut hukum Islam." Maka sahut duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, "Jika Chao Phya sudah tampak patut perhamba terima-lah dengan ikhlas dan chuchi hati." Sa-telah itu Sumdit bertanya kapada Tuan Syed Abdullah Al-Jafri, "Macham mana-kah hukum orang Islam?" Maka di-ma'alum oleh Tuan Syed Abdullah Al-Jafri akan hal ahwal nikah chara Islam. Maka Sumdit Chao Phya pun sangat suka hati mendengar hal yang demikian itu, lalu bertitah kapada Luang Kucha Ishak, "Boleh-lah siapkan alat2 perkahwinan dengan segera."

Maka di-siapkan oleh Luang Kucha Ishak dan kaum2-nya akan alatan2 perkahwinan itu di-rumah yang Chao Phya suroh hiaskan itu. Apakala telah siap semua-nya maka Sumdit Chao Phya pun pergi ka-rumah itu dan di-lihat-nya sudah di-siapkan oleh Luang Kucha Ishak dengan saperti-nya. Maka di-suroh-nya persilakan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka duli baginda pun berangkat-lah ka-rumah itu, di-iring oleh Wan Ibrahim dan Tuan Syed Abdullah Al-Jafri dan Tuan Haji Mat Ja'afar Imam dan lain2-nya. Apkala sampai di-sana maka mereka itu pun naik, lalu dudok memberi hormat. Maka di-tegor mereka itu oleh Sumdit Chao Phya dengan manis-nya.

Ada pun orang2 yang ada di-majlis itu kebanyakannya orang2 Islam yang berpangkat. Maka kata Sumdit kepada Wan Ibrahim, "Sekarang ini sudah siap sakalian-nya." Maka Wan Ibrahim pun memberi hukum kepada Tuan Haji Mat Ja'afar Imam. Maka Tuan Haji Mat Ja'afar Imam pun masok mengambil radhi⁽¹⁾ dengan chukup isharat-nya, lalu bertelut dihadapan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia membacha dan meng'akad-nikahkan duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia dengan Wan Jah binti Luang Nik 'Abidin dengan berwalikan saudara-nya Nik Ibrahim, demikian-lah ada-nya.

Maka pada suatu hari Wan Jah dan isteri Luang Kucha Ishak masok mengadap Sumdit Chao Phya laki isteri. Maka di-tegor oleh Sumdit laki isteri dengan manis suara-nya. Sa-telah dudok sa-ketika Wan Jah pun menyembah ma'alum memohon supaya Nik Sara ia-itu pupu-nya itu di-berikan kepada Wan Ibrahim untuk di-jadikan isteri-nya. Maka sembah-nya, "Jadi tiada-lah patek akan bersaorangan diri keluar pergi dudok di-negeri Phya Saiburi itu." Maka Sumdit laki isteri pun sangat suka hati mendengar sembah Wan Jah itu. Maka bertitah Sumdit laki isteri, "Baik-lah, jangan-lah bersusah hati. Boleh-lah beritahu kepada Phya Saiburi yang ia hendak berikan isteri kepada Wan Ibrahim itu." Selang dua hari sa-lepas itu maka Tuan Haji Mat Ja'afar Imam pun mengakad-nikahkan Wan Ibrahim dengan Nik Sara dengan berwalikan bapa saudara-nya, demikian-lah ada-nya. Ada pun semenjak duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu dudok di-benua Siam sudah lima kali ia masok mengadap Prak Chom Kelau Chao Yew Huwa Raja Maha Besar.

1. Persetujuan; keredhaan.

Sultan Ahmad Tajuddin pulang ka-Kedah

Hatta, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun masok mengadap Sumdit Chao Phya mema'alumkan ia hendak berangkat balek ka-Kedah. Maka kata Sumdit, "Baik-lah balek lagi dua hari supaya dapat Phya Saiburi di-bawa masok mengadap permohonan kapada Prak Chom Kelau Chao Yew Huwa." Maka ada lagi perkataan Sumdit Phya yang elok2 kapada duli baginda Yang Maha Mulia yang baginda sangat suka mendengar-nya. Maka di-ma'alum oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia akan jalan yang mendatangkan kebajikan kapada kerajaan negeri Kedah. Sa-telah berkata2 sa-ketika duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermohon berangkat balek.

Maka sa-telah chukup hari-nya Sumdit Chao Phya menitahkan Luang Kucha Ishak membawa duli baginda Sultan dan sakalian yang mengiring-nya masok mengadap Raja Maha Besar di-balai penghadapan. Pada ketika itu Sumdit Chao Phya ada mengadap Raja Maha Besar, lalu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun dudok memberi hormat. Maka di-tegor oleh Raja Maha Besar. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka di-ma'alumkan oleh Sumdit Chao Phya yang Phya Saiburi bermohon hendak berangkat balek ka-negeri Kedah, dan ada lagi perkataan2 yang di-tutor-nya yang memberi kebajikan kapada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Lalu Prak Chom Kelau Yew Huwa bertitah, "Boleh-lah Phya Saiburi balek kerana sudah lama Phya Saiburi meninggalkan negeri Saiburi." Sa-telah dudok tiada berapa ketika Raja Maha Besar pun berangkat masok ka-dalam istana-nya. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun memberi hormat pada anak raja2 dan menteri2 di-balai penghadapan, lalu berangkat balek.

Hatta tiada berapa hari kemudia-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan sakalian pe-

ngiring2-nya masok mengadap Sumdit Chao Phya, lalu di-tegor oleh Sumdit dengan manis-nya. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun ma'alumkan kapada Sumdit bermohon hendak belayar balek ka-Kedah. Maka kata Sumdit Chao Phya, "Baik-lah, boleh-lah Phya Saiburi balek dengan selamat-nya dan muafakat-lah dengan segala kaum keluarga membuat pekerjaan negeri. Dan lagi kapal yang hendak pergi ke-negeri Singgora itu sudah perhamba suroh siapkan." Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermohon berangkat balek ka-tempat-nya.

Maka pada keesokan hari-nya Wan Jah isteri duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan Nik Sara dan isteri Luang Kucha Ishak masok mengadap Sumdit laki isteri. Maka di-tegor oleh Sumdit laki isteri dengan kesukaan. Maka di-ma'alumkan oleh Wan Jah dan Nik Sara, "Patek bermohon hendak belayar ka-negeri Saiburi pada esok hari." Maka pada ketika itu berhamboran-lah ayer mata isteri Sumdit. Maka ia memberi beberapa nasihat yang baik2 kapada Wan Jah dan Nik Sara, Maka Wan Jah dan Nik Sara pun bermohon-lah kapada Sumdit Chao Phya laki isteri dengan tertib lendit, langsung balek ka-rumah-nya.

Maka pada keesokan hari-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan sakalian yang ngiring-nya pun berangkat turun ka-kapal lalu belayar menuju ka-Singgora. Maka Wan Jah membawa saudara-nya Nik Ibrahim bersama2.

BAB XV

KEDAH MENGALAMI PERUBAHAN2 BARU

Sultan Ahmad Tajuddin sampai di-Kedah

Hatta tiada berapa lama di-dalam pelayaran itu maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan pengiring2-nya pun sampai-lah di-Singgora. Ada pun orang2 yang pergi menyambut duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-Singgora ia-lah Wan Muhammad Akib dan Tengku Muhammad Saman, Raja Muda Kubang Pasu dan Wan Kemara dan Dato' Tan Jaya Indera dengan membawa segala gajah2 kenaikan. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring2-nya pun naik gajah lalu berjalan menuju ka-negeri Kedah. Maka pada dua puluh haribulan Zulhijjah tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh dua (1272) bersamaan 23 Julai tahun Masehi 1856, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya pun sampai-lah di-Kedah dengan selamat, di-sambut oleh segala orang besar2 saperti adat menyambut raja yang besar2. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun naik ka-balai besar dudok berkata2 dengan Wan Ismail dan Wan Aib dan menteri2-nya.

Ada pun akan Wan Masheran itu di-beri-nya isteri2 orang besar2 menyambut Wan Jah dan Nik Sara masok ka-dalam kota. Akan Wan Jah itu di-dudokkan di-istana sa-belah selatan yang telah disediakan, dan Wan Hajar itu di-dudokkan di-istana

sa-belah utara, demikian-lah.

Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu sangat-lah usaha menchari jalan di-atas pekerjaan negeri dan mengambil hati segala menteri2-nya. Pada ketika itu ramai-lah saudagar2 China dan India masok berniaga dan berjual beli di-dalam negeri Kedah. Makin sa-hari menjadi sa-makin ramai-lah orang2 di-dalam bandar Kota Setar itu. Akhir-nya terbuka-lah sa-buah bandar di-Kuala Muda. Dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh tiga (1273) terbuka-lah pula sa-buah bandar di-mukim Baling. Dalam tahun itu juga duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi membuka kebun di-Anak Bukit. Maka berulang alek-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia ka-Anak Bukit.

Pembangunan di-dalam negeri Kedah

Hatta, maka pada empat belas haribulan Muhar-ram sa-ribu dua ratus tujuh puluh empat (1274) malam Juma'at bersamaan 4 September tahun Masehi 1857 waktu jam pukul tiga hendak siang duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurnia Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang putera laki2 yang sulong dengan isteri-nya Wan Jah yang berpangkat Paduka Bonda. Putera-nya itu di-namakan Tengku Zainal Rashid timang2an Tengku Putera. Di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh lima (1275) duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan menteri2-nya perbuat suatu jalan besar daripada Kota Setar sampai ka-Anak Bukit. Maka pada sa-puluh haribulan Zulke'dah Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh lima (1275) bersamaan 11 Jun tahun Masehi 1859 pagi Sabtu waktu jam pukul lima duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurnia Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang puteri

dengan isteri-nya Wan Jah yang berpangkat Paduka Bonda. Puteri-nya itu di-namakan Tengku Fatimah, di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya. Maka pada dua puluh tiga haribulan Zulhijjah tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh lima (1275) bersamaan 24 Julai tahun Masehi 1859 hari Ahad waktu jam pukul tujuh pagi duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang puteri dengan isteri-nya Wan Hajar yang berpangkat Paduka Bonda. Puteri-nya itu di-namakan Tengku Aminah. Di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya.

Maka pada sa-puluh haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh enam (1276) bersamaan 8 September tahun Masehi 1859 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan Wan Ibrahim dan Wan Ismail dan segala menteri2 mengangkat paduka adinda Tengku Dhi'uddin menjadi Raja Muda, demikian-lah di-tetapkan. Maka pada empat haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh enam (1276) bersamaan 26 Februari tahun Masehi 1860 duli baginda Yang Maha Mulia mendirikan sa-buah balai papan di-tepi Sungai Kechil di-dalam kebun Anak Bukit. Balai itu di-perbuat mempunyai empat anjong⁽¹⁾ dan chukup dengan jambangan2 dan tanam2an dan pokok buah2an. Ada pun kebun Anak Bukit itu lama kelamaan menjadi sa-makin chantek perbuatan-nya.

Dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh tujuh (1277) Tengku Dhia'uddin, Raja Muda, perbuatkan sa-buah rumah batu di-Bakar Bata chukup dengan perhiasan, dan di-sakeliling-nya di-dirikan kota batu. Dengan kebenaran duli baginda Sultan Yang Maha Mulia rumah itu di-gunakan untok tempat perhentian bagi raja2 dan orang besar2 yang datang dari luar negeri.

1. Bilek yang menganjor di-muka rumah.

Maka pada dua haribulan Zulke'dah tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh tujuh (1277) bersamaan 12 Mei tahun Masehi 1861 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia membuka sa-buah sekolah Jawi di-Padang Lepai, Kota Setar, untok mengajar anak raja² dan anak baik². Maka di-ambil sa-orang munshi⁽¹⁾ dari Singapura menjadi guru. Namanya ia-lah Ali Mu'min Munshi. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh delapan (1278) duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mula perbuat limbong⁽²⁾ ia-itu tempat hendak menimbau⁽³⁾ kapal di-sabelah matahari naik Kuala Sungai Raja.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh delapan (1278) pada empat haribulan Zulhijjah hari Isnin bersamaan 2 Jun tahun Masehi 1862 waktu jam pukul tujuh pagi duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang puteri dengan isteri-nya Wan Jah yang berpangkat Paduka Bonda. Puteri-nya itu di-namakan Tengku Jahara.

Dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh sembilan (1279) duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mulai manaroh sa-orang guru mengajar orang Melayu Kedah sa-ramai sa-ratus orang menjadi sepahi.⁽⁴⁾ Ada pun nama guru yang mengajar itu ia-lah Haji Abdul Rahman ia-itu orang Belanda yang masuk Islam.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus tujuh puluh sembilan (1279) pada enam haribulan Jamadil-awwal malam Khamis bersamaan 30 Oktober tahun Masehi 1862 waktu jam pukul delapan duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah

-
1. Guru.
 2. Tempat di-mana kapal² di-tarek ka-darat untok di-perbaiki (sampai sekarang tempat ini di-panggil Limbong Kapal).
 3. Menambah papan timbau bagi perahu.
 4. Sepoi; soldadu.

Yang Mah Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-ta'ala sa-orang puteri dengan isteri-nya Wan Hajar yang berpangkat Paduka Bonda. Puteri-nya itu di-namakan Tengku Rakiah. Di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh (1280) pada dua puluh empat hari-bulan Rabi'ul-awwal hari Selasa bersamaan 8 September tahun Masehi 1863 waktu jam pukul empat petang duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-ta'ala sa-orang putera laki2 dengan isteri-nya Wan Jah yang berpangkat Paduka Bonda. Putera itu di-namakan Tengku Kassim. Di-panjangkan Allah umur-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh (1280) pada delapan haribulan Jama-di'l-akhir bersamaan 20 November tahun Masehi 1863 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia membeli sa-buah kapal layar bertiang dua daripada sa-orang Inggeris. Akan kapal itu di-pinda oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia saperti kehendak hati-nya. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengambil Tuan Syed Muhammad, saudara Tuan Pin, menjadi Kaptan.⁽¹⁾ Maka Tuan Syed Muhammad memilih orang2 Kedah yang biasa belayar membuat kerja di-dalam kapal itu.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh (1280) pada dua puluh delapan hari-bulan Zulhijjah hari Sabtu bersamaan 4 Jun tahun Masehi 1864 waktu jam pukul tiga suku ia-itu pada waktu 'asar duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang putera laki2 dengan isteri-nya Wan Hajar yang berpangkat Paduka Bonda. Putera-nya itu di-namakan Tengku Abdul Hamid, di-do'a di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya.

1. Nakhoda (daripada perkataan Inggeris Captain).

Kubang Pasu di-serah balek kapada Sultan Kedah

Al-kesah maka tersebut-lah Tengku Ishak, Raja Kubang Pasu, ia-itu chuchu Tengku Anom Paduka Raja. Maka Tengku Ishak itu tiada mahu ber-setujuan dengan menteri2-nya dan orang besar2 yang lain. Maka bermuafakat-lah Tengku Ishak dengan saudara-nya Tengku Muhammad Saman, Raja Muda, hendak menyerah balek Kubang Pasu itu kapada duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia. Maka kedua-nya itu bermuafakat dengan duli Tengku Ya'akob saudara Sultan Yang Maha Mulia. Sa-telah putus muafakat yang demikian itu maka di-perbuatkan surat untok di-sembahkan kapada Raja Maha Besar di-benua Siam menyatakan yang negeri Kubang Pasu itu dengan suchi hati dan tiada menaroh ghalat⁽¹⁾ telah di-serahkan balek saperti asal-nya kapada yang empunya ia-itu Phya Saiburi. Apakala telah siap surat itu maka di-persembah masok ka-benua Siam. Sa-telah itu di-perbuat pula sa-puchok surat untok di-persembahkan kapada duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia. Maka ada di-sebutkan di-dalam surat itu, "Bahawa dengan sunggohnya fikiran yang benar dan ikhlas paduka kakanda kedua bersaudara ini serah balek negeri Kubang Pasu kapada paduka adinda saperti asal." Apakala telah siap surat itu Tengku Ishak dan Tengku Muhammad Saman pun pergi mengadap duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bersama2 dengan Tengku Ya'akob.

Hatta maka sampai-lah Tengku Ishak dan Tengku Muhammad Saman dan Tengku Ya'akob di-Kota Setar, lalu mereka pun masok mengadap duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mempersembahkan surat itu. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun membacha surat itu. Maka mafhum-lah baginda akan sakalian

1. Waswas, dukachita; terkilan (pengertian Melayu).

yang tersebut di-dalam-nya, lalu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun memberi nasihat yang panjang kepada Tengku Ishak kedua bersaudara serta menyuroh mereka itu perbuatkan kerja negeri Kubang Pasu itu. Maka di-ma'alumkan oleh Tengku Ishak kedua bersaudara akan sebab2 yang mereka tiada suka memerintah negeri itu, demikian-lah adanya.

Hatta, maka tersebut-lah surat Tengku Ishak, Raja Kubang Pasu, yang sampai kepada Sumdit Chao Phya di-benua Siam. Maka di-halusi oleh Sumdit Chao Phya perkara2 mengenai Phya Kubang Pasu menyerah balek Kubang Pasu itu kepada Phya Saiburi. Maka Sumdit pun menyembah ma'alumkan hal ahwal negeri Kubang Pasu itu kepada Raja Maha Besar bahawa Phya Saiburi patut menerima balek negeri Kubang Pasu itu. Maka titah Raja Maha Besar, "Boleh-lah perbuatkan surat untok di-hantar-kan kepada Phya Saiburi, suroh ia terima balek Kubang Pasu itu dan persatukan dengan negeri Saiburi."

Hatta, pada sa-puluh haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh satu (1281) bersamaan 10 November tahun Masehi 1864 maka sampai-lah surat tera⁽¹⁾ itu kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Ada pun duli baginda Yang Maha Mulia itu ada juga menerima sa-puchok surat daripada Sumdit Chao Phya yang mempersilakan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia masok ka-benua Siam. Maka surat tera itu di-sambut-nya dengan nobat nafiri saperti adat menyambut surat dari benua Siam. Maka surat itu pun di-bawa naik ka-atas balai besar. Maka ada tersebut di-dalam surat itu bahawa negeri Kubang Pasu itu telah terserah kepada duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia saperti asal-nya.

Hatta, duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mu-

1. Surat yang mempunyai chap mohor.

karram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-ta'ala sa-orang lagi putera laki2 dengan isteri-nya Wan Jah yang berpangkat Paduka Bonda. Putera-nya itu di-namakan Tengku Abdul Jalil dan ia di-panjangkan Allah ta'ala umur-nya.

Sultan Ahmad Tajuddin ka-Siam lagi

Hatta, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bersiap-lah hendak berangkat ka-benua Siam melalui jalan Singgora. Maka duli baginda pun menitahkan Tuan Syed Muhammad Kaptan suroh siapkan kapal layar pergi menanti di-pelabohan Singgora. Maka Tuan Syed Muhammad Kaptan pun belayar-lah dengan segera menuju ka-negeri Singgora. Tiada berapa hari kemudian-nya sampai-lah ia di-pelabohan Singgora.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh satu (1281) pada enam haribulan Sha'ban bersamaan 4 Januari tahun Masehi 1865 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat pergi ka-benua Siam ia-itu pergi buat kali yang ketiga. Ada pun yang mengiring duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ia-lah Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail dan Tuan Syed Muhammad bin Syed Abdullah Maghribi Al-Jafri dan Che' Ngah Bahar dan To' Kerani Muhammad Arshad Rahsia Raja bin Tuan Haji Abu Bakar Khadhi. Maka orang2 yang mengiring menghantar duli baginda Yang Maha Mulia sampai ka-Singgora itu ia-lah Paduka adinda duli Tengku Dhia'uddin, Raja Muda dan Tengku Jusoh. Maka tiada berapa hari kemudian sampai-lah mereka itu di-Singgora.

Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermuafakat dengan Raja Singgora dan paduka adinda Tengku Dhia'uddin, Raja Muda hendak membuka jalan dari Kedah sampai ka-perenggan Singgora dan Raja Singgora perbuatkan jalan dari perenggan

itu sampai ka-Boyang ia-itu bandar negeri Singgora. Maka tetap-lah muafakat yang demikian itu dan diperkenan oleh Raja Singgora. Maka duli Baginda Sultan Yang Maha Muila bertitah kapada paduka adinda Tengku Dhia'uddin boleh-lah muafakat ia-itu perbuat jalan, apakala selesai daripada muafakat itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya berangkat naik kapal belayar menuju ka-benua Siam. Tengku Dhia'uddin dan Tengku Jusoh berangkat balek ka-Kedah serta membanah hutan tempat yang hendak di-perbuat jalan itu tiada beberapa hari sampai-lah sakalian-nya ka-Kedah dengan selamat ada-nya. Hatta tersebut-lah pelayaran duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya tiada berapa lama sampai-lah baginda ka-benua Siam berlaboh di-Sungai Besar seberang Sumdit Chao Phya. Duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya dudok di-dalam kapal layar tiada dudok di-darat. Luang Kucha Ishak dan Sumdit Chao Phya memberi kelola duli baginda Sultan Yang Maha Mulia daripada tiap2 perkara ada-nya. Maka selang dua hari duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengadap Sumdit Chau Pia berchakap daripada hal ahwal yang sudah di-terima Kubang Pasu dan lain2 dudok berkata2 sa-ketika bertitah Sumdit Chao Phya lagi tiga hari hendak bawa masok mengadap Raja Maha Besar dudok saketika duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya berangkat balek ka-kapal. Sumdit Chao Phya beri sa-buah gempang serta dengan orang2 dayong-nya kegunaan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia hendak berangkat ka-mana2.

Maka sampai-lah hari duli baginda Sultan Yang Maha Mulia masok mengadap Raja Maha Besar, lalu baginda dudok memberi hormat mengikut adat-nya. Maka di-tegor oleh Raja Maha Besar dengan manis suara-nya. Pada ketika itu Sumdit Chao Phya dan segala menteri2 ada mengadap. Maka di-ma'alum

oleh Sumdit Chao Phya kepada Raja Maha Besar akan hal ahwal negeri Kubang Pasu itu sudah di-persatukan dengan negeri Saiburi dan juga mengenai Phya Saiburi telah bermuafakat dengan Phya Singgora hendak perbuatkan suatu jalan daripada Singgora sampai ka-negeri Saiburi. Raja Maha Besar sangat suka hati mendengar sembah Sumdit Chao Phya itu. Sa-telah dudok tiada berapa ketika maka Raja Maha Besar pun berangkat masok ka-dalam istana-nya. Duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat balek.

Sultan Ahmad Tajuddin balek ka-Kedah

Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dudok di-benua Siam itu senantiasa-lah mengadap Sumdit Chao Phya, dan lagi duli baginda Sultan Yang Maha Mulia masok mengadap Raja Maha Besar yang kelima kali lalu bermohon hendak berangkat balek ka-Kedah. Tiada beberapa hari duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya pun berlayar-lah menuju ka-Kedah singgah di-Ligor. Maka ke-dengaran-lah kapada Tengku Akil, putera Tengku Sulaiman, mengatakan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia ada singgah di-labohan. Maka Tengku Akil anak beranak mari mengadap duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-kapal. Maka di-tegor oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia; dudok saketika di-ma'alum oleh Tengku Akil pinta hendak balek ka-Kedah dengan asar duli Yang Maha Mulia. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia suka hati hendak bawa balek ka-Kedah lalu bertitah kapada Wan Muhammad Saman dan Tuan Syed Muhammad Al-Jafri suroh pergi bersama2 Tengku Akil berjumpa dengan Raja Ligor pinta hendak bawa balek Tengku Akil anak beranak ka-Kedah. Maka Tengku Akil dan Wan Muhammad Saman dan Tuan Syed Muhammad Al-Jafri pun bermohon pergi mengadap Raja Ligor

ma'alum saperti yang tersebut itu. Maka di-benar oleh Raja Ligor dengan kesukaan. Maka Raja Ligor suroh orang besar-nya membawa beras dan ayam itek dan lain2 beri kapada orang kapal duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu.

Maka pada keesokan hari-nya Raja Ligor dan orang besar2-nya pergi berjumpa duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-kapal. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika maka di-persilakan-nya duli Baginda Yang Maha Mulia turun ka-darat. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat turun ka-darat di-iringi oleh orang besar2 Kedah. Maka apabila sampai di-darat duli baginda itu di-sambut dengan saperti 'adat-nya, langsung pergi ka-balai penghadapan dudok berkata2 dengan Raja Ligor dan orang besar2-nya. Sa-telah dudok sa-ketika Raja Ligor pun membawa duli baginda Yang Maha Mulia berjalan melihat di-dalam bandar Ligor. Sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermohon berangkat balek ka-kapal.

Hatta sa-telah sampai hari-nya Tengku Akil anak beranak sakalian-nya pun turun ka-kapal. Sa-telah sa-puluh hari lama-nya dudok di-pelabohan Ligor duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun belayar menuju ka-pelabohan Singgora. Maka naik-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya ka-darat. Maka Tuan Syed Muhammad Kaptan pun melayarkan kapal itu menuju ka-Singapura hendak balek ka-Kedah.

Hatta tiada berapa hari sa-telah mendarat di-Singgora itu maka sampai-lah gajah dari Kedah dibawa oleh Dato' Tan Jaya Indera. Ada pun orang2 yang pergi menyambut duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ia-lah Tengku Ya'akob dan Tengku Ishak Kubang Pasu dan To' Nai Dol dan ra'ayat2. Maka apakala sampai hari-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat balek ka-Kedah melalui

rintis yang duli Tengku Dhia'uddin banahkan kerana hendak perbuat jalan itu. Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu dua raus delapan puluh satu (1281) pada dua haribulan Zulhijjah bersamaan 28 April tahun Masehi 1865 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan pengiring2-nya pun sampai di-Kedah dengan selamat.

Perubahan2 dalam negeri Kedah

Maka pada dua puluh haribulan Muharram tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh dua (1282) bersamaan 18 Jun tahun Masehi 1865 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengambil Kaptan Duyong sa-orang Inggeris menjadi kepala mata2 dan mengejar sepahi2 mengganti Haji Abdul Rahman Belanda. Dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh dua (1282) pada lima belas haribulan Sha'ban bersamaan 3 Januari tahun Masehi 1886 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mulai perbuat sa-buah rumah batu di-atas bukit kechil di-dalam kebun Anak Bukit, chukup dengan perhiasan serta dengan tembok batu, demikian-lah. Pada akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh dua (1282) duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menaruh sa-orang doktor di-dalam negeri Kedah. Doktor itu bangsa Hindu datang dari negeri Madras. Lazim-nya di-dalam Kota Setar doktor itu di-panggil Bomoh Ayai.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh tiga (1283) pada empat haribulan Rabi'ul-awwal bersamaan 17 Julai tahun Masehi 1866 duli Tengku Dhia'uddin, Raja Muda dan Tengku Ya'akob mema'alumkan kapada baginda Sultan Yang Maha Mulia jalan Singgora yang di-perbuat itu sudah siap dengan sakalian titi2-nya dan jalan yang di-perbuat oleh orang2 Singgora daripada Boyang sampai ka-perenggan itu pun sudah siap juga. Maka pada keesokan hari-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan Tengku Dhia'uddin, Raja Muda dan Tengku

Ya'akob berangkat dengan gajah pergi melihat jalan itu hingga sampai ka-perenggan. Lima hari sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan Tengku Ya'akob pun berangkat balek ka-Kota Star. Maka duli baginda Yang Maha Mulia menitahkan paduka adinda Tengku Ya'akob supaya menghubungkan jalan besar daripada Anak Bukit sampai ka-Kepala Batas. Maka duli Tengku Ya'akob pun menjunjong titah, lalu di-himpun-nya segala ra'ayat Kubang Pasu memperbuatkan pekerjaan itu.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh lima (1285) bulan Safar, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mulai menimbau⁽¹⁾ sa-pasang sekunar di-limbong kapal perbuatan tukang2 Melayu. Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu apakala telah selesai membuat pekerjaan negeri, pada petang2 hari berangkat-lah ia pergi melihat tukang2 yang membuat sekunar itu. Kadang2 ia naik kuda berangkat pergi melihat kebun di-Anak Bukit, demikian-lah hal duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh lima (1285) pada dua puluh enam haribulan Rabi'ul-awwal, malam Juma'at bersamaan 17 Julai tahun Masehi 1868 waktu jam pukul sa-puluh malam, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang puteri dengan isteri-nya Wan Hajar yang berpangkat Paduka Bonda. Puteri-nya itu di-namakan Tengku Hafсах. Di-do'a di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya.

Ada pun dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh lima (1285) terdapat banyak-lah rumah2 kedai ikatan batu di-dalam bandar Kota Setar itu hinggakan hampir2 penoh segala lorong2 dengan-nya. Maka ramai-lah saudagar2 yang terdiri dari-

1. Menubin.

pada bangsa Keling, Hindu dan China masuk berniaga di-dalam negeri Kedah oleh kerana termashhor adiknya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan insafnya dia di-atas segala ra'ayat isi negeri. Tambahan pula duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengangkat sa-orang China bangsa Kek bernama Ah Seng menjadi Kaptan. Sa-lepas itu Ah Saw di-angkat menjadi Kaptan di-dalam bandar Kota Star bergelar Kaptan Wijaya Bisara. Ada pun yang menjadi penghulu pekan itu bergelar Dato' Setia Raja.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh enam (1286) dalam bulan Zulke'dah bersamaan tahun Masehi 1870 bulan Januari duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mulai membuka kebun kopi di-Bukit Pinang serta memberi tanah kepada saudagar2 China untuk di-buat kebun kopi, kebun pala dan kebun chengkeh. Kemudian-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia memberi tanah di-Bukit Pinang kepada Wan Muhammad Saman dan dan Wan Ismail untuk di-buat kebun. Ada pun pada masa itu bertambah2 banyak-lah kuli2 orang India daripada bangsa Hindu dan juga kuli2 China membuat kerja di-dalam negeri Kedah. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh enam (1286) bertambah2 ramai-lah penduduk di-pekan Anak Bukit dan Pekan Langgar.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh tujuh (1287) pada tujuh haribulan Muharram malam Sabtu waktu jam pukul satu sa-tengah bersamaan 9 April tahun Masehi 1870, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang putera dengan isteri-nya Wan Jah yang berpangkat Paduka Bonda. Putera itu di-namakan Tengku Azhari dan ia mangkat kecil. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh tujuh (1287) pada tujuh haribulan Safar, malam Isnin, bersamaan 9 Mei tahun Masehi

1870 waktu jam pukul satu tengah malam duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang putera dengan isteri-nya Wan Hajar yang berpangkat Paduka bonda. Putera itu dinamakan Tengku Abdul Aziz, timang2an Tengku Bisnu. Di-panjangkan Allah Ta'ala umor-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh tujuh (1287) bulan Jamadi'l-akhir bersamaan bulan Ogos tahun Masehi 1870 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia perbuat titi ikatan batu di-Sungai Raja dan Titi itu di-sebut orang Titi Batu. Sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia perbuat titi2 lain di-dalam pekan dan juga titi batu Sungai Alor Merah.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh tujuh (1287) bulan Sha'ban bersamaan bulan November tahun Masehi 1870, duli baginda Yang Maha Mulia mengambil Kaptan Pellet sa-orang Inggeris menjadi kepala mata2 dan menjadi guru mengajar anak raja2 dan anak baik2 menjadi sepahi, mengganti kaptan Duyong yang balek ka-Eropah.

Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu menetapkan Wan Mahmud menjadi hakim meng-hukum segala orang2 isi negeri itu dan Tuan Haji Zain di-tetapkan menjadi Kadhi di-kapit oleh Imam Besar Tuan Haji Mat Ja'afar dengan Tuan Syed Ali dan Tuan Haji Yussof dan yang menjadi Mufti ia-lah Tuan Haji Muhammad Taib, Titi Gajah, dan yang menjadi Perdana Menteri ia-lah Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail. Ada pun yang menjadi Penasihat Perdana Menteri itu ia-lah Wan Ismail bapa Wan Muhammad Saman dan Wan Ibrahim ia-itu bapa saudara-nya. Ada pun yang menjadi Kerani Rahsia duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ia-lah Che' Muhammad Arshad bin Tuan Haji Abu Bakar, dan yang menjadi kepala Sepahi Melayu ia-lah Tengku

Mat Lipah putera Tengku Muhammad Taib, dan yang kedua-nya ia-lah Daeng Muhammad yang di-dalam jagaan Kaptan Pellet. Apakala ada suatu pekerjaan yang besar² yang hendak di-laksanakan maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan Wan Ibrahim dan Wan Ismail dan Tuan Syed Abdul-lah Al-Jafri dan Tuan Haji Muhammad Taib, Mufti, dan Tuan Haji Muhammad Salleh, Ulama'; demikian-lah hal duli baginda Yang Maha Mulia pada masa itu.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh delapan (1288) pada empat haribulan Shawwal petang Ahad bersamaan 17 Disember tahun Masehi 1871 waktu jam pukul enam suku, duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang puteri dengan isteri-nya Wan Hajar yang berpangkat Paduka Bonda. Putera-nya di-namakan Tengku Asiah, timang²an Tengku Puteh. Di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh delapan (1288) dengan perkiraan Kaptan Pellet duli baginda Yang Maha Mulia membeli sa-buah kapal roda lambong. Apakala duli baginda Sultan Yang Maha Mulia hendak berangkat pergi ka-Pulau Pinang atau ka-Pulau Langkawi maka Tuan Syed Muhammad menjadi Kaptan kapal itu, demikian-lah.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh delapan (1288) pada dua puluh hari-bulan Shawwal petang Selasa bersamaan 21 Januari thun Masehi 1872 waktu jam pukul tiga sa-suku duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang putera dengan isteri-nya Wan Jah yang berpangkat Paduka Bonda. Putera-nya itu di-namakan Tengku Zainal. Di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya.

BAB XVI

PERSELISEHAN DALAM PEMILEHAN SULTAN

Perang saudara di-Selangor


Ada pun duli Tengku Dhia'ddin, Raja Muda itu ada mempunyai sahabat2 dari negeri luar. Ada pun sahabat2-nya yang rapat ia-lah Tuan Syed Zain Singapura ia-itu saudara Tuan Syed Muhammad Kaptan, dan Tuan Dolah bin Tuan Syed Abas Pulau Pinang. Dengan hal yang demikian berulangkalek-lah duli Tengku Dhia'uddin ka-Pulau Pinang dengan kapal roda lambong, dan kadang2 dengan penajab yang bernama Tentayu. Lama kelamaan ia langsung ka-negeri Selangor dengan Tentayu itu. Dalam hal yang demikian maka di-perjodohkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala akan



Al-marhum Tengku Dhia'uddin.

Tengku Dhia'uddin, Raja Muda, dengan Raja 'Arfah Puteri Sultan Abdul Samad negeri Selangor.

Maka dalam bulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh sembilan (1289) bersamaan bulan Jun tahun Masehi 1872 terjadi-lah pergadohan besar di-dalam negeri Selangor kerana negeri itu di-kachau oleh Raja Mahadi anak saudara Sultan Abdul Samad. Maka duli Tengku Dhia'uddin masuk champor di-dalam pergadohan itu dan oleh kerana yang demikian ia di-murkai oleh duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus delapan puluh sembilan (1289) dalam bulan Zulhijjah bersamaan bulan Februari tahun Masehi 1873 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengangkat paduka adinda Tengku Ya'akob menjadi Raja Muda menggantikan paduka adinda Tengku Dhia'uddin. Akan diangkat Tengku Dhia'uddin itu di-batalkan.



Robohan Istana Tengku Dhia'uddin di-Bukit Tinggi daerah Kubang Pasu.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh (1290) pada sa-haribulan Rabi'ul-akhir hari Khamis bersamaan 29 Mei tahun Masehi

1873 waktu jam pukul sa-puloh pagi duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-ta'ala sa-orang puteri dengan isteri-nya Wan Jah yang berpangkat Paduka Bonda. Puteri-nya itu di-namakan Tengku Mardhiah dan ia mangkat kechil.

*Menolong Raja Siam melawan orang2
China yang menderhaka*

Hatta, maka sampai-lah surat tera daripada Raja Maha Besar benua Siam meminta tolong kerajaan Kedah membantu-nya melawan orang2 China di-dalam Tongka yang sudah membuat derhaka kapada-nya itu. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh (1290) bulan Jamadi'l-akhir bersamaan bulan Ogos tahun Masehi 1873 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menghantar Wan Muhammad Taib bin Wan Musa, Dato' Paduka Maharaja Temenggong Anggota Desa, serta penghulu2 dan ra'ayat2 pergi ka-Tongka. Angkatan yang kedua yang di-hantarkan oleh kerajaan Kedah terdiri dari duli Tengku Ya'akob, Raja Muda, serta dengan penghulu dan panglima2 dan ra'ayat sakalian. Sa-telah tiada berapa bulan mereka itu di-Tongka maka selesai-lah segala pergadohan yang tersebut itu. Maka duli Tengku Ya'akob dengan sakalian yang tersebut itu pun berangkat balek ka-Kedah.

Hatta, maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengambil sa-orang orang Inggeris bernama Tuan Taylor menjadi guru mengajar biola dan alat2 bunyi2an yang lain. Maka pada malam hari duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermain2 dengan-nya sa-lama satu atau dua jam. Kadang2 Tuan Taylor itu berangkat dengan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia ka-Pulau Langkawi. Dalam hal yang demikian di-beri-nya jalan kapada duli baginda Sultan supaya anak baik2 di-dalam negeri Kedah itu

di-ajar bermain band (bunyi2an). Maka chadangan Tuan Taylor itu di-perkenankan oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka duli Sultan Yang Maha Mulia pun menitahkan Tuan Taylor berpesan ka-Eropah supaya menghantarkan perkakas2 bermain band itu dengan sa-chukup-nya.

Raja Maha Besar Siam singgah di-Kedah

Hatta maka sampai-lah surat daripada Sumdit Chao Phya kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengatakan Raja Maha Besar Siam yang bernama Prak Pan Kelau Yew Huwa, Raja Kelima, yang berangkat pergi ka-Benggala itu hendak balek ka-Siam melalui jalan daripada Kedah ka-Singgora. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bersiap akan alatan2 hendak menyambut Raja Maha Besar Siam itu, ia-itu di-perbuat balai ayer di-Bakar Bata dan di-tambah perhiasan2 di-dalam rumah batu di-dalam kebun Anak Bukit dan rumah batu di-Bakar Bata dan di-siapkan kereta kuda dan bogi⁽¹⁾ dan di-hiaskan jalan2 ka-Singgora itu dan banyak lagi perhiasan2 yang di-siapkan yang tidak dapat di-sebutkan di-dalam Tawarikh ini.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh satu (1291) bulan Rabi'ul-awwal bersamaan bulan April tahun Masehi 1874, sampai-lah Raja Maha Besar Siam di-Kedah. Maka ia di-sambut oleh duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan cukup peratoran, mengikut 'adat menyambut Raja Maha Besar Siam. Maka Raja Maha Besar Siam naik ka-Balai ayer Bakar Bata dan di-tembak meriam dua puluh satu das serta di-pukul nobat nafiri. Maka Raja Maha Besar Siam itu pun naik bogi berangkat pergi bersemayam di-rumah batu Anak Bukit yang cukup dengan penjaga sepahi Melayu yang di-kepalai oleh Kapitan Pellet.

1. Sa-jenis kereta kuda.

Sa-telah dudok di-Kedah sa-lama enam hari maka Raja Maha Besar Siam pun berangkat ka-Singgora dengan bogi. Maka banyak-lah kereta² dan gajah² yang mengiring-nya. Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan duli Tengku Ya'akob dan duli Tengku Jusoh ada bersama² mengiringi Raja Maha Besar ka-Singgora itu. Sa-telah tiada berapa hari dudok di-Singgora Raja Maha Besar pun naik kapal belayar menuju ka-benua Siam membawa duli Tengku Ya'akob dan duli Tengku Jusoh ka-benua Siam itu buat kali yang kedua-nya.

Hatta maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya pun berangkat balek ka-Kedah bersemayam di-Kota Star. Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu tiada ia alpa mengambil siasat akan pekerjaan negeri, demikian-lah ada-nya.

Sa-bermula maka tersebut-lah duli Tengku Ya'akob kedua bersaudara yang dudok ka-benua Siam itu. Maka Raja Maha Besar memberi gelaran kepada duli Tengku Ya'akob gelaran Phya Saraponpipit dan duli Tengku Jusoh itu di-beri gelaran Phya Kidai Surin. Ada pun duli Tengku Ya'akob kedua bersaudara itu dudok sa-lama tiga bulan di-benua Siam. Sa-telah itu mereka itu pun bermohon berangkat balek ka-Kedah, dan akhir-nya mereka itu pun sampai di-Kedah dengan selamat ada-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh dua (1292) pada dua puluh empat haribulan Rabi'ul-awwal malam Juma'at bersamaan 30 April tahun Masehi 1875 waktu jam pukul satu sa-tengah malam, duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala sa-orang puteri dengan isteri-nya Wan Hajar yang berpangkat Paduka Bonda. Putera-nya itu di-namakan Tengku Jewa. Di-panjangkan Allah Ta'ala umor-nya. Maka dalam

tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh dua (1292) pada dua puluh haribulan Jamadi'l-akhir bersamaan 24 Julai tahun Masehi 1875 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengambil sa-orang puteh bernama Tuan Teondill ia-itu peranakkan Singapura untok menjadi kepala mata² di-Kedah mengganti Tuan Pellet yang telah mati.

Hatta, maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menitahkan paduka adinda Tengku Ya'akob Raja Muda, siapkan alat² perkahwinan saperti adatnya kerana ia hendak mengkahwinkan paduka anakanda Tengku Zainal Rashid timang²an Tengku Putra dengan Tengku Meriam puteri duli Tengku Dhia'uddin. Ada-lah siapan² itu termasuk lakun⁽¹⁾ dan wayang hun⁽²⁾ Siam dan berbagai² permainan lain yang tiada di-sebutkan di-dalam tawarikh ini. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh tiga (1293) pada dua puluh haribulan Rabi'ul-awwal bersamaan 15 April tahun Masehi 1876 bersandilah Tengku Zainal Rashid di-dalam kota istana yang di-hiaskan oleh Wan Masheran bonda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh tiga (1293), pada dua puluh tujuh haribulan Rabi'ul-awwal malam Sabtu bersamaan 22 April tahun Masehi 1876 waktu jam pukul tujuh sa-tengah, duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia di-kurniai Allah Subahanahu wa-Ta'ala sa-orang putera dengan isteri-nya Wan Ajar yang berpangkat Paduka Bonda. Putera-nya dinamakan Tengku Mahmud. Di-panjangkan Allah Ta'ala umur-nya.

1. Menunjokkan sa-suatu cherita sama ada di-pentas, layar perak atau dengan tarian. Di-Jawa biasa-nya cherita² di-tunjok melalui wayang kulit.
2. Sa-jenis lakun yang terdapat di-Selatan Siam. Kadang² cherita ini di-tunjokkan dengan tarian. Cherita² yang di-tunjokkan di-ambil daripada metos Hindu tua saperti Pendawa Jaya, Rajuna Tapa, Arjuna Sasrabau, Samba lalana dll.

Maka pada akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh tiga (1293) bersamaan bulan Disember tahun Masehi 1876, Sultan Ismail Perak masok dudok di-dalam jajahan Kedah berkenaan dengan pembunuhan Tuan Birch, British Residen Perak yang pertama. Maka di-persilakan oleh duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia Sultan Ismail Perak dan orang2 yang setia kapada-nya masok ka-bandar Kota Kuala Muda. Maka pada awal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh empat (1294) bersamaan bulan Januari tahun Masehi 1877 kerajaan Inggeris ambil bawa balek Sultan Perak ka-perentah-nya, demikian-lah hal-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh empat (1294) bulan Zulhijjah bersamaan bulan Disember tahun Masehi 1877 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-negeri Terang⁽¹⁾ bermuafakat hendak membunuh Phya Yu Kiat ia-itu Raja Terang dengan hukum Raja Maha Besar Siam kerana Phya Yu Kiat menderhaka kapada Raja Maha Besar itu. Sa-telah selesai pekerjaan yang tersebut itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun berangkat balek ka-Kedah.

Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah mangkat

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh lima (1295) bersamaan tahun Masehi 1878 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mulai gering sadikit demi sadikit. Maka berangkat-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pergi bersemayam di-Bukit Pinang menchari kesihatan. Hatta, maka pada sa-puluh haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh enam (1296) bersamaan 4 mach tahun Masehi 1879, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat balek bersemayam di-Kota Setar.

1. Sa-buah daerah dalam perentah Siam.

Shahadan, akan band yang duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pesankan ka-Eropah supaya dihantar ka-Kedah itu pun sampai-lah di-Kedah dengan sakalian perkakas-nya. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menitahkan supaya menerima sakalian perkakas² itu sementara hendak menchari guru untok mengajar bermain alat² itu.

Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia yang gering itu kadang² boleh ia berangkat keluar di-hadap oleh segala menteri². Dalam hal yang demikian Kadam⁽¹⁾ Wan Masheran paduka bonda duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun gering. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada saharibulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh enam (1296) hari Juma'at bersamaan 23 Mei tahun Masehi 1879 maka mangkat-lah kadam Wan Masheran Yang Maha Mulia di-istana Mantalon.⁽²⁾ Maka pada keesokan hari-nya jenazah Raja Diraja kadam Wan Masheran Yang Maha Mulia itu pun di-bawa dengan chukup adat saperti yang telah di-isti'adatkan dan di-makamkan di-dalam Kota Langgar.

Hatta gering duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu makin sa-hari menjadi bertambah² berat. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua haribulan Rajab hari Ahad waktu pukul delapan pagi tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh enam (1296) bersamaan 22 Jun tahun Masehi 1879 duli baginda Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah ibni Al-marhum Sultan Zainal Rashid Al-Muazzam Shah Yang Maha Mulia pun mangkat-lah di-dalam istana Kota Setar. Maka pada ketika itu di-tembak meriam dua belas das di-pukulkan nobat nafiri saperti adat raja yang besar². Maka berdiri-lah Tengku Ya'akob Raja Muda mengganti Sultan sementara

1. Kaki (perkataan untok memuliakan).

2. Nama satu tempat 3 batu dari Alor Setar.

hendak menetapkan ganti Sultan baharu. Maka bersiap-lah segala menteri² dan anak raja² dan orang besar² melayankan Raja Diraja duli Al-marhum itu.

Maka pada keesokan hari-nya waktu jam pukul sa-puloh pagi jenazah Al-marhum itu pun di-bawa-lah mengikut adat yang telah di-adatkan oleh Al-marhum yang dahulu² dan di-makamkan di-dalam Kota Langgar, demikian-lah ada-nya.

Maka bermuafakat-lah duli Tengku Ya'akob, Raja Muda dengan paduka kakanda duli Tengku Dhia'uddin dan paduka adinda Tengku Jusoh dan Wan Muhammad Saman dan lain² menteri hendak mengangkat putera duli Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia dan di-dudokkan di-atas takhta kerajaan. Maka muafakat ini tidak di-persetujui oleh Tengku Dhia'uddin. Kehendak Tengku Dhia'uddin itu tiada mahu ber-setuju dengan kehendak Tengku Ya'akob. Maka ia membuat keputusan hendak pergi ka-benua Siam. Maka pada dua haribulan Ramadhan tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh enam (1296) ia-itu hari Rabu bersamaan 20 Ogos tahun Masehi 1879 Tengku Ya'akob, Raja Muda, dan Tengku Dhia'uddin pun membawa putera² duli Al-marhum itu masuk ka-benua Siam melalui jalan ka-Singgora. Ada pun orang² yang mengiring mereka itu ia-lah Tengku Zainal Rashid timang²an Tengku Putra dan Tengku Kassim dan Tengku Abdul Hamid dan To' Kerani Muhammad Arshad Rahsia Raja bin Tuan Haji Abu Bakar Kadhi dan ramai lagi orang besar² yang mengiring itu yang tiada di-sebutkan di-dalam tawarikh ini.

Ada pun yang tinggal menjaga negeri Kedah itu ia-lah duli Tengku Jusoh dan duli Tengku Abdullah putera Tengku Muhammad Said dan Tengku Akil dan Wan Muhammad Saman.

Hatta sa-telah tiada berapa hari kemudian maka sampai-lah sakalian-nya di-Singgora. Maka dari

Singgora mereka itu menaiki kapal belayar menuju ka-benua Siam. Tiada berapa lama di-dalam pelayaran itu maka mereka pun sampai-lah di-benua Siam, lalu berhenti di-kampong Sumdit Chao Phya di-rumah yang Sumdit sediakan itu.

Ada pun sa-lama dudok di-dalam benua Siam itu berulang-alek-lah mereka itu pergi mengadap Sumdit Chao Phya. Apakala mendapat hukum baharu-lah mereka masok mengadap Prak Pan Kelau Yu Huwa, Raja Maha Besar. Dalam hal yang demikian itu, sampai-lah tiga bulan mereka itu dudok di-dalam benua Siam. Maka dengan takdir Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh enam (1296) hari Rabu sa-belas haribulan Zulhijjah bersamaan 26 November tahun Masehi 1879 To' Kerani Muhammad Arshad Rahsia Raja bin Tuan Abu Bakar Kadhi kembali ka-rahmatul-lah ta'ala di-sebabkan oleh penyakit lelah. Maka duli Tengku Ya'akob pun bermuafakat-lah menguborkan To' Kerani Muhammad Arshad Rahsia Raja pada waktu jam pukul lima petang dengan selamat-nya di-masjid Luang Kucha Ishak.

Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah

Hatta pada akhir perkiraan itu putera Al-marhum yang tuha ia-itu Tengku Zainal Rashid di-angkat menjadi Sultan memerintah negeri Kedah bergelar Phya Saiburi dan duli Tengku Abdul Hamid di-angkat ka-pangkat Raja Muda. Maka duli Tengku Dhia'uddin itu di-gelarkan Phya Yu Tekan Kunsun dan duli Tengku Ya'akob di-beri bergelar Phya Saraponpipit ia-itu gelaran yang di-panjangkan daripada gelaran lama.

Maka pada enam belas haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh tujuh (1297) hari khamis bersamaan 29 Januari tahun Masehi 1880 Tengku Zainal Rashid menerima senjabat menjadi Phya Saiburi dan Tengku Abdul Hamid menerima senjabat menjadi Raja Muda. Sa-telah selesai mene-

rima senjabat2 itu, maka tiada berapa bulan kemudian sakalian-nya pun bermohon-lah kepada Prak Pan Kelau Chao Yu Huwa, Raja Maha Besar, berangkat balek ka-Kedah.

Hatta tiada berapa lama di-dalam pelayaran itu maka mereka itu pun sampai-lah di-Kedah dan disambut oleh sakalian pegawai2 seperti adat menyambut kedatangan raja yang besar2. Maka bersemayam-lah duli baginda Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan negeri Kedah Daru'l-aman di-pangku oleh duli Tengku Dhia'uddin dan duli Tengku Ya'akob.

Ada pun duli Tengku Jusoh dan duli Tengku Abdullah di-jadikan Hakim Besar dan Wan Muhammad Saman di-anugerah pangkat Perdana Menteri dan lain2 orang besar2 di-anugerah pangkat mengikut pekerjaan masing2. Demikian-lah peratoran negeri Kedah pada masa itu. Dalam pada itu pun duli Tengku Ya'akob dan duli Tengku Dhia'uddin tiada mahu bersetujuan di-dalam hal pekerjaan negeri. Hatta maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh delapan (1298) pada sembilan haribulan Shawal hari Ahad, duli Tengku Ya'akob dan Wan Muhammad Saman belayar pergi ka-benua Siam melalui Singapura.

Ada pun sa-telah duli Tengku Ya'akob berangkat pergi itu, pada dua puluh tujuh haribulan Shawal Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh delapan (1298) hari Khamis bersamaan 22 September tahun Masehi 1881 jam pukul sa-belas pagi, duli baginda Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah putera Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia mangkat di-dalam istana Kota Setar disebabkan oleh penyakit sebak. Maka pada ketika itu di-tembak meriam dua belas das dan di-pukul nobat nafiri seperti adat-nya. Maka berdiri-lah duli Tengku Dhia'uddin dan Tengku Jusoh dengan segala menteri2 dan orang besar2-nya melayankan jenazah Raja Di-

raja duli Al-marhum itu. Maka pada keesokan hari-nya waktu jam pukul sa-belas pagi jenazah Al-marhum itu pun di-bawa-lah mengikut adat yang telah di-adatkan oleh Al-marhum² yang terdahulu dan di-makamkan di-dalam kota Langgar, demikian-lah ada-nya.

Maka akan khabar kemangkatan Sultan Zainal Rashid Yang Maha Mulia itu kedengaran-lah kapada duli Tengku Ya'akob di-Singapura ia-itu pada hari ia bersiap hendak menaiki kapal belayar ka-benua Siam. Maka di-perbuat sa-puchok surat dan di-hantarkan kapada Wan Ajar bonda duli Tengku Abdul Hamid, Raja Muda. Maka di-dalam surat itu menyuroh Wan Ajar dengan segera membawa duli Tengku Abdul Hamid, Raja Muda, berangkat ka-benua Siam. Maka pada ketika itu Phya Mongkeri menteri Raja Maha Besar Siam ada di-Kedah. Maka bermuafakat-lah sakalian-nya hendak berangkat ka-benua Siam.

Shahadan maka pada tiga haribulan Zulhijjah tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh delapan (1298) bersamaan 27 Oktober tahun Masehi 1881, duli Tengku Dhia'uddin dan Phya Mongkeri membawa duli Tengku Kassim dan duli Tengku Abdul Hamid, Raja Muda, dan Tengku Abdul Jalil dan Tengku Bahadur Shah pergi ka-benua Siam ikut jalan Singgora. Ada pun anak baik² yang mengiring itu tiada di-sebutkan nama-nya di-dalam tawarikh ini. Ada pun yang tinggal menjaga negeri itu ia-lah duli Tengku Jusoh dan duli Tengku Abdullah dan Tengku Akil.

Hatta, maka tersebut-lah angkatan duli Tengku Dhia'uddin yang di-dalam perjalanan membawa putera² duli Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia itu. Maka sampai-lah mereka itu di-Singgora. Tiada berapa lama di-dalam pelayaran dari Singgora itu maka mereka pun masok ka-benua Siam. Hatta sa-telah sampai di-benua Siam maka mereka berhenti di-kampung Sumdit Chao Phya. Ada pun duli Tengku Ya'akob

yang telah sampai dahulu itu berhenti di-rumah rakit Luang Kucha Ishak. Maka duli Tengku Abdul Hamid Raja Muda persilakan duli Tengku Ya'akob dudok bersama2-nya.

Sultan Abdul Hamid Halim Shah

Ada pun pada masa duli Tengku Ya'akob dan duli Tengku Dhia'uddin dudok di-benua Siam itu berulang-alek mereka-lah itu mengadap Sumdit Chao Phya. Sa-telah mendapat kebenaran maka mereka pun masok mengadap Raja Maha Besar, demikian-lah halnya. Pada akhir perkiraan di-antara duli Tengku Ya'akob dan duli Tengku Dhia'uddin itu, pada tiga haribulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh sembilan (1299) bersamaan 23 Mach tahun Masehi 1882 maka tetap-lah Tengku Abdul Hamid Raja Muda menjadi Phya Saiburi ya'ani Sultan.

Ada pun duli Tengku Dhia'uddin itu berbichara lagi hendak menuntut bahagian negeri. Akhirnya ia tiada berjaya dalam tuntutan-nya itu.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh sembilan (1299) pada tujuh belas haribulan Shawwal ia-itu hari Juma'at bersamaan 1 September tahun Ma-



Gambar Al-Marhum Sultan Abdul Hamid Shah yang telah diambil di-Hotel Theatre, London pada 21hb, Jun 1911.

(Dengan ihsan Arkib Negara)

sehi 1882 duli baginda Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah menerima senjabat di-balai penghadapan Prak Pan Kelau Chao Yu Huwa Maha Besar Siam. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh sembilan (1299) pada lima belas haribulan Zulhijjah hari Sabtu bersamaan 28 Oktober tahun Masehi 1882, duli Tengku Dhia'uddin berangkat keluar daripada benua Siam pergi dudok di-Pulau Pinang. Tidak berapa lama kemudian duli Tengku Ya'akob dan Sultan Abdul Hamid Halim Shah Yang Maha Mulia pun bermohon kapada Raja Maha Besar Siam berangkat balek ka-Kedah. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu dua ratus sembilan puluh sembilan (1299) pada dua puluh empat haribulan Zulhijjah hari Isnin bersamaan 6 November tahun Masehi 1882 duli Yang Maha Mulia sampai di-Pulau Pinang. Maka sakalian-nya pun menaiki kapal yang menanti menyambut



Sa-pasokan sepahi bangsa Sikh mengadakan kawalan kehormatan menyambut ketibaan Raja Muda, Kedah Al-marhum Tengku Abdul Aziz, dalam upacara penyerahan daerah2 Perlis dan Setul yang di-bawah perintah Siam itu kapada negeri Kedah.

(Gambar Tengku Fariduddin Haji, dengan ihsan Arkib Negara).

duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat balek ka-Kedah. Hatta pada malam Selasa dua puluh lima haribulan Zulhijjah sa-ribu dua ratus sembilan puluh sembilan bersamaan 7 November tahun Masehi 1882 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring2-nya sampai-lah di-Kedah, di-sambut oleh segala orang2 pekerjaan dengan chukup adat-nya.

Hatta bersemayam-lah duli baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah Yang Maha Mulia di-atas takhta kerajaan memerintah negeri Kedah Daru'l-aman dengan segala menteri2 dan pegawai2-nya dengan adil murah-nya, dan sentiasa mengambil insaf di-atas segala ra'ayat isi negeri. Maka duli paduka ayahanda Tengku Ya'akob itu memangku pekerjaan dan Wan Muhammad Saman bin Wan Ismail anak Dato' Seri Paduka Raja Laksamana itu berpangkat Perdana Menteri. Demikianlah yang telah di-tetapkan.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus (1300) dalam bulan Sha'ban bersamaan bulan Jun tahun Masehi 1883, tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia menaroh sa-orang doktor bernama Gomez ia-itu peranakan Ceylon. Di-dalam bulan Shawal duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menaroh sepahi bang-



Wan Muhammad Saman membuka Sungai Korok.
(Dengan ihsan Persatuan Sejarah Kedah).

sa Sikh⁽¹⁾ di-dalam negeri Kedah.

Shahadan, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan Wan Muhammad Saman hendak perbuat suatu sungai daripada sungai besar Kota Setar sampai ka-Gurun bagi kegunaan ra'ayat mengambil dan membuka tanah untok di-perbuat bendang. Maka tetap-lah muafakat yang demikian itu. Pada sa-haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga (1303) bersamaan 8 Disember tahun Masehi 1885, di-mulai mengorek sungai pergi ka-Gurun ia-itu tempat yang di-sebutkan itu. Maka Wan Muhammad Saman pun berulang-alek-lah pergi melihat kuli2 membuat kerja itu, demikian-lah.

Maka dalam tahun sa-ribu tiga ratus empat (1304) bersamaan tahun Masehi 1886 duli baginda Yang Maha Mulia mengutip ambil anak baik2 dan diberi belajar bermain band (bunyi2an). Guru yang mengajar itu ia-lah sa-orang orang Inggeris bernama Master Fero ia-itu peranakan Singapura. Ada pun alat2 band yang di-mainkan itu ia-lah alat2 yang dipesan oleh Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia daripada Eropah.



Gambar Sungai Korok Wan Muhammad Saman yang telah di-korek sa-jauh 22 batu dari Sungai Besar Kota Setar hingga ka-Gurun. Tarikh pada batu kenangan (dalam bulatan) itu ia-lah 10hb. Shawwal Tahun Hijrah 1303.

1. Berasal dari Punjab di-India utara.

BAB XVII

KEDAH DI-ANTARA 1880—1904

Pergadohan orang2 China di-Kulim

Sa-bermula ini ia-lah darihal pergadohan orang2 China di-dalam bandar Kulim.⁽¹⁾ Dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus lima (1305) pada dua puluh tujuh haribulan Ramadhan bersamaan 7 Jun tahun Maschi 1888 pergadohan antara orang2 China sa-sama China itu bermula. Maka pergadohan itu menjadi sa-makin melarat hingga ramai-lah di-antara mereka itu yang mati. Pada ketika itu ramai-lah ra'ayat Kedah pergi menunggu jaga orang2 China itu. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan duli Tengku Ya'akob sendiri berangkat ka-sana hingga tertangkap segala kepala2 kongsi itu. Oleh hal yang demikian baharu-lah selesai pergadohan itu. Sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan duli Tengku Ya'akob berangkat balek ka-Kedah bersemayam di-istana Kota Star. Ada pun duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu tiada ia alpa dari ator mengator pekerjaan negeri.

Sultan Kedah ka-Siam

Shahadan dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tujuh (1307) pada delapan belas haribulan Jamadi'l-

1. Nama sa-buah daerah dan pekan di-sabelah selatan dalam negeri Kedah.

awwal bersamaan 10 Januari tahun Masehi 1890 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat ka-benua Siam bersama2 paduka bonda ia-itu Kadam Wan Besar⁽¹⁾ Yang Maha Mulia dan paduka adinda Tengku Mahmud. Maka ramai-lah anak perempuan dan laki2 baik2 yang mengiring Kadam Wan Besar Yang Maha Mulia itu. Mereka itu berangkat pergi melalui Singapura.

Hatta tiada beberapa lama kemudian-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun sampai-lah di-benua Siam lalu berhenti di-rumah Chao Phya Pelitit. Ada pun bonda duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat ka-benua Siam itu ia-lah kerana di-persila oleh Raja Maha Besar Siam. Maka sa-lama duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dudok di-benua Siam itu tiap2 kali-lah ia mendapat hukum mengadap Raja Maha Besar dan Sumdit Prak Nang. Pada lima haribulan Rajab ia mendapat ampun kurniai 'Bintang La Dawadi⁽²⁾ berwarna hijau dan sa-biji bintang emas kechil dan sa-biji bintang leher yang bertali hijau. Pada delapan haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tujuh (1307) bersamaan 28 Februari tahun Masehi 1890 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bermohon berangkat balek ka-Kedah.

Ada pun duli Tengku Mahmud itu di-tinggalkan di-benua Siam untok belajar di-sekolah Siam di-Bangkok bersama2 dengan dua tiga orang kawan2-nya. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tujuh (1307) pada sembilan belas haribulan Rajab bersamaan 11 Mach tahun Masehi 1890 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring2-nya sampai di-Kedah dengan selamat.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus delapan (1308) bersamaan tahun Masehi 1890 duli

1. Wan Besar ia-lah Wan Hajar.
2. Sa-jenis bintang kebesaran Siam.

baginda Sultan Yang Maha Mulia bermuafakat dengan paduka ayahanda Tengku Ya'akob mengorek sungai Alor Changleh⁽¹⁾ hingga sampai ka-hujung sungai Jerlun.

Sultan Kedah ka-Rangoon

Maka dalam tahun Hijrah tiga ratus sembilan (1309) pada tiga haribulan Sha'ban bersamaan 13 Mach tahun Masehi 1892 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-Rangoon di-negeri Burma dengan kapal 'Good Luck' yang duli baginda Sultan Yang Maha Mulia beli itu. Ada pun yang mengiring duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ia-lah paduka adinda Tengku Mahmud dan paduka kakanda Tengku Bahadur Shah dan Tengku Kudin dan Enche' Muhammad Ariffin Secretary⁽²⁾ dan Enhe' Muhammad Hassan dan Penghulu Yib Anak Bukit dan enam orang surohan.

Hatta, maka duli baginda Yang Maha Mulia pun sampai-lah di-Rangoon. Sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menaiki keretapi berangkat pergi ka-Mandalay ia-itu negeri Raja Burma. Maka pada dua puluh satu haribulan Sha'ban duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian yang mengiring-nya berangkat balek ka-Kedah. Apakala sampai di-pertengahan jalan mereka di-serang ribut yang teramat kuat. Dalam hal yang demikian mereka singgah di-Selat Murgi. Sa-telah sa-hari dua di-selat itu mereka pun berangkat belayar balek ka-Kedah. Pada dua puluh sembilan haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sembilan (1309) bersamaan 29 Mach tahun Masehi 1892 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring²-nya sampai-lah di-Kedah dengan selamat ada-nya.

1. Nama tempat dalam daerah Kubang Pasu, Kedah.

2. Setia-usaha.

Sultan Kedah ka-Siam lagi

Shahadan dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sembilan (1309) pada delapan belas haribulan Shawal bersamaan 16 Mei tahun Masehi 1892 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-benua Siam bersama2 Perdana Menteri Wan Muhammad Saman. Maka yang mengiring duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu ia-lah Tuan Syed Zain dan Enche' Muhammad Hassan dan Enche' Muhammad Ariffin Secretary dan enam orang surohan. Pada masa itu terjadi pergaduhan Peranchis di-benua Siam. Ada pun yang tinggal menjaga negeri itu ia-lah paduka adinda Tengku Abdul Aziz yang berpangkat Raja Muda.

Hatta tiada berapa lama kemudian sampai-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-benua Siam lalu berhenti di-rumah Chao Phya Pelitit. Sa-telah berada dua hari di-sana duli baginda Sultan dan kadam Wan Muhammad Saman masok mengadap Raja Maha Besar bersama2 Chao Phya Pelitit. Ada pun sa-lama duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu dudok di-benua Siam itu delapan kali duli baginda Yang Maha Mulia mengadap Raja Maha Besar. Maka pada tujuh belas haribulan Muharram tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-puluh (1310) Raja Maha Besar mengurniai sa-biji bintang emas berupa bujor telur kapada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka pada sembilan belas haribulan Muharram tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-puluh (1310) bersamaan 13 Ogos tahun Masehi 1892 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bermohon kapada Raja Maha Besar berangkat balek ka-Kedah.

Hatta, maka pada sa-puluh haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-puluh (1310) bersamaan 3 September tahun Masehi 1892, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring2-nya sampai di-Kedah dengan selamat-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-

puluh (1310) pada enam haribulan Rabi'ul-awwal bersamaan 28 September tahun Masehi 1892 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia perbuat jalan baharu dan dalam tahun2 sa-lepas itu ia membuat jalan simpang2 ka-dalam-nya daripada jalan baharu itu.

Shahadan, pada enam haribulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-belas (1311) bersamaan 15 November tahun Masehi 1893 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-benua Siam dengan kapal 'Good Luck'. Dalam pelayaran itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia singgah di-Singapura dan Pahang dan Terengganu dan Kelantan, dan kemudian-nya langsung masok ka-benua Siam. Duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bersemayam di-dalam kapal bersama2 sakalian pengiring2-nya. Maka pada masa di-benua Siam itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mendapat pangkat ber-selendang hijau dan bintang 'Ordawari'⁽¹⁾ berwarna hijau serta dengan persalinan ia-itu satu sut⁽²⁾ baju kebesaran yang bersongket benang emas berupa keris dan sa-biji tengkolok bersongket emas berupa keris dan sa-bilah pedang bersarong emas serta dengan tali-nya.

Maka pada dua belas haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-belas (1311) bersamaan 21 Disember tahun Masehi 1893 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bermohon kapada Raj Maha Besar berangkat balek ka-Kedah dengan kapal tambang melalui Singapura. Maka kapal 'Good Luck' itu keluar dahulu pergi menanti di-Singapura. Maka pada tujuh belas haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-belas (1311) bersamaan 26 Disember tahun Masehi 1893 duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia berangkat dari Singapura dengan kapal 'Good Luck' menuju ka-Pulau Pinang

1. Sa-jenis bintang kebesaran Siam.

2. Sut (daripada perkataan Inggeris 'suit' — sa-pasang).

dan dari Pulau Pinang ka-Kedah.

Maka pada dua puluh satu haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-belas (1311) bersamaan 30 Disember tahun Masehi 1893 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian yang mengiring-nya pun sampai-lah di-Kedah dengan selamat, ada-nya.

Sultan Kedah ka-India

Shahadan maka pada sembilan haribulan Ramadhan tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua belas (1312) bersamaan 6 Mach tahun Masehi 1895 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-Benggala bersama2 paduka adinda duli Tengku Abdul Aziz, Raja Muda, dan empat orang anak baik2 yang mengiring-nya. Hatta, apakala duli baginda Sultan Yang Maha Mulia sampai di-Benggala ia menaiki keretapi berangkat pergi ka-negeri Lucknow dan Agra dan Jimu ka-Bombay. Sa-telah itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menaiki kapal daripada Bombay berangkat balek ka-Pulau Pinang. Maka pada enam belas haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua belas (1312) bersamaan 21 April tahun Masehi 1895 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian yang mengiring-nya sampai di-Kedah dengan selamat. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bersemayam di-atas takhta kerajaan negeri Kedah Daru'l-aman dan sentiasa menghalusi akan pekerjaan negeri serta ator mengator akan pangkat2 dan pekerjaan orang besar2-nya.

Sultan Kedah sa-kali lagi ka-Siam

Shahadan, pada sembilan haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga belas (1313) bersamaan 1 Ogos tahun Masehi 1895, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-benua Siam melalui jalan Singgora di-persilakan oleh Raja Maha Besar Siam. Duli baginda Sultan Yang Maha Mulia itu di-

iringi oleh Tun Teh, suami Tengku Sofiah, dan Tuan Syed Zain dan Enche' Muhammad Hassan dan Wan Ahmad bin Wan Awang dan Enche' Teh anak Dato' Tan Jaya Indera, Padang Pusing⁽¹⁾ dan orang surohan sa-ramai tujuh orang.

Hatta, maka sampai-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-Singgora. Dari Singgora ia menaiki kapal Siam yang hendak belayar ke-benua Siam. Tiada berapa lama dalam pelayaran itu maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia sampai-lah di-benua Siam. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia bersemayam di-rumah Pia Rat Tusha. Maka sa-telah sampai hari-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia masuk mengadap Raja Maha Besar mengikut adat peratoran mengadap Raja Maha Besar Siam saperti yang telah di-adatkan.

Hatta, pada masa duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengadap buat kali yang ketiga-nya ia-itu pada tiga haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga belas (1313) bersamaan 24 Ogos tahun Masehi 1895, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mendapat pangkat gelaran Chao Phya Saiburi. Duli baginda di-anugerah persalinan dan sa-biji bintang besar La Dawandi puteh dan satu rantai leher emas berserta sa-biji bintang gajah puteh tergantung pada rantai itu dan satu selendang berwarna bunga ros dan sa-helai baju jarang kebesaran yang bersongket benang emas serta dengan bintang besar yang bersongket benang emas yang di-pakai di-atas baju jarang itu dan sa-biji tengkolok berkeroun⁽²⁾ permata intan, berkemunchak bulu burong berwarna puteh.

Selang sa-puluh hari sa-telah mendapat pangkat yang demikian itu Prak Pan Kelau Chan Yu Huwa Raja Maha Besar memberi tiga buah kapal dan dua buah

1. Sa-buah kampung dalam Mukim Simpor, daerah Kuala Muda.
2. Daripada perkataan Inggeris 'Crown'.

gempang tunda bersama2 orang besar2-nya kapada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia untok pergi bermain2 di-hulu Bangkok ia-itu di-negeri lama bernama Krong Kauyuthia. Sa-telah sa-puluh hari dudok di-negeri Krong Kauyuthia itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat balek. Pada waktu itu-lah hilang-nya kelamdan yang berisi dua puluh lima biji chap dan dua puluh lima biji melekat yang terhimpun dalam kelamdan itu. Sejak beberapa lama chap2 dan melakat2 di-taroh sa-tempat. Maka beberapa di-siasat oleh kerajaan Siam akan benda2 yang hilang itu tetapi tiada juga mendapat apa2 perkhabaran mengenai-nya.

Hatta, pada tiga haribulan Rabi'ul-akhir duli baginda Sultan Yang Maha Mulia masok mengadap Raja Maha Besar serta bermohon balek ka-Kedah. Maka Raja Maha Besar membenarkan ia balek. Maka belayar-lah duli Sultan Yang Maha Mulia menuju ka-Kedah. Tiada berapa lama di-dalam pelayaran itu maka pada sembilan belas haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga belas (1313) bersamaan 9 Oktober tahun Masehi 1895 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian pengiring2-nya pun sampai-lah di-Kedah, lalu naik bersemayam di-dalam Kota Setar.

Ka-Patani

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga belas (1313) pada sa-puluh haribulan Sha'ban bersamaan 26 Januari tahun Masehi 1896, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-negeri Patani⁽¹⁾ mengambil ketahui hal ahwal negeri itu ia-itu negeri Tiba dan Nunchit dan Chenek dan Kuala Bekah dan Legeh, Yala dan Reman. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat balek

1. Sa-buah wilayah dalam Siam berperenggan dengan Kedah dan Perak.

melalui Baling. Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga belas (1313) pada delapan haribulan Shawal bersamaan 23 Mach tahun Masehi 1896 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dan yang mengiringnya itu sampai di-Kedah dengan selamatnya.

Shahadan, dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga belas (1313) pada dua puluh empat haribulan Zulke'dah bersamaan 7 Mei tahun Masehi 1896 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia gering. Maka gering baginda itu menjadi bertambah berat hingga pada dua haribulan Zulhijjah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga belas (1313) bersamaan 15 Mei tahun Masehi 1896 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia tiada boleh keluar. Oleh kerana hal yang demikian sakalian pekerjaan negeri itu di-pangku oleh paduka adinda duli Tengku Abdul Aziz, Raja Muda Yang Maha Mulia.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat belas (1314) pada lima haribulan Zulhijjah bersamaan 17 Mei tahun



Al-marhum Tengku Abdul Aziz,
Raja Muda.

Masehi 1897 Raja Maha Besar Siam serahkan negeri Perlis dan Setol kapada Kerajaan Kedah supaya menjaga-nya. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus enam belas (1316) pada tiga puluh haribulan Rajab bersamaan 14 Disember tahun Masehi 1898 Wan Muhammad Saman Perdana Menteri kembali ka-rahmatu'l-lahi ta'ala.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tujuh belas (1317) pada sa-puluh haribulan Zulke'dah bersamaan 12 Mach tahun Masehi 1900 kerajaan benua Siam menghantar ka-Kedah dua orang puteh disuroh menyukat laut di-sabelah Pulau Langkawi. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh (1320) bersamaan tahun Masehi 1902 jalan besar daripada simpang Jitra pergi ka-negeri Perlis itu mulai di-buat oleh Wan Yahya ia-itu Secretary Kerajaan yang pada masa itu berpangkat District Officer, Chunglon.⁽¹⁾

Sultan ka-Siam

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh satu (1321) pada dua puluh delapan haribulan Rajab bersamaan 20 Oktober tahun Masehi 1903 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat daripada Kedah pergi ka-Pulau Pinang dalam perjalanan hendak berangkat ka-benua Siam kerana di-persilakan oleh Raja Maha Besar yang hendak membuat khenduri besar dan perkara² lain di-dalam benua Siam itu. Ada pun yang mengiring duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia itu ia-lah duli Tengku Mahmud dan paduka anakanda duli Tengku Ibrahim dan paduka anakanda duli Tengku Dai dan Tuan Syed Muhammad Shahabuddin dan Wan Abdul Ghani dan Enche' Muhammad Ariffin, Secretary, dan Enche' Muhammad Hassan dan delapan orang surohan. Maka pada delapan haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh satu (1321) hari Juma'at bersamaan 30 Oktober tahun Masehi 1903 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan yang mengiring-nya sampai di-benua Siam. Maka mereka berhenti di-rumah Tamrun Noton yang kerajaan Siam sediakan itu, ia-itu di-tepi sungai Besar.

Ada pun waktu² duli baginda Sultan Yang Maha

1. Pegawai Daerah Chunglon.

Mulia berserta duli Tengku2 yang tersebut itu mengadap Raja Maha Besar pada masa bersemayam di-Bangkok itu ia-lah di-majlis2 jamuan dan kadang2 di-majlis permainan. Apakala selesai sakalian khenduri yang tersebut itu maka pada dua puluh sembilan hari-bulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh satu (1321) bersamaan 20 November tahun Masehi 1903, duli baginda Sultan Yang Maha Mulia serta dengan duli Tengku2 yang tersebut pergi mengadap Raja Maha Besar di-balai penghadapan bermohon berangkat balek ka-Kedah. Maka pada empat belas haribulan Ramadhan tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh satu (1321) bersamaan 4 Disember tahun Masehi 1903, duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia serta dengan duli Tengku2 yang



Sa-kumpulan orang besar2 Siam dan anak raja2 Kedah bergambar di-Pulau Pinang pada 5hb. Disember, 1897 kerana menyambut raja Siam, Chulalongkora, daripada lawatan baginda ka-Eropah. Dalam gambar ini kelihatan dari kiri ka-kanan No. 4, Tengku Kudin, No. 6 Tengku Dhia'uddin (Viceroy Selangor 1867—1880); No. 8, Tengku Abdul Aziz adinda Sultan Kedah. Berdiri, baris pertama No. 3 dari kanan Syed Sofi dari Perlis, No. 2, dari kanan Tengku Muhammad dari Setol. (Dengan ihsan Arkib Negara).

mengiring itu sampai balek di-Kedah dan selamat, demikian-lah ada-nya.

Shahadan, dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh dua (1322) pada sa-haribulan Rabi'ul-awwal hari Selasa bersamaan 15 Jun tahun Maschi 1804 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mulai membuat pekerjaan mengahwinkan putera2-nya. Pertama-nya di-kahwinkan duli Tengku Ibrahim dengan Tengku Aishah putera duli Tengku Abdul Aziz, Raja Muda; dan yang kedua-nya di-kahwinkan Tengku Zainal Rashid timang2an Tengku Dai dengan Tengku Nyan putera Tengku Bahador Shah; dan yang ketiga-nya di-kahwinkan Tengku Jam-Jam timang2an Tengku Po' dengan Tengku Hamid putera Tengku Abdullah; dan yang keempat-nya di-kahwinkan Tengku Rokiah dengan Tengku Baharom putera Tengku Muhammad Ariffin; dan yang kelima-nya di-kahwinkan Tengku Jura dengan Tuan Syed Zahir chuchu Tengku Ismail, Raja Setol. Maka pekerjaan kahwin itu di-jalankan pada berlainan hari sa-hingga-lah habis pekerjaan itu, ada-nya.

BAB XVIII

KEDAH MENJADI TA'ALOK INGGERIS

Meminjam wang daripada Siam

Shahadan dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh dua (1322) pada dua puluh sembilan hari-bulan Zulhijjah bersamaan 6 Mach tahun Masehi 1905 duli Tengku Abdul Aziz Raja Muda berangkat pergi ka-benua Siam kerana hendak meminjam rial. Apakala telah tetap mendapat pinjaman itu duli Tengku Abdul Aziz Raja Muda berangkat balek ka-Kedah mema'alumkan hal itu kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bersetuju-lah saperti maksud Raja Muda itu. Akhir-nya duli Tengku Abdul Aziz Raja Muda itu berangkat pergi ka-benua Siam memutuskan perkiraan pinjaman rial itu. Maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia membuat suatu surat perjanjian mengenai pinjaman rial itu.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tiga (1323), pada lima belas haribulan Jamadi'l-awal hari Selasa bersamaan 18 Julai tahun Masehi 1905 duli Tengku Abdul Aziz Raja Muda dan Tuan W. F. Williamson Adviser⁽¹⁾ sampai di-Kedah kerana Kerajaan Raja Maha Besar Siam memberi pinjaman dua million enam ratus ribu ringgit (\$2,600,000) itu kepada kerajaan Kedah. Maka pada

1. Penasihat (Ing.)

dua puluh enam haribulan Jamadi'l-awwal hari Sabtu tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tiga (1323) bersamaan 29 Julai tahun Masehi 1905 Raja Maha Besar Siam pun menyambut-lah surat mengenai pinjaman rial yang di-bawa oleh duli Tengku Abdul Aziz, Raja Muda dan Tuan W. F. Williamson itu di-balai penghadapan saperti adat menyambut surat Raja Maha Besar benua Siam.

Apakala selesai istiadat yang demikian itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menetapkan duli Tengku Abdul Aziz, Raja Muda, menjadi President State Council⁽¹⁾ dan W. F. Williamson di-angkat menjadi Financial Adviser⁽²⁾ di-dalam negeri Kedah.

Maka pada sa-haribulan Jamadi'l-akhir, State Council menetapkan jalan2 dan peratoran2 negeri Kedah mengikut adat negeri besar2 dan perkara itu di-ator oleh Tuan W. F. Williamson, Adviser. Maka yang menjadi member2⁽³⁾ yang menjalankan pekerjaan itu ia-lah Tuan Haji Muhammad Hakim dan Tuan Syed Abdullah Al-Mahdani dan Enche' Muhammad Ariffin, Secretary dan lain2 pegawai, masing2-nya dengan pekerjaan masing2. Demikian-lah peratoran di-dalam negeri Kedah. Maka di-bayar-lah sakalian hutang2 dengan saudagar2 dan lain2 itu.

Apakala selesai sakalian-nya maka W. F. Williamson bermuafakat dengan duli Tengku Abdul Aziz, Raja Muda supaya di-ma'alumkan kapada Raja Maha Besar Siam di-Bangkok yang pekerjaan yang di-titahkan kapada W. F. Williamson jalankan di-Kedah itu sudah di-jelaskan sakalian-nya.

Hatta, Raja Maha Besar Siam meminjam daripada kerajaan Inggeris sa-orang pegawai yang bekerja di-India untuk menggantikan Tuan W. F. Williamson menjadi Adviser di-dalam negeri Kedah, demikian-lah.

1. Yang di-Pertua Mesnuarat Perundangan Negeri (Ing).


2. Penasihat Kewangan (Ing).

3. Ahli2 (Ing).

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tiga (1323) pada dua haribulan Jamadi'l-akhir bersamaan 4 Ogos tahun Masehi 1905 Tuan W. F. Williamson pun berchuti dan bermohon belayar dari Kedah. Shahadan dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tiga (1323) pada sa-belas haribulan Jamadi'l-akhir bersamaan 13 Ogos tahun Masehi 1905 sampai-lah Tuan J. C. Hart di-Kedah, di-hantarkan oleh Raja Maha Besar Siam untuk menjadi Adviser mengganti Tuan W. F. Williamson. Maka ia di-terima oleh orang besar2 Kedah dengan chukup kehormatan. Maka ia berhenti di-rumah batu Bakar Bata, demikian-lah.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tiga (1323) pada dua puluh delapan haribulan Zulke'dah hari Rabu bersamaan 24 Januari tahun Masehi 1906 Konsol Inggeris⁽¹⁾ mulai masok ka-Kedah mengambil bichara akan orang2-nya. Namanya ia-lah Tuan Meadows-Frost. Maka tetap-lah Tuan Meadows Frost dudok di-Bakar Bata itu.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh empat (1324), pada dua puluh satu haribulan



Balai Besar Kerajaan Kedah.

1. Wakil kerajaan (Inggeris).

Ramadhan, duli Tengku Abdul Aziz Yang Maha Mulia mempertetapkan Office⁽¹⁾ meshuarat di-atas balai besar.

Dalam hal yang demikian di-takdirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada delapan belas haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh lima (1325) hari Khamis bersamaan 30 Mei tahun Masehi 1907 waktu jam pukul enam empat puluh minit petang duli Tengku Abdul Aziz Raja Muda Yang Maha Mulia mangkat di-rumah-nya di-Pompong di-sebabkan oleh penyakit sebak. Maka pada hari Juma'at sembilan belas haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh lima (1325) jenazah Raja Diraja Al-marhum itu di-bawa mengikut adat yang telah di-adatkan dan di-makamkan di-Kota Langgar, demikian-lah.

Shahadan, pada dula puluh haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh lima (1325) bersamaan 4 Jun tahun Masehi 1907 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengangkat paduka adinda Tengku Mahmud Yang Maha Mulia menjadi President State Council mengganti dan mengambil alih pekerjaan duli Al-marhum Tengku Abdul Aziz Yang Maha Mulia, dan lagi duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengangkat paduka anakanda baginda Tengku Ibrahim menjadi Inspector General.⁽²⁾

Ada pun pada masa duli baginda Sultan Yang Maha Mulia memerintah negeri Kedah Daru'l-aman ini banyak bandar2 di-dalam perentah negeri Kedah menjadi bertambah2 ramai penduduk-nya. Maka bertambah2 ramai saudagar2 masok berniaga di-dalam negeri Kedah dan mengambil tanah dan banyak hutan2 yang di-jadikan kebun. Maka pada masa duli baginda Sultan Yang Maha Mulia-lah di-perbuatkan jambatan besi dan titi besi dan Masjid Zahir di-

1. Pejabat.

2. Ketua Polis Negara (Istilah di-pakai sekarang).

Kota Setar dan di-perbuat kota besar, Mahkamah Kechil, Polis Station⁽¹⁾ dan balai nobat, rumah jam dan juga di-hias segala jalan2. Maka banyak lagi yang lain2 yang bertambah yang tiada di-sebutkan didalam Tawarikh ini.

Hatta, maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh enam (1326) pada sa-haribulan Sha'ban hari Sabtu bersamaan 29 Ogos tahun Masehi 1908 waktu jam pukul lima petang duli baginda Yang Di-Pertuan Maha Mulia berangkat pergi ka-Kepala Batas kerana membuka titi besi yang sudah di-siap-kan itu ia-itu mulai membenarkan orang2 berjalan di-atas-nya. Pada waktu itu ramai-lah raja2 dan orang besar2 dan orang pu-
teh pekerjaan ada ha-
dhir.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh enam (1326) pada sa-hari-bulan Shawal hari Selasa bersamaan 27 Oktober tahun Masehi 1908, tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia menitah-kan paduka adinda Tengku Mahmud, Pre-sident State Council pergi ka-Bangkok sa-bagai ganti duli bagin-da Yang Maha Mulia yang di-persila oleh Raja Maha Besar



Yang Teramat Mulia Al-marhum
Tengku Mahmud ibni Al-marhum
Sultan Ahmad Tajuddin (Re-
gent). Mangkat pada 5. 11. 1937.
(Dengan ihsan Muzium Kedah)

1. Balai Polis.

Siam yang hendak perbuat khenduri umor-nya kerana menyambut hari lahir-nya yang keempat puluh satu.

Hatta, dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh enam (1326) pada empat belas haribulan Zulke'dah bersamaan 8 Disember tahun Masehi 1908 cherpu duli Tengku Mahmud President State Council membawa balek dari Bangkok bintang² yang di-beri oleh Raja Maha Besar kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia kerana khenduri umor-nya ia-itu empat puluh satu tahun itu, dan yang dua biji lagi itu di-suroh oleh Raja Maha Besar kurniakan kepada paduka anakanda Tengku Ibrahim, Inspector General, sa-biji dan sa-biji kepada Tuan G. C. Hart Adviser. Maka akan bintang² yang tersebut itu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia serah kepada mereka itu di-majlis Kampong Baru, demikian-lah adanya.

Kedah di-serah kepada Inggeris

Sa-bermula tersebut-lah surat Tuan Gabenor Singapura. Dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) pada tujuh belas haribulan Jamadi'l-awwal hari Ahad besamaan 6 Jun tahun Masehi 1909, surat Tuan Yang Terutama Gabenor sampai kepada duli baginda Sultan Abdul Hamid Halim Shah Yang Maha Mulia. Maka bunyi surat itu adalah saperti di-bawah ini, dan ini-lah copy⁽¹⁾ surat yang di-beri oleh Sir John Anderson, K.C.M.G., Gabenor yang memerintah tiga buah negeri kepada tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia, wa ba'dahu, kemudian daripada itu:

"Ahwal, beta ma'alumkan bahawa ada-lah suatu muafakat yang telah di-bicharakan antara kerajaan duli Yang Maha Mulia Raja benua Inggeris dan kerajaan duli Yang Maha Mulia Raja benua Siam, maka

1. Salinan (Inggeris).

keputusan muafakat ini ia-lah suatu treaty, ya'ani surat perjanjian yang telah di-selesaikan di-antara kedua2 raja2 yang tersebut yang akan di-tetapkan di-dalam sadikit masa lagi."

"Ada pun treaty2 ini ia-lah perjanjian Raja benua Siam menukar atau memulangkan hak dan perentah-nya di-atas ta'alok-nya negeri Kedah kapada Raja benua Inggeris akan menetapkan sa-orang penasihat menolongi Seri Paduka sahabat beta ganti penasihat yang di-letakkan oleh Raja benua Siam itu, dan raja benua Siam itu tidak kelak menjalankan sa-barang apa perintah di-dalam kira bichara negeri Seri Paduka sahabat beta. Oleh itu tiada apa2 lagi, hanya Seri Paduka sahabat beta akan memandang kapada Raja benua Inggeris sahaja. Maka hal ingatan Raja benua Inggeris kapada Seri Paduka sahabat beta itu telah mu'tabar dan tetap-lah beta fikir yang sahabat beta tiada kelak mashghul mendengarkan Raja benua Inggeris menggantikan Raja benua Siam di-dalam kira bichara yang berkenaan dengan negeri Seri Paduka sahabat beta itu. Dan lagi, tentu-lah Raja benua Siam itu mema'alumkan hal ini kapada Seri Paduka sahabat beta."

"Apabila telah tetap surat perjanjian itu dan ter-serah ta'alok-nya kapada Raja benua Inggeris maka niat beta, apakala tetap surat perjanjian yang tersebut itu, hendak mari melawat Seri Paduka sahabat beta supaya dapat beta menerangkan dan menyatakan segala hal ahwal dengan chukup-nya kapada Seri Paduka sahabat beta dan jua mengenalkan Seri Paduka sahabat beta dengan pegawai yang telah di-pilih oleh Raja benua Inggeris menjadi penasihat kapada Seri Paduka sahabat beta."

"Tiada apa2 lagi hendak di-sebutkan, hanya di-iringi dengan tabek jua berbanyak2, ada-nya, tamat."

"Termaktub di-dalam bandar Singapura pada tiga puluh satu (31) Mei sa-ribu sembilan ratus sembilan

(1909) bersamaan sa-belas haribulan Jamadil'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327)."⁽¹⁾

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) malam Ahad sa-haribulan Jama-di'l-akhir waktu jam pukul tujuh bersamaan 20 Jun tahun Masehi 1909 Tuan W. F. Williamson sampai di-Kedah dengan kapal kerajaan Siam Tongka yang bernama Talang. Maka ia di-sambut oleh segala orang besar² Kedah dengan chukup kehormatan. Adalah kedatangan Tuan W. F. Williamson ka-Kedah itu ada-lah dengan titah Raja Maha Besar Siam kerana hendak mengganti Tuan J. C. Hart kerana Tuan J. C. Hart itu dengan hukum kerajaan-nya di-suroh balek ka-India. Tuan W. F. Williamson berhenti di-rumah batu Bakar Bata. Maka pada keesokan hari-nya Tuan W. F. Williamson menerima pekerjaan-nya.

Maka pada malam Isnin dua haribulan Jamadi'l-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) waktu jam pukul sa-puluh bersamaan 21 Jun tahun Masehi 1909, Tuan J. C. Hart bermohon belayar dari Kedah ka-Pulau Pinang hendak balek ka-India, demikian-lah ada-nya.

Shahadan, dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) pada dua puluh dua haribulan Jamadi'l-akhir hari Ahad bersamaan 11 Julai tahun Masehi 1909 waktu jam pukul tiga petang duli Tengku Mahmud, President State Council dan duli Tengku Ibrahim Inspector General dan Enche' Muhammad Ariffin Secretary pergi mengadap duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia mema'alumkan kepada baginda yang kerajaan Raja Maha Besar Siam sudah tetap hendak tukar naung negeri Kedah dan Perlis kepada kerajaan Raja benua Inggeris.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) pada dua puluh lima haribulan

1. Di-salin terus dari naskbah asal.

Jamadi'l-akhir hari Rabu waktu jam pukul lima petang bersamaan 14 Julai tahun Masehi 1909, Tuan W. F. Williamson dan duli Tengku Mahmud President State Council dan Tuan Syed Muhammad Shahbuddin Auditor General membawa Prak Wichit ia-itu pegawai Singgora yang membawa surat tera Raja Maha Besar itu masuk menghadap duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia mempersembahkan surat mengenai ketetapan perjanjian di-antara kerajaan benua Siam dengan kerajaan Maha Besar Raja benua Inggeris yang negeri Kedah dan Perlis itu bertukar naung-nya kepada Raja Maha Besar benua Inggeris, demikianlah ada-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) pada dua puluh enam haribulan Jamadi'l-akhir bersamaan 15 Julai tahun Masehi 1909, hari Khamis waktu jam pukul sa-belas pagi, Tuan W. G. Maxwell sampai di-Kedah dengan kapal puteh Company Inggeris. Ia di-sambut oleh segala orang besar2 Kedah dengan chukup hormat-nya di-jambatan besi, lalu menaiki kereta bogi langsung pergi berhenti di-rumah batu Bakar Bata ia-itu waktu jam pukul empat petang. Maka surat yang di-bawa oleh Tuan W. G. Maxwell memberi hormat lalu membacha surat Tuan Yang Terutama Gabenor Singapura fasal perjanjian di-antara Raja Maha Besar Siam dan Raja Maha Besar benua Inggeris akan bertukar-nya naung negeri Kedah dan juga fasal rial yang di-pinjam oleh kerajaan Kedah daripada Kerajaan Siam itu sudah di-bayar oleh Kerajaan Inggeris kepada Kerajaan Siam. Maka waktu itu Tuan W.F. Williamson Adviser pun menyerahkan kepada Tuan W. G. Maxwell pekerjaan-nya bagi pehak kerajaan Siam. Maka pada waktu itu-lah Tuan W. G. Maxwell menerima penyerahan Tuan W. F. Williamson akan pekerjaan Adviser itu dengan beberapa perkataan yang halus di-hadapan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, dan penyerahan Tuan W. F. Williamson

itu juga dengan beberapa perkataan yang halus. Apakala habis perkataan kedua2-nya itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun bangkit lalu bertitah, "Saya sangat suka hati di-atas pertolongan Raja benua Inggeris itu. Mudah2an Raja benua Inggeris itu mendapat kesenangan, dan akan bertambah2 ramai orang2 yang bernaung di-bawah-nya." Maka sakalian orang besar2 di-majlis itu pun mengadap memberi hormat kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Maka masing2 pun dudok-lah mengikut taraf masing2, demikian-lah ada-nya.

Maka pada dua puluh tujuh haribulan Jamadi'l-akhir, tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) hari Juma'at bersamaan 16 Julai tahun Masehi 1909 Tuan W. G. Maxwell mulai melawat ka-office.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) pada dua puluh sembilan haribulan Jamadi'l-akhir hari Ahad bersamaan 18 Julai tahun Masehi (1909) waktu jam pukul empat petang duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia sainkan⁽¹⁾ dua puchok surat hendak di-hantarkan ka-Bangkok dan kepada Tuan Gabenor Singapura mengenai perenggan antara Kedah dan Siam. Maka pada masa menyain surat2 itu Tuan Syed Muhammad Shahabuddin, Auditor General dan Enche' Muhammad Ariffin, Secretary, ada mengadap. Maka waktu jam pukul empat tiga puluh minit petang itu juga Tuan W. F. Williamson dan Tuan W. G. Maxwell, Adviser, dan duli Tengku Mahmud President State Council, mengadap duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia. Maka Tuan W. F. Williamson mema'alum bermohon hendak balek ka-Bangkok. Maka pada sa-haribulan Rajab Tuan W.G. Maxwell mema'alum memohon hendak dudok di-rumah batu Bakar Bata, serta mema'alumkan mengenai gaji-nya itu sudah tetap pada sa-bulan sabanyak tujuh ratus delapan puluh delapan rial

1. Tandatangan.

(\$788.00). Maka pada waktu jam pukul lima suku petang sakalian-nya bermohon balek, demikian-lah ada-nya. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) sa-haribulan Rajab ia-itu hari Isnin bersamaan 19 Julai tahun Masehi 1909, Tuan W. F. Williamson bermohon belayar dari Kedah balek ka-Bangkok, demikian-lah ada-nya.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) hari Selasa waktu jam pukul empat petang, sembilan haribulan Rajab bersamaan 27 Julai tahun Masehi 1909, duli Tengku Mahmud President, State Council, dan Tuan W. G. Maxwell dan Tuan Syed Muhammad Shahabuddin Auditor General dan Enche' Muhammad Ariffin Secretary masuk mengadap duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia di-Kampong Baru. Ada pun Tuan W. G. Maxwell mengadap itu ia-lah kerana ia ada menerima hukum daripada Tuan Gabenor, Singapura, supaya ma'alumkan kepada duli Yang Di-Pertuan mengenai perenggan Singgora dengan Kedah itu ia-itu di-pakai saperti permintaan Raja benua Siam. Akan Sadao itu termasuk di-dalam perintah negeri Singgora, Sa-telah dudok sa-ketika sakalian-nya bermohon, demikian-lah ada-nya.

Gabenor Singapura datang ka-Kedah

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) pada dua puluh haribulan Rajab bersamaan 7 Ogos tahun Masehi 1909, hari Sabtu waktu jam pukul empat petang Tuan Yang Terutama Gabenor Besar, Singapura, sampai di-Kedah dengan kapal kenaikan kerajaan Ingeris. Maka kapal perang-nya itu di-tinggalkan di-laut, dan tiga orang mem2-nya pun di-tinggal di-dalam kapal di-laut. Ada pun yang mengiring-nya itu ia-lah Tuan Resident, Kelang, dan General Perang dan edikong-nya dan secretary-nya. Apakala sampai di-jambatan besi yang telah

di-hiaskan itu maka ia di-sambut dengan chukup kehormatan oleh duli Tengku Mahmud President State Council, dan duli Tengku Ibrahim, Inspector General, dan segala pegawai2 kerajaan yang hadhir menanti di-situ. Maka di-tembak meriam tujuh belas das dan di-mainkan nobat nafiri. Maka Tuan Yang Terutama Gabenor Besar, Singapura, naik bogi berangkat ka-Balai Besar. Pada ketika itu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia ada hadhir di-Balai Besar, lalu berhormat2an-lah kedua-nya langsung naik ka-atas Balai. Maka sakalian orang besar2 kerajaan pun naik lalu dudok mengikut taraf masing2. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika Tuan Yang Terutama dan sakalian-nya bermohon ka-Bakar Bata.

Maka pada waktu jam pukul lima petang duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia berangkat pergi berjumpa dengan Tuan Yang Terutama di-Bakar Bata, di-iringi oleh paduka adinda duli Tengku Mahmud, President, State Council. Sa-telah dudok berkata2 sa-ketika duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia berangkat ka-Kampung Baru.

Hatta pada hari Ahad dua puluh satu haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tujuh (1327) bersamaan 8 Ogos tahun Masehi 1909 waktu jam pukul sa-belas sa-tengah, duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-Bakar Bata, di-iringi oleh paduka adinda duli Tengku Mahmud, President, State Council, dan duli Tengku Bahadur Shah, Edikong, berjumpa Tuan Yang Terutama Gabenor. Maka duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia berchakap2 mengenai perenggan di-antara Kedah dan Siam dan mengenai setem yang hendak dipakai di-dalam negeri Kedah dan juga mengenai tali-gerap. Maka duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia memberi sa-puchok surat kepada Tuan Yang Terutama Gabenor mengenai perkara2 yang tersebut itu. Maka pada waktu jam pukul dua belas sa-

tengah ia pun di-jamu oleh Tuan Gabenor dengan chukup adat. Maka pada waktu jam pukul dua suku petang Tuan Yang Terutama Gabenor dan duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia naik bagi berangkat pergi ka-jambatan besi bersama2 dengan yang mengiring mereka itu. Apakala sampai di-jambatan besi itu pada ketika itu sepahi pun memberi hormat dengan chukup adat, demikian juga segala pegawai2 kerajaan yang menanti di-jambatan itu. Maka di-tembak meriam tujuh belas das dan di-mainkan nobat nafiri dan berhormat2an-lah antara kedua2 pehak itu. Tuan Yang Terutama bermohon kapada duli baginda Yang Di-perutusan Yang Maha Mulia, lalu ia pun turun ka-kapal bersama2 dengan pengiring2-nya langsung belayar menuju ka-Kuala Kedah. Daripada Kuala ia menuju ka-kapal perang-nya. Maka kapal perang itu pun belayar-lah menuju ka-Pulau Pinang, demikianlah ada-nya.

Hatta pada dua puloh sembilan haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh tujuh (1327) hari Isnin bersamaan 16 Ogos tahun Masehi 1909 Tuan W. G. Maxwell membuka tiang mendera di-rumah Consul Inggeris dan di-bawa pergi ka-rumah batu Bakar Bata. Pada hari Selasa tiga puloh haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh tujuh (1327) bersamaan 17 Ogos tahun Masehi 1909 waktu jam pukul satu tengah hari, di-dirikan tiang bendera di-rumah batu Bakar Bata ia-itu di-tempat Tuan W. G. Maxwell dudok itu. Maka pada delapan belas haribulan Dzulke'dah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh tujuh (1327) bersamaan 1 Disember tahun Masehi 1909 hari Rabu, di-tetapkan muafakat hendak perbuat setem Kedah untok di-pakai di-dalam negeri. Dalam bulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh tujuh (1327) bersamaan bulan Oktober tahun Masehi 1909, bunga emas dan bunga perak yang kerajaan Kedah selalu hantarkan ka-benua Siam

itu di-titahkan oleh tapak cherpu duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia supaya di-hantarkan kepada Tuan Yang Terutama Gabenor Singapura dan di-minta Tuan Gabenor itu hantarkan ka-Eropah.

Hatta pada sa-puluh haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh delapan (1328) hari Selasa bersamaan 22 Mach tahun 1910 duli Tengku Mahmud President, State Council, dan Tuan W.G. Maxwell dan Enche' Muhammad Ariffin Secretary Kerajaan, pergi mengadap duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia mempersembahkan surat menteri Raja Maha Besar benua Eropah yang menyatakan Raja Maha Besar benua Eropah banyak berterima-kaseh di-atas hantaran bunga emas bunga perak daripada kerajaan Kedah itu.

Maka pada delapan belas haribulan Dzulke'dah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh delapan (1328) bersamaan 21 November tahun Masehi 1910, hari Isnin waktu jam pukul tiga petang, duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia menyainkan kebenaran yang putera-nya duli Tengku Ibrahim Inspector General, itu menjadi member State Council saperti permintaan Tengku Mahmud President Council dan Tuan W.G. Maxwell itu.

BAB XIX

KEDAH DI-PERENTAH OLEH REGENT

Sultan Kedah ka-Eropah

Shahadan lagi, pada lima belas haribulan Jama-di'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh sembilan (1329) bersamaan 14 Mei tahun Masehi 1911 hari Ahad waktu jam pukul sembilan pagi, duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-Pulau Pinang kerana hendak berangkat ka-Eropah. Maka pada hari Sabtu dua puluh satu hari-bulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh sembilan (1329) bersamaan 20 Mei tahun Masehi 1911 waktu jam pukul tiga petang duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia dengan sakalian yang mengiringi-nya naik ka-kapal Mail bernama Gibraltar hendak belayar ka-Eropah bersama2 dengan orang besar2-nya. Ada pun yang mengiring duli ba-ginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia ka-Eropah itu ia-lah duli Tengku Mahmud, President State Council, dan duli Tengku Bahadur Shah, Edikong, dan Tuan Syed Muhammad Shahabuddin, Auditor General dan Tuan Cavendish, Assistant Adviser⁽¹⁾ dan Enche' Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhammad Arshad dan Wan Ahmad. Maka pada malam itu juga belayar-lah kapal itu menuju ka-Eropah.

1. Penolong Pegawai Penasihat.

Ada pun takhta kejaraan negeri itu duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia serahkan kepada paduka anakanda baginda duli Tengku Ibrahim, Inspector General menggantikan-nya dan juga mengambil alih pekerjaan-nya dan juga memegang ganti pekerjaan President State Council. Maka akan pekerjaan Inspector General itu di-pegang ganti sementara oleh paduka adinda Tengku Ismail, District Officer.

Hatta, sa-telah tiada berapa lama di-dalam pelayaran itu maka duli baginda Sultan Yang Maha Mulia pun sampai-lah di-Eropah. Maka ia di-sambut oleh sepahi2 di-kapal. Sa-telah itu sepahi2 itu mengiringi-nya hingga sampai di-setesen keretapi. Dripada setesen keretapi itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia menaiki motokar langsung pergi bersemayam di-Hotel Cecil, demikian-lah ada-nya.

Ada pun pada masa duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia dudok di-London itu ada hari-nya duli baginda Sultan Yang Maha Mulia mengadap Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King George. Kadang2 duli baginda berjumpa dengan Perdana Menteri Besar. Hatta pada masa hari Coronation duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King George ia-itu pada masa ia memakai mahkota, maka duli baginda Yang di-pertuan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya ada hadhir di-majlis itu. Apakala selesai majlis yang demikian itu duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian-nya berangkat balek bersemayam di-Hotel Cecil.

Maka pada sa-haribulan Rajab tahun Hijrah saribu tiga ratus dua puluh sembilan (1329) hari Khamis bersamaan 28 Jun tahun Masehi 1911 waktu jam pukul sa-puluh pagi duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian yang mengiringi-nya mengambil gambar di-dalam Hotel Cecil, London. Ada pun pada masa duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-dalam London itu banyak-lah tempat2 yang duli ba-

ginda Sultan Yang Maha Mulia berangkat, dan tiada-lah di-sebutkan di-dalam Tawarikh ini.

Hatta, maka pada sa-puluh haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh sembilan (1329) bersamaan 7 Julai tahun Masehi 1911 duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian yang mengiring-nya berangkat menaiki kereta pergi ka-Setesen Dover ia-itu suatu tempat hendak menyeberang ka-tanah Peranchis. Apabila sampai di-sana mereka pun menaiki kapal keretapi menyeberang ka-Tanah Peranchis. Pada ketika itu kerajaan Inggeris menembak meriam tujuh belas das dan memberi hormat kepada duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Hatta maka sampai-lah mereka di-saberang tanah Peranchis lalu menaiki keretapi. Pada keesokan hari-nya waktu jam pukul sa-puluh pagi mereka pun sampai-lah di-Mar-seille ia-itu suatu pelabuhan di-Peranchis. Sa-telah sampai masa-nya mereka menaiki kapal mail malam. Waktu jam pukul dua belayar-lah kapal itu menuju ka-sabelah timor dan berhenti di-suatu perhentian. Maka akhir-nya sampai-lah di-Pulau Pinang. Maka ramai-lah pegawai2 Kedah menanti menyambut duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-Pulau Pinang itu.

Hatta duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan sakalian yang mengiring-nya berangkat balek ka-Kedah dengan kapal "Seri Kedah". Mereka sampai di-Kedah pada sa-haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh sembilan (1329) bersamaan 28 Julai tahun Masehi 1911, di-sambut oleh segala pegawai kerajaan dan lain2-nya dengan chukup kehormatan, serta di-tembak meriam tujuh belas das. Maka bersemayam-lah duli baginda Sultan Yang Maha Mulia di-dalam istana dengan istirehat, demikian-lah ada-nya.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh sembilan (1329) pada tujuh haribulan Sha'ban bersamaan 3 Ogos tahun Masehi 1911 hari Khamis

waktu jam pukul dua petang, kerajaan Kedah menyambut surat Tuan Yang Terutama Gabenor Singapura, dan di-arak dengan nobat nafiri daripada kota besar naik ka-atas balai penghadapan, serta di-tembak meriam dua belas das kerana duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King George, mengurniai kapada duli baginda Yang Maha Mulia bintang yang bergelar K. C. M. G.

Maka pada keesokan hari-nya Tuan W. G. Maxwell mengadap duli Yang Maha Mulia mema'alumkan yang ia hendak berchuti sa-lama sembilan bulan dan pekerjaan-nya itu akan di-ganti sementara oleh Tuan Meadows Frost. Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh sembilan (1329) pada lima belas haribulan Shawal bersamaan 9 Oktober tahun Masehi 1911 Tuan W. G. Maxwell Adviser bermohon belayar dari Kedah. Maka Tuan Meadows Frost menjadi Adviser sementara.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh (1330) pada dua puluh tiga haribulan Rajab bersamaan 8 Julai tahun Masehi 1921 Tuan W. G. Maxwell Adviser balek daripada chuti dan menerima pekerjaan Adviser, demikian-lah ada-nya.

Perlantekan Regent Kedah

Shahadan lagi, pada dua puluh delapan haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh satu (1331) hari Khamis bersamaan 3 Julai tahun Masehi 1913 waktu jam pukul sa-belas empat puluh lima minit Tuan Yang Terutama High Commissioner Sir Arthur Young K.C.M.G., ia-itu Tuan Gabenor Singapura dan edikong-nya dan secretary-nya sampai di-Kedah dengan kapal perang, berhenti di-laut, dan di-sambut dengan kapal "Daru'l-aman" yang datang ka-jambatan besi yang kerajaan hiaskan itu. Apabila sampai di-jambatan besi itu Tuan Young Gabenor Singapura di-sambut oleh orang besar² Kedah

mengikut adat, serta di-tembak meriam tujuh belas das, dan sepahi yang sa-ramai tiga dozín⁽¹⁾ orang memberi hormat. Kemudian-nya ia naik motokar langsung pergi ka-Kampong Baru⁽²⁾ bersama2 orang besar2 Kedah berjumpa dengan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia. Sa-telah bechakap2 sa-ketika ia-itu hingga sampai pukul dua belas sa-puluh minit sakalian-nya pun berangkat daripada Kampong Baru pergi ka-Balai Besar. Pada ketika itu pegawai2 kepala pekerjaan yang besar2 ada hadir menanti di-Balai Besar itu. Maka di-sambut oleh orang2 besar ia-itu kepala2 pekerjaan, dengan chukup hormat. Maka dudok-lah sakalian-nya mengikut taraf masing2.

Maka duli Tengku Mahmud Yang Maha Mulia pun berdiri membacha surat mengenai perlantikan Tengku Ibrahim putera baginda Sultan Yang Maha Mulia yang sulong menjadi Regent memegang sakalian kekuasaan duli baginda Sultan Yang Maha Mulia, demikian-lah bunyi-nya:

"Ini-lah maksud State Council dengan sa-benar2-nya serta tulus ikhlas hati hendak ma'alumkan pada sakalian yang hadir itu di-dalam perkara yang telah



Yang Teramat Mulia Tengku Ibrahim ibni Al-marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Regent). Mangkat pada 30. 4. 1934.
(Dengan ihsan Muzium Kedah)

1. Dozin (daripada perkataan Inggeris 'dozen').
2. Sa-buah kampong dalam pekan Alor Setar.

di-adakan Regent ini; الحمد لله الذي حفظ كيان الأمة الإسلامية باستقامة ولاية الأمم على الأحكام الأزلية؛ وصلى الله على سيدنا محمد المبعوث رحمة للعالمين.

اما بعد الله ونشكره kami puji akan dia dan kami shukor akan dia di-atas barang yang telah menjadi akan persetujuan antara pendapat State Council negeri Kedah dan Yang Terutama Tuan Gabenor dengan Kerajaan England, serta telah di-benarkan oleh yang Maha Mulia lagi Maha Besar King ia-itu pada mengadakan Regent ya'ani ganti duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah di-dalam masa ia kegeringan ini dan di-angkat putera-nya yang sulong ia-itu duli Tengku Ibrahim Yang Maha Mulia menjadi Regent dan State Council pinta fatwa kapada Tuan Shaikh Muhammad Khayat, Shaikh ul-Islam negeri Kedah di-dalam syarat dha'if⁽¹⁾ Sultan Yang Maha Mulia saperti mana hukum shara', maka di-fatwa oleh Shaikh ul-Islam, maka kegeringan Sultan Yang Maha Mulia ini patut di-berhentikan-lah dahulu kerana sudah di-gugor sendiri daripada pangkat-nya, dan tiada kekurangan daripada pangkat Sultan-nya hanya tiada boleh memegang pekerjaan sahaja. Demikian-lah pendapat Shaikh ul-Islam hanya dengan peratoran ini supaya boleh jadi kebajikan di-atas duli baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan segala anak chuchu-nya di-negeri dengan segala ahli2-nya berpanjang2an pergi kahadapan."⁽²⁾

Sa-telah habis duli Tengku Mahmud Yang Maha Mulia membacha surat itu maka berdiri-lah pula Tuan Yang Terutama Gabenor membacha titah duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King George Raja England yang sudah menetapkan duli Tengku Ibrahim

1. Lemah.

2. Boleh di-faham maksud-nya "Naib Raja".

Yang Maha Mulia menjadi Regent. Sa-telah itu Tuan Gabenor memberi beberapa nasihat bagi kebaikan negeri. Maka pada masa habis perkataan Tuan Gabenor itu waktu jam pukul dua belas empat puluh lima minit. Maka di-mainkan nobat nafiri di-atas pintu kota dan di-tembak meriam dua belas das. Maka sepih² di-hadapan balai besar itu pun memberi hormat di-atas pekerjaan itu.

Sa-telah nobat berhenti di-mainkan maka bertelut pula Secretary Tuan Gabenor di-hadapan itu lalu berseru² dengan bahasa Melayu mengatakan titah duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King George Raja England yang duli Tengku Ibrahim Yang Maha Mulia sudah menjadi Regent, dan dengan beberapa perkataan² yang elok ia memberi sakalian pegawai² negeri harti. Kemudian daripada itu, Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidek Chief Kadhi⁽¹⁾ pun membacha do'a selamat di-atas duli Tengku Ibrahim Yang Maha Mulia yang telah di-tetapkan terhimpun-nya sakalian kekuasaan Sultan kapada-nya. Sa-telah dudok sa-ketika Tuan Gabenor dan duli Tengku Mahmud Yang Maha Mulia pun berangkat pergi ka-Bakar Bata bersama² sakalian orang besar² kepala pekerjaan. Maka pada waktu jam pukul empat petang itu juga duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia berangkat pergi ka-Bakar Bata berjumpa Tuan Gabenor. Maka yang mengiring duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia itu ia-lah duli Tengku Bahadur Shah, Edikong. Pada waktu jam pukul empat empat puluh lima minit petang duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia berangkat balek ka-kampong Baru.

Maka pada malam Juma'at dua puluh sembilan hirbulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh satu (1331) bersamaan 4 Julai tahun Masehi 1913 waktu jam pukul sa-puluh malam, Tuan Yang Terutama Gabenor dan secretary-nya dan edikong-nya

1. Ketua Kadhi; Kadhi Besar.

berangkat daripada Bakar Bata pergi ka-jambatan besi hendak naik kapal balek ka-Pulau Pinang diiringi oleh segala orang besar2 kepala pekerjaan dengan menaiki kapal 'Daru'l-aman' menuju ka-kapal perang-nya, demikian-lah ada-nya.

Kekuasaan Regent

Maka pada hari Juma'at dua puluh sembilan haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh satu (1331) bersamaan 4 Julai tahun Masehi 1913, duli Tengku Mahmud Yang Maha Mulia membacha surat mengenai perkara yang tersebut itu di-masjid. Hatta tetap-lah duli Yang Maha Mulia Regent memerintah negeri Kedah di-atas sakalian kekuasaan duli baginda Yang Maha Mulia Sultan dengan adil-nya dan sentiasa mengambil insaf di-atas segala ra'ayat isi negeri. Ada pun duli Yang Maha Mulia Regent itu sentiasa-lah bermuafakat dengan Seri Paduka ayahanda duli Tengku Mahmud President State Council dan Tuan Adviser dan Secretary Kerajaan dan member2 State Council di-dalam menjalankan sa-barang undang2 peratoran yang memberikan kebajikan pada negeri. Demikian-lah duli Yang Maha Mulia Regent memerintah negeri Kedah Daru'l-aman. Maka segala pegawai pekerjaan dan ra'ayat isi negeri sangat suka kerana duli Yang Maha Mulia Regent itu menerima kekuasaan Sultan Yang Maha Mulia itu, demikian-lah hal-nya.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh dua (1332) pada tujuh belas haribulan Rajab bersamaan 11 Jun tahun Masehi 1914 Tuan Welferstan sampai ka-Kedah menerima pekerjaan menjadi Adviser ganti Tuan W.G. Maxwell. Maka pada tahun Hijrah 1332 pada 20 haribulan Rajab bersamaan 14 Jun tahun 1914 Tuan W. G. Maxwell bermohon belayar dari Kedah menjadi Colonial Secretary. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh tiga (1333) pada lima haribulan Jamadi'l-akhir bersamaan

20 April tahun Masehi 1915 Tuan Hall sampai di-Kedah menjadi Adviser ganti Tuan Welferstan kerana Tuan Welferstan berchuti sa-lama delapan bulan empat belas hari. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh tiga (1333) pada tujuh haribulan Jamadi'l-akhir bersamaan 22 April tahun Masehi 1915 Tuan Walferstan belayar dari Kedah.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh tujuh (1337) pada dua puluh lima haribulan Shawal bersamaan 24 Julai tahun Masehi 1919 Tuan MacArthur sampai di-Kedah menjadi Adviser ganti Tuan Hall. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh tujuh (1337) pada dua puluh lima haribulan Shawal bersamaan 24 Julai tahun Masehi 1919 Tuan Hall bermohon daripada Kedah.

Shahadan lagi, dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) pada dua puluh dua haribulan Ramadhan bersamaan 9 Jun tahun Masehi 1920 Tuan MacArthur berchuti delapan bulan dan bermohon belayar dari Kedah. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) pada dua puluh lima haribulan Ramadhan bersamaan 12 Jun tahun Masehi 1920 Tuan Hallifax⁽¹⁾ sampai di-Kedah menjadi Adviser ganti Tuan MacArthur, demikian-lah ada-nya.

Regent Kedah melawat tanah Jawa

Dalam hal yang demikian teringat2-lah Yang Maha Mulia Regent hendak melawat negeri2 di-sabelah luar untuk mengambil ketahui hal ahwal per-atoran negeri2 itu. Akhir-nya ia bermuafakat dengan orang besar2-nya mengenai niat-nya itu. Sa-telah putus muafakat itu pada tujuh haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 24 Jun tahun Masehi 1920 duli Yang Maha Mulia Regent berangkat daripada Kedah dengan keretapi dan berhenti di-Pulau Pinang. Tujuan

1. Frederick James Hallifax.

duli Yang Maha Mulia Regent itu ia-lah hendak berangkat pergi melawat sa-belah Tanah Jawa. Ada pun yang mengiring duli Yang Maha Mulia Regent itu ia-lah adinda Tengku Muhammad Jiwa dan paduka adinda Tengku Muhammad dan Enche' Ahmad, District Officer, Sungai Petani, dan Enche' Ismail, Harbour Master. Maka pada sembilan haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 26 Jun tahun Masehi 1920, duli Yang Maha Mulia Regent serta yang mengiringi-nya itu berangkat daripada Pulau Pinang dengan keretapi mail. Mereka sampai di-Singapura pada sa-puluh haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 27 Jun tahun Masehi 1920, dan bersemayam di-Raffles Hotel.

Maka pada dua belas haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 29 Jun tahun Masehi 1920 duli Yang Maha Mulia Regent dan pengiring2-nya naik kapal mail "Melchior Treub" yang hendak belayar ka-tanah Jawa. Ada pun yang mengiring duli Yang Maha Mulia Regent daripada Kedah sa-takat Singapura itu ia-lah paduka adinda Tengku Ismail bin Tengku Abdul Jalil dan Tengku Ubaidah bin Tengku Muhammad Sa'ad Kulim.

Hatta, akhir-nya duli Yang Maha Mulia Regent dan yang mengiring-nya itu pun sampai-lah di-Surabaya pada lima belas haribulan Shawwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 2 Julai tahun Masehi 1920 waktu jam pukul sa-puluh pagi. Ia di-sambut dengan chukup kehormatan oleh Tuan Syed Ali Al-Atas serta dengan taulan-nya. Maka duli Yang Maha Mulia Regent bersemayam di-hotel. Maka melawat-lah duli Yang Maha Mulia Regent dan pengiring2-nya di-tempat2 di-dalam Surabaya.

Dari Surabaya mereka berangkat pergi melawat

di-Jokja⁽¹⁾ dan kemudian-nya berangkat pergi melawat Tosari dan Boromo District Pasirawan kerana di-Pasirawan itu hawa-nya sejok. Kemudian mereka berangkat pergi ka-Kendiri. Daripada Kendiri ia melawat negeri Solo ia-itu tempat kerajaan Jawa yang besar. Maka duli Yang Maha Mulia Regent pergi melihat kota2 dan rumah2 berhala yang besar2 yang lama perbuatan-nya. Sa-telah itu mereka berangkat daripada Solo ka-Semarang. Mereka sampai di-sana pada dua haribulan Zulke'dah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 18 Julai tahun Masehi 1920. Mereka berangkat daripada Semarang pergi melawat Pekalongan dan Tegalana. Sa-lepas itu mereka berangkat pergi melawat di-Charibon. Sa-lepas Charibun mereka melawat di-Bandong dan Garut dan Lembang dan Sukabumi. Daripada Sukabumi mereka melawat di-Bogor. Ada pun di-Bogor itu ada terdapat banyak kebun2 yang termashor yang chantek perbuatan-nya di-dalam tanah Jawa. Sa-telah itu mereka berangkat daripada Bogor pergi ka-Betawi. Mereka sampai di-Betawi pada dua puluh satu haribulan Zulke'dah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 6 Ogos tahun Masehi 1920.

Hatta pada dua puluh enam haribulan Zulke'dah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 11 Ogos tahun Masehi 1920 duli Yang Maha Mulia Regent dan pengiring2-nya naik kapal 'Don Juan' yang hendak belayar ka-Singapura. Hatta pada dua haribulan Zulhijjah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 17 Ogos tahun Masehi 1920 duli Yang Maha Mulia Regent dan yang mengiring-nya sampai di-Singapura, dan bersemayam di-Raffles Hotel. Maka pada sembilan haribulan Zulhijjah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan duli Yang Maha Mulia

1. Teks: Nokojaja.

Regent serta yang mengiring-nya berangkat dengan keretapi mail daripada Singapura hendak balek ka-Kedah. Maka di-kurniai Allah Subhanahu wa-Ta'ala di-atas duli Yang Maha Mulia dan paduka adinda Tengku Muhammad Jiwa dan paduka adinda Tengku Muhammad dan Enche' Ahmad District Officer dan Enche' Ismail Harbour Master, Kota Setar, mereka itu sampai di-Alor Setar dengan kesempurnaan pada sa-puluh haribulan Zulhijjah tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh delapan (1338) bersamaan 25 Ogos tahun Masehi 1920, waktu jam pukul sa-belas pagi, demikian-lah ada-nya.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh sembilan (1339) pada dua puluh sembilan hari-bulan Jamadi'l-awwal bersamaan 8 Februari tahun Masehi 1921 Tuan MacArthur balek daripada chuti menerima pekerjaan Adviser. Hatta pada 27 April tahun Masehi 1922 Tuan Peel sampai di-Kedah menjadi Adviser meng-ganti Tuan MacArthur. Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh satu (1341) pada dua belas haribulan Safar bersamaan 4 Oktober tahun Masehi 1922 Tuan MacArthur itu telah berpenchen⁽¹⁾ demikian-lah.



Al-marhum Tengku Muhammad ibni Al-marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah (Raja Muda negeri Kedah) Mangkat pada 7. 3. 1935.

(Dengan ihsan Muzium Kedah)

1. Bersara.

BAB XX

KEDAH DALAM AWAL ABAD KE-20

Ada pun duli Yang Maha Mulia itu tiada-lah sunyi daripada mengambil hemah di-atas siasah negeri dan juga di-atas apa2 jalan yang membawa kebajikan. Dalam hal yang demikian itu di-bukakan Allah Subhana-hu wa-Ta'ala suatu ingatan hendak membuat suatu perjanjian dengan kerajaan Yang Maha Mulia Great Britain. Maka bermuafakat-lah duli Yang Maha Mulia Regend dengan kerabat2-nya dan menteri2-nya. Muafakat itu berkeputusan hendak perbuat surat untuk di-berikan kepada Tuan Yang Terutama Gabenor Sir Lawrence Guillimard K.C.B., K.C.M.G. Surat itu bertarikh pada tiga belas haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) bersamaan 25 September tahun Masehi 1923. Maka perkara2 yang tersebut di-bawah ini ia-lah perjanjian yang di-chadangkan di-antara kerajaan benua Inggeris dengan negeri Kedah itu.

"Pertama, beta dengan hormat bertanya, ada-kah perentah negeri saperti yang di-bawah ini menjadi bersetujuan berkenan pada paduka sahabat beta".

"Yang kedua, beta harap tiap2 orang yang di-chadang hendak di-hantar mari jadi penasihat Inggeris di-Kedah ini di-beritahu pada beta terlebih dahulu daripada di-tetapkan orang itu."

"Yang ketiga, pegawai2 Inggeris itu akan di-ambil atau di-hantar mari perbuat kerja hanya lepas

di-beri ketahui kepada State Council dan dengan persetujuan paduka sahabat beta, akan tetapi manakala telah di-ambil mereka itu bekerja di-Kedah, beta harapkan di-pakai mereka itu seperti pegawai Kedah di-dalam masa itu, dan patut mereka itu pakai uniform putih Kedah menurut peratoran yang di-jalankan di-Kedah. Maka ini tidak terkena di-atas Penasihat Inggeris itu."

"Yang keempat, maka jika beta tiada puas hati di-atas mana2 pegawai yang di-pinjamkan itu beta fikir boleh beta pinta paduka sahabat beta tukar akan dia daripada negeri Kedah."

"Yang kelima, akan perintah negeri Kedah ini, hendak-lah sa-berapa yang boleh di-jalankan oleh pegawai2 Melayu dan laziman mahu-lah di-pilih terlebih dahulu pada orang2 Melayu yang dudok di-Kedah istimewa anak negeri, dan State Council boleh pilih anak negeri pada tiap2 tahun antar pergi belajar ilmu yang tinggi2 di-negeri Eropah atau di-tanah Arab atau mana2 lain negeri sa-umpama-nya dengan berbelanjaan Kerajaan supaya boleh mereka itu memegang jawatan kerajaan di-dalam negeri Kedah."

"Yang keenam, maka pegawai Inggeri dan pegawai Melayu yang perbuat kerja di-Kedah akan di-pandang dan di-timbang sama."

"Yang ketujuh, maka Secretary Kerajaan dan Hakim Besar Melayu yang ada sekarang ini jadi member State Council sa-lama yang ia apa memegang jawatan2 itu, demikian-lah ada-nya.

Tersurat pada dua puluh lima September Al-maschi 1923 bersamaan tiga belas haribulan Safar Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342)."⁽¹⁾

Regent Kedah ka-Singapura

Hatta pada sembilan belas haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua

1. Dokumen ini di-salin terus dari teks asal.

(1342) bersamaan tiga puluh Oktober tahun Masehi 1923, duli Yang Maha Mulia Regent C.M.G. berangkat ka-Singapura hendak mempertetapkan perjanjian (treaty) di-antara negeri Kedah dengan kerajaan Maha Besar benua Inggeris. Duli Yang Maha Mulia Regent di-iringi oleh Yang Berhormat Tuan W. Peel Penasihat Inggeris kepada Kerajaan Kedah dan paduka adinda Tengku Mansor, Edikong, dan Tuan Syed Muhammad 'Aidit Setia-usaha Sulit. Mereka naik kapal kenaikan Kerajaan Inggeris yang bernama Sea Belle.

Ada pun yang hadir mengalu2kan duli Yang Maha Mulia Regent di-dalam kapal 'Sea Belle' itu ialah Tuan Richardson, pemangku Setia-usaha kepada Tuan High Commissioner dan Tuan Hall, Setia-usaha Sulit, Leftenan Nicholson, Edikong kepada Tuan Yang Terutama Gabenor dan Leftenan Kirby, Edikong tambahan kepada Tuan Yang Terutama Gabenor. Maka belayar-lah mereka itu menuju ka-Singapura.

Hatta pada pagi Khamis waktu jam pukul sepuluh lima belas minit, duli Yang Maha Mulia Regent dengan sakalian yang mengiring-nya berangkat naik di-"Johnson Pier". Pada ketika itu mereka disambut oleh satu pasokan kehormatan daripada



Al-marhum Tengku Mansor ibni Al-marhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah. (Hakim Besar Melayu kemudian-nya Setia-usaha Kerajaan Kedah). Mangkat pada 8. 7. 1932.

(Dengan ihsan Muzium Kedah)

"Royal Sussex Regiment" yang di-bawah perintah Leftenan Gibrael. Leftenan Hamsildon turut hadir menyambut duli Yang Maha Mulia Regent. Maka di-tembak meriam lima belas das di-Bukit Port Canning. Sa-telah duli Yang Maha Mulia Regent menerima kehormatan itu ia berangkat ka-rumah kerajaan. Sa-telah melawat Tuan Yang Terutama sa-ketika, ia berangkat bersemayam di-Raffles Hotel.

Maka sa-telah sampai waktu-nya duli Yang Maha Mulia Regent pun hadir di-tempat kerajaan. Tuan Yang Terutama menjawab surat duli Yang Maha Mulia Regent yang bertarikh pada 25 September tahun Masehi 1923 bersamaan tiga belas haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342).

"Tuan, saya dengan hormat mengaku menerima surat Yang Maha Mulia yang bertarikh pada 25 September Al-masehi 1923 di-dalam perkara muslihat yang akan di-jalankan di-dalam perkara yang tertentu berkenaan dengan ketetapan perjanjian bagi hasil persahabatan di-antara kerajaan Yang Maha Mulia Great Britain dengan Kerajaan Negeri Kedah itu, dan menyatakan yang saya bersetujuan dengan dan terima shor2 Yang Maha Mulia itu di-dalam semua perkara yang tersebut di-dalam surat Yang Maha Mulia itu."

Surat itu di-perbuat pada satu November tahun Masehi 1923 di-rumah kerajaan Singapura. Maka di-perjelaskan surat perjanjian kerajaan yang di-perbuat di-antara wakil duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar Raja Benua Inggeris ia-itu Tuan Yang Terutama Sir Lawrence Guillimard K.C.B., K.C.M.G., Gabenor yang memerintah tiga buah negeri dan High Commissioner negeri2 Melayu bagi duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar Raja kerajaan Inggeris dan duli Yang Maha Mulia Tengku Ibrahim C.M.G. Regent mengganti duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah K.C.M.G. bagi diri-nya dan bagi salasilah-nya Sultan Abdul Hamid Halim Shah Sultan yang memer-

tah kerajaan negeri Kedah Daru'l-aman seperti yang tersebut di-bawah ini.

"Pertama2, akan negeri Kedah mahu-lah dudok di-bawah peliharaan Yang Maha Besar kerajaan Inggeris dan kerajaan benua Inggeris berkuasa menjalankan kekuasaan naungan-nya.

Yang kedua, Yang Maha Mulia Sultan Kedah tiada boleh berkira apa2 yang bersangkutan dengan perihal perentahan negeri dengan mana2 kerajaan atau Raja negeri asing melainkan mahu-lah bertanggung ikut kerajaan Inggeris.

Yang ketiga, kerajaan Yang Maha Besar benua Inggeris tiada-lah akan tolak atau pindahkan naung-nya di-atas di-negeri Kedah ini kepada lain kerajaan dan juga tiada akan di-permasokkan atau sekutukan negeri Kedah atau jajahan-nya dengan lain negeri atau colony melainkan dengan surat kebenaran duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah di-dalam Council.

Yang keempat, keturunan duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah turun-menurun nasib-nya usul dan furo'⁽¹⁾ yang di-pilih oleh State Council dan di-terima oleh duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar Raja Inggeris akan menjadi Sultan bagi negeri Kedah ini sa-lama2-nya.

Yang kelima, Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah atau ganti-nya akan terima sa-orang Penasihat Inggeris dan sediakan rumah kedudukan yang berpatutan bagi Menasihatkan dalam semua perkara2 yang berjangkit dengan perintah-nya negeri Kedah yang lain daripada perkara2 berkenaan dengan adat Melayu atau ugama Islam dan akan di-terima nasihat itu, akan tetapi tiada apa2 di-dalam perkara ini yang merosakkan kebebasan Sultan atau ganti-nya menulis kepada Tuan Yang Terutama High Commissioner atau kepada duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar Raja Inggeris. Jika Sultan kehendaki perbuat

1. Titisan keturunan.

yang demikian itu. Maka perbelanjaan Penasihat Inggeris serta jabatan-nya itu di-tetapkan oleh Tuan High Commissioner dan di-bayar daripada perolehan negeri.

Yang keenam, maka negeri Kedah akan di-perentahkan oleh Yang Maha Mulia Sultan dengan di-tolong oleh jema'ah meshuarat State Council. Akan ahli2 jema'ah itu ia-lah Yang Maha Mulia Sultan jadi President, dan tiga orang ahli al-meshuarat daripada orang Melayu yang di-pilih dengan nama atau jawatan oleh Yang Maha Mulia Sultan dengan bersetujuan Yang Terutama Tuan High Commissioner, dan sa-orang lagi ahli al-meshuarat itu ia-itu Penasihat Inggeris. Akan tetapi jika dengan sama bersetujuan di-antara Yang Terutama Tuan High Commissioner dan Yang Maha Mulia Sultan, boleh juga di-tambahkan lagi ahli al-meshuarat jema'ah itu pada mana2 masa yang di-tetapkan. Maka pada masa Yang Maha Mulia Sultan tidak dapat hadhir sa-orang daripada ahli al-meshuarat Melayu itu menjadi kepala di-dalam majlis jema'ah meshuarat itu.

Yang ketujuh, maka di-dalam tiap2 pekerjaan kerajaan negeri Kedah mahu-lah di-pakai bahasa Melayu ia-itu tulisan jawi; itu-lah bahasa kerajaan, melainkan mana2 yang di-luluskan oleh undang2 negeri Kedah atau yang di-benarkan oleh kerajaan Kedah menggunakan bahasa yang lain, demikian-lah hal-nya." (1)

Maka pada menyaksikan yang demikian ini-lah Tuan Yang Terutama Sir Lawrence Gullimard K. C. B. K. C. M. G. Governor yang tersebut itu, dan duli Yang Maha Mulia Tengku Ibrahim C. M. G., Regent Kerajaan negeri Kedah yang tersebut itu memeteraikan chap dan tandatangan di-atas surat perjanjian itu pada dua puluh satu haribulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) bersamaan satu November tahun Masehi 1923.

1. Di-salin terus tanpa pindaan.

Ada pun yang menyaksikan surat perjanjian itu ia-itu Tuan W. Peel, A. F. Richardson dan Yang Teramat Mulia Tengku Mansor, Edikong, dan Tuan Syed Muhammad 'Aidit Setia-usaha Sulit. Apakala selesai perkara2 yang tersebut itu duli Yang Maha Mulia Regent dengan segala yang mengiring-nya berangkat balek ka-Kedah dengan keretapi mel dan mereka sampai di-Alor Setar dengan selamat, demikian-lah.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) pada tiga belas haribulan Rabi'ul-akhir bersamaan 23 November tahun Masehi 1923 Tuan Peel berchuti sembilan bulan. Ia di-ganti oleh Tuan Ekhart untuk sementara. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) pada dua puluh haribulan Rabi'ul-akhir bersamaan 8 Disember tahun Masehi 1923 Tuan Wolff⁽¹⁾ sampai di-Kedah menjadi Adviser ganti Tuan Peel.

Shahadan lagi, pada sa-belas haribulan Rajab tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) bersamaan 17 Februari tahun Masehi 1924 segala pegawai2 negeri perbuat suatu majlis bersuka2an di-masjid Zahir kerana Yang Teramat Mulia Duli Tengku Mahmud mendapat ampun kurnia bintang C. M. G. daripada duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King George, demikian-lah.

Hatta, pada malam Rabu dua haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) segala pegawai2 pekerjaan dan lain2-nya berhimpun di-masjid Zahir sembahyang maghrib dan mengaji, berkhatam dan khenduri memberi selamat kepada duli Yang Maha Mulia Regent yang hendak berangkat ka-Eropah.

Regent ka-Eropah

Hatta pada lima haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) bersamaan

1. Ernest Charteris Holford Wolff.

10 Mei tahun Masehi 1924 duli Yang Maha Mulia Regent berangkat ka-Pulau Pinang hendak belayar ka-Eropah. Maka pada hari Ahad enam haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) bersamaan 11 Mei tahun Masehi 1924 waktu jam pukul tiga petang duli Yang Maha Mulia Regent berangkat naik ka-kapal 'P. & O. Client'. Waktu jam pukul enam petang kapal itu pun belayar menuju ka-England. Ada pun yang mengiringi duli Yang Maha Mulia ka-England itu ia-lah paduka adinda Tengku Mansor, Edikong, dan paduka adinda Tengku Muhammad Jiwa Private Secretary⁽¹⁾ dan Enche' Mat Shon, Kundang.

Al-kesah, maka tersebut-lah darihal Tuan Peel yang berchuti itu pun sampai balek di-Kedah dan menerima pekerjaan Adviser dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) pada dua puluh enam haribulan Shawal bersamaan 31 Mei tahun Masehi 1942.

Sa-bermula tersebut-lah pelayaran duli Yang Maha Mulia Regent dengan sakalian yang mengiring-nya. Pada dua puluh delapan haribulan Shawal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh dua (1342) bersamaan 2 Jun tahun Masehi 1924 mereka pun sampai-lah di-Eropah dengan selamat. Hatta sa-telah sampai masa-nya duli Yang Maha Mulia Regent mengadap duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King George. Dengan kemurahan duli baginda Yang Maha Mulia lagi Maha Besar King ampun kurnia tambah darjat kebesaran bintang pangkat C. V. O. kapada Duli Yang Maha Mulia Regent.

Ada pun sa-lama Duli Yang Maha Mulia Regent dudok di-England itu baginda berangkat melawat dan melihat British Empire Exhibition di-Wembly serta jajahan lain² di-dalam England itu. Akhir-nya Duli Yang Maha Mulia berangkat ka-Tanah Peranchis

1. Setia-usaha Sulit.

dan Jerman. Dalam hal yang demikian sampai-lah empat bulan Duli Yang Maha Mulia Regent di-dalam tanah Eropah. Maka pada sa-puluh hari-bulan Rabi'ul-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh tiga (1343) bersamaan 9 Oktober tahun Masehi 1924 Duli Yang Maha Mulia Regent dengan sakalian yang mengiring-nya sampai balek di-Kedah dengan selamat. Maka di-usaha oleh Wan Yahya, Secretary Kerajaan, bermuafakat dengan segala pegawai2 negeri menyambut Duli Yang Maha Mulia. Maka di-hiaskan bandar Alor Setar dengan berbagai2 perhiasan menzahirkan kesukaan isi negeri, demikian-lah.

Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh tiga (1343) pada delapan belas hari-bulan Sha'ban bersamaan 14 Mach tahun Masehi 1925 Tuan Humphreys sampai di-Kedah menjadi Adviser ganti Tuan Peel.

Ada pun rial pinjaman kerajaan Kedah yang bersangkutan dengan kerajaan Inggeris yang Maha Besar itu sudah kerajaan Kedah selesai membayar-nya kapada Kerajaan Inggeris dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh tiga (1343) pada enam hari-bulan Ramadhan bersamaan 31 Mach tahun Masehi 1925. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh tiga (1343) pada lima belas haribulan Shawal bersamaan 9 Mei tahun Masehi 1925 Tuan Peel di-tukar menjadi Resident Councillor Pulau Pinang demikian-lah.

Shahadan lagi, pada sembilan haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh empat (1344) bersamaan 29 Ogos tahun Masehi 1925 hari Sabtu waktu jam pukul dua petang, duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahmud hendak berangkat pergi ka-sabelah Afrika ia-itu Khartum membawa Tengku Pengeran putera duli baginda Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia dan Tengku Ahmad putera-nya. Kasad duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah hendak me-

nyerahkan putera duli baginda Yang Di-pertuan Yang Maha Mulia dan putera-nya itu mengaji Arab dan Inggeris di-Khartum. Maka berangkat-lah duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahmud dengan motokar. Ia singgah sa-ketika di-balai besar berjumpa dengan pegawai2 kerajaan. Sa-telah itu ia berangkat langsung ka-Pulau Pinang. Ada pun yang mengiring duli Yang Teramat Mulia itu ia-lah Enche' Muhammad Sharif, Director of Land.

Hatta pada malam Ahad sa-puluh haribulan Safar tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh empat (1344) bersamaan 30 Ogos tahun Masehi 1925, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahmud dan sakalian berangkat naik ka-kapal "P & O" Mail yang hendak belayar ka-sabelah Afrika itu. Waktu jam pukul sa-puluh, malam itu juga, belayar-lah kapal itu menuju ka-negeri Masir di-benua Afrika. Hatta, tiada berapa lama kemudian-nya sampai-lah mereka itu di-Khartum dengan selamat. Maka Duli Yang Teramat Mulia itu pun serahkan-lah putera2 berdua itu di-dalam tempat pengajian yang telah di-pilih oleh duli Yang Teramat Mulia di-Khartum. Maka tetap-lah kedua2 putera itu di-dalam tempat pengajian-nya yang telah di-pilih itu. Maka Duli Yang Teramat Mulia Tengku Mahmud pun berangkat balek, serta singgah menyinggah melawat tempat2 dalam Masir dan lain2 itu.

Maka akhir-nya Duli Yang Teramat Mulia itu pun sampai balek di-Kedah dengan selamat pada hari Rabu sa-puluh haribulan Rabi'ul-akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh empat (1344) bersamaan 25 Oktober tahun Masehi 1925. Maka ia di-sambut oleh segala pegawai2 negeri dengan chukup peratoran kesukaan, demikian-lah ada-nya.

Hatta, dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh empat (1344) bersamaan 26 November tahun Masehi 1925, Tuan Humphreys berchuti delapan bulan dan di-ganti oleh Tuan Helps buat sementara.

Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh empat (1344) pada empat haribulan Jamadi'l-akhir bersamaan 20 Disember tahun Masehi 1925, Tuan Haynes⁽¹⁾ sampai di-Kedah menjadi Adviser ganti Tuan Humphreys. Maka dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh lima (1345) pada sembilan belas haribulan Safar bersamaan 29 Ogos tahun Masehi 1926 Tuan Haynes di-tukar ka-Pahang. Hatta dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus empat puluh lima (1345) pada sa-haribulan Rabi'ul-awwal bersamaan 9 September tahun Masehi 1926 Tuan T. W. Clayton⁽²⁾ sampai di-Kedah menjadi Adviser ganti Tuan Haynes. Ia menjalankan peratoran yang adil bagi mengembangkan nama Duli Yang Maha Mulia lagi Maha Besar Raja Inggeris demikian-lah ada-nya.

Maka di-tafsirkan nama2 Sultan dan putera2 Sultan dan gelaran pangkat2 menteri penggawa saperti tersebut di-sabelah muka ini ada-nya.

Ada pun yang menjunjong titah menzahirkan Tawarikh Salasilah ini ia-lah "Mohammad Hassan" anak To' Kerani Mohammad Arshad Rahsia Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia bin Tuan Shaikh Abu Bakar Kadhi bin Tuan Shaikh Abdul Kadir Mufti bin Tuan Shaikh Abdul Jalil Mufti bin Tuan Shaikh Abdul Wahab bin Tuan Shaikh Ahmad Al-Mahdani Yaman, bandar Sina'ah ada-nya, tamat.

1. Alwyn Sidney Haynes.
2. Thomas Watts Clayton.

TAMAT



**KETERANGAN RINGKAS MENGENAI PUTERA2
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN
ABDUL HAMID HALIM SHAH**

Ada pun Duli Yang Di-Pertuan Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah Al-marhum Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah Yang Maha Mulia yang bersemayam di-atas takhta kerajaan negeri Kedah Daru'l-aman, dengan kemurahan dan kemuliaan Tuhan, di-kurniakan kapada-nya putera2 yang tersebut di-bawah ini. Maka putera-nya yang sulong itu ia-itu ia-lah dengan paduka Bonda Che' Sepa Chendera ia-itu isteri-nya yang tuha. Putera-nya itu di-lahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua puluh tujuh haribulan Sha'ban, malam Khamis waktu jam pukul satu tengah malam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua (1302) bersamaan 11 Jun tahun Masehi 1885. Putera itu di-namakan Tengku Ibrahim.

Putera Yang Kedua, laki2

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Laraseh. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada tiga haribulan Safar hari Rabu waktu jam pukul tiga petang tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga (1303) bersamaan 11 November tahun Masehi 1885. Di-namakan Tengku Zainal Rashid, timang2an Tengku Dai.

Putera Yang Ketiga, laki2

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Meriam. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada enam belas haribulan Muharram, hari Sabtu jam pukul sa-puluh pagi tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus enam (1306) bersamaan 22 September tahun Masehi 1888. Di-namakan Tengku Ahmad.

Putera-nya Yang Keempat, laki2

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Laraseh. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Selasa tujuh belas haribulan Rajab waktu jam pukul dua tengah malam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus enam (1306) bersamaan 19 Mach tahun Masehi 1889. Di-namakan Tengku Mansor.

Putera-nya Yang Kelima, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Sepa Chendera. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua haribulan Muharram, pagi Isnin waktu jam pukul tujuh pagi tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus delapan (1308) bersamaan 18 Ogos tahun Masehi 1890. Di-namakan Tengku Rokiah.

Putera Yang Keenam, laki2

Berputera dengan Paduka Bonda Che' Sofiah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Sabtu lima belas haribulan Jamadi'l-awwal waktu jam pukul sa-puluh malam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus delapan (1308) bersamaan 27 Disember tahun Masehi 1809. Di-namakan Tengku Muhammad.

Putera Yang Ketujuh, laki2

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Manja Lara. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada delapan belas haribulan Jamadi'l-awwal hari

Selasa waktu jam pukul delapan pagi tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus delapan (1308) bersamaan 30 Disember tahun Masehi 1890. Di-namakan Tengku Yusof.

Ada pun dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh tiga (1323) pada 19 haribulan Ramadhan bersamaan 17 November tahun Masehi 1905 duli Tengku Yusof ini di-hantar oleh Raja Besar Siam mengaji di-England. Ia di-bawa ka-sana oleh Tuan W. F. Williamson. Akhir-nya ia mendapat pangkat Leftenan di-dalam tuntutan-nya. Maka pada akhir tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh satu (1331) bersamaan tahun Masehi 1913, duli Tengku Yusof balek membuat kerja di-dalam benua Siam, berpangkat Nai Roi Aik⁽¹⁾ ia-itu Leftenan A.H. Tengku Yusof. Dalam hal yang demikian, di-takdirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala, duli Tengku Yusof mangkat di-benua Siam pada hari Sabtu delapan belas haribulan Jamadi'l-awwal tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh tiga (1333) bersamaan 3 April tahun Masehi 1915. Ia di-makamkan di-Bangkok.

Putera Yang Kedelapan, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Laraseh. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada tiga belas haribulan Rabi'ul-akhir, pagi Isnin waktu jam pukul lima hendak siang dalam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sembilan (1309) bersamaan 16 November tahun Masehi 1891. Ia di-namakan Tengku Jora.

Putera Yang Kesembilan, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Sepa Chendera. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Selasa 2 haribulan Zul-Hijjah waktu jam pukul 1.00 tengah malam Hijrah 1309 bersamaan 28 Jun tahun 1892 di-namakan Tengku Fati-mah.

1. Nai Roi Aik.

Putera Yang Kesapuluh, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Manja Lara. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua puluh delapan haribulan Jamadi'l-akhir pagi Selasa waktu jam pukul enam, tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-puluh (1310) bersamaan 17 January tahun Masehi 1893. Di-namakan Tengku Kalthom.

Putera Yang Kesabelas, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Laraseh. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Juma'at dua haribulan Ramadhan waktu jam pukul dua belas tengah malam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-belas (1311) bersamaan 9 Mach tahun 1894. Ia di-namakan Tengku Nor.

Putera Yang Kedua Belas, laki2

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Sofiah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada sa-puluh haribulan Ramadhan, hari Sabtu waktu jam pukul semblian pagi tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sa-belas, bersamaan 17 Mach tahun Masehi 1894. Ia di-namakan Tengku Badli Shah.

Putera Yang Ketiga Belas, laki2

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Seha. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Khamis sa-puluh haribulan Rabi'ul-akhir waktu jam pukul tiga hendak siang, tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua belas (1312) bersamaan 11 Oktober tahun Masehi 1894. Di-namakan Tengku Abdullah Thani. Mangkat pada dua puluh haribulan Sha'ban tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh lima (1335) malam Khamis bersamaan 14 Jun tahun Masehi 1917 waktu jam pukul dua tengah malam, dan di-makamkan di-Langgar. Ada pun Tengku Abdullah Thani ini ada meninggalkan sa-orang putera perempuan bernama

Tengku Badi'ah. Puteri-nya ini ia-lah dengan isteri-nya Tengku Po' putera duli Tengku Mahmud, President State Council.

Putera Yang Keempat Belas, laki2

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Manja Lara. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Selasa dua puloh sembilan haribulan Rabi'ul-akhir waktu jam pukul sembilan malam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua belas (1312) bersamaan 30 Oktober tahun Masehi 1894. Di-namakan Tengku Muhammad Jiwa.

Putera Yang Kelima Belas, laki2

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Sepa Chendera. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua belas haribulan Jamadi'l-akhir, hari Selasa waktu jam pukul sembilan pagi, tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua belas (1312) bersamaan 11 September tahun Masehi 1894. Di-namakan Tengku Kassim.

Putera Yang Keenam Belas, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Sofiah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada tujuh belas haribulan Rabi'ul-akhir pagi Rabu waktu jam pukul tujuh tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus lima belas (1315) bersamaan 15 September tahun Masehi 1897. Di-namakan Tengku Don.

Putera Yang Ketujuh Belas, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Laraseh. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Sabtu enam haribulan Rabi'ul-awwal waktu jam pukul dua tengah malam, tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tujuh belas (1317), bersamaan 15 Julai tahun Masehi 1899. Di-namakan Tengku Sofiah.

Putera Yang Kedelapan Belas, laki2

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Fatimah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua puluh tiga haribulan Sha'ban hari Rabu waktu jam pukul delapan pagi tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tujuh belas (1317) bersamaan 27 Disember tahun Masehi 1899. Di-namakan Tengku Ya'akob.

Putera Yang Kesembilan Belas, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Fatimah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada sembilan belas haribulan Rabi'ul-akhir hari Isnin waktu jam pukul dua belas sa-tengah tengah hari tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus sembilan belas (1319) bersamaan 5 Ogos tahun Masehi 1901. Di-namakan Tengku Hajar.

Putera Yang Kedua Puloh, laki2

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Manja Lara. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Ahad sa-puloh haribulan Zulke'dah waktu jam pukul satu tengah malam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh (1320) bersamaan 8 Februari tahun Masehi 1903. Di-namakan Tengku Abdul Rahman, timang2an Tengku Putera.

Putera Yang Kedua Puloh Satu, laki2

Di-puterakan dengan isteri-nya Tuan Sharifah Fatimah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua puluh delapan haribulan Rabi'ul-akhir hari Juma'at waktu jam pukul enam petang tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puluh satu (1321) bersamaan 24 Julai tahun Masehi 1903. Di-namakan Tengku Yahya.

Putera Yang Kedua Puloh Dua, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Manja Lara. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua puloh tiga haribulan Muharram hari Sabtu waktu jam pukul delapan suku pagi tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh dua (1322) bersamaan 9 April tahun Masehi 1904. Di-namakan Tengku Baharum.

Putera Yang Kedua Puloh Tiga, laki2

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Fatimah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Selasa dua puloh lima haribulan Rabi'ul-awwal waktu jam pukul dua sa-tengah tengah hari malam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh tiga (1323) bersamaan 30 Mei tahun Masehi 1905. Di-namakan Tengku Abdul Majid, timang2an Tengku Endot.

Putera Yang Kedua Puloh Empat, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Manja Lara. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Sabtu delapan belas haribulan Rabi'ul-awwal waktu jam pukul sa-belas lima puloh tujuh menit tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh empat (1324) bersamaan 12 Mei tahun Masehi (1906). Di-namakan Tengku Aminah.

Putera Yang Kedua Puloh Lima, laki2

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Fatimah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Juma'at dua puloh tujuh haribulan Shawwal waktu jam pukul dua belas suku tengah malam tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh empat (1324) bersamaan 14 Disember tahun Masehi 1906. Di-namakan Tengku Zainal Abidin Thani.

Putera Yang Kedua Puloh Enam, laki2

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Seha. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada sa-belas haribulan Rabi'ul-akhir, hari Rabu waktu jam pukul tiga pagi tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh enam (1326) bersamaan 13 Mei tahun Masehi 1908, Di-namakan Tengku Pengeran.

Putera Yang Kedua Puloh Tujoh, laki2

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Fatimah. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada malam Khamis dua puloh satu haribulan Jamadi'l-awwal waktu jam pukul empat sa-tengah hendak siang, tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh tujoh (1327) bersamaan 10 Jun tahun Masehi 1909. Di-namakan Tengku Muhammad Shuib.

Putera Yang Kedua Puloh Delapan, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Tuan Sharifah Seha. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada tujoh haribulan Jamadi'l-awwal hari Selasa waktu jam pukul dua belas tengah hari tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh delapan (1328) bersamaan 18 Mei tahun Masehi 1910. Di-namakan Tengku Balkis.

Putera Yang Kedua Puloh Sembilan, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Manja Lara. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada dua puloh sembilan Rabi'ul-awwal hari Khamis waktu jam pukul enam lima puloh tujoh minit pagi tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus dua puloh sembilan (1329) bersamaan 30 Mach tahun Masehi 1911. Di-namakan Tengku Dakiah, timang2an Tengku Lat.

Putera Yang Ketiga Puloh, perempuan

Berputera dengan isteri-nya Paduka Bonda Che' Manja Lara. Di-zahirkan Allah Subhanahu wa-Ta'ala pada tujuh belas haribulan Zulhijjah hari Rabu waktu jam pukul empat empat puluh lima minit petang tahun Hijrah sa-ribu tiga ratus tiga puluh (1330) bersamaan 27 November tahun Masehi 1912. Di-namakan Tengku Zabedah, demikian-lah ada-nya.

Hujongan II

GELARAN PANGKAT ORANG BESAR2 KEDAH

GELARAN PANGKAT RAJA BENDAHARA:

Seri Paduka Maharaja Sura

GELARAN PANGKAT2 MENTERI EMPAT:

Seri Paduka Maha Menteri

Seri Paduka Raja Laksamana

Seri Maharaja Anggota Desa

Seri Maharaja Putera Dewa

GELARAN PANGKAT2 MENTERI DELAPAN:

Seri Paduka Tuan

Maharaja Derma Wangsa

Maharaja Timbangan Wirita

Maharaja Kadhi

Seri Paduka Anggeraha Dewa

Maharaja Anggeraha

Paduka Maha Wangsa Pebendaharaan

Maharaja Lela Penghulu Segala Hulubalang Pah-
lawan

GELARAN MENTERI ENAM BELAS:

Seri Indera Membang Senggara Shahbandar

Paduka Perbu Wangsa

Paduka Seri Indera

Raja Perdana Indera

Raja Indera Senggara

Paduka Lela Putera

Seri Andika Raja

Dato' Seraja Wang

Dato' Berma Raja

Dato' Bentara Wang Seri

Dato' Seraja Imam

Dato' Setia Raja

Dato' Derja Pebendaharaan

Dato' Tan Perdana Wangsa

Dato' Setia Mahkota

Dato' Mambang Mahkota

GELARAN HULUBALANG PAHLAWAN:

Dato' Lela Angkasa

Dato' Kema Jaya

Dato' Tun Perkasa

Dato' Tan Jaya Indera

Dato' Nila Pahlawan

Dato' Jaya Pahlawan

Dato' Gedang Pahlawan

Dato' Lela Pahlawan

Dato' Johan Perkasa

Dato' Pahlawan

Dato' Biram Pahlawan

Panglima Jaya

Panglima Jogar Alam

Panglima Silam Jaya

Dato' Tan Dermadewa

Dato' Bijaya Indera.

Hujongan III

**TAWARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH
DARU'L-AMAN**

	Naik di-atas takhta Keraja- an dalam ta- hun Hijrah :	Lama di-atas takhta keraja- an (tahun) :
1. Seri Paduka Maharaja Derbar Raja, raja yang kesembilan yang mu- la2 sa-kali bergelar Sultan, ia-itu Sultan Al-Muzafar Shah Yang Pertama	531	44
2. Sultan Muazzam Shah	575	23
3. Sultan Muhammad Shah	598	36
4. Sultan Mazzil Shah	634	45
5. Sultan Mahmud Shah Yang Pertama	679	42
6. Sultan Ibrahim Shah	721	54
7. Sultan Sulaiman Shah Yang Pertama	775	51
8. Sultan Ata'Allah Mu- hammad Shah Yang Pertama	826	51
9. Sultan Muhammad Ji- wa Zainal 'Azilin Yang Pertama	877	35
10. Sultan Mahmud Shah Yang Kedua	912	41

4

Hujongan III

	Naik di-atas takhta kerajaan dalam tahun Hijrah :	Lama di-atas takhta kerajaan (tahun):
11. Sultan Muzafar Shah Yang Kedua	953	58
12. Sultan Sulaiman Shah Yang Kedua	1011	24
13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah	1035	27
14. Sultan Muhyiddin Shah	1062	10
15. Sultan Dhia'uddin Mukarram Shah.	1072	27
16. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah Yang Kedua	1099	11
17. Sultan Abdullah Al-Muazzam Shah Yang Pertama	1110	8
18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah Yang Pertama	1118	3
Raja Bendahara menggantikan Sultan sementara	1121	1
19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal 'Azilin Muazzam Shah Yang Kedua	1122	52
20. Sultan Abdullah Mukarram Shah Yang Kedua	1174	38

Naik di-atas
takhta Kerajaan
dalam ta-
hun Hijrah : Lama di-atas
takhta Kerajaan
(tahun):

Tengku Dhia'uddin Raja Muda Kayang menjadi Sultan se- mentara	1212	7
21. Sultan Ahmad Tajud- din Halim Shah Yang Kedua	1219	40
22. Sultan Zainal Rashid Al-Muazzam Shah Yang Pertama	1259	11
23. Sultan Ahmad Tajud- din Mukarram Shah Yang Ketiga	1270	27
24. Sultan Zainal Rashid Muazzam Shah Yang Kedua	1297	2
25. Sultan Abdul Hamid Halim Shah ibni Al- marhum Sultan Ah- mad Tajuddin Mukar- ram Shah Yang Ke- tiga.	1299	

Hujungan IV

GELARAN2 KEBESARAN SIAM

NAMA RAJA MAHA BESAR BENUA SIAM:

Prak Nang Kelau Chao Yew Huwa

Prak Chom Kelau Chao Yu Huwa

Prak Pan Kelau Chao Yu Huwa

NAMA SULTAN KEDAH DENGAN BAHASA SIAM:

Chao Phya Saiburi

Phya Saiburi

GELARAN TENGKU DHIA'UDDIN:

Phya Tekan Kunsun

GELARAN TENGKU YA'AKOB:

Phya Saraponpipit

GELARAN TENGKU YUSOF:

Phya Kidai Surin

NAMA RAJA2 LEGOR DAN ANAK2-NYA:

Chao Phya Nongkon Sri Tamrat

Phya Buri Sakputon

Phya Sina Nunchit

NAMA RAJA TONGKA:

Phya Yu Kebat

NAMA2 MENTERI BESAR RAJA MAHA

BESAR SIAM:

Sumdit Chao Phya

Chao Phya Munteri Suri Wang

Phya Mongkeri

Chao Phya Pelitit

Prak Wichit

NAMA ISTERI RAJA MAHA BESAR SIAM:

Sumdit Prak Nang.